

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Bahan Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui Semantik Inkuisitif

George Romiko Bujang

Doktor Falsafah
2024

Bahan Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui Semantik Inkuisitif

George Romiko Bujang

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah

(Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

.....

Tandatangan

Nama: George Romiko Anak Bujang

No Matrik: 19010164

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana telah memberi kekuatan dan semangat kepada saya yang telah berjaya menyiapkan tesis ini yang bertajuk Bahan pengajaran-pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui Semantik Inkuisitif. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada para pensyarah dan kakitangan di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak terutama sekali, pensyarah penyelia kajian saya iaitu, **Profesor Madya Dr. Fatimah binti Subet** kerana memberikan kepercayaan, dorongan serta tunjuk ajar kepada saya dari awal kajian sehinggalah berakhirnya kajian ini. Kepada seluruh agensi yang telah membantu dan menyokong penyelidikan ini khususnya Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Buat insan-insan yang tidak pernah dilupakan, terima kasih untuk isteri tercinta **Jane Tan Su Ling**, serta anak-anak yang tidak pernah jemu memberikan sokongan moral dan motivasi agar perasaan saya kekal positif untuk meneruskan penyelidikan ini. Terima kasih kerana bersabar dengan kesibukan saya hingga terkadang mengabaikan kalian. Buat ayah dan ibu yang amat disayangi, terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya jasa, galakan dan doa mereka telah banyak memberikan semangat kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada responden kajian yang telah memberikan kerjasama yang padu kepada saya sehingga saya telah berjaya menyiapkan kajian ini. Responden yang dimaksudkan ialah semua murid tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit bagi Tahun 2021 / 2022. Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa kalian, kajian saya tidak akan berjaya untuk sampai ke tahap ini. Jutaan terima kasih kepada semua yang telah terlibat.

Sekian.

ABSTRAK

Seni bahasa merupakan salah satu elemen penting yang wujud dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Mempelajari seni bahasa dalam suasana Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang serba mencabar memerlukan kaedah pembelajaran yang relevan dan bersesuaian dengan perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid. Tambahan pula, masih terdapat sebilangan murid belum berupaya mencungkil makna implisit yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengesan, mencungkil dan menjelaskan makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sehingga peringkat akal budi dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber & Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1984) juga digunakan dalam kajian ini. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap bahan seni bahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat sehingga Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK). Pemerhatian terhadap responden kajian yang terdiri daripada 30 orang murid tahap dua di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit turut dilaksanakan. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan SI yang bersistematik dan multidisiplin ini berupaya menjana KBAT murid dalam usaha meneroka makna tersirat yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Penggunaan RRS dalam peringkat kedua analisis semantik resonans menjadikan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu lebih menarik dan bermakna. Pendekatan SI yang diketengahkan ini diharapkan menjadi kaedah terbaik untuk memimpin murid meneroka makna tersirat di sebalik bahan seni bahasa untuk menghasilkan impak pembelajaran yang lebih berkualiti.

Kata Kunci: Seni bahasa, semantik inkuisitif, teori relevans, rangka rujuk silang, KBAT

Language Arts of Teaching-Learning Materials: Meaning Analysis Through Inquisitive Semantics

ABSTRACT

Language arts in the Malay Language education is one of the key elements inherent in the Primary Schools' Standard Document for Curriculum and Assessment (DSKP). In this 2nd Century Learning Environment (PAK21) challenging, suitable and relevant learning method are required for students' Higher Order Thinking Skills (HOTS) development. Furthermore, there are some students unable to discover the implicit meaning contained in the language arts' teaching and learning materials. Hence, this study was implemented with the aim of detecting, discovering and explaining the implicit meaning in the language arts' teaching and learning materials until to the common sense' level by applying the Inquisitive Semantic (IS) approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Relevance Theory (TR) founded by Sperber & Wilson (1986) and the Cross-Reference Framework (CRF) by Kempson (1984) also used in this study. This study is in a qualitative form using the method of text analysis of language art materials which was taken from Year Four to Year Six Malay Language textbooks (SK). 30 respondents consisting of Level Two students of Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit were selected for observation. The findings showed that the systematic and multidisciplinary IS approach is capable to generate HOTS among students in exploring the implicit meanings contained in the language arts' teaching and learning materials. The use of CRF in the second stage of resonance semantic analysis has made learning in Malay language education more interesting and meaningful. The IS approach is expected to be the best way to lead students to explore the implicit meaning behind language art materials in order to create more quality of learning impact.

Keywords: *Language art, inquisitive semantics, relevance theory, cross-reference framework, HOTS.*

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
PERAKUAN		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
ISI KANDUNGAN		v
SENARAI JADUAL		x
SENARAI GAMBAR		xiii
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI SINGKATAN		xv
BAB 1: PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Masalah Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	16
	1.7.1 Bahan Pengajaran-pembelajaran	16
	1.7.2 Seni Bahasa	17
	1.7.3 Puisi (sajak)	17
	1.7.4 Semantik Inkuisitif	18
1.8	Rumusan Bab	21

BAB 2: KAJIAN LITERATUR **22**

2.1 Pendahuluan 22

2.2 Perkembangan Lepas Teori Semantik 22

2.3 Kajian Lampau Seni Bahasa dalam Bahasa Melayu 25

2.4 Bidang Kajian Berkaitan: Semantik Inkuisitif 45

2.5 Kajian Semantik Inkuisitif di Luar Negara 79

2.6 Kajian Lampau Penggunaan Teori Relevans 85

2.7 Analisis Kritis 96

2.8 Rumusan Bab 98

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN **100**

3.1 Pendahuluan 100

3.2 Reka bentuk Kajian 100

3.3 Pendekatan Kajian Kualitatif 101

3.4 Teori Kajian 101

3.4.1 Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) 101

3.4.2 Teori Relevans (TR) 104

3.4.3 Rangka Rujuk Silang (RRS) 107

3.5 Pewajaran Pemilihan Teori dan Pendekatan 108

3.5.1 Pewajaran Pemilihan Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) 108

3.5.2 Pewajaran Pemilihan Teori Relevans (TR) 109

3.5.3 Pewajaran Pemilihan Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS) 110

3.6 Data Kajian 111

3.6.1 Data Utama Kajian (puisi) 111

3.6.2 Data Spesifik 111

3.7 Kaedah Analisis Kandungan 112

3.8 Teknik Pengumpulan Data 113

3.8.1 Rakaman 113

3.8.2 Pemerhatian 113

3.8.3 Sumber Dokumen 114

3.8.3.1 Data Korpus 114

3.8.3.2 Kajian Kepustakaan 116

3.8.4 Nota Lapangan 117

3.9 Instrumen Kajian 117

3.9.1 Borang Analisis 117

3.9.2 Borang Pemerhatian 118

3.9.3 Borang Maklum Balas 118

3.10 Skop Kajian 119

3.11 Maklumat Responden Kajian 120

3.12 Prosedur Pengutipan Data 121

3.13 Contoh Penganalisisan Data 125

3.14 Rumusan Bab 134

BAB 4: ANALISIS, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN 135

4.1 Pendahuluan 135

4.2 Analisis dan Perbincangan Data Kajian 135

4.2.1 Sajak 1: Istimewanya Kita 136

4.2.1.1 Analisis Data 1 : Membuka pintu dunia 139

4.2.1.2: Analisis Data 2 : Hingga membawaku ke bintang 154

4.2.2 Sajak 2: Jiwa Hamba 162

4..2.2.1 Analisis Data 3: Kosong di jiwa tiada penghuni 162

4..2.2.2 Analisis Data 4: Selagi hidup berjiwa hamba 172

4.2.3 Sajak 3 : Silang Budaya 180

4.2.3.1 Analisis data 5: Berbeza budaya kelainan tutur bicara 184

4.2.3.2 Analisis data 6: Medan mencari rezeki sesuap nasi 190

4.2.4 Sajak 4: Demi Negara 196

4.2.4.1 Analisis Data 7: Tegak semangat mengalun lagu 200

4.2.4.2 Analisis data 8: Lahirkan jiwa sukarela 206

4.2.5 Sajak 5: Tenaga Alternatif 214

4.2.5.1 Analisis data 9: Akal kita mampu mengolahnya 218

4.2.5.2 Analisis data 10: Memutar turbin tanpa jemu 226

4.2.6 Sajak 6: Janji Kepada Bumi 234

4.2.6.1 Analisis data 11: Agar sejahtera perutmu 237

4.2.6.2 Analisis data 12: Bersatu hati bak seberkas lidi 244

4.3 Perbincangan Hasil Pemerhatian Proses PdP Seni Bahasa 251

4.3.1 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 4 251

4.3.2 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 5 255

4.3.3 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 6 260

4.4 Keberkesanan Pendekatan Semantik Inkuisitif sebagai Pendekatan dalam PdP (Dapatan Maklum Balas Responden) 261

4.4.1 Maklum Balas Murid 1 262

4.4.2 Maklum Balas Murid 2 264

4.4.3 Maklum Balas Murid 3 267

4.4.4 Maklum Balas Murid 4 269

4.4.5 Maklum Balas Murid 5 271

4.4.6 Maklum Balas Murid 6 273

4.4.7 Maklum Balas Murid 7 274

4.4.8 Maklum Balas Murid 8 275

4.4.9 Maklum Balas Murid 9 277

4.5 Rumusan Bab 278

BAB 5: KESIMPULAN **280**

5.1 Pendahuluan 280

5.2 Rumusan Dapatan Kajian 280

5.3 Sumbangan dan Implikasi Kajian 282

5.4 Cadangan Kajian Masa Depan 286

5.5 Rumusan Keseluruhan 288

BIBLIOGRAFI

APENDIKS

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 2.1	Dapatan Analisis Dua Kumpulan Pelajar Dalam Ujian	27
Jadual 2.2	Makna Peribahasa ‘Jangan bangunkan kucing yang tidur’	30
Jadual 2.3	Analisis TR ‘Sebuah Dinding Tua’	32
Jadual 2.4	Analisis TR : Personafikasi – (Baris 15) Hati mereka bersalaman dan saling berpelukan	34
Jadual 2.5	Analisis peringkat resonans makna harfiah tentang seekor anjing	50
Jadual 2.6	Makna Linguistik ‘Kunyah tebu’	51
Jadual 2.7	Peribahasa Tamil iaitu “Puli pasithalum, pul thinnathu” berserta makna mudah	58
Jadual 2.8	Makna Perkamusan Peribahasa ‘Bagai durian dengan mentimun’	68
Jadual 2.9	Makna Perkamusan Peribahasa ‘*Manuk mati keberuran di tibang padi’*	72
Jadual 2.10	Makna Perkamusan Peribahasa *‘Semaitha keerai mulaikuma’*	77
Jadual 2.11	Makna Perkamusan Peribahasa	80
Jadual 2.12	Makna Peribahasa “Bergantung pada akar lapuk”	83
Jadual 2.13	Analisis TR leksikal ‘kota’	89
Jadual 2.14	Analisis TR leksikal ‘Racun’	90
Jadual 2.15	Analisis TR Esplikatur ‘Kolam-kolam derita’	95
Jadual 3.1	Peringkat Analisis Semantik Inkuisitif	103
Jadual 3.2	Data Spesifik Kajian	112
Jadual 3.3	Bilangan Bahan Seni Bahasa dalam Buku Teks	115
Jadual 3.4	Jumlah Perkataan Setiap Petikan Sajak	116
Jadual 3.5	Taburan Murid Mengikut Jantina	120
Jadual 3.6	Taburan Murid Mengikut Umur	120

Jadual 3.7	Paparan makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)	127
Jadual 3.8	Analisis TR	129
Jadual 4.1	Makna Harfiah ‘Membuka Pintu Dunia’	141
Jadual 4.2	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR ‘Membuka pintu dunia’	144
Jadual 4.3	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Istimewanya Kita’	151
Jadual 4.4	Makna Harfiah ‘Hingga membawaku ke bintang’	156
Jadual 4.5	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR ‘Hingga membawaku ke bintang’	157
Jadual 4.6	Makna harfiah ‘kosong di jiwa tiada penghuni’	163
Jadual 4.7	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ungkapan ‘Kosong di jiwa tiada penghuni’	165
Jadual 4.8	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Jiwa Hamba’	169
Jadual 4.9	Makna harfiah ‘selagi hidup berjiwa hamba’	173
Jadual 4.10	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘selagi hidup berjiwa hamba’	175
Jadual 4.11	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Silang Budaya’	181
Jadual 4.12	Makna Harfiah ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’	184
Jadual 4.13	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian bagi ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’	186
Jadual 4.14	Makna Harfiah ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’	191
Jadual 4.15	Analisis TR ‘Medan mencari rezeki sesuap nasi’	192
Jadual 4.16	Rancangan Pengajaran Harian ‘Demi Negara’	197
Jadual 4.17	Makna harfiah ‘tegak semangat mengalun lagu’	200
Jadual 4.18	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘tegak semangat mengalun lagu’	202

Jadual 4.19	Makna Harfiah ‘lahirkan jiwa sukarela’	206
Jadual 4.20	Analisis TR ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’	208
Jadual 4.21	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Tenaga Alternatif’	215
Jadual 4.22	Makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’	218
Jadual 4.23	Analisis TR ‘akal kita mampu mengolahnya’	220
Jadual 4.24	Makna harfiah ‘memutar turbin tanpa jemu’	227
Jadual 4.25	Analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’	229
Jadual 4.26	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Janji Kepada Bumi’	235
Jadual 4.27	Makna harfiah ‘Agar sejahtera perutmu’	238
Jadual 4.28	Analisis TR ‘Agar sejahtera perutmu’	239
Jadual 4.29	Makna harfiah ‘bersatu hati bak seberkas lidi’	245
Jadual 4.30	Analisis TR ‘Bersatu hati bak seberkas lidi’	246
Jadual 4.31	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Istimewanya Kita’	251
Jadual 4.32	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Jiwa Hamba’	253
Jadual 4.33	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Silang Budaya’	255
Jadual 4.34	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Demi Negara’	257
Jadual 4.35	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Tenaga Alternatif’	258
Jadual 4.36	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Janji Kepada Bumi’	260

SENARAI GAMBAR

Muka surat

Gambar 4.1	Murid melaksanakan pembelajaran koperatif semasa mencari makna perkamusan	140
Gambar 4.2	Murid menulis andaian dengan bimbingan guru	143
Gambar 4.3	Perkahwinan yang sah untuk mendapatkan zuriat	149
Gambar 4.4	Guru membimbing murid mencari makna menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat	155
Gambar 4.5	Graduan yang berjaya hasil didikan guru	161
Gambar 4.6	Keadaan dan persekitaran rumah yang kosong tidak berpenghuni	169
Gambar 4.7	Amalan perhambaan diamalkan di Negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.	178
Gambar 4.8	Masyarakat Majmuk di Malaysia	189
Gambar 4.9	Semangkuk Nasi Putih	195
Gambar 4.10	Khidmat yang diberikan oleh Pasukan RELA	213
Gambar 4.11	Sesi tugasan menulis makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’	219
Gambar 4.12	Panel solar yang menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik	224
Gambar 4.13	Hasil kerja murid analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’	231
Gambar 4.14	Empangan Bakun, yang merentasi Sungai Balui di daerah Belaga, Sarawak.	233
Gambar 4.15	Penyapu Lidi	249

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1	Perlambangan Burung – Manusia	48
Rajah 2.2	Rangka Rujuk Silang Ungkapan ‘Kunyah tebu’	52
Rajah 3.1	Carta Pai Bilangan Responden Mengikut Kelas	119
Rajah 3.2	Carta Alir Prosedur Pengutipan Data	122
Rajah 4.1	Fasa-fasa kelahiran bayi	150
Rajah 4.2	Otak dan fungsinya	225
Rajah 4.3	Struktur Bumi	243
Rajah 4.4	Maklum balas Murid 1	262
Rajah 4.5	Maklum balas Murid 2	264
Rajah 4.6	Maklum balas Murid 3	267
Rajah 4.7	Maklum balas Murid 4	269
Rajah 4.8	Maklum balas Murid 5	271
Rajah 4.9	Maklum balas Murid 6	273
Rajah 4.10	Maklum balas Murid 7	275
Rajah 4.11	Maklum balas Murid 8	276
Rajah 4.12	Maklum balas Murid 9	277

SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, menulis dan mengira
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BF	Bahasa Figuratif
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KOMSAS	Komtemporari Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RRS	Rangka Rujuk Silang
SI	Semantik Inkuisitif
SK	Sekolah Kebangsaan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Seni bahasa yang mula diperkenalkan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada 2011 adalah antara aspek pembelajaran yang merangsang minat dan keinginan murid untuk mengikuti sesi pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih seronok dan menghiburkan di dalam kelas. Penekanan kepada aspek pembelajaran seperti seni bahasa akan menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggembirakan dan kanak-kanak berasa seronok untuk mengikuti sesi pembelajaran (Jantan, 2013). Aspek perkembangan fizikal, sosioemosi, kognitif dan bahasa serta potensi kanak-kanak dapat ditingkatkan ke tahap maksimum melalui pendekatan yang menyeronokkan ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Dalam istilah yang lebih mudah, seni bahasa bermaksud memahami dan menjadi benar-benar pandai bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu. Ini penting untuk murid, guru dan golongan akademik dan cendekiawan yang mengajar bahasa ini.

Mempelajari seni bahasa memerlukan seseorang individu atau murid untuk memahami, menggunakan dan menghayati isi kandungan seni bahasa tersebut dengan lebih mendalam. Apabila seseorang individu mempelajari seni bahasa, dia boleh melakukan dan mempersembahkan hasil kepada pihak yang lain cerita atau puisi yang menarik dengan menggunakan cara pertuturan dan penulisan yang berbeza. Pembelajaran seni bahasa juga menjadikan sekolah tempat yang gembira dan menyeronokkan seandainya seni bahasa diajar dengan cara dan gaya yang kreatif. Bahan seni bahasa yang paling tua, iaitu bercerita boleh menjadi satu teknik yang berkesan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid dari aspek keterampilan berbahasa. Selain itu, bahan seni bahasa ini sentiasa menjadi aspek yang penting dalam suatu budaya manusia dan melalui cerita, budaya sesuatu masyarakat dapat difahami.

Bercerita juga menjadi media penyampaian maklumat dan sumber pendidikan tidak formal anak-anak. Oleh itu, maklumat daripada bahan seni bahasa ini penting untuk membantu murid menghasilkan pemahaman kendiri dan mencapai prestasi pembelajaran bahasa ke tahap yang optimum. Malah, maklumat ini boleh dibangunkan bersama dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid.

Dalam aktiviti seni bahasa, murid dapat membangunkan kaedah dan cara membentuk hubungan dengan rakan-rakan, berpeluang untuk menunjukkan kuasa, membuat keputusan dan penilaian, menganalisis, membayangkan dan membuat diskriminasi. Nyanyian, lakonan, bercerita, dan puisi merupakan empat elemen yang terkandung dalam aktiviti seni berbahasa. Oleh yang demikian, seni bahasa dapat dirumuskan sebagai satu aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersifat santai dan didik hibur seperti puisi, lakonan, nyanyian, dan bercerita secara sistematik dan terancang. Penerapan aspek seni bahasa di sekolah rendah berfokus kepada apresiasi bahasa untuk merealisasikan hasrat transformasi pendidikan menerusi pendekatan pengajaran yang bersepadu, holistik dan seimbang.

1.2 Latar Belakang

Secara umumnya, penekanan seni bahasa terletak pada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menyeronokkan dan menarik seperti berpuisi, berlakon, bernyanyi dan bercerita. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa ini secara langsung dapat membantu para murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka. Bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merujuk kepada hasil kesusasteraan yang terdiri daripada lirik lagu, cerita rakyat, dialog dan puisi seperti syair, sajak, pantun, seloka, dan gurindam. Bahan-bahan ini disusun dalam bentuk rangkap dan baris.

Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, kajian lebih berfokus kepada bahan PdP seni bahasa yang berbentuk sajak atau turut dikenali dengan nama puisi moden. Pada lazimnya,

puisi moden ialah bahasa indah serta berirama yang menyerlahkan keindahan dan kesenian bahasa dan apabila dibaca atau dideklamasikan, pembaca akan menghayati dan merasa rentaknya. Menurut Za'aba (seperti yang dinyatakan dalam Wong dan Karim, 2015), syair di samping memberi maksud "karangan berangkap yang empat-empat kerat serangkap, hujung tiap-tiap keratnya bersamaan bunyi", juga biasanya mengandungi fikiran yang cantik dan tinggi dilafazkan dengan bahasa yang indah dan berhias gambaran yang cantik serta perkara yang disampaikan bertambah menarik kepada pendengar yang menghayatinya.

Definisi puisi yang dikemukakan oleh seorang penyair dan sekali gus sarjana sastera pula iaitu, Salleh (seperti yang dinyatakan dalam Halim, 2010) menyatakan, "daerah keindahan sastera Melayu itu tidak sahaja terikat pada estetika yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya". Salleh selanjutnya menambah dengan menyatakan bahawa pantun merupakan genre kesusasteraan Melayu yang paling indah. Seorang tokoh zaman Romantisisme Barat, S.T. Coleridge (1972-1834), juga seorang penyair Inggeris, mendefinisikan puisi sebagai kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik. Manakala William Wordsworth (seperti yang dinyatakan dalam Shaari, 2001) menyebutkan puisi ialah pengucapan tentang perasaan yang mendalam secara berentak dan penglahiran spontan yang diingatkan kembali dalam suasana tenang.

Selain itu, menurut Sabirin (1981) puisi ialah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk. Pada asasnya, puisi lebih merupakan sifat atau nilai keindahan dalam pengungkapan bahasa. Ungkapan atau penggunaan bahasa yang indah itu disebut puitis. Puisi larut dalam jiwa masyarakat tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga menjangkaui alam mistik, berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan, dan kepercayaan. Boleh dikatakan, segala aspek kehidupan masyarakat terangkum dalam persembahan dan pengucapan puisi.

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, puisi merupakan satu genre sastera yang dominan jika dibandingkan dengan genre sastera Melayu yang lain seperti novel, cerpen, dan drama. Puisi juga merupakan genre yang begitu kuat perkaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu. Proses penciptaan puisi juga begitu akrab dengan budaya masyarakat Melayu. Sesebuah puisi yang dicipta tidak akan lahir tanpa sebab dan akibatnya. Waluyo (1994) menyatakan bahawa puisi ialah bentuk karya sastera yang mengungkapkan perasaan dan pemikiran penyajak secara imaginatif dan disusun dengan memfokuskan semua kekuatan bahasa dengan perhatian diberikan kepada struktur luaran dan struktur dalaman.

Daripada beberapa definisi yang diutarakan jelas memperlihatkan fungsi puisi itu sendiri yang menjadi saluran atau media bagi para penyair mengungkapkan perasaan dan pemikiran mereka tentang sesuatu perkara serta berbicara dan menganalisis sesuatu yang dirasainya tentang kehidupan yang dilalui. Kebanyakan penyair menyampaikan segala kritikan dan juga mesej kepada pembaca dan pendengar melalui puisi. Dalam sesebuah puisi itu, kata-kata, frasa-frasa dan kalimat-kalimat yang menjadi gaya bahasa puisi mengandungi makna tambahan atau disebut sebagai makna konotasi. Bahasa konotasi yang terkandung dalam puisi menyebabkan makna dalam baris-baris puisi itu bersifat tersembunyi, mendalam, kaya, jauh dan luas pengertiannya atau lebih tepat lagi dipanggil sebagai makna yang tersirat. Justeru gaya bahasa yang bercirikan unsur-unsur metafora, hiperbola, simile, personafikasi, ironi dan sebagainya harus ditafsirkan dengan lebih mendalam. Penggunaan gaya bahasa seperti ini sudah memperlihatkan keterampilan orang Melayu bermain dengan bahasa di samping mengekalkan ciri-ciri kesopanan berbahasa.

Seiring dengan itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Sukatan Pelajaran berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK), bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang

diajarkan dalam mata pelajaran tersebut merangkumi puisi tradisional dan puisi moden. Pelaksanaan pengajaran kemahiran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu pendekatan atau langkah ke hadapan untuk memberi pendedahan kepada semua murid tentang puisi berbanding dengan sebelum ini. Kemahiran seni bahasa disisipkan dalam Komtemporari Sastera (KomSas) Bahasa Melayu dan diajar secara berasingan. Secara tidak langsung, pengajaran puisi dalam kemahiran seni bahasa ini mampu memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan lebih meluas.

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sebenarnya memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada murid dan guru. Menurut Long (seperti dinyatakan dalam Koh, 1994, p.1), "sastera adalah hasil kreatif yang menggunakan bahasa dengan indah, baik dengan cara pengucapan atau bertulis dan digunakan sebagai bahan hiburan, bahan pengajaran untuk mengenal diri dan masyarakat sesuatu bangsa". Disebabkan ciri kreatif dan keindahan inilah, puisi sesuai diajar dalam subjek Bahasa Melayu supaya dapat dinikmati dan dihayati oleh murid tentang kesenian dan keindahannya.

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dapat membantu merangsang murid supaya memberikan pelbagai tindak balas dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Yusof, 2001). Murid boleh menggunakan bahasa secara aktif sewaktu pengajaran kemahiran bahasa seperti membaca, mendengar, bertutur, dan menulis. Kegiatan membaca, membuat perbincangan, dan menulis tentang kesusasteraan dapat membantu murid memahami puisi yang dibaca dengan lebih baik. Pembacaan puisi dapat memberikan murid latihan dari segi kemahiran pemahaman dan memperkukuh perbendaharaan kata dan kebolehan mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

Pengisian mengenai estetika bahasa juga akan menentukan keupayaan bahasa Melayu bertahan sebagai bahasa ilmu pada abad ke-21. Masyarakat perlu didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu yang indah dan menarik. Bahasa perlu sebati dengan masyarakat

agar bahasa Melayu dapat diterima sebagai bahasa yang indah dan menarik. Gutiérrez (2000) menerangkan bahawa keperluan pengajaran bahasa pada abad ke-21 ialah menggunakan bahan seni bahasa yang realistik dan mempunyai perkaitan dengan komuniti. Di samping itu, kemahiran yang diajar hendaklah dapat memenuhi keperluan murid. Aspek-aspek yang perlu diberi penekanan termasuklah sosiobudaya, linguistik, jati diri bangsa, serta nilai. Oleh itu, peranan bahan pengajaran dan pembelajaran aspek seni bahasa amat relevan dalam usaha menentukan keupayaan bahasa Melayu memenuhi keseimbangan kognitif murid bagi memenuhi keperluan alaf baru ini.

Kualiti menghiburkan dalam puisi tersebut juga cukup banyak. Rentak dan rima yang bersukat membentuk irama dalam puisi. Malah puisi pula mempunyai struktur bacaan yang tersendiri yang menghasilkan keindahan dalam pembacaan. Oleh hal yang demikian, bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang baik, berkesan dan standard daripada segi laras bahasa akan dapat menjadi contoh kepada murid dalam hal karang-mengarang dan penjanaan serta persembahan idea, baik secara lisan mahupun tulisan. Oleh itu, para murid secara beransur-ansur dapat mempertajam daya kreatif dalam berbahasa terutamanya aspek seni bahasa. Pada akhirnya, kemahiran intrapersonal dan interpersonal murid dapat dipertingkatkan dengan adanya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran seni bahasa di dalam bilik darjah.

1.3 Masalah Kajian

Kerajaan telah mengambil inisiatif memperkenalkan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Salah satu daripada bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang diajar di sekolah rendah ialah sajak. Namun begitu, setelah sembilan tahun diperkenalkan, masih ramai lagi murid pada peringkat sekolah rendah belum dapat memahami makna dalam sajak yang

terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan seperti yang dituntut dalam objektif Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh kajian Jalaluddin et al. (2010) yang menyatakan walaupun sudah bertahun-tahun bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, bahkan sebagai mata pelajaran wajib, namun semakin ramai murid yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik. Isu ini secara langsung menjejaskan proses memahami makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang diajar di dalam kelas.

A Rahman (2018) dalam kajian beliau menjelaskan isu kurang kemahiran dalam menghasilkan jawapan yang kritis serta kreatif menyebabkan penjelasan tentang isi kandungan secara implisit menjadi lemah dan seterusnya mengakibatkan isi kandungan jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus dan objektif pembelajaran, meleret-leret dan tidak menepati kehendak tugasan seperti yang dihajati. Kenyataan ini disokong oleh Atan (2010) yang menyatakan penggunaan bahasa yang diujarkan berkait dengan darjah kefahaman penggunaan unsur bahasa tersebut. Tambahnya lagi, mesej yang hendak disampaikan seseorang tidak dapat difahami dan berlaku juga pentafsiran yang salah terhadap sesuatu ujaran. Pada asasnya, sesuatu ungkapan atau ujaran yang terkandung dalam sajak mempunyai mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Tujuan pengarang adalah untuk menyampaikan maksud atau sesuatu yang berada dalam pemikirannya. Oleh sebab makna tersirat hanya dapat difahami berdasarkan konteks dan konteks pula dapat memberikan pengertian yang pelbagai, pembelajaran pemahaman makna tersirat perlulah berpandukan konteks. Menurut Thomas (1995), makna tersirat bagi sesuatu ujaran perlu merujuk makna konteks fizikal dan persekitaran, konteks sosial budaya, dan konteks linguistik bagi sesuatu ujaran. Tambahnya lagi, makna tersirat perlu difahami berdasarkan niat penutur, sama ada berbentuk penegasan, arahan, komisif, eksprisif atau pengisytiharan.

Seterusnya, Kartini dan Ali (2021a) dalam kajian mereka menyatakan rata-rata buku teks terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah rendah banyak menerapkan puisi sebagai Elemen Merentasi Kurikulum (EMK). Walau bagaimanapun, kehadiran puisi-puisi ini tidak diberi nilai oleh murid. Bagi murid pada zaman sekarang, mempelajari sajak memerlukan fokus dan kefahaman yang lebih tinggi lebih-lebih lagi dalam proses memahami makna leksikon, frasa dan ayat dan perkara ini secara tidak langsung menjadi beban kepada tahap kognitif mereka. Pengajaran sajak dalam mata pelajaran bahasa Melayu mempunyai gaya dan pendekatan yang berlainan daripada pembelajaran kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar dan bertutur, membaca serta menulis. Perancangan pengajaran yang rapi harus dilakukan. Sekiranya berlaku kesilapan semasa merancang, proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurang berkeupayaan menimbulkan rangsangan, kecenderungan dan minat murid serta kurang bertenaga. Apabila sampai pada peringkat ini, murid cenderung melakukan aktiviti hafalan berbanding aktiviti meneroka, menghayati dan menghargai makna tersirat yang terkandung dalam bahan seni bahasa. Oleh itu, guru perlu mempelbagai pendekatan supaya murid dapat meneroka makna tersirat berdasarkan konteks fizikal, persekitaran, sosial, budaya dan linguistik.

Seterusnya, murid sukar untuk memahami sajak kerana ayat yang digunakan sukar untuk diterjemahkan kembali dalam bentuk bahasa yang mudah difahami. Masalah ini akan menjadi semakin meruncing sekiranya guru tidak memainkan peranan penting dalam membawa murid untuk menghayati dan memahami sajak tersebut (Radzi & Ibrahim, 2010). Justeru itu, pendekatan mengajar pemahaman makna tersirat secara terancang dan kreatif harus diketengahkan agar murid berupaya mentafsir makna tersirat dengan baik sebagaimana yang dinyatakan oleh Omar (seperti dijelaskan dalam Hamid, 2006) yang menyatakan bahawa bahasa melambangkan pengalaman dan pemahaman manusia terhadap alam sekelilingnya. Oleh sebab itu, semakin banyak pengalaman mentafsir makna tersirat yang akan diperoleh

apabila murid kerap didedahkan dengan pembelajaran tentang perkataan, ayat atau ungkapan yang mengandungi makna tersirat.

Sejajar dengan itu, kajian ini berpendapat bahawa murid harus diperkukuh dengan kemahiran meneroka dan merungkai makna tersirat dalam bahan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah lagi, selaras dengan pembudayaan KBAT dalam kelas PdP yang dicanangkan oleh KPM untuk menghadapi persaingan sengit global bagi mendepani suasana pembelajaran yang dipacu oleh inovasi yang serba mencabar. Kenyataan disokong oleh kajian Szazbo dan Brakas (2020) yang mendapati bahawa kanak-kanak di sekolah rendah sudah berupaya untuk memahami makna tersirat yang terdapat dalam teks dengan menggunakan penaakulan berasaskan pemikiran kritis. KBAT diterapkan dalam proses pembelajaran supaya murid tidak hanya sekadar menghafal tetapi juga memahami, mengetahui serta menghayati perkara yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan menguasai kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta. (KPM, 2014). KBAT di bilik darjah dapat membantu pihak sekolah memupuk kemahiran berfikir, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir dalam menyelesaikan masalah dan berupaya menghasilkan jalan penyelesaian secara kreatif dalam kalangan murid.

Sungguhpun terdapat kajian lepas tentang penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa tetapi kajian tentang penganalisisan makna tersirat yang terkandung dalam sajak tidak pernah dijalankan secara khusus oleh pengkaji lain. Sejajar dengan itu, pengkaji ingin menjalankan kajian menganalisis makna ungkapan yang terdapat dalam sajak dengan mengaplikasikan pendekatan SI. Dengan yang demikian, kajian ini dapat menutup kelompangan penyelidikan pragmatik dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Oleh itu, penganalisisan data menggunakan Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) di samping pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) yang akan ditonjolkan pada peringkat kedua analisis dalam pendekatan SI, iaitu analisis semantik

resonans diharapkan dapat menyelesaikan semua masalah ini sebagai satu usaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang aktif, seronok, berdisiplin, dan mudah difahami khususnya dalam pembelajaran puisi moden pada peringkat pendidikan rendah.

1.4 Objektif Kajian

Pada asasnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis makna yang wujud dalam bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat sehingga Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) dengan menggunakan pendekatan SI. Secara khususnya pula, terdapat tiga tujuan kajian ini dilakukan, iaitu:

i) Mengenal pasti makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

ii) Menganalisis makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dengan mengaitkan data dan teori dengan keupayaan kognitif murid.

iii) Menghuraikan keberkesanan pengaplikasian SI dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti bagi menentukan objektif yang hendak dicapai dalam penyelidikan ini. Persoalan-persoalan yang wujud adalah seperti yang berikut:

i) Apakah makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa?

ii) Apakah perkaitan data dan teori dengan keupayaan kognitif murid menganalisis makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa?

iii) Adakah pengaplikasian pendekatan SI berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa?

1.6 Kepentingan Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk menganalisis makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dengan melihat kepada keupayaan kognitif murid mentafsir makna dalam bahan pembelajaran seperti sajak yang dipelajari dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Untuk memudahkan analisis makna dalam bahan seni bahasa yang bersifat didik hibur ini, kajian ini akan menggunakan pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Jalaluddin pada tahun 2014. Pendekatan SI ini akan digabungjalinkan dengan TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Penggabungjalinan ini perlu kerana dalam pendekatan SI, analisis makna pada peringkat kedua, iaitu analisis peringkat semantik resonans mensyaratkan satu teori yang berwibawa untuk diaplikasi dalam usaha melengkapkan pencarian makna pada peringkat ini. Oleh sebab peringkat analisis semantik resonans ini mengkaji makna dengan tahap keupayaan kognitif murid, maka TR didapati sesuai diaplikasikan.

Oleh itu, kajian ini dilihat penting kerana menggabungjalinkan dua kaedah analisis makna yang telah terbukti berkesan untuk menganalisis makna sebenar yang dihajati. TR merupakan satu teori pragmatik yang memperlihatkan hubungan antara komunikasi dengan kognitif. Teori ini yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) cuba menjelaskan hubungan yang erat antara peranan minda manusia dengan cara berkomunikasi. TR mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks, serta prinsip relevan. Perkara yang diberikan penekanan ialah kelebihan atau kesesuaian teori ini membantu membimbing pendengar memproses perkara yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri manifestasi dan persekitaran kognitif. Segala yang dikomunikasikan akan diproses dan ditafsir sebelum makna sebenar dirungkaikan. Setakat hari ini, pengaplikasian pendekatan SI ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah belum lagi dilaksanakan.

Kajian yang berkaitan dengan pembelajaran di sekolah hanya dilaksanakan pada peringkat pendidikan menengah oleh Md Nasir dan Subet (2019). Dalam kajiannya, mereka telah menggabungjalinkan pendekatan SI dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan bahasa Melayu. Mereka telah menganalisis 16 peribahasa yang dipilih secara rawak berdasarkan tema yang ditentukan. Beliau turut mengaplikasikan rangka rujuk silang (RRS), iaitu subkonsep dalam TR. Kepentingan kajian ini juga dapat membuka lembaran baharu dalam bidang pengkajian semantik inkuisitif yang menunjukkan semantik inkuisitif tidak terhad dalam pengkajian makna tatabahasa, bahasa figuratif, peribahasa dan seni kata lagu sahaja. Semantik inkuisitif juga boleh diaplikasikan untuk melaksanakan kajian makna terhadap sajak sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sejak peringkat sekolah rendah.

Selain itu, diharapkan juga kajian ini dapat membuka ruang kepada pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian pada masa akan datang untuk mengaplikasikan pendekatan SI dengan pendidikan rendah khususnya dalam aspek seni bahasa yang lain seperti lirik lagu dan puisi tradisional supaya hasilnya dapat dimanfaatkan. Kajian ini amat penting untuk melihat cara pembaca sama ada murid mahupun guru dapat mengesan makna secara tersirat melalui genre sastera moden, iaitu sajak. Satu anjakan paradigma perlu dilakukan dengan melihat kepada pendekatan serta teori-teori baharu yang mempunyai kelebihan dalam mendasari kajian berkaitan. Selain itu, kajian ini dapat memupuk minat dalam kalangan pengkaji yang mengikuti kursus pragmatik untuk terus mendalami bidang ini dan mempertingkatkan lagi tahap pemikiran dan ilmu pengetahuan mereka.

Oleh sebab kajian ini melibatkan penyelidikan tentang puisi moden pada peringkat pendidikan rendah, secara tidak langsung ia melibatkan bidang Kesusasteraan Melayu. Kajian ini penting untuk dijalankan supaya pengkaji dan masyarakat dapat menyelami dan melihat proses kreatif penulis puisi moden serta idea dan madah pujangga yang disumbangkan oleh mereka demi anak bangsa dan negara. Penyajak atau pun penyair menjadikan puisi sebagai

medium mencetuskan pemikirannya demi mendidik masyarakat. Puisi ialah genre kesusasteraan yang rapat dengan masyarakat. Akhirnya dapatan kajian ini nanti akan dapat memberi kebaikan kepada individu-individu khasnya pihak pengurusan tertinggi di KPM supaya melihat bahawa bahan seni bahasa ini mempunyai kekuatan dan keunikan yang tersendiri selaras dengan pelaksanaan KSSR dalam usaha melahirkan murid yang berketerampilan dan mempunyai jati diri.

Kajian ini juga dijalankan untuk menerapkan kecintaan kepada karya puisi dan menerapkan nilai murni serta membajai budi bahasa dalam komuniti terutamanya murid-murid di sekolah rendah. Adakalanya, nilai murni yang disalurkan itu tidak terdapat secara khusus dalam subjek Bahasa Melayu itu sendiri tetapi diterapkan secara tidak formal seperti dalam pembelajaran seni bahasa, yang akan mempengaruhi penyemaian nilai dalam jiwa murid. Menerusi puisi seperti sajak ini, diharap agar nilai-nilai murni ini dapat diterapkan dalam diri murid seawal usia di bangku sekolah rendah lagi bagi membentuk sahsiah yang baik. Penerapan nilai-nilai murni dalam genre puisi atau sajak ini juga diharapkan berupaya melahirkan sebuah masyarakat yang madani. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dunia dewasa ini kian terdedah kepada anasir-anasir yang negatif seperti yang dipaparkan di media sosial saban hari. Justeru, anasir-anasir negatif ini perlu dihindari dan dijauhi melalui amalan pembelajaran bahan seni bahasa yang menekankan nilai-nilai kehidupan yang bermoral seperti menghormati budaya dan adat resam kepelbagaian kaum dan mempunyai integriti dan jati diri yang tinggi dalam diri hasil daripada pemahaman makna yang tersurat mahupun tersirat.

Selain itu juga, kajian ini dapat mengajar murid untuk menjadi orang yang bersopan santun dan berperwatakan mulia melalui penggunaan ungkapan yang indah dalam puisi. Ungkapan itu mengandungi pengajaran dan nasihat yang tersembunyi untuk membantu murid menjadi insan yang lebih baik di dunia dan di akhirat. Semua ini akan dapat dibuktikan melalui

penerapan pendekatan pengajaran berasaskan semantik inkuisitif. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa bersantun mencerminkan keintelektualan dan akal budi penutur. Keintelektualan dan akal budi penutur akan dapat ditelusuri dengan mengemukakan makna yang dihajati. Makna yang dihajati akan diketahui dan dibuktikan secara empirikal dengan analisis makna menggunakan pendekatan SI dan dalam analisis tahap keduanya nanti kajian ini akan mengaplikasikan TR, iaitu sebagai pelengkap analisis pada peringkat kedua dalam pendekatan SI ini.

Di sekolah, guru bertanggungjawab serta berperanan sebagai ibu bapa dalam usaha mendidik dan membentuk murid selaras dengan penerapan yang dimasukkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selari dengan kenyataan ini, kajian ini dianggap penting dari peringkat pendidikan rendah lagi bagi membantu guru Bahasa Melayu mempelbagaikan teknik dan kaedah PdP seni bahasa dengan cara yang berlainan daripada kaedah konvensional. Pendekatan SI dan pengaplikasian TR dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa mampu mencetus kreativiti dan seterusnya memberi nilai tambah kepada kaedah dan teknik sedia ada yang dipraktikkan oleh guru bahasa dalam sesi pengajaran. Ini bertepatan dengan kehendak KPM (2017) yang menyarankan guru memanfaatkan kaedah dan struktur dalam pendidikan abad ke-21 (PAK21) bagi meningkatkan aspirasi murid seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Hasil kajian ini nanti juga diharapkan dapat meningkatkan keupayaan murid menggunakan bahasa yang meluas dan tinggi. Bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam bahan seni bahasa berada pada standard yang tinggi. Ia mencerminkan bahawa pengarang memiliki tahap pemikiran dan kreativiti yang sangat baik. Murid berpeluang menghayati keindahan bahasa dan meneroka makna dalam usaha mencungkil makna sehingga ke tahap optimum. Di samping itu, kajian ini dianggap penting untuk meningkatkan kreativiti dan daya imaginasi murid untuk disesuaikan dalam pembelajaran harian. Murid yang ada pada hari ini

lahir dalam lingkungan dari tahun 1995 sehingga 2010. Golongan ini dikenali dengan golongan generasi Z. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran juga perlu sesuai dengan keperluan mereka. Justeru itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada murid untuk meningkatkan kreativiti dan daya imaginasi semasa proses pembelajaran seni bahasa di dalam kelas dilaksanakan.

Sajak yang dijadikan sebagai bahan pembelajaran seni bahasa berupaya mencetus gelombang pemikiran yang kreatif di samping menyuburkan lagi minda murid. Perkara ini dapat membantu murid agar sentiasa cerdas dan mempu berfikir di luar kotak pemikiran. Keupayaan murid menganalisis makna melalui bimbingan guru dapat diserlahkan hasil daripada kajian yang dijalankan ini. Md Nasir (2018) dalam kajiannya telah membuktikan bahan pembelajaran seni bahasa dapat diajar menggunakan pendekatan SI di peringkat pendidikan menengah. Oleh yang demikian, pengaplikasian pendekatan SI untuk mengajar seni bahasa di sekolah rendah wajar dimanfaatkan agar murid boleh mencambahkan idea, menyuburkan kognitif dan menyemarakkan aspirasi dalam diri mereka ketika melakukan analisis menggunakan teori dalam pendekatan SI.

Aspirasi murid yang dimaksudkan ialah hasil kemenjadian yang dibentuk melalui proses pembelajaran supaya setiap murid pada akhirnya akan mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional (KPM, 2013). Proses pembelajaran dengan menggunakan pendekatan SI berupaya memantapkan pengetahuan, pengalaman, dan kemahiran berfikir murid dalam konteks bahan seni bahasa. Pada akhirnya, murid berupaya menyerlahkan akal budi melalui penerokaan makna pada bahan seni bahasa yang dipelajari. Pengkaji juga berharap agar hasil kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai rujukan dalam PdP puisi supaya proses pembelajaran di dalam kelas akan menjadi lebih bermakna, menarik dan berkualiti.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Bahan Pengajaran-pembelajaran

Untuk meningkatkan kualiti PdP dalam kalangan guru dan murid, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dilihat memberi sumbangan yang amat besar. Pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru dapat diselesaikan dengan menggunakan bahan PdP yang berkualiti dan bermakna kerana pendekatan PdP akan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Fungsi dan manfaat bahan pembelajaran ini turut disokong oleh kajian Jasmi et al. (2011) yang menyatakan bahawa Bahan Bantu Mengajar (BBM) berfungsi sebagai pemudah cara untuk guru meningkatkan keberkesanan pembelajaran yang berpusat kepada murid. Ja'apar (2017) pula menjelaskan bahawa bahan pengajaran-pembelajaran ataupun bahan bantu mengajar (BBM) merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru atau pelajar untuk membantunya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dalam kajian ini, bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa, iaitu sajak yang dipetik daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 Sekolah Kebangsaan (SK) digunakan oleh guru sebagai data kajian.

Guru memerlukan bahan pengajaran dan pembelajaran sajak untuk membantu proses pengajaran yang menerapkan pendekatan SI sebagai pendekatan utama yang diaplikasikan dalam kajian ini. Melalui bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sajak serta pendekatan SI yang digunakan, guru berupaya memberi pengalaman pembelajaran baharu kepada murid dan menjadikan pengajaran yang disampaikan oleh guru menjadi lebih menarik dan murid berasa seronok dengan cara pengajaran yang dipersembahkan oleh guru. Berdasarkan pernyataan di atas, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seperti sajak dan ditambah lagi dengan pendekatan SI dan TR akan dapat memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar dan menarik.

1.7.2 Seni Bahasa

Seni bahasa lazimnya merupakan sesuatu ungkapan yang indah. Seni bahasa memberi penegasan kepada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan. Dalam konteks kajian ini, bahan pengajaran yang digunakan ialah sajak berunsurkan pengajaran yang sesuai dengan tahap kognitif dan kebolehan pembelajaran murid. Aspek seni bahasa dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan murid mengungkap, menghayati dan menghargai bahasa melalui pendekatan pembelajaran yang bersifat penerokaan serta menyeronokkan. Kemahiran dan kebolehan murid dalam proses pembelajaran seni bahasa dapat dimantapkan melalui keindahan bahasa yang digunakan dalam sajak yang digunakan sebagai bahan pembelajaran.

1.7.3 Puisi (sajak)

Puisi merupakan daya imaginasi dan perasaan serta pengalaman karyawan terhadap kehidupan manusia dan alam persekitaran yang melampaui alam pengalaman jasmani manusia yang disampaikan dalam bentuk bait-bait perkataan yang indah dan harmonis (Mohaidin, 2000). Dalam kajian ini, puisi atau sajak merujuk kepada bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang diambil daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Kebangsaan (SK). Sajak-sajak yang dipilih oleh guru sebagai data kajian mengandungi ungkapan-ungkapan yang lebih abstrak dan imaginatif daripada makna biasa. Sajak-sajak yang digunakan dalam kajian ini ialah sajak ‘Istimewanya Kita’, ‘Silang Budaya’, ‘Jiwa Hamba’, ‘Demi Negara’, ‘Tenaga Alternatif’, dan ‘Janji Kepada Bumi’.

Pemilihan sajak-sajak ini berdasarkan kesesuaian kandungan bahan sajak yang dipilih, tahap dan kebolehan pembelajaran murid serta pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran guru. Sajak yang dipilih untuk diajar dengan menggunakan pendekatan SI bersesuaian dari segi laras bahasanya. Seiring dengan konsep pembelajaran abad ke-21,

pendekatan SI yang diaplikasikan berupaya membimbing murid meneroka makna tersirat ungkapan yang terdapat dalam sajak yang dipilih. Menurut Mohamad (2009), teks yang sesuai, memenuhi ciri-ciri atau kriteria yang sepatutnya perlu digariskan agar teks ynag dipilih benar-benar dapat dimanfaat dalam banyak aspek yang akan dihuraikan. Secara umum, aspek seperti bahasa yang indah dan gramatis, unsur pemikiran yang dibawa dalam karya, pengenalan kepada budaya dan perkaitannya dengan pendidikan, falsafah, akal budi dan ketuhanan akan menjadi asas kepada penerokaan makna pada bahagian penganalisisan data kajian ini nanti.

1.7.4 Semantik Inkuisitif

Dalam kajian semantik, kita perlu memahami beberapa istilah penting. Apakah maksud istilah semantik? Menurut Palmer (1992), istilah semantik merujuk kepada kajian makna. Istilah ini sebenarnya berasal daripada kata kerja adjektif bahasa Yunani ‘semantikos’ yang membawa maksud penting atau bererti. Kini, istilah semantik digunakan untuk merujuk kepada kajian makna dalam bidang linguistik. Perkataan semantik, menurut Lyons (seperti dalam Nathesan, 1995) pula dicipta oleh Michael Breal, seorang ahli bahasa Perancis, pada tahun 1883. Semantik berasal daripada kata kerja Yunani yang membawa makna *‘menandai atau melambangkan’*. Semantik dapat dijelaskan sebagai satu bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa. Dakwaan bahawa bahasa tidak dapat dipisahkan daripada makna dan rujukan tentunya hampir kepada suatu kebenaran yang nyata.

Berdasarkan sejarah linguistik, pada mulanya istilah semantik digunakan untuk merujuk kepada perkembangan dan perubahan makna dalam bahasa. Sebelum tahun 1930, kajian semantik telah memberi fokus kepada aspek kajian tradisional, iaitu perubahan makna. Namun begitu, selepas tahun 1930, perubahan telah berlaku dan semantik telah mula melihat masalah deskriptif dan struktur dalam semantik menurut (Ullmann, 1962, seperti dinyatakan dalam Nathesan, 2003). Tahun 1931 merupakan detik bersejarah dalam sejarah semantik. Pada

ketika itu, telah muncul tulisan Gustaf Stern yang berjudul '*Meaning and Change of Meaning with Special Reference to English Language'*. Penerbitan tulisan ini telah membawa trend baharu dalam bidang semantik. Menurut Ullmann lagi, kajian semantik tidak lagi memberi perhatian kepada perubahan makna dan sebab-sebabnya. Sebaliknya, kajian mula beralih kepada aspek dalaman tentang perbendaharaan kata dan juga daripada prinsip umum kepada kajian bahasa tertentu.

Menurut Jalaluddin (1992), ilmu semantik juga turut dibahagikan kepada beberapa tahap perkembangan. Tahap permulaan ialah semantik falsafah manakala tahap kedua ialah semantik linguistik. Pada tahap semantik falsafah, semantik dilihat daripada sudut falsafah dan dengan demikian tergolong dalam kajian falsafah. Perkembangan dalam ilmu linguistik kemudiannya menyebabkan kemunculan pandangan bahawa ilmu semantik harus tergolong dalam ilmu linguistik, bukannya dalam bidang falsafah lagi. Justeru, muncullah tahap kedua dalam ilmu semantik, iaitu semantik linguistik yang mengkaji makna dalam bahasa. Kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Inkuisitif bermaksud semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka mencari jawapan kepada apa yang sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan itu dengan ciri-ciri inkuisitif. Jalaluddin (2014) turut menyatakan bahawa perkembangan bidang semantik di Malaysia sebenarnya dipengaruhi oleh perkembangan bidang semantik pada peringkat antarabangsa. Hal tersebut termasuklah perkembangan ilmu serta teori yang digunakan di negara-negara yang lain. Kemunculan ilmu semantik sebagai sebagai salah satu disiplin bidang linguistik telah membawa transformasi terhadap perkembangan bidang linguistik di negara ini.

Semantik merupakan disiplin linguistik yang telah distrukturkan selepas fonologi, morfologi dan sintaksis. Perkembangan bidang semantik di Malaysia agak lewat berbanding dengan bidang linguistik yang lain seperti morfologi, sintaksis dan fonetik. Hal ini dikatakan

demikian kerana, bidang semantik merupakan bidang yang baharu dan masih belum berkembang dalam bidang linguistik Bahasa Melayu. Pendekatan berteraskan semantik inkuisitif signifikan dengan aspek akal budi Melayu. Kekhususan makna dikaitkan dengan konteks. Misalnya, Jalaluddin dan Nopiah (2011) telah melakukan kajian makna yang berkaitan dengan tatabahasa iaitu "Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik". Makna yang diperoleh bukan sahaja tergambar pada tatabahasa malah kepada pemilihan objek dalam ungkapan metafora. Kajian tersebut membuktikan bahawa semantik yang diolah dengan tata kaedah yang tepat mampu menghuraikan makna tersirat seperti yang dihajati.

Oleh sebab tahap ini melibatkan makna dan konteks, semantik inkuisitif ini berada dalam sempadan pragmatik kerana pragmatik merupakan kajian makna yang melibatkan konteks. Maka, semantik inkuisitif ini tercakup dalam bidang pragmatik. Oleh sebab itu, kajian ini turut menggunakan Teori Relevans (TR) untuk pembuktian kerana TR merupakan teori yang turut mengkaji makna dengan mengaitkan makna yang dihajati dengan konteks. Dalam TR, konteks merupakan seberkas andaian yang boleh wujud dalam situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenar. Oleh sebab keterlibatan konteks mental dan juga persekitaran penting dalam interpretasi ujaran, maka konteks dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1986).

1.8 Rumusan Bab

Bab satu membahaskan pengenalan dan latar belakang kepada kajian. Kajian yang bakal dilaksanakan berlatarbelakangkan seni bahasa yang merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK). Bahan seni bahasa iaitu, sajak menjadi asas kepada kajian ini. Perkara-perkara lain termasuklah pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi operasional kajian dan juga kerangka teori yang dipilih untuk melaksanakan kajian. Dalam pernyataan masalah, kecerdasan intelek murid memahami bahan seni bahasa menjadi isu yang perlu dikaji dan diberi nafas baharu melalui pendekatan yang lebih holistik dan berkait rapat dengan perasaan dan pemikiran. Objektif kajian ini pula tertumpu pada analisis makna tersirat serta keberkesanan pendekatan SI sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Bab ini juga sedikit sebanyak telah menerangkan secara terperinci tentang kajian semantik inkuisitif yang akan dijalankan dan turut menyisipkan pengaplikasian TR dan RRS dalam penganalisisan data korpus. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa kajian ini yang menggunakan pendekatan SI akan menjadi satu nilai tambah dalam bidang pengkajian makna dengan mengaitkan keupayaan kognitif murid dengan data, teori, falsafah serta akal budi dalam aktiviti PdP bahan seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tambahan pula, dalam aktiviti PdP seni bahasa, guru dituntut untuk menerapkan KBAT kepada para murid. KBAT ialah kemahiran yang memerlukan murid mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghubungkaitkan, menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, dan merefleksikan isi kandungan pembelajaran dengan situasi semasa. Oleh itu, pendekatan SI yang diaplikasikan dalam kajian ini akan dapat menghasilkan murid yang kreatif, inovatif, efektif, dan cerdas bagi memenuhi cabaran pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) agar negara berupaya untuk memberikan saingan di persada antarabangsa.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini menumpukan tinjauan literatur berdasarkan teori dan analisis semantik inkusitif yang pernah dijalankan dan dilaksanakan. Tinjauan teori dibincangkan berdasarkan Teori Relevans (TR). Tinjauan analisis semantik inkuisitif pula ditumpukan kepada kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji berkenaan semantik inkuisitif yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan.

2.2 Perkembangan Lepas Teori Semantik

Semantik ditakrifkan sebagai bidang kajian yang mentakrifkan makna. Bidang ini telah lama menarik perhatian para pengkaji bahasa khususnya dalam bidang semantik. Dalam bidang linguistik, semantik ialah salah satu komponen linguistik, sebagaimana fonetik dan tatabahasa. Oleh sebab semantik mempunyai pertalian dengan disiplin ilmu-ilmu yang lain, maka berbagai-bagai teori semantik telah dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang berkaitan. Teori yang berbagai-bagai ini pula menghasilkan pandangan yang berlainan tentang hakikat dan makna dalam bahasa. Sebagai contoh, dalam ilmu falsafah, teori semantik yang terkenal ialah teori referensi. Ia juga dikenali dengan teori segitiga semiotik. Teori ini mengutarakan tiga istilah iaitu bentuk, konsep dan referen.

Secara tradisional, semantik melibatkan kajian interpretasi konotatif, rujukan denotatif, syarat benar, struktur argumentasi dan peraturan tema yang kesemuanya mempunyai pertalian dengan sintaksis atau ayat (Abdul Aziz, 2009). Semantik membekalkan kajian makna ayat untuk bahasa dengan cara menghuraikan makna secara spesifik. Untuk menganalisis makna dalam sesuatu bahasa, terdapat banyak tokoh linguistik menganalisis bahasa menggunakan

teori-teori semantik tertentu. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli dalam usaha menganalisis makna. Namun demikian, tiada satu teori yang relevan diaplikasikan untuk menganalisis makna ujaran dengan lebih tepat. Oleh yang demikian, untuk menganalisis makna, pemilihan teori yang bersesuaian dengan konteks ayat amatlah penting.

Antara ahli bahasa yang terawal mengemukakan teori tentang semantik ialah Ferdinand de Saussure, ahli filologi Switzerland. Saussure telah mengemukakan gagasan *signie* (tanda bahasa= perkataan). *Signie* pula kemudiannya dibahagikan kepada dua iaitu *signifie* (diertikan) dan *signifikant* (yang mengertikan). Maksud diertikan ialah makna manakala yang mengertikan ialah bunyi bahasa (Harahap, 1994). Ini bermaksud, lambang linguistik terdiri daripada dua gagasan, iaitu penanda dan petanda. Sebelum de Saussure, kajian semantik khususnya bersifat diakronik, iaitu kajian yang bersifat sejarah, dan tumpuannya pula adalah terhadap perubahan perkataan (Lehrer, 1974, seperti yang dinyatakan dalam Abdul Ghani, 2020).

Menurut Jalaluddin (seperti yang dinyatakan dalam Nathesan, 2003), Bloomfield merupakan ahli bahasa yang mula-mula memasukkan kajian makna ke dalam bidang linguistik. Walaupun Bloomfield tidak mempelopori makna dalam sebarang teori makna, namun dalam tulisannya, beliau lebih menekankan hubungan bentuk dan makna kerana bentuk selalunya melahirkan makna. Dalam erti kata lain, beliau memberi perhatian kepada bentuk ujaran yang melibatkan keadaan penutur dan pendengar berdasarkan rangsangan dan tindak balas. Firth (seperti yang dinyatakan dalam Harahap, 1994) pula telah mengemukakan teori makna yang dikenali dengan Teori Semantik Kontekstual. Teori ini sangat bermanfaat untuk menghuraikan makna bahasa yang terdapat dalam suatu masyarakat kerana setiap pentafsir makna akan dikaitkan dengan budaya masyarakat pengguna bahasa itu sendiri. Teori ini menjadi dasar bagi teori makna dan menjadi penting dalam teori bahasa dan mula mendapat perhatian pada pertengahan abad ke-20 (Nathesan, 1995).

Di Jerman, teori semantik banyak dipengaruhi oleh kajian Jost Trier pada tahun 1931. menurut teori medannya (Wortfeldtheorie) makna sesuatu kata ditentukan, terutamanya oleh makna kata-kata menandakan kurang lebih kawasan konseptual yang sama. Untuk menjadikan makna sesuatu kata eksplisit dalam rangka pemikiran ini bermakna menunjukkan perbezaan semantik antara perkataan individu dengan sinonim-sinonim berjirannya. Sesetengah idea Trier diambil alih oleh apa yang dianggap sebagai satu daripada aliran utama teori semantik dalam linguistik, iaitu semantik struktural. Lyons (seperti yang dinyatakan dalam Abdul Aziz, 2009) menyatakan bahawa teori analisis komponen menjelaskan setiap perkataan mempunyai hubungan makna dengan perkataan yang lain. Hubungan tersebut dikenali sebagai leksikal yang merupakan makna unsur-unsur bahasa sebagai lambang objek. Struktur leksikal merujuk kepada perkataan atau perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa, iaitu makna sesuatu perkataan itu sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam ayat. Analisis komponen diaplikasikan bagi melihat hubungan makna bagi sesuatu perkataan dengan sejumlah unsur atau komponen makna.

Menerusi teori logik simbolik yang diperkenalkan oleh Kempson pada tahun 1991, aspek semantik meneliti perkaitan antara simbol dengan rujukan *(reference),* iaitu, hubungan di antara perkataan dengan objek. Sintaksis pula meneliti perkaitan antara satu perkataan dengan perkataan lain yang boleh menentukan makna. Perkaitan tersebut dilanjutkan dalam konteks yang lebih luas, iaitu frasa atau ayat. Dalam hal ini, sesuatu perkataan akan membawa perbezaan makna jika dihuraikan secara bersaingan atau holistik. Contohnya, perkataan keras hati jika dihuraikan secara berasingan dan mempunyai makna yang berlainan tetapi jika dihuraikan secara holistik, membawa makna degil. Aspek pragmatik pula mengkaji perkaitan antara simbol atau perkataan dengan perlakuan yang ditunjukkan seseorang sebagai reaksi kepada makna perkataan yang ditujukan kepadanya. Sebagai tamsilan, perkataan rindu, geram, benci, cinta akan menimbulkan implikasi, tanggapan dan perlakuan yang pelbagai kepada

individu yang berlainan. Berdasarkan pernyataan tersebut, teori ini memberi penekanan terhadap aspek semantik, sintaksis dan pragmatik. Oleh yang demikian, teori logik simbolik merupakan teori semantik yang lebih lengkap berbanding dengan teori-teori semantik yang lain.

2.3 Kajian Lampau Seni Bahasa dalam Bahasa Melayu

Awang et al. (2016) telah membincangkan tema-tema yang berkaitan dengan perpaduan dalam peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks tingkatan 4 dan 5 dalam artikel kajian yang bertajuk "Mesej Perpaduan dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 Dan 5: Analisis Terhadap Peribahasa Melayu". Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema utama iaitu adaptasi sosial, muafakat, jati diri, dan tanggungjawab. Kesemua peribahasa Melayu yang dianalisis memberi penekanan kepada kebersamaan dalam masyarakat termasuklah kepentingan keharmonian kehidupan. Hal ini bererti, pembelajaran peribahasa Melayu bukan sahaja mendidik pelajar tentang ketinggian pemikiran tamadun Melayu malah menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang penting bagi memupuk perpaduan kaum. Oleh sebab jumlah peribahasa berkaitan perpaduan dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5 adalah sedikit, maka dicadangkan agar dibuat penambahan aspek seni bahasa itu dalam buku teks baharu pada masa depan.

Mad Daud et al. (2017) telah menjalankan kajian penganalisisan makna yang terkandung dalam lirik lagu Melayu. Menurut mereka, makna yang terdapat dalam lirik lagu adalah pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, bahkan mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Kajian ini telah menganalisis jenis-jenis makna perkataan dan kategori gaya berfikir yang terdapat dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Sri Siti Nurhaliza. Kajian ini turut menghuraikan perkaitan antara jenis-jenis makna perkataan yang digunakan dengan pemikiran yang terserlah

melalui lirik lagu “Kerana Jelingan Mu”, “Tanpa Kalian”, “Dalam Taman Syahdu” dan “Diari Hatimu” nyanyian Dato’ Sri Siti Nurhaliza. Lirik-lirik lagu dinyatakan ini telah dinyanyikan oleh Dato’ Sri Siti Nurhaliza di antara tahun 1996 hingga 2010. Kajian ini telah menggunakan pendekatan konsep tujuh jenis makna yang diperkenalkan oleh Geoffery Leech (1974) dan model Six Thinking Hats yang dikemukakan oleh Edward De Bono (1992). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam jenis penggunaan makna daripada tujuh jenis yang telah dikemukakan oleh Leech (1974), iaitu makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif dan tematik. Penggunaan jenis makna yang paling tinggi digunakan adalah makna kolokatif. Berikut merupakan contoh rangkap lirik dalam lagu nyanyian Dato’ Siti Nurhaliza yang bertajuk “Kerana Jelingan Mu” yang mengandungi penggunaan jenis makna kolokatif.

Data 1 (L5 R2 B3-5)
Dua wajah bertemu bagai ada tak kena
Lidah menjadi kelu
Jelinganmu itu tajam menusuk seluruh jiwaku

Dipetik dan diadaptasi daripada kajian
Mad Daud et al. (2017).

Berdasarkan contoh rangkap lirik tersebut, terdapat penggunaan makna konotatif iaitu sesuatu perkataan yang diberikan sifat tambahan serta bukan makna sebenar. Perkataan manusia merujuk kepada makhluk yang mempunyai akal budi, insan atau orang. Namun begitu perkataan manusia diberikan sifat tambahan yang membolehkan perkataan tersebut dikategorikan dalam jenis makna konotatif. Makna-makna tambahan tersebut mewakili maklumat mengenai sifat-sifat manusia untuk memperlihatkan betapa watak manusia tersebut tidak boleh berdiri sendiri tanpa kehadiran orang lain. Penulis lirik dilihat cuba mendominasi

rangkap tersebut dengan kelemahan yang merangkumi sifat watak manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana ayat dalam baris ketiga, perkataan manusia diberikan sifat tambahan seperti sifat lemah. Selain itu, berdasarkan keseluruhan rangkap, terdapat juga sifat lain yang merujuk kepada manusia iaitu tidak boleh bertahan dan keras hati. Hal ini bagi membangkitkan situasi negatif tersebut terhadap manusia. Makna-makna tambahan yang diberikan mampu membuktikan bahawa watak manusia sangat bergantung pada orang lain. Oleh itu, penggunaan jenis makna konotatif memberikan kesan jelas terhadap subjek yang dirujuk. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa bait-bait lagu dalam lirik lagu "Kerana Jelingan Mu" nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza bukanlah hanya untuk menghibur tetapi turut bertujuan untuk mewujudkan suasana ketenangan, di samping mendidik para pendengar dengan pelbagai nilai murni.

Kajian Abdul Razak (2013) memberi tumpuan dalam aplikasi penggunaan strategi pembelajaran melalui projek multimedia menerusi penceritaan digital dalam usaha membantu pelajar menguasai kemahiran menganalisis novel bahasa Melayu tingkatan tiga. Hasil kajian mendapati bahawa pembelajaran berasaskan projek multimedia dalam usaha menghasilkan penceritaan digital multimedia dapat memotivasikan pelajar, mewujudkan pembelajaran yang bermakna, meningkatkan pemahaman dan pencapaian serta kreativiti pelajar. Dapatan kajian dapat dilihat dalam hasil analisis terhadap dua kumpulan pelajar.

Jadual 2.1: Dapatan Analisis Dua Kumpulan Pelajar Dalam Ujian

Kategori Komponen sastera.	Markah (%)	Kumpulan A	Kumpulan B
Tema & persoalan	10	9	9
Watak & perwatakan	10	9	9
Latar	10	9	9
Nilai & pengajaran	10	9	9

Sambungan **Jadual 2.1**

Gaya bahasa	10	9	9
Plot	20	19	17
Bahasa	10	8	8
Audio	5	4	3
Grafik	15	13	10
Jumlah	100	89	83

Nota. Dipetik dan diadaptasi daripada jurnal kajian RA Razak (2013)

Hasil dapatan analisis kajian mendapati Kumpulan A lebih menyerlah dan markah yang diperoleh bagi setiap kriteria adalah tinggi. Bagi tema, persoalan, watak, perwatakan, latar, nilai, pengajaran dan gaya bahasa secara puratanya mereka memperoleh sembilan daripada 10 bagi setiap bahagian. Manakala bahagian plot, Kumpulan A memperoleh 2 markah lebih daripada 19 markah. Hal ini disebabkan oleh isi kandungan plot Kumpulan B, kurang lengkap huraiannya. Namun kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan dalam memahami novel yang dikaji. Dari segi tatabahasa, kedua-dua kumpulan ini mendapat markah yang sama, iaitu lapan. Selain itu, Kumpulan A dilihat lebih kreatif dengan penggunaan audio yang sesuai dan penggunaan grafik yang menarik dan berwarna. Hal ini membuktikan bahawa kolaboratif yang baik antara ahli kumpulan menghasilkan kerja yang berkualiti. Dapatan kajian turut merumuskan bahawa para pelajar daripada kedua-dua kumpulan yang dikaji secara tidak langsung berminat untuk mengkaji novel bagi menyiapkan tugasan yang menjurus kepada pembelajaran seni bahasa. Hal ini membuktikan bahawa projek multimedia telah memotivasikan pelajar untuk mempelajari novel bahasa Melayu tingkatan tiga.

Berdasarkan hasil temu bual pula, responden berpendapat projek multimedia adalah sesuatu yang baharu dan mereka suka akan kaedah pembelajaran ini. Dapatan temu bual daripada kedua-dua kumpulan juga berpendapat mereka secara tidak langsung berminat untuk mengkaji novel bagi menyiapkan projek tersebut. Hal ini membuktikan bahawa projek

multimedia telah memotivasikan pelajar untuk mempelajari novel bahasa Melayu tingkatan tiga. Dengan ini, keunikan motivasi yang ada pada pelajar membantu mereka lebih fokus kepada perkara yang dibincangkan sehingga mereka dapat menyiapkan tugasan yang diberi. Justeru, hasil kajian ini menyokong pendekatan teknologi penceritaan digital sememangnya sesuai digunakan untuk meningkatkan pemahaman PdP Komsas bahasa Melayu.

Surtantini (2015) telah mengintegrasikan seni bahasa dalam konteks merentas kurikulum melalui drama. Menurutnya, drama adalah sebuah bentuk seni yang diangkat dalam makalah ini untuk diintegrasikan dalam mata pelajaran bahasa secara merentas kurikulum. Bagi kebanyakan orang, drama merupakan bentuk seni pertunjukan, tetapi bagi seorang guru bahasa, drama merupakan sebuah aktiviti pembelajaran yang dapat membangkitkan perasaan gembira, memupuk nilai-nilai sosial dan mengembangkan karakter pelajar. Melalui kerjasama dalam kelompok dan penglibatan secara langsung, para pelajar akan sedar bahawa pengintegrasian ini akan menjalinkan hubungan yang lebih erat antara mereka. Hasil dapatan kajian juga menjelaskan drama dapat menyediakan suasana pembelajaran yang lebih autentik dalam kalangan pelajar.

Seiring dengan perkembangan dunia dan perubahan waktu, drama telah menjadi satu medium pembelajaran yang menarik di samping dapat memberikan impak positif dan keterampilan interpersonal dalam diri pelajar. Menurut hasil kajiannya, legenda, mitos, cerita, puisi yang digunakan dalam drama mendidik pelajar tentang isu-isu sosial, nilai-nilai, konflik dari budaya pada masa lampau dan sekarang serta di seluruh dunia. Semua ini mewujudkan kesedaran sosial dalam kalangan pelajar. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap satu sesi pembelajaran drama, para pelajar telah menunjukkan kerjasama, saling memahami dan saling mempercayai di antara ahli kumpulan. Hasil temu bual juga, rata-rata pelajar meluahkan rasa puas hati terhadap pengintegrasian drama dalam pembelajaran seni bahasa.

Mohamad Hanapi dan Zakaria (2019) telah menjalankan kajian yang mengenal pasti unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang terdapat melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Semiotik Peirce (1965) dan teori Konstruktivisme dalam kajian mereka. Dalam metodologi kajian, pengkaji menjelaskan Semiotik atau semiologi bererti ilmu tanda-tanda (sign) secara sistematik seperti ikonik, indeksikal dan simbolik. Ikonik adalah tanda yang menyerupai objeknya seperti foto seseorang. Indeksikal adalah tanda yang memiliki hubungan dengan objeknya seperti asap dengan api. Simbolik pula adalah tanda yang secara arbitrari atau konvensional dikaitkan dengan rujukannya. Dalam kertas kajian ini, aspek yang dibincangkan adalah aspek simbol kerana ia bersesuaian untuk digunakan bagi memahami peribahasa dengan menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Berikut merupakan salah satu daripada hasil dapatan kajian ini.

Jadual 2.2: Makna Peribahasa 'Jangan bangunkan kucing yang tidur'

Peribahasa	Episod	Maksud peribahasa
Jangan bangunkan kucing yang tidur	Pekasam Mata Harimau	Jangan mengganggu musuh yang tidak melakukan apa-apa kepada kita

Nota. Data dipetik daripada kajian Mohamad Hanapi & Zakaria (2019) Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) Melalui Peribahasa dalam Bahan Multimedia untuk Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.

Berdasarkan peribahasa yang diungkapkan, kucing merupakan objek utama yang ditekankan. Peribahasa ini membawa maksud, janganlah seseorang individu itu mengganggu musuh yang tidak melakukan apa-apa kepadanya. "Kucing" pada hakikatnya merupakan sejenis haiwan yang jinak, comel, tangkas dan manja. Dalam masyarakat Melayu, selain memelihara dan menternak haiwan yang boleh dijadikan sumber makanan serta membantu mereka melakukan pekerjaan seperti bersawah, haiwan seperti kucing juga dipelihara sebagai

haiwan yang boleh diajak bermain di dalam rumah kerana saiz fizikal kucing yang sederhana kecil. Kelincahan kucing menjadi salah satu terapi ketika mereka melepaskan penat lelah setelah seharian suntuk berada di bendang ataupun di kebun. Namun, sesekali tanpa diduga kucing akan bertindak ganas jika mendapati dirinya terancam dan boleh mencederakan manusia. Ini dapat dilihat ketika kucing diganggu ketika sedang tidur. Melalui pengamatan masyarakat Melayu ketika itu yang ada memelihara kucing, maka sifat ganas kucing yang jarang-jarang berlaku maka terhasillah peribahasa "Jangan dibangunkan kucing yang tidur". Kucing menjadi simbol kepada ganas, garang, dan akan mencederakan sesiapa sahaja jika diganggu.

Dalam peribahasa ini, masyarakat Melayu sebenarnya ingin mengingatkan kepada masyarakatnya supaya sentiasa berhati-hati dan tidak mengganggu orang lain tanpa sebab yang munasabah. Apabila setiap masyarakat memainkan peranan mereka masing-masing, maka tidak berlakulah sebarang kejadian yang tidak diingini seperti pergaduhan dan perselisihan faham. Kejadian seperti ini akan menyebabkan hubungan sesama manusia akan terjejas. Peribahasa seperti ini amat sesuai diajarkan oleh guru kepada anak didik di sekolah kerana maksud peribahasa itu sendiri amat rapat dengan tingkah laku dan sikap segelintir pelajar yang gemar mengganggu rakan-rakan ketika ketiadaan guru di dalam bilik darjah. Kewujudan peribahasa Melayu bukan setakat menyampaikan makna melalui konsepsi sifat abstrak kepada konkrit, tetapi sebaliknya mengandungi falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Kenyataan ini selari dengan falsafah yang ditekankan dalam pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam buku terbitannya yang bertajuk "Semantik dan Akal Budi Melayu".

Subet (2015) telah mengkaji bahasa figuratif dalam genre sajak Usman Awang yang bertajuk "Pelacur Tua" menggunakan Teori Relevans (TR). Kajian ini menggunakan TR kerana menurut pengasas teori ini, iaitu Sperber dan Wilson, 1986 (seperti yang dinyatakan

dalam Jalaluddin, 2003), bahasa figuratif (BF) seperti metafora, ironi dan hiperbola yang jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice dalam kaedah implikaturnya, masih ternyata tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej. Kajian ini telah memanfaatkan tiga baris dalam sajak "Pelacur Tua" sebagai data. Baris-baris berkenaan terdiri daripada tiga unsur bahasa figuratif yang berlainan, iaitu personifikasi, ironi dan hiperbola. Data "Sebuah dinding tua" dalam sajak "Pelacur Tua" merupakan bahasa figuratif jenis personifikasi. Personifikasi secara pengertiannya ialah pemberian sifat manusia kepada objek atau konsep atau juga dikenali sebagai perorangan. Data ini merupakan baris yang mengemukakan bahasa figuratif jenis personifikasi kerana sifat manusia, iaitu "tua" diberikan kepada konsep, iaitu "dinding". Sebelum analisis TR dilakukan, makna linguistik sesuatu bahasa figuratif terlebih dahulu dicari seperti yang disarankan dalam TR. Makna literal "sebuah dinding tua" ialah "sebuah dinding yang telah lama". Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira pandangan Carol (2008), jika data bahasa figuratif ini dianalisis menggunakan TR, didapati terdapat lebih daripada makna linguistik yang dikemukakan. Seperti yang dinyatakan di atas, TR membenarkan kita menentukan kod, inferens dan andaian untuk sampai kepada makna sebenar sesuatu ujaran. Oleh itu, dengan menggunakan TR, data ini telah dianalisis seperti yang berikut:

Jadual 2.3: Analisis TR 'Sebuah Dinding Tua'

Analisis TR		
Data : Sebuah Dinding Tua		
Kod	Inferens	Andaian
dinding	Rumah atau hotel	1. rumah usang 2. hotel murah
		3. rumah tumpangan 4. sarang pelacur

Nota. Dipetik dan diadaptasi daripada kajian Subet (2012)

Dengan mengambil kira peranan kognitif, pendengar memproses makna "sebuah dinding tua" itu sebagai "rumah usang". Jika mengambil kira aktiviti pelacuran, biasanya pengetahuan sedia ada yang ada pada pendengar terus mengaitkan makna "sebuah dinding tua" itu dengan hotel murahan ataupun hotel bajet yang biasanya menjadi lokasi aktiviti maksiat berkenaan. Dengan analisis TR, setelah menentukan kod, membuat inferens dan mengemukakan set andaian di atas, proses menentukan andaian yang paling relevan pula dilakukan. Beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, dalam TR, pendengar membina kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Kajian ini mendapati kesan konteks atau kesan kognitif yang terbina daripada andaian tersebut tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Pendengar dapat mengaitkan andaian ini dengan maklumat sedia ada mereka tentang dunia pelacur.

Seterusnya, Subet (2019) turut melaksanakan kajian menggunakan TR dalam pengajaran-pembelajaran gaya bahasa. Kajian ini telah diimplementasikan di dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 5. Kajian ini dijalankan dalam usaha pengkaji untuk menambah baik pendekatan pengajaran-pembelajaran gaya bahasa sedia ada seperti Pendekatan Struktural, Pendekatan Mengalami-Menghayati dan Pendekatan Berfokus. Pengkaji telah mencadangkan aplikasi TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) dalam proses meneroka makna bahasa figuratif (BF) dalam bahan seni bahasa sajak yang bertajuk "Suasana" hasil karya Usman Awang (UA) (1965). Pengkaji memilih bahan seni bahasa sajak sebagai data kajian kerana sajak ini pernah dijadikan bahan pengajaran pada peringkat SPM. Pendekatan TR yang digunakan dalam kajian ini menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses (Jalaluddin, 2014).

Dalam perbincangan kajian, pengkaji telah memilih BF persofikasi daripada baris sajak UA (1965) iaitu "Hati mereka bersalam dan saling berpelukan". Pengkaji dan para pelajar telah merujuk setiap makna perkamusan bagi setiap perkataan dalam baris BF ini. Namun begitu,

pengkaji menjelaskan pelajar bahawa makna perkamusan bukanlah makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Dalam situasi ini, TR bertindak membantu pengkaji dan pelajar mencari makna tersirat sebenar yang terselit dalam baris BF tersebut. Pengkaji memperkenalkan kod, inferens dan andaian dalam usaha mencari makna tersirat baris BF berkenaan. Pendekatan TR yang pengkaji gunakan telah memaparkan analisis seperti berikut:

Jadual 2.4: Analisis TR : Personafikasi – (Baris 15) Hati mereka bersalaman dan saling berpelukan

Kod	Inferens	Andaian
Hati	Perasaan mesra	1. Tidak bermusuhan dan tidak benci antara satu sama lain 2. Hormat-menghormati antara satu sama lain ekoran persahabatan yang mesra kewujudan kasih sayang. 3. Hidup dalam harmoni dan tiada syak wasangka antara satu sama lain. 4. Perpaduan kaum yang sangat jelas. 5. Sangat mesra


Nota. Dipetik dan diadaptasi daripada kajian Subet (2019), Pengajaran-Pembelajaran Gaya Bahasa: Aplikasi Teori Relevans.

Dalam baris 15 seperti yang dinyatakan, maksud harfiah yang diperoleh terlebih dahulu telah membekalkan kesan kognitif yang diperlukan untuk memproses baris berkenaan. Hasil kajian juga mendapati baris tersebut menjadi semakin mudah diproses dengan mengambil kira lima andaian yang telah dikemukakan. Proses pengajaran-pembelajaran dalam aspek pengesanan makna menjadi lebih mudah dengan mengambil kira lima andaian tersebut kerana menurut pandangan Jalaluddin (1992, p.35), sesuatu andaian menjadi relevan dalam sesuatu konteks, jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan kognitif ketika berada dalam satu

konteks. Pengkaji juga menjelaskan dalam kajiannya bahawa dapatan makna tersebut diperkukuh lagi dengan memberi input atau maklumat tambahan perihal perpaduan kaum di Malaysia. Hal ini diandaikan telah sedia wujud dalam memori jangka panjang pengkaji dan seterusnya dapat membuktikan lagi kebenaran pandangan itu. Secara kesimpulannya, dapatan kajian turut mendapati pengaplikasian TR sebagai pendekatan pengajaran-pembelajaran bagi meneroka makna BF dalam sajak berupaya menjana pemikiran kreatif dan kritis para pelajar. Pendekatan TR membolehkan pelajar memikirkan andaian-andaian yang diperlukan untuk sampai kepada makna sebenar yang dihajati. Selain itu, pelajar juga berkeupayaan untuk memikirkan makna di luar jangkauan isi yang dipaparkan secara bertulis (Subet, 2019). Dalam erti kata lain, pendekatan TR yang digunakan dalam proses pengajaran-pembelajaran gaya bahasa ini berupaya mengasah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang memang telah sedia wujud dalam kotak pemikiran pelajar dalam menempuh serta mengharungi alam pembelajaran abad ke-21 ini.

Kajian Ishak dan Wan Mohammad (2021) telah membincangkan penerapan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) simpulan bahasa yang diambil daripada buku teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Pengkaji telah melaksanakan kajian berbentuk kualitatif berdasarkan analisis teks iaitu Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahap 1 yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2016 sehingga tahun 2018. Secara keseluruhannya, pengkaji telah dapat mengesan 19 simpulan bahasa yang terdapat dalam buku teks tersebut. Pengkaji telah menggunakan analisis pragmatik iaitu Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Salah satu daripada data kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji ialah simpulan bahasa “Mandi Peluh”. Pengkaji telah memperoleh makna simpulan bahasa “Mandi Peluh” dengan menggunakan Kamus Dewan Perdana (2020). Maksud yang telah diperoleh ialah basah dengan peluh. Leksikal *mandi* bermaksud perbuatan

membersihkan seluruh anggota tubuh yang biasanya menggunakan air dan sabun. Manakala, *peluh* pula merupakan air yang keluar daripada liang-liang roma disebabkan melakukan aktiviti yang banyak menggunakan tenaga (Kamus Dewan Perdana, 2020). Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pengkaji telah membimbing pelajar untuk menggunakan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan maklumat rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar berdasarkan ayat yang mengandungi simpulan bahasa mandi peluh. Oleh itu, pengkaji telah memimpin pelajar menggunakan pendekatan RRS. Contoh ayat yang wujud dalam data kajian ialah



(Sumber: Buku Teks Tahun 1, 2016)

Nota. Dipetik daripada kajian Muhamad Khairul Anam Ishak dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik.

Hasil daripada RRS yang dibina oleh pelajar mahupun guru berdasarkan pengetahuan ataupun pengalaman sedia ada, pelajar dapat mentafsir makna simpulan bahasa mandi peluh dengan lebih mudah. Sehubungan dengan itu, menurut Aida dan Daud (dalam kajian Ishak dan Wan Mohammad, 2021) ini, hal selanjutnya ini akan memberi kesan kognitif yang tinggi kerana pelajar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa tersebut. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan oleh pengkaji, pelajar membuat andaian bahawa Abang Fadil dan Nazri berlatih di padang menyebabkan tubuh mereka mengeluarkan peluh. Melalui RRS, mandi peluh dapat dikaitkan dengan aktiviti berlatih di padang akan menyebabkan tubuh badan mengeluarkan peluh yang banyak sehinggakan badan mereka basah. Hal ini tidak ubah seperti mandi dengan menggunakan air peluh. Andaian yang

dibentuk oleh pelajar ini meninggalkan kesan kognitif yang tinggi kepada pelajar berkenaan dengan makna simpulan bahasa tersebut.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa ‘mandi peluh’ yang terdapat dalam data di atas telah dikenal pasti memancarkan nilai murni kerajinan. Nilai murni kerajinan bermaksud satu usaha yang berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan dan kegigihan dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan (Ismail, 2019). Selain itu, kerajinan juga merujuk kepada seseorang yang rela mengorbankan masa dan tenaga untuk perkara yang berfaedah. Hal ini dibuktikan oleh Nazri yang rajin berlatih bersama Abang Fadil di padang setiap hari untuk meningkatkan kemahiran asas untuk bermain bola sepak. Untuk menjadi seorang pemain bola sepak, perlulah sikap rajin berlatih untuk membina kecergasan yang tinggi, ketahanan diri dari segi mental dan fizikal supaya dapat menjadi pemain yang hebat. Simpulan bahasa ini mampu menerapkan nilai murni kerajinan dalam diri pelajar kerana untuk berjaya dalam sesuatu bidang, seseorang itu mestilah rajin berusaha sehingga berjaya. Kajian yang telah dijalankan ini secara langsung dilihat dapat merungkai makna implisit yang ingin disampaikan oleh penutur melalui bahasa kiasan.

Tang et al. (2021) pula telah melaksanakan kajian dengan mengaplikasikan TR dalam kajian mereka yang bertajuk “Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevans”. Mereka telah memilih 30 orang orang murid Tingkatan 1 berbangsa Melayu, Cina dan India sebagai informan. Para pengkaji turut menggunakan data tiga jenis peribahasa Melayu, iaitu ‘bagai menatang minyak yang penuh’,‘harapkan pagar, pagar makan padi’, dan ‘bagai melepaskan batuk di tangga’. Dapatan kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan ditambah baik pada tahun 1995. Dalam perbincangan kajian, pengkaji telah menerangkan bahawa para pelajar telah dinilai dari segi pembentukan ayat yang dibina sendiri

oleh pelajar yang memerlukan pelajar menggunakan tiga peribahasa yang dipilih sebagai data kajian untuk melihat kefahaman makna terhadap peribahasa yang dikaji.

Berdasarkan salah satu data peribahasa yang telah danalisis iaitu ‘bagai menatang minyak yang penuh’, terdapat pelajar yang berjaya mentaksir makna peribahasa ini sebagai ‘menyayangi anak dengan penuh kasih sayang’ hasil daripada pembinaan beberapa ayat seperti ‘Encik Gokul menjaga anak-anaknya bagai menatang minyak yang penuh’, ‘Ibu Faiz menjaga adiknya bagai menatang minyak yang penuh’, ‘Puan Losliya menyayangi anaknya Mugen Rao bagai menatang minyak penuh’, dan ‘Sufian dijaga bagai menatang minyak yang penuh oleh bapanya setelah ibunya meninggal dunia’. Pengkaji menekankan bahawa keadaan ini jelas menunjukkan pelajar faham maksud peribahasa ini. Berdasarkan teori relevans, semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan. Maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Berdasarkan teori ini, pelajar memahami dengan jelas maksud peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’. Dalam erti kata lain, kesan konteks bagi pemahaman pelajar terhadap peribahasa ini adalah tinggi. Keadaan ini menyebabkan kurang usaha memproses maklumat kerana pelajar tahu makna peribahasa tersebut sebagai salah satu perbuatan menyayangi atau menjaga anak dengan sepenuh hati.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat pelajar yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘jaga anak dengan cermat’ dengan contoh ayatnya “Kumar menjaga anak tunggalnya bagai menatang minyak penuh”. Keadaan ini sejajar dengan konteks, seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Pengkaji juga menjelaskan secara psikologinya, pelajar dilihat telah berjaya mengaitkan analogi bagi perbuatan menatang minyak sebagai perbuatan yang cermat, tidak boleh ditumpahkan dan perlu ditatang dengan selamat. Berdasarkan pemahaman tersebut, maka pelajar secara tidak langsung dapat mengaitkan makna peribahasa tersebut dengan perbuatan menjaga anak dengan baik tanpa mengandaikan makna-makna yang lain. Daripada hasil analisis data yang diberikan, pelajar

dapat memberi jawapan yang berhubung kait dengan makna peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’ sekali gus menunjukkan tahap pemahaman murid terhadap peribahasa ini adalah sangat tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebolehan pelajar mentafsir makna selalunya dikaitkan dengan psikologi, budaya dan persekitaran fizikal mereka seperti yang dinyatakan dalam TR iaitu seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dan ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling hampir. Dalam erti kata lain, semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevanlah ujaran tersebut.

Zakaria et al. (2023) telah melaksanakan kajian yang bertajuk ‘Analisis Teori Relevans: Perwatakan, Nilai dan Pengajaran dalam Novel Jalan Ke Puncak Karya Juri Durabi’. Para pengkaji telah menganalisis perwatakan, nilai, dan pengajaran dalam teks novel tingkatan 2. Novel ini mengandungi 15 bab yang mengemukakan Laiman sebagai watak utama dan watak sampingan, iaitu Milan, Pak Kiassim, Milan, Pak Sahok dan Soniah. Namun begitu, pengkaji hanya memilih watak utama, iaitu Laiman sebagai data kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986) untuk menganalisis watak Laiman. Prosedur penganalisisan data kajian dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu pemilihan teks untuk dianalisis iaitu watak Laiman dalam novel ‘Jalan Ke Puncak’ (Juri Durabi, 2015). Pada peringkat eksplikatur, data kajian dianalisis secara tersurat melalui pemilihan perkataan atau frasa untuk memperoleh makna logik. Suatu kesan konteks dapat ditimbulkan dalam diri murid dan mewujudkan kesan kognitif dengan disokong oleh pengetahuan sedia ada melalui makna logik yang diperoleh. Makna tersirat atau andaian implisit diwujudkan hasil daripada kesan kognitif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid.

Pada peringkat seterusnya, kesimpulan secara implikatur dibuat terhadap data yang telah dianalisis. Makna sahih yang hendak dituturkan oleh penulis novel ini dapat diketengahkan berdasarkan watak utama yang dijadikan sebagai asas penyelidikan. Menurut

Sameon dan Subet (2020), suatu ujaran adalah relevan jika sekiranya kesan konteks tinggi. Usaha memproses secara langsung menjadi rendah. Daripada maklumat yang diperoleh, murid dapat mentafsir makna secara implisit berpandukan perkara yang telah diketahui. Usaha memproses menjadi lebih mudah apabila semakin tinggi pengaruh tersebut, semakin mudah untuk murid mentafsir makna tersirat. Proses menganalisis data dapat dilihat pada **data 1** yang dipetik daripada kajian,

> "Aku tak harap sangat. Kalau ada apa-apa aku yang kena cari. Bukan kontraktor." – Laiman (Jalan ke Puncak; ms 15)
>
> **Makna logik**: Laiman tidak lepas tangan dalam melaksanakan tugasnya kerana jika berlaku sesuatu yang buruk, dia yang perlu bertanggungjawab.

Hasil analisis data 1 menunjukkan kesimpulan implikaturnya ialah seorang pekerja yang bertanggungjawab dan amanah dalam menjalankan tugasnya. Nilai yang dikesan ialah amanah dan bertanggungjawab. Pengajaran yang diperoleh pula ialah ita hendaklah bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Selain itu, ita perlulah amanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa analisis TR dapat membantu murid memahami data teks serta menggalakkan murid menghayati karya dan mencari makna implisit dalam novel 'Jalan ke Puncak'. Teks terpilih daripada novel telah berjaya dianalisis secara eksplisit pada peringkat awal menggunakan teori TR dan makna kata dalam bentuk logik dapat diterjemahkan secara implisit. Pada akhirnya, perwatakan, nilai dan pengajaran dalam watak utamayang dianalisis dalam teks novel tingkatan 2, iaitu 'Jalan ke Puncak' karya Juri Durabi dapat dirungkaikan pada peringkat kognitif.

Ahamad et al. (2022) pula telah menjalankan kajian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran aspek seni bahasa dan menjelaskan kompetensi guru bagi pelaksanaan KBAT melalui pendekatan

konstruktivisme dalam aspek seni bahasa. Beberapa ciri telah dikenal pasti hasil daripada dapatan kajian. Antara ciri-ciri pendekatan konstruktivisme yang diperoleh ialah *'Scaffolding'* yang dapat dihuraikan sebagai bimbingan daripada rakan sebaya yang lebih mahir dalam pengimplementasian KBAT seni bahasa. Penyelesaian masalah bersama rakan-rakan sebaya yang berkemahiran dapat melahirkan murid yang kritis dan kreatif. Selain itu, sumber bahan juga ialah ciri pendekatan Konstruktivisme bagi pemupukan amalan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Sumber bahan yang digunakan seharusnya disesuaikan oleh guru dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini sebagai sumber bahan pengajaran perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru agar sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa lebih bermakna. Menurut Mayer (2009), pengetahuan para pelajar dapat dibina berdasarkan maklumat-maklumat yang telah dipersembahkan melalui penggunaan multimedia sebagai sumber bahan dalam PdP kerana ia merupakan alat kognitif yang sesuai dengan situasi semasa.

Selain itu, ciri-ciri pendekatan konstruktivisme seterusnya yang dikenal pasti oleh barisan pengkaji ialah kolaborasi. Kolaborasi yang melibatkan budaya perkongsian ilmu membantu pemahaman murid serta penghasilan idea baharu dalam pendekatan konstruktivisme bagi pengajaran seni bahasa. Kolaborasi bersama-sama rakan kumpulan membolehkan pembelajaran bagi penyelesaian masalah secara berkumpulan. Murid-murid dapat berkolaborasi, berfikir secara kritis, menyumbang idea serta berkomunikasi secara berkumpulan bagi menyelesaikan masalah. Tambahan pula, aspek kolaborasi menjadi keutamaan dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Apa yang penting ialah guru perlu mempunyai kemahiran yang mantap dalam pelaksanaan PdP agar mewujudkan ruang kolaboratif dalam kalangan murid. Walaupun secara umumnya ciri-ciri pendekatan Konstruktivisme dapat dikenal pasti dalam kajian ini, namun bagi pengkaji gurulah insan yang perlu mencorakkan pendekatan konstruktivisme yang berteraskan KBAT dalam proses

pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Pengkaji mengharapkan agar pemupukan KBAT melalui pendekatan konstruktivisme dapat dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi aspek seni bahasa supaya para murid lebih kritis, kreatif. dan berinovasi.

Kajian seni bahasa turut dilakukan oleh Benson et al. (2023) yang menganalisis maksud metafora yang membentuk *leka pelian*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis setiap kategori metafora yang terdapat di dalam *leka pelian.* Lima kategori metafora dikenal pasti dan dipecahkan mengikut kategori, iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora unsur haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Kategori metafora dalam *leka pelian* dianalisis berdasarkan Teori Konseptual Metafora (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan teori tersebut, didapati wujud hubungan antara bahasa, fikiran dan pengalaman untuk membentuk struktur konseptual yang kompleks. Berdasarkan teori ini, unsur alam dan bukan alam merupakan lambang yang digunakan dalam pembentukan bahasa kiasan metafora *leka pelian.* Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks dan temu bual separa struktur bagi mendapatkan data. Kajian ini mendapati bahawa bahasa kiasan dalam leka pelian banyak menggunakan kategori metafora alam dan haiwan.

Data kajian yang telah diperoleh ialah *'Oh, oh, oh kasai oh, Bekeberai dih bunga kasai, Gugur tuai ningang ulai ulak leletang'* , iaitu data yang dikategorikan dalam metafora abstrak ke realiti. Jenis pelian yang digunakan ialah '*Pelian orang sakit ditunang utai'.* Berdasarkan hasil analisis data, metafora bunga kasai jatuh berguguran (Buah kristal) (*Bekeberai dih bunga kasai*) bunga kasai yang digunakan dalam *leka pelian* tersebut mewakili abstrak, iaitu sesuatu objek yang dapat dilihat dan dirasa. *Bekeberai* pula keadaan dasar antropologi manusia yang menjelaskan pembentukan makna secara metaforikal. Kategori metafora tersebut merupakan bahasa kiasan yang membandingkan atau menghubungkan sesuatu objek atau perkara dengan

perkara yang lain. Oleh itu, metafora abstrak ke realiti ialah Bunga Kasai jatuh berguguran, Gugur matang menimpa ombak yang deras (*Bekeberai dih bunga kasai, Gugur tuai ningang ulai ulak leletang*). Sesuai dengan Teori Metafora Lakoff dan Johnson (1980), iaitu bunga kasai yang matang merupakan sumber domain (SD), manakala berguguran (*bekeberai*) adalah sumber sasaran (SS). Situasi ini menunjukkan perasaan sedih pada akhir tali percintaan yang harus diputuskan. Dalam konteks *pelian orang sakit ditunang utai*, *Bujang Melanyi* dipaksa oleh *Manang* (pengamal ritual) untuk melepaskan pesakit atau memutuskan pertunangan dengan pesakit. Hal ini kerana roh pesakit diganggu oleh *Bujang Melanyi* yang menyebabkan pesakit sakit di dunia nyata. Kesimpulannya, pengkaji menjelaskan di sini bahawa fungsi kognitif metafora ialah gaya bahasa kiasan atau perbandingan dalam rumpun seni bahasa yang menyebut dua perkara berbeza tanpa menggunakan perkataan perbandingan (Deignan, 2005). Metafora juga menjadi bahasa ungkapan kepada penulis atau pengarang dalam hasil karya kerana setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri.

Mohd Yusof et al. (2023) telah melaksanakan kajian bertajuk ‘Permainan “E-Teka Silang Kata” dalam Meningkatkan Perkembangan Murid dalam Pembelajaran Gaya Bahasa Sajak Antologi Kubentang Sehelai Peta’. Kajian ini memfokuskan terhadap penggunaan permainan “E-Teka Silang Kata dalam meningkatkan perkembangan murid dalam pembelajaran gaya bahasa sajak Antologi Kubentang Sehelai Peta bagi mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Sebanyak 10 buah sajak dalam antologi ini dipilih untuk pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa. Kajian ini meggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan data kajian ini akan dianalisis secara deskriptif berdasarkan tema yang dibangunkan menggunakan Teori Pengajaran Konstruktivisme. Pendekatan teori konstruktivisme secara umumnya menjelaskan bahawa kebolehan murid dalam membina pengetahuan atau konsep sendiri secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran. Pembelajaran

secara konstruktivisme juga berdasarkan kepada kebijaksanaan murid hasil daripada interaksi nya dengan keadaan persekitaran (Suparlan, 2019).

Hasil analisis mendapati peningkatan dalam perkembangan murid dalam mempelajari gaya bahasa menggunakan “E Teka Silang Kata”. Berdasarkan senarai semak pemerhatian pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, didapati berlaku perkembangan positif dalam kalangan pelajar KMK Tingkatan 4 untuk mempelajari gaya bahasa menggunakan “E Teka Silang Kata”. Lima item digariskan dalam borang senarai semak pemerhatian, iaitu (i) Murid bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas, (ii) Murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru, (iii) Murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan, (iv) Guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berbentuk permainan yang menarik dan sistematik dan (v) Murid dapat memahami topik pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa yang disampaikan di dalam bilik darjah.

Hasil analisis senarai semak pemerhatian, 15 daripada 16 pelajar menunjukkan perubahan yang positif dengan menunjukkan kesediaan untuk memulakan pembelajaran. Kesemua 16 orang pelajar memberikan perhatian semasa proses pengajaran, mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran serta memahami topik pengajaran yang disampaikan. Pelajar juga tertarik dengan BBM yang guru gunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan “E-Teka Silang Kata” meningkatkan perkembangan murid mempelajari gaya bahasa sajak dari aspek kesediaan, perhatian yang diberikan dan penguasaan terhadap topik pengajaran dan pembelajaran. Implikasi kajian menunjukkan bahawa permainan “E-Teka Silang Kata” boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar alternatif untuk menarik minat dan meningkatkan kefahaman murid dalam topik gaya bahasa.

Secara keseluruhannya, hasil-hasil kajian daripada pengkaji terdahulu telah terbukti bahawa seni bahasa berkesan dan membawa impak yang positif dalam pengajaran dan

pembelajaran. Namun begitu, dari segi pemahaman makna dalam bahan pengajaran itu membantutkan usaha guru dan murid untuk sama-sama menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam situasi yang menyeronokkan. Dengan pelaksanaan analisis dengan menggunakan semantik inkuisitif ini nanti, diharapkan agar dapat membantu pendidik dan murid memahami makna bahan pengajaran seni bahasa dengan lebih mendalam.

2.4 Bidang Kajian Berkaitan: Semantik Inkuisitif

Pelbagai kajian lepas tentang semantik inkuisitif telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli sastera di dalam negara. Walaupun semantik inkuisitif ini agak baharu dalam bidang pengkajian makna, namun semakin ramai para sarjana menunjukkan minat dalam bidang ini. Jalaluddin (2014) dalam bukunya yang bertajuk Semantik dan Akal Budi Melayu telah memperkenalkan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa sehingga menemui akar umbi dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi penutur jati. Jalaluddin (2014) beranggapan perlu ada satu lagi tahap bagi melengkapkan analisis makna dalam kalangan ahli bahasa, iaitu yang melangkaui pandangan mata kasar. Tahap tertinggi penganalisisan makna dengan lebih mendalam ini memerlukan tafsiran ‘mata hati’ yang terselindung di sebalik maksud tersurat dan tersirat.

Dalam kajian Zakaria dan Jalaluddin (2016) yang bertajuk ‘Konsep Ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis Semantik Inkuisitif’, konsep ruang merangkumi ruang fizikal, ruang masa dan ruang sosiobudaya. Ruang fizikal merujuk kepada ruang yang berbentuk konkrit, boleh dizahirkan dan dapat dilihat secara maujud (dilihat dengan mata kasar). Ruang masa melibatkan jarak antara satu titik waktu dan titik waktu yang lain. Sementara ruang sosiobudaya pula merangkumi perhubungan, status, psikologi (intelektual dan spiritual) atau hubungan. Justeru, kajian yang dijalankan melengkapkan lagi kajian yang telah ada dengan penumpuan khusus kepada ruang fizikal dengan mengambil beberapa ungkapan implisit

sebagai data kajian. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga tercungkilnya akal budi Melayu melalui analisis terhadap konsep ruang dalam cerita Anggun Cik Tunggal. Satu contoh hasil dapatan kajian ini yang dikemukakan di bawah menunjukkan bahawa konsep ruang tidak wujud secara jelas dan nyata. Berikut merupakan satu contoh data kajian yang dijalankan oleh Zakaria dan Jalaluddin (2016) ini.

"Maka Raja Bedurai Putih pun bertitah kepada Perdana Menterinya suruh lengkap:
Kapal Petolo Kapal Petolai,
Siang berbaju layang,
Malam berbaju rantai;
Makan kerbau orang di haluan,
Melayangkan surat ke buritan;
Makan kerbau orang di buritan,
Melayangkan surat ke haluan;
Tujuh buah rumah berhala di dalamnya,
Tujuh buah mahligai di dalamnya."

[perenggan 3: muka surat 267]


Pada peringkat pertama, data dianalisis menggunakan Teori Relevans (TR). Secara literalnya, dalam bentuk logik, data ini menjelaskan bahawa Raja Berdurai Putih memerintahkan Perdana Menterinya untuk menyediakan kelengkapan berperang. Apabila ada jamuan makan di haluan kapal, jemputan jamuan disampaikan menggunakan surat ke buritan kapal. Manakala jamuan makan yang melibatkan di bahagian buritan kapal, jemputannya di bahagian haluan turut menggunakan surat. Di dalam kapal itu terdapat tujuh buah rumah berhala dan tujuh buah mahligai. Pada tahap analisis yang kedua pula, iaitu peringkat kognitif, Rangka Rujuk Silang (RRS) digunakan. Dalam analisis ini, keluasan dan kebesaran saiz kapal

induk kumpulan Kapal Petolo Kapal Petolai itu digambarkan melalui ungkapan **makan kerbau orang di haluan** dan **makan kerbau orang di buritan.** Frasa **makan kerbau orang di haluan** dan **makan kerbau orang di buritan** ini mengandungi makna yang kabur apabila leksikal **kerbau** digabungkan dengan leksikal makan yang menjadi frasa **makan kerbau.**

Kemudiannya, setelah persekitaran kognitif yang relevan wujud dalam minda pendengar, ungkapan seterusnya selepas **Kapal Petolo Kapal Petolai** ditambah untuk mengukuhkan lagi imej kapal yang besar dan gah serta banyaknya bilangan kapal yang ada. Ungkapan **siang berbaju layang** dan **malam berbaju rantai** ini menguatkan gambaran keadaan Kapal Petolo Kapal Petolai. Pada waktu siang kapal-kapal ini akan berlayar dan layar yang terdapat pada kapal-kapal tersebut akan terkembang dan berkibar-kibar. Layar-layar yang kembang dan berkibar-kibar itu diibaratkan kapal-kapal yang memakai baju dan terbang seperti layang-layang. Pada waktu malam pula, Kapal Petolo Kapal Petolai berhenti belayar dan berlabuh dengan keadaan semua sauh kapal yang diikat dengan rantai besi diturunkan ke laut untuk menghalang kapal-kapal itu daripada bergerak. Berdasarkan teori Relevans, kesan kognitif yang telah terbina untuk ruang (besarnya kapal induk dan luasnya kawasan yang menempatkan Kapal Petolo Kapal Petolai) dikukuhkan melalui proses penguatan dengan unsur penegasan yakni maklumat baharu, iaitu ungkapan **siang berbaju layang, malam berbaju rantai.** Jelasnya, pendekatan semantik inkuistif yang digunakan dalam kajian ini mampu menjawab persoalan ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ yang timbul. Pengaplikasian pendekatan SI ini membantu pendengar membuat inferens tentang ruang walaupun pada kenyataannya ruang yang dimaksudkan itu tidak berapa jelas untuk diperkatakan. Analisis yang menggunakan pendekatan inkusitif ini menyerlahkan lagi sifat dan pemikiran orang Melayu yang bijak memilih kata dan frasa serta dapat pula merungkai fasafah dan akal budinya.

Seterusnya, kajian Che Man dan Jalaluddin (2018) telah melihat unsur burung dengan menggunakan data pantun daripada buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan

Melayu (1990). Pengkaji mengkategorikan setiap burung mengikut gelagatnya yang terdapat dalam pantun Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan konsep ad hoc yang terdapat dalam Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan pendekatan SI oleh Jalaluddin (2014) untuk mencungkil akal budi dan falsafah yang terdapat dalam pantun yang berunsurkan burung tersebut. Hasil daripada dapatan kajian, penerapan terhadap konsep ad hoc sama ada ad hoc penyempitan dan perluasan serta pendekatan semantik inkuisitif telah berjaya merungkai makna sebenar yang ingin disampaikan melalui pantun Melayu. Masyarakat Melayu bukan hanya memandang burung sebagai fauna yang berterbangan di langit, namun 'burung' dalam pantun membawa pelbagai mesej dan pengajaran kepada kita. 'Burung' melambangkan kehidupan manusia yang merangkumi dari pelbagai aspek terutamanya aspek sosial. Pengkaji menggambarkan perlambangan burung terhadap manusia seperti Rajah 2.1 berikut:



Rajah 2.1: Perlambangan Burung – Manusia

Che Man dan Jalaluddin (2018) telah mengelompokkan tiga domain di bawah satu ciri pengikat yang mewakili tiga burung yang telah dipilih, iaitu burung merpati, burung tiong, dan burung pipit. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian pengkaji berdasarkan pantun-pantun yang melibatkan ketiga-tiga burung ini, pengkaji cuba menyatakan bahawa haiwan "burung" melambangkan "manusia" seperti burung merpati melambangkan kasih sayang antara manusia, burung pipit melambangkan darjat antara manusia dan burung tiong melambangkan kedukaan

dan kekecewaan dalam kalangan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji menggunakan konsep *ad hoc* untuk merungkai maksud tersirat data pantun tradisional Melayu pada peringkat kognitif manusia dan seterusnya mencungkil akal budi dan falsafah Melayu menggunakan pendekatan SI. Ketiga-tiga aspek ini merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia, iaitu kasih sayang, darjat dan kedukaan. Akhir sekali, berdasarkan pandangan pengkaji penggunaan burung dalam pantun Melayu mempunyai tujuan yang tertentu yang hampir sama. Sebagai contoh, penggunaan burung punai yang dipadankan bersama-sama burung tiong yang melambangkan kesedihan mempunyai persamaan dengan tema burung merpati. Berdasarkan pengamatan pengkaji, pantun yang menggabungkan burung tiong dan burung punai ini menggambarkan kesedihan yang dihadapi oleh pasangan kekasih yang hubungannya terputus di tengah jalan. Buktinya, apabila diteliti semula sifat dan ciri-ciri, burung punai tersebut yang merupakan satu keluarga dengan burung merpati yang melambangkan tema pantun kasih sayang.

Selain itu, kajian tentang ironi dalam bahasa Punjabi dengan menggunakan analisis semantik inkuisitif telah dijalankan oleh Kaur dan Subet (2019). Dalam kajian mereka, semantik resonans dan semantik inkuisitif telah dapat memperlihatkan falsafah dan akal budi masyarakat Punjabi. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual tiga informan berbangsa Punjabi untuk mendapatkan data kiasan dalam bahasa Punjabi yang berunsurkan haiwan. Kesemua informan tersebut merupakan orang Sikh yang berasal dari Malaysia. Dalam kajian ini sebanyak 25 kiasan telah dikumpul yang memfokuskan kiasan yang berunsur ironi sahaja. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan unsur haiwan yang digunakan dalam bahasa kiasan menjurus kepada sifat negatif seseorang. Dalam analisis peringkat resonans yang dilakukan dalam kajian ini, pemikiran yang dapat dilihat ialah dengan sifat manusia yang kejam atau jahat dikaitkan dengan ekor anjing *(kuttey dhi pooch)* kerana ekor anjing tidak pernah lurus dan sentiasa bengkok atau serong. Begitu juga dengan sifat manusia yang melakukan

perbuatan yang serong. Jika seseorang sudah terlibat dengan satu perbuatan jahat, perlakuan itu akan menjadi tabiat sehingga menyebabkan kesukaran untuk seseorang itu berubah. Situasi ini dapat dikaitkan dengan kiasan seperti dalam data di bawah, iaitu seorang insan yang mempunyai sifat yang buruk atau tabiat yang sukar untuk diubah, sering dikaitkan dengan ekor anjing yang juga tidak pernah menjadi lurus.

Jadual 2.5: Analisis peringkat resonans makna harfiah tentang seekor anjing

Kiasan Punjabi	*Kuttey*	*dhi*	*pooch*	*kadhe*	*sidhi*	*nayi*	*hondhi*
Terjemahan langsung	Anjing	punya	ekor	tidak	lurus	akan	pernah

Nota. Diadaptasi dan disesuaikan daripada kajian Kaur & Subet (2019)

Terjemahan gramatis : ekor anjing tidak pernah akan lurus

Makna : Seseorang yang jahat akan kekal jahat dan tidak akan insaf.

Pengkaji juga dapat menyingkap dan memperlihatkan falsafah masyarakat Punjabi yang beranggapan haiwan dapat menyamai sifat manusia secara negatif. Masyarakat Punjabi mempunyai pemikirannya yang tersendiri berkaitan dengan setiap jenis haiwan. Sebagai contoh data, *desi kutta qureshy boli* yang diberi penterjemahan gramatis iaitu '**anjing kampung** yang mempunyai loghat bahasa asing' bermakna **seseorang yang berlagak pandai.** Dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi, menurut informan (Amarjit Kaur, komunikasi lisan, Oktober 16, 2017), kiasan ini sangat berkait rapat dengan sejarah *The history of Bhagat Singh.* Sejarah ini mengisahkan tentang cara Bhagat Singh cuba mempertahankan hak di negara India daripada jajahan British. Antara yang dinyatakan dalam sejarah ini ialah golongan atasan yang bekerjasama dengan pihak British menganggap dirinya sama peringkat dengan British, sedangkan mereka tidak tahu apa yang sedang dimanipulasikan oleh pihak British. Golongan atasan, iaitu penduduk masyarakat India, bersubahat dengan British demi kepentingan sendiri

dianggap sebagai *desi kutta* dan *qureshy boli* dikaitkan dengan ungkapan kerjasama mereka dengan pakatan British, sedangkan orang desi (Punjabi) harus menuturkan bahasa Punjabi (Punjabi boli). Masyarakat India harus bekerjasama menghalau pihak British, namun demi kepentingan sendiri, mereka bersubahat dengan pihak British. Oleh itu, muncul kiasan seperti *desi kutta kureshani boli* bagi individu yang hanya berlagak pandai, sebaliknya kurang pengetahuan tentang kebenaran perkara.

Daud (2018) dalam kajian beliau "Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif" menganalisis slanga yang mempunyai imej tumbuh-tumbuhan dalam rakaman perbualan secara tidak formal. Sejumlah empat slanga yang mempunyai imej tumbuhan telah dikesan dalam transkripsi perbualan tersebut seperti **getah, tebu, jambu** dan **langsat** yang telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Seterusnya, analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat tambahan kepada pengkaji untuk menghuraikan makna slanga tersebut. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna sebenar sesuatu slanga sehingga ke tahap akal budi penuturnya. Dalam dapatan kajian, terdapat empat slanga yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan yang terdiri daripada kata **getah, tebu, jambu** dan **langsat** yang telah dikumpul oleh pengkaji berdasarkan transkripsi perbualan di Kedai Kopi (KK). Salah satu data yang dipetik berserta makna mudah dan nama saintifiknya adalah seperti yang berikut:


Jadual 2.6: Makna Linguistik 'Kunyah tebu'

Slanga	Makna Mudah	Imej	Nama Saintifik
Kunyah tebu	Makan tidak kenyang-kenyang	Tebu	Saccharum

Nota. Diadaptasi dan disesuaikan daripada kajian Daud (2018)

Bagi data slanga *kunyah tebu*, pengkaji memperlihatkan tahap pendekatan semantik skrip dan resonans terlebih dahulu bagi menjelaskan secara umum makna slanga *kunyah tebu* di bawah analisis semantik melalui bentuk logik sesuatu makna implisit dalam sesuatu ujaran itu. Dari segi semantik skrip, *kunyah tebu* bermakna seseorang yang banyak makan tetapi tidak cepat merasa kenyang. Dari segi kognitif pula, *tebu* merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang boleh menghasilkan air yang manis dengan mengunyah batangnya kemudian hampasnya dibuang. Ini boleh dikaitkan pemerhatian tingkah laku seseorang mendapatkan hasil minuman daripada tebu tersebut. Seterusnya diikuti dengan analisis semantik inkuisitif, leksikal *tebu* telah dipilih oleh penutur sebagai pembayang kepada slanga *kunyah tebu* seperti yang terdapat dalam RRS.

Rajah 2.2: Rangka Rujuk Silang Ungkapan 'Kunyah tebu'



Nota. Data diadaptasi daripada kajian Daud (2018)

Frasa *makan buang. makan buang, tak kenyang-kenyang, baru kau tahu (kesan)* dan *diet lah kau (sampingan)* telah menjadi anteseden kepada slanga tersebut yang membantu pengkaji memahami makna implisit bagi slanga tersebut. Berdasarkan frasa *makan buang. makan buang* membawa makna seseorang yang makan dan kemudiannya membuang air besar ditambah pula dengan frasa *baru kau tahu* merupakan kesan kepada seseorang yang tidak

menjaga makanan dan ujaran *diet lah kau* mampu memberi kesan pada masa hadapan kepada seseorang yang menjaga pemakanannya.

Wong dan Jalaluddin (2019) telah menjalankan analisis kajian bertajuk "Bahasa kiasan dalam lagu "Mati Hidup Semula". Kajian ini bertujuan menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu "Mati Hidup Semula". Dua ungkapan implisit telah dipilih untuk dianalisis, iaitu "Dulu hidup kurasakan mati" dan "Setelah mati kuhidup semula". Kajian ini berbentuk analisis kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Berdasarkan analisis semantik skrip yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap data "Dulu hidup kurasakan mati", apabila dikupas maknanya perkataan demi perkataan, secara harfiahnya akan terhasillah maksud "yang lalu, aku tumbuh dan membesar dalam keadaan tidak bernyawa". Makna mudah ini dicapai tanpa usaha memproses yang tinggi. Walau bagaimanapun, makna yang bersifat harfiah ini masih taksa dalam konteks sebenar. Selanjutnya, pada peringkat analisis semantik resonans, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Relevans (TR) dengan menekankan kepentingan maklumat konteks dan peranan kognitif yang dilihat amat penting untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran, iaitu mendapat maksud sebenar dengan usaha memproses yang sedikit.

Dulu hidup kurasakan mati
Mata terbuka tapi tak perhati
Kini kurasa dihidupkan kembali
Walaupun peritnya setengah mati

(Dunia Muzik Warner Malaysia, Nov. 15, 2016)

Bagi data “Dulu hidup kurasakan mati”, antara ujaran yang dapat membantu menjelaskan makna tersiratnya termasuklah “mata terbuka tapi tak perhati”. Apabila data dihubungkan dengan ujaran selepasnya, ternyata ada hubungan yang relevan antara “hidup” dengan “mata terbuka”, dan “mati” dengan “tak perhati”. Secara normalnya, mata sebagai pancaindera yang digunakan untuk melihat dan memerhatikan sesuatu objek. Jika mata dalam keadaan terbuka tetapi masih juga tidak dapat melakukan tugas melihat atau memerhati”, tandanya mata tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Di sini, dapat dilihat bahawa “mati” yang dimaksudkan oleh pengkaji bukanlah “tidak bernyawa” tetapi membawa maksud “lemah dan tidak terdaya melakukan kerja-kerja mudah kerana kesusahan”. Hal ini diperkukuh dengan ujaran selepasnya, iaitu, “peritnya setengah mati” (rangkap 2, baris 4) dari segi makna literalnya bermaksud “penderitaan seperti hampir hendak mati”.

Pada peringkat semantik inkuisitif pula, penerokaan dilakukan dengan menampilkan akal budi serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu leksikal tersebut. Dalam ungkapan “Dulu hidup kurasakan mati”, leksikal “mati” dipilih oleh penulis untuk menggambarkan kehidupannya pada masa itu. Konsep “mati” bersifat sejagat, yakni, tidak kira jenis agama atau bangsa sekalipun, “mati” tidak lari daripada pengalaman hidup mereka. Setiap manusia mengetahui konsep mati “sebagai tidak bernyawa lagi”. Yang pasti orang yang mati akan meninggalkan mereka yang masih hidup selama-lamanya. Oleh sebab itu, “kematian” sering diselubungi kesedihan. Setiap manusia mempunyai upacara masing-masing untuk menguruskan orang yang telah mati atau meninggal dunia. Penulis memanfaatkan pengetahuan sedia ada pendengar tentang “mati” ketika menyampaikan mesej tentang kehidupannya yang dianggapnya tidak diketahui dan sukar difahami oleh orang lain. Dari segi falsafahnya, kiasan ini membawa pengajaran bahawa seseorang itu haruslah mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang memudaratkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana jika tersilap langkah,

maka kesan buruk akan menimpa dirinya. Kesan buruk itu amatlah dahsyat sehingga pada tahap seperti “orang yang telah mati, hilang segala-galanya”.

Kajian yang berkaitan dengan bahasa lain selain bahasa Melayu, iaitu kajian tentang peribahasa Tamil agak terbatas dan tidak sepenuhnya menumpukan peribahasa bahasa Tamil semata-mata tetapi membandingkan peribahasa yang terdapat dalam bahasa lain. Contohnya dalam kajian Ragavan dan Salleh (2015), pengkaji hanya membandingkan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil untuk menampakkan persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam aspek sosial. Persamaan itu dilihat melalui tiga aspek sosial, iaitu aspek tingkah laku, pemikiran, serta nilai murni. Unsur persamaan yang melibatkan aspek sosial ini adalah bersesuaian dengan kedudukan dan peranan peribahasa itu dalam sesebuah masyarakat, iaitu mencakupi kesemua kehidupan ahli masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa merupakan satu gambaran masyarakat yang paling jelas, terutamanya ketika mengungkapkan falsafah, pemikiran, tingkah laku, tanggapan atau persepsi dan aspek lain yang melibatkan tingkah laku dalaman. Dalam makalah ini, pengkaji telah menghuraikan aspek sosial dengan subtopik pekerjaan dan tingkah laku, pemikiran dan nilai murni. Terdapat banyak peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil yang menyentuh aspek pekerjaan dan tingkah laku ahli masyarakatnya. Pekerjaan dan tingkah laku ini dapat mewakili keseluruhan kegiatan harian yang berlaku dalam kedua-dua bangsa tersebut. Ini dikemukakan dengan tabiat dan kelakuan serta perangai yang boleh dikaitkan dengan hal sama ada positif ataupun negatif. Unsur perbandingan tentang pekerjaan dan tingkah laku tersebut diambil daripada sumber alam dan objek yang ada di persekitaran. Antara peribahasa yang digunakan untuk menunjukkan pekerjaan dan tingkah laku sia-sia adalah seperti yang berikut:

1. Arang habis, besi binasa, tukang hembus penat sahaja.

2. Laksana mencari sungai yang tidak berhulu

3. Penat tukang menempa, besi binasa senjata tak jadi.

Menurut pengkaji, iaitu Ragavan dan Salleh (2015), semua peribahasa di atas mempunyai makna yang hampir sama, iaitu melakukan sesuatu pekerjaan dengan usaha yang sia-sia. Dalam masyarakat India, menurut mereka, terdapat juga peribahasa yang menunjukkan pekerjaan dan tingkah laku yang sia-sia. Misalnya:

1. /*neer melɛ yeluthu polɛ*/

(Terjemahan: Tulisan di atas air.)

2. /*kaatrethire yetriye vilaku polɛ*/

(Terjemahan: Menyalakan api semasa angin tiup.)

Peribahasa Tamil *'Neer mele yeluthu pole'* yang membawa maksud tulisan di atas air merupakan satu perbuatan yang sia-sia.

Seterusnya dikemukakan satu data kajian Ragavan dan Salleh (2015) berkenaan dengan perbandingan peribahasa yang seterusnya boleh menunjukkan pemikiran melalui peribahasa. Berikut ialah data kajian berkenaan:

1. */ainθil valaiyaθaθu aimbaθil valaiyuma/*

(Terjemahan: Umur lima tahun tidak bengkok, umur lima puluh tahun juga tidak bengkok.) Peribahasa Tamil *'Ainthil valaiyathathu aimbathil valaiyuma'* membawa maksud orang yang tidak mengubah sikap atau tingkah laku mereka pada umur lima tahun atau zaman muda mereka juga tidak akan menggubah sikap mereka sampai mereka berumur lima puluh tahun ataupun sampai tua. Dalam masyarakat Melayu, hal ini juga digambarkan dalam peribahasa, **'Kalau hendak melentur buluh, biarlah daripada rebungnya'**.

Contoh data seterusnya:

Peribahasa Melayu: Seekor kerbau membawa lumpur semuanya akan terpalit.

Peribahasa Tamil: Setitik racun rosakkan sebelanga susu.

(Maksud: Seseorang yang melakukan kesalahan akan memalukan seisi anggota masyarakat lain.) Peribahasa Melayu **'Seekor kerbau membawa lumpur semuanya akan**

terpalit', membawa maksud, kerbau diibaratkan manusia yang dungu, dan kerbau suka menyapukan lumpur di atas badannya. Selepas menyapukannya ia akan terpalit juga di atas kerbau lain juga. Oleh sebab seekor kerbau membawa lumpur maka semua kerbau terkena juga. Maka peribahasa ini membawa gambaran bahawa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang akan memalukan seisi anggota masyarakat kerana semua mereka akan terlibat. Peribahasa Tamil juga membawa maksud yang sama, iaitu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang akan membawa nama buruk kepada semua orang yang ada di sekelilingnya. Menurut kajian ini, semua peribahasa yang dipilih mempunyai makna yang hampir sama dalam kedua-dua bahasa. Malah dalam kajian tersebut juga, penyelidik berpendapat bahawa peribahasa itu lahir daripada pengamatan fenomena alam serta mengaitkannya mengikut teori Sapir (1921) yang membawa kepada hubungan antara bahasa, budaya, dan pemikiran. Peribahasa yang berkaitan dengan tingkah laku, pemikiran dan nilai murni dipilih serta melihat persamaannya dalam dua bahasa tersebut. Hal ini membantu pengkaji untuk mengetahui informasi-informasi yang berkaitan dengan peribahasa serta dapat melihat cara pemikiran orang dahulu kala. Kajian ini membuktikan bahawa peranan utama penggunaan peribahasa adalah untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan merujuk lambang yang mempunyai fungsi dan penggunaan yang sama dengan pemikiran atau nilai yang hendak disampaikan.

Satu lagi kajian yang melibatkan analisis semantik inkuisitif tentang bahasa Tamil telah dilaksanakan oleh Murthy dan Subet (2018) bertujuan untuk mengenal pasti makna implisit di sebalik peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan, khususnya imej rumput serta pengaruh budaya yang menyebabkan lahirnya peribahasa yang melibatkan imej tumbuhan di samping mengenali makna harfiah peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Kajian ini bukan sahaja dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis makna implisit di sebalik penggunaan 25 peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan, malah juga

untuk menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dari aspek semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil yang mempunyai imej tumbuhan.

Salah satu dapatan kajian ini mendapati bahawa masyarakat India mencipta peribahasa menggunakan alam semula jadi di sekeliling mereka. Selain itu, peribahasa yang dicipta mempunyai makna implisit di sebaliknya dan setiap makna itu mempunyai satu ikatan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat tersebut. Pengkaji telah menimbulkan persoalan mengapa rumput *(pul)* digunakan dan dikaitkan dengan bunga *(poo).* Dalam kajian ini, rumput *(pul)* digunakan untuk menunjukkan kesusahan hidup. Masyarakat India ingin membuat perbandingan antara kehidupan rumput *(pul)* serta ciri-ciri rumput *(pul)* itu dengan kehidupan manusia. Jika dilihat dengan teliti, kebanyakan rumput *(pul)* mempunyai ciri-ciri yang serupa iaitu liang, lembut, mudah tercabut, jangka hayat yang sederhana, tidak kuat dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, masyarakat India memilih rumput *(pul)* kerana ingin menyampaikan maklumat bahawa rumput *(pul)* sebenarnya tidak ada kegunaannya kepada kita kerana tidak mempunyai sebarang kebaikan. Bunga *(poo)* pula dikaitkan dengan perkara yang baik serta gembira kerana bunga *(poo)* selalunya cantik, wangi dan mempunyai pelbagai kegunaan. Antara contoh penggunaannya adalah, untuk tujuan sembahyang, sebagai hiasan rumah, bunga melur pula diikat bersama rambut oleh kaum wanita untuk mewangikan rambut serta menarik kaum lelaki dan sebagainya. Salah satu data kajian diterangkan dalam jadual berikut:

Jadual 2.7: Peribahasa Tamil iaitu *"Puli pasithalum, pul thinnathu"* berserta makna mudah

Peribahasa Tamil	Makna
புலிபசித்தாலும், புல்டலதிண்ணாது. Transkripsi Rumi: *Puli pasithalum, pul thinnathu.*	Seseorang yang mempunyai iman yang kuat tidak akan sesekali melakukan perbuatan yang keji.

Nota. Diadaptasi dan disalin dari kajian Murthy dan Subet (2018)

Peribahasa Tamil *'puli pasithalum, pul thinnathu'* bermaksud walaupun harimau itu lapar dan kebuluran, haiwan tersebut tidak akan sama sekali memakan rumput. Sebaliknya apabila melihat makna implisitnya, masyarakat India ingin menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai iman yang kuat serta jati diri yang tinggi, orang tersebut tidak akan sesekali melakukan sebarang perbuatan keji yang boleh memburukkan nama baik diri sendiri, keluarga serta negara. Setelah dikaji dari segi semantik inkuisitif, terdapat beberapa sebab mengapa masyarakat India menggunakan rumput *(pul)* dalam peribahasa tersebut. Rumput *(pul)* ini merupakan sejenis tumbuhan menjadi makanan utama haiwan herbivor seperti lembu, kambing, kerbau dan sebagainya. Istilah herbivor bermakna haiwan yang hanya makan tumbuh-tumbuhan sahaja. Namun demikian kenapa harimau *(puli)* pula dikaitkan dengan rumput *(pul)*? Harimau *(puli)* diklasifikasikan dalam ketagori karnivor iaitu haiwan yang memakan daging binatang sahaja. Hal ini bersangkut-paut dengan tabiat pemakanan haiwan itu dengan sifatnya. Harimau disifatkan sebagai satu haiwan yang kuat, buas dan berbahaya.

Dalam peribahasa ini, masyarakat India menjelaskan bahawa harimau *(puli)* yang lapar tidak akan sesekali memakan rumput *(pul).* Mengikut falsafah hidup masyarakat, rumput *(pul)* tidak mempunyai sebarang kegunaan atau kebaikan kepada seseorang. Jika dilihat dengan teliti, rumput *(pul)* itu hanya menjadi sumber pemakanan bagi haiwan herbivor dan omnivor sahaja. Oleh hal yang demikian, masyarakat India ingin menyesuaikan peribahasa tersebut dengan hidup manusia dalam alam realiti. Harimau *(puli)* digantikan dengan manusia dan rumput *(pul)* digantikan dengan kejahatan dalam alam nyata. Konklusinya, mereka ingin menyatakan bahawa orang yang bijak pandai tidak akan terlibat dalam apa-apa jua kancah gejala sosial yang mampu mencemarkan nama baik diri sendiri.


Selain itu, kajian Hamzah dan Mat Hassan (2011) mengaitkan pemikiran dalam peribahasa dengan konsep hipotesis Sapir (1921). Malah bahasa dikatakan mempunyai hubungan yang intrinsik antara sikap, pemikiran, dan perilaku seseorang dalam sesuatu bangsa

dan hal ini boleh dilihat dan diidentifikasikan melalui penggunaan bahasa tersebut termasuk peribahasa. Bahasa juga mempunyai hubungan dengan kepercayaan serta nilai hidup dalam kebudayaan sesorang individu. Perlakuan seseorang mendorong membina kejelasan terhadap alam sekeliling lalu diungkapkan melalui bahasa. Walau bagaimanapun, penyelidik mengkaji peribahasa Melayu sahaja. Namun demikian, kajian itu amat berguna untuk penyelidik untuk mengkaji cara pemikiran orang Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan dalam kajian tersebut yang menyatakan bahawa dapatan kajian tersebut sejajar dengan pendapat Sapir (1921), iaitu bahasa menentukan pemikiran penutur. Kajian tersebut lebih mementingkan cara pemikiran seseorang yang juga dikaitkan dengan tingkah laku serta moral manusia. Kajian ini berpaksikan contoh-contoh daripada bahasa Melayu tetapi setiap peribahasa itu mempunyai kaitan dengan flora, fauna, kegiatan manusia, serta pemikiran malah tidak berfokus pada semantik inkuisitif sebaliknya menjurus kepada hipotesis Sapir (1921) sahaja.

Daripada sejumlah peribahasa yang dikaji didapati terdapat unsur pemikiran yang melatari setiap peribahasa yang diungkapkan. Hal ini sejajar dengan pendapat Sapir-Whorf (1921) yang menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Dengan perkataan lain bahasa ditentukan oleh cara penutur itu berfikir. Cara seseorang penutur berfikir tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Bahasa dalam peribahasa Melayu ternyata mempunyai hubungan rapat dengan pemikiran orang Melayu dalam lingkungan sejarah kebudayaan, geopolitik, geobudaya dan alam sekelilingnya. Antara contoh dapatan kajian ini ialah pemikiran tentang tingkah laku dan moral manusia. Salah satu data peribahasa yang mengungkapkan perihal tingkah laku dan moral manusia dalam kajian ini adalah seperti dalam peribahasa **"Jangan berkemudi di haluan"** yang membawa makna **jangan terlalu mengikut kata isteri.** Dalam kehidupan berkeluarga, aspek keharmonian berumah tangga dititikberatkan kerana daripada sebuah keluarga yang harmoni akan lahir anak-anak yang baik dan berbudi pekerti mulia. Pemikiran manusia sejagat telah meletakkan kaum

lelaki sebagai ketua keluarga. Oleh itu, kaum lelaki sebagai suami atau ayah harus adil dan bermoral, dengan kata lain harus bertanggungjawab, amanah dan beretika melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ketua atau pemimpin keluarga seperti yang terkandung dalam makna peribahasa **"Jangan berkemudi di haluan".** Daripada data peribahasa ini, jelas menunjukkan hubungan antara bahasa dengan pemikiran Melayu yang berkait dengan tingkah laku dan nilai moral manusia seperti yang terkandung dalam hipotesis Sapir-Whorf, iaitu cara manusia berfikir dan memandang dunianya dipengaruhi oleh bahasanya.

Kajian yang dilakukan oleh Kasdan et al. (2016), menggunakan imej haiwan, iaitu ikan yang digunakan sebagai data kajian dalam kajian mereka iaitu "Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif". Penyelidik mengkaji peribahasa yang mempunyai imej ikan tersebut dan dilihat dari aspek semantik inkuisitif serta menjelaskan maksud semantik inkuisitif. Gagasan utama dalam semantik inkuisitif ini adalah untuk meneroka makna ujaran orang Melayu tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi Melayu. Penyelidik juga menjelaskan bahawa semantik inkuisitif ini bukan sahaja mencerminkan fenomena bahasa pada peringkat kognitif sahaja, malah lebih menumpukan penerokaan bidang falsafah. Dalam kajian ini, penyelidik memberikan tumpuan kepada satu peribahasa, iaitu **'ikan biar dapat, serampang jangan pokah'**. Contoh data korpus yang diberikan adalah seperti yang berikut:



(http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/serampang).

Dalam peribahasa ini, leksikal ikan (hasil) berkolokasi dengan serampang, iaitu sejenis alat yang digunakan untuk menangkap ikan (pekerjaan). Dalam petikan contoh ayat hasil merujuk kepada "menang pilihan raya" dan pekerjaannya ialah "memahami perasaan". Apabila melakukan sesuatu pekerjaan, hendaklah memberikan hasil atau pulangan. Sedangkan "jangan pokah" bermaksud hendaklah berhati-hati agar tidak menimbulkan kerugian. Pengkaji juga turut mempersoalkan kenapa leksikal ikan dan serampang digunakan dalam peribahasa itu. Dalam hal ini, pengkaji telah memetik kata-kata Salleh (seperti dinyatakan dalam Ahmed dan Hashim, 2012) *"bangsa Melayu asalnya bangsa yang hidup di tepi sungai dan laut, tamadunnya dibesarkan di kuala dan di tepi pantai, contohnya Palembang, Temasik, Bentan, Johor, Kelantan, dan Pahang"*. Pengkaji juga menyorot ungkapan Aripin (1993) *"peribahasa tentang ikan ini menceritakan bahawa kehidupan masa lalu orang Melayu sememangnya dekat dengan sungai".* Kepentingan sungai bukan sekadar sebagai jalan perhubungan, tetapi juga sebagai sumber rezeki kepada manusia. Ikan-ikan yang terdapat di dalam paya, sungai atau kawasan berair lainnya pula merupakan sumber protein yang paling penting dan murah.

Serampang menurut pengkaji ialah sejenis tombak yang hujungnya bercabang tiga, yang digunakan untuk menangkap ikan, sebagai senjata dan lain-lain. Pengkaji mendapati bahawa membuat serampang bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Sekalipun bahagian ulunya mampu disediakan oleh sesiapa sahaja kerana boleh dibuat menggunakan buluh, rotan, uyung atau hanibung daripada pokok palma, namun mata serampang dibuat oleh pandai besi agar hasilnya cantik, kuat dan tahan lama. Rupa dan reka bentuk serampang berjaya mengubah bayangan pengkaji tentang serampang. Pembuatannya memerlukan kepandaian, ketelitian, ketekunan dan kesabaran. Tanpa nilai-nilai tersebut tidak mungkin terwujud sebuah serampang yang cantik, penuh makna dan bermanfaat. Alangkah rugi dan sia-sia jika serampang tersebut pokah atau patah hanya disebabkan kecuaian atau sikap tidak berhati-hati dan tidak teliti penggunanya sehingga tidak mendatangkan hasil. Nilai-nilai inilah yang ingin ditanamkan

dalam kehidupan sehari-harian orang Melayu. Tatkala mengungkapkan nilai budi masyarakat Melayu melalui peribahasa ini, maklumat konteks dan budaya yang melingkungi masyarakat dipadukan agar falsafah di sebalik makna yang hendak disampaikan dapat dicungkil.

Seterusnya, Md Nasir dan Subet (2018) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan inovasi pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (SI). Kajian mereka telah menggabungjalinkan pendekatan SI dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan data peribahasa yang diambil daripada kandungan sukatan pelajaran bahasa Melayu tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Hasil kajian menunjukkan pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan kandungan pembelajaran peribahasa lebih bermakna. Ketika menganalisis data, pengkaji telah mengemukakan semantik skripnya, kemudian semantik resonans dengan mengambil kira data, teori dan kognitif penutur dan akhir sekali data dianalisis pada peringkat semantik inkuisitif dengan mengambil kira falsafah dan akal budi penutur penutur jati. Sebagai contoh, dalam data yang dianalisis oleh pengkaji menggunakan semantik skrip, iaitu **'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'** diberi maksud sebagai melatih atau mendidik anak hendaklah sejak kecil kerana jika sudah besar susah hendak mendidiknya. Seterusnya, pada peringkat analisis semantik resonans, pengkaji telah mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Teori Relevans (TR) untuk menjelaskan makna yang lebih mendalam. Berdasarkan konteks Teori Relevans, peribahasa **'melentur buluh biarlah dari rebungnya'** tidak sukar untuk diproses kerana ia mempunyai antesedan yang membolehkan peribahasa tersebut difahami maknanya walaupun secara impilisit. Hal ini dapat dibuktikan melalui data korpus yang diambil daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang berikut:


Walau apapun, adalah lebih baik ibu bapa sendiri memberi tumpuan yang lebih kepada anak-anak mereka khususnya ketika anak-anak mereka sudah mula mengenal erti kemodenan. Bak kata pepatah, ***melentur buluh biarlah daripada rebungnya***.

Melalui analisis menggunakan RRS, kewujudan objek 'buluh' dapat difahami sebagai anak-anak yang telah dewasa manakala objek 'rebung' pula dapat dirujuk silang dengan leksikal 'anak-anak mereka yang mula mengenal erti kemodenan', iaitu dalam peringkat usia yang masih muda dan masih boleh dibentuk oleh ibu bapa. Selanjutnya, pengkaji meneruskan analisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan pelbagai objek dan imej dalam peribahasa tersebut. Pengkaji mempersoalkan alasan mengapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan perbandingan objek 'buluh' dan 'rebung' dalam ungkapan peribahasa itu. Bagi menjawab persoalan itu, semantik inkuisitif diaplikasikan untuk menghurai fenomena bahasa yang ingin disampaikan oleh penutur asal peribahasa **"meluntur buluh biar dari rebungnya".** Dapatan daripada analisis semantik inkuisitif ini ialah pengkaji melihat imej 'buluh' yang digunakan di dalam peribahasa ini mempunyai makna implisit yang ingin mengetengahkan ciri-ciri 'keras' yang ada pada buluh tersebut untuk dikaitkan dengan salah satu perwatakan yang ada pada manusia iaitu 'degil' ataupun 'keras kepala'.

Sifat buluh yang keras dalam peribahasa ini kemudiannya dibandingkan dengan sifat lembut yang ada pada rebung untuk menunjukkan perbezaan yang ada pada kedua-dua objek ini. Rebung pula merupakan tunas muda yang tumbuh daripada akar buluh dan keluar daripada rumpun buluh. Melihat kepada struktur dan sifat yang ada pada buluh dan rebung, maka tidak hairanlah masyarakat Melayu dahulu menggunakan kedua-dua imej ini untuk memberi kiasan kepada ibu bapa mengenai urusan kekeluargaan mendidik anak-anak. Perbuatan 'melentur' dalam peribahasa ini bermotivasikan 'mendidik' yang dilihat sebagai usaha ibu bapa untuk

membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak mengikut acuan yang dikehendaki. Ia sangat bertepatan dengan peranan dan tugas ibu bapa yang bertanggungjawab mendidik anak-anak sejak kecil lagi kerana apabila telah meningkat remaja dan dewasa, keperibadian anak-anak pasti sukar untuk 'dilentur' lagi. Dalam kajian ini, pengkaji dapat menjelaskan makna peribahasa menggunakan kerangka semantik inkuisitif. Pengkaji telah dapat mencungkil falsafah serta akal budi penutur jati yang tersembunyi di sebalik setiap ungkapan peribahasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah.

Susulan itu juga, Md Nasir dan Subet (2019) juga telah menganalisis peribahasa ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menggabungjalinkan pendekatan semantik inkuisitif dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan bersama-sama dengan pelajar yang dipilih sebagai responden kajian ini. Dalam bahagian analisis data, pengkaji telah menganalisis data dalam tiga tahap, iaitu tahap semantik skrip, tahap semantik resonans dan tahap semantik inkuisitif. Dalam analisis tahap satu, pengkaji telah membimbing pelajar mengesan makna di peringkat harfiah. Makna permukaan peribahasa ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’ialah ‘perangai anak kebiasaannya mengikut perangai ibu atau bapa’. Pengkaji seterusnya membimbing pelajar menganalisis data pada tahap yang kedua, iaitu tahap semantik resonans. Dalam konteks teori relevans, pengkaji mendapati agak mudah untuk memahami makna implisitnya kerana ‘acuan’ dapat difahami sebagai ‘ibu bapa’ manakala ‘kuih’ dapat difahami sebagai ‘anak-anak’apabila merujuk kepada ayat RRS yang ditunjukkan.



Melalui RRS, pemilihan leksikal ‘acuan’ dan ‘kuih’ dirujuksilangkan dengan ‘ibu bapa’ dan ‘anak-anak’. Jika dibuat penelitian, penggunaan imej ‘acuan’, dan ‘kuih’ merupakan premis tambahan kepada kehadiran leksikal ‘ibu bapa’ dan ‘anak’ yang berperanan sebagai objek utama dalam peribahasa ini. Dalam peribahasa di atas, ‘bagaimana acuan’ merupakan anteseden yang boleh difahami kerana ia muncul di hadapan ‘begitulah kuihnya’. Dalam analisis tahap ketiga pula, pengkaji mengajak pelajar mempersoalkan kehadiran leksikal ‘acuan’ dan ‘kuih’ dalam peribahasa ‘bagaimana acuan, begitulah kuihnya’. Hasil analisis pengkaji mendapati intuisi Melayu menggunakan acuan untuk menggambarkan sikap atau perangai anak-anak yang mengikut perangai ibu atau bapa adalah amat tepat kerana acuan akan menghasilkan objek yang sama dengan bentuk bekasnya. Pada akhirnya, kajian yang telah dijalankan ini mendapati dengan adanya penggabungjalinan semantik inkuisitif ke dalam pengajaran peribahasa, pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran peribahasa lebih bersistematik dan bermakna.

Kajian Salleh et al. (2020) yang bertajuk “Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor” telah membincangkan makna di sebalik novel yang bertajuk “Sangkar” yang dikarang oleh Samsiah Mohd. Nor. Pengkaji telah melaksanakan kajian berbentuk kualitatif iaitu menganalisis teks yang telah dibukukan serta turut menjalankan analisis kuantitatif mudah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel tersebut. Dalam proses kajian yang dilaksanakan, pengkaji telah membincangkan kekerapan penggunaan semantik leksikal yang lazim digunakan dalam novel “Sangkar”. Pengkaji turut menyatakan hanya membincangkan tiga kelompok semantik leksikal yang tertinggi dan satu kelompok semantik yang terendah terdiri daripada antonim, sinonim, hiponim dan meronim. Hasil perbincangan mendapati semantik leksikal antonim dilihat sebagai data utama yang dianalisis oleh pengkaji. Jenis antonim yang sering ditemukan oleh

pengkaji ialah antonim komplementar dan antonim relasional. Terdahulu, pengkaji menjelaskan terdapat empat ragam antonim iaitu antonim komplementar, antonim berperingkat, antonim relasional dan antonim resiprokal. Berbalik kepada data yang diperoleh daripada antonim komplementar, data telah dikelaskan mengikut jumlah kekerapan penggunaan perkataan antonim tertinggi dan terendah.

Penggunaan perkataan kelompok antonim komplementer yang paling tinggi kekerapannya ialah perkataan “kecil / berkecil” 85 kekerapan dengan peratusan (21.30%) dan “besar / membesarkan / dibesarkan” sebanyak 25 kekerapan dengan peratusan (6.27%). Penggunaan semua perkataan antonim tersebut menunjukkan kekerapan yang tinggi berjumlah sebanyak 110 kekerapan dengan peratusan tertinggi sebanyak (27.57%). Penggunaan perkataan antonim komplementer dengan kekerapan terendah juga dapat diperoleh berdasarkan dapatan kajian iaitu penggunaan perkataan kelompok antonim “gelap” sebanyak 9 kekerapan dengan peratusan (2.25%) dan “cerah” sebanyak 5 kekerapan dengan peratusan (1.25%). Penggunaan semua perkataan dalam kelompok antonim komplementer tersebut menunjukkan kekerapan yang rendah berjumlah 14 kekerapan (3.50%). Manakala perkataan antonim yang berbaki memperlihatkan julat kekerapan di antara 15-102 (3.75%-25.56%). Manakala, kelompok antonim komplementer yang mempunyai nilai terendah kekerapan penggunaannya ialah kelompok antonim kelompok antonim komplementer yang ketiga iaitu “rajin-malas” 8 (2.00%) daripada jumlah keseluruhan. Kelompok ketiga antonim ini menunjukkan kata “rajin” mempunyai bilangan kekerapan penggunaan dalam novel lebih rendah 3 (0.75%) berbanding kata yang berlawanan makna dengannya iaitu kata “malas” yang mempunyai kekerapan berjumlah 5 (1.25%). Jelaslah, pengkaji telah berjaya merungkai kekerapan semantik leksikal yang menjadi pilihan utama pengarang dalam novel “Sangkar”. Walaupun pengkaji tidak mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif sewaktu menganalisis novel, kaedah ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar mengesan makna leksikal ketika membuat

perbandingan dari segi watak dan perwatakan, suasana dalam penceritaan, latar dan sebagainya dalam sesuatu bahan pembelajaran sastera dan seni bahasa.

Nopiah et al. (2017) telah menulis tentang "Refleksi Dualisme 'Durian-Timun' Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif". Dapatan analisis mendapati peribahasa yang berasaskan gandingan objek 'durian-timun' menunjukkan unsur pertentangan bagi maksud yang disampaikan. Perbezaan struktur fizikal kedua-dua buah ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa (kuat-lemah) bagi gandingan 'durian-timun'. Berdasarkan pemilihan data yang dilakukan, pengkaji mengenal pasti enam data kombinasi 'durian-timun' atau 16% daripada jumalah 37 data kajian yang digunakan. Kajian telah memanfaatkan pendekatan semantik inskuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014). Pasukan pengkaji juga telah menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut dengan peribahasa yang berkaitan telah dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) sebagai pengukuhan kepada teori Relevans. Salah satu daripada data kajian yang dipetik ialah berdasarkan peribahasa di bawah:

Jadual 2.8: Makna Perkamusan Peribahasa 'Bagai durian dengan mentimun'

Peribahasa	Makna
Bagai durian dengan mentimun	Orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang lemah.

Nota. Dipetik daripada data kajian Julaina et al. (2017) "Refleksi Dualisme 'Durian-Timun' Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif"

Secara harfiahnya, peribahasa 'bagai durian dengan mentimun' membawa maksud 'orang yang berkuasa mudah mengalahkan orang lemah'. Secara mudahnya, bolehlah

dikatakan, peribahasa ini dizahirkan daripada sifat fizikal kedua-dua objek ini. Sifat durian yang keras dan berduri telah direfleksikan sebagai ‘orang yang berkuasa’, manakala sifat timun yang lembut dan licin di permukaan kulitnya telah direfleksikan sebagai ‘orang yang lemah’. Seterusnya pada peringkat analisis semantik resonans pula, proses kognitif dilakukan dengan melihat kepada apa yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu sewaktu memotivasikan peribahasa ‘bagai mentimun dengan durian’. Perbezaan fizikal yang ketara antara kedua-dua objek ini merupakan faktor utama yang menyebabkan masyarakat Melayu mengabstraksi peribahasa ini sebagai ‘pertentangan kuasa iaitu antara kuasa yang dominan (kuat) dengan kuasa yang lemah. Sifat fizikal durian yang tebal, keras dan mempunyai duri yang tajam menyebabkan ia dianalogikan sebagai ‘orang yang berkuasa’. Sebaliknya, sifat permukaan kulit timun yang licin dan nipis menyebabkan ia dianalogikan sebagai ‘orang yang lemah’. Ia dapat dibuktikan dengan data berikut :

(i) Apabila perhubungan antara manusia itu disebut seolah-olah

<u>**seperti timun dengan durian**</u>, maka bererti perhubungan itu adalah di antara dua pihak yang tidak sama kuat, dan tindih-menindih di antara kedua itu akan hanya merosak bahkan menghancurkan timun atau yang lemah itu.

Berdasarkan data di atas, leksikal ‘lemah’ dan ‘perhubungan’ bersama-sama frasa dua ‘pihak yang tidak sama kuat’, ‘tindih-menindih’, ‘hanya merosak’ dan ‘menghancurkan timun’ merupakan maklumat tambahan yang telah dirujuksilangkan dengan peribahasa ‘seperti dengan timun’. Situasi ayat ini jelas menunjukkan perhubungan dua pihak yang berbeza taraf atau darjat iaitu menekankan ‘pihak yang kuat’ dan ‘pihak yang ‘lemah’.

Dalam analisis semantik inkuisitif pula, pengkaji telah mencungkil falsafah dan akal budi yang terkandung dalam peribahasa “bagai durian dengan mentimun” melalui perkaitan

kuasa dengan pengaruh. Ketertinggian kuasa dan pengaruh manusia yang berbeza lahir daripada kebolehan, kecerdasan serta kepetahan lidah untuk kesejahteraan masyarakat di sekeliling. Sebagai seorang yang mempunyai kuasa yang tertinggi di dalam sesebuah organisasi, semestinya mempunyai hak untuk memutuskan sesuatu keputusan. Walau bagaimanapun, keputusan yang dibuat seharusnya berasaskan integriti. Elemen-elemen integriti yang disandarkan ketika menjalankan tugas, semestinya membantu pengurusan sebuah organisasi secara efisien. Kepimpinan yang mengikut bidang kuasa yang sepatutnya mampu membentuk kesepakatan antara pemimpin dengan rakyat di bawah pemerintahannya. Penghayatan terhadap nilai-nilai asas masyarakat yang dipimpin akan menjamin kesejahteraan hidup dan perpaduan rakyat di bawah kepimpinannya. Sebaliknya, apabila seorang pemimpin tidak adil dalam kepimpinan serta menyalahgunakan kuasa yang diberikan akan membinasakan rakyat serta negeri atau organisasi yang dipimpini.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa yang berasaskan kombinasi objek ‘durian-timun’ menunjukkan unsur pertentangan bagi maksud yang disampaikan. Kombinasi ‘durian-timun’, telah merefleksi domain [+KUASA] dalam elemen pemaknaannya. Perbezaan struktur kedua-dua buah ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa (KUAT-LEMAH) bagi kombinasi ‘durian-timun’. Durian telah direfleksikan sebagai kuasa [+KUAT], manakala timun pula telah direfleksikan sebagai kuasa [-KUAT]. Kesimpulannya, kombinasi objek yang dipilih dalam peribahasa mempunyai pewajaran yang tersendiri serta dimotivasikan oleh proses perlambangan tertentu pada peringkat kognitif penutur. Kewujudan peribahasa Melayu bukan setakat menyampaikan makna melalui konsepsi sifat abstrak kepada konkrit, tetapi sebaliknya mengandungi falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

Wan Mansor dan Jalaluddin (2015) telah mengkaji deria rasa dalam kiasan Melayu menggunakan pendekatan analisis semantik inkuisitif. Dalam kajian mereka, ketersiratan

makna masam, manis, masin dan pahit serta makna yang berasosiasi dengan rasa juga dapat dicungkil dan dikaitkan dengan alam masyarakat penuturnya. Tingkah laku positif dan negatif dapat ditonjolkan dalam kiasan domain deria rasa ini. Kajian ini juga dapat membuktikan hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam kiasan Melayu berdasarkan pendekatan yang digunakan. Perbincangan analisis kajian telah memberi tumpuan kepada kiasan yang memberi makna mudah difahami iaitu tidak melibatkan pemprosesan yang tinggi. Dalam kajian ini, kiasan *manis* telah digunakan. Salah satu data yang dipetik daripada kajian ini ialah :

Kiasan Melayu	Makna
Muka manis	Air muka yang menarik hati; senang hati

Kiasan muka manis bermaksud air muka yang menarik hati atau senang hati. Persoalan ini dapat dilihat perkataan manis merujuk kepada sesuatu yang baik, sopan, beradab, menawan dan menarik. Apabila dikaitkan dengan muka atau wajah, ia memberi pancaran yang positif terhadap seseorang. Berikut merupakan contoh korpus bagi kiasan ini:

i. Encik yang budiman, di luar dugaan saya sama sekali, kerana sikap saya berubah, selalu merendah diri, menunjukkan ***muka manis***, baik dan berhati-hati mengeluarkan perkataan sewaktu bercakap, masyarakat tidak ragu-ragu menerima saya kembali.

Dalam data di atas, frasa *merendah diri*, *baik* dan *berhati-hati mengeluarkan perkataan*, terdapat konotasi menunjukkan perwatakan baik seseorang. Berdasarkan konteks ayat di atas, perkataan yang ditunjukkan merupakan anteseden kepada kiasan terbabit. Ketiga-tiga frasa ini merujuk kepada tingkah laku positif. Kesimpulannya, kajian tentang kiasan Melayu berunsurkan deria rasa yang telah dijalankan ini dapat dirasakan apabila falsafah, makna dan

sebab yang terkandung di dalamnya dapat dicerna dan difahami secara mendalam. Kajian ini juga dapat meneliti perkaitan antara kiasan Melayu dengan budaya dan akal budi penutur.

Satu kajian telah dijalankan untuk menganalisis unsur alam dalam jaku' sempama Iban menggunakan analisis semantik Inkuisitif. Kajian Jeffrey dan Subet (2018) ini telah menyenaraikan dan mengenal pasti peribahasa Iban (jaku' sempama) yang mengandungi unsur alam dalam penciptaannya dan menganalisis akal budi dan falsafah masyarakat Iban dalam penciptaan peribahasa Iban (jaku' sempama) dengan menggunakan semantik Inkuisitif. Pengkaji telah menggunakan data korpus yang diperolehi daripada buku *'Jaku Dalam'* yang disusun oleh Ensiring dan Saleh (2009). Buku tersebut mengandungi 9464 jenis jaku dalam bahasa Iban yang terdiri daripada *jaku' sempama, jaku' sema, jaku' silup dan jaku' dalam rama.* Bagi keperluan kajian ini, pengkaji memilih 4 *jaku sempama* yang mempunyai penggunaan unsur alam. Penganalisisan makna terhadap data dilakukan secara tiga peringkat menggunakan pendekatan semantik inkuisitif Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

Dalam data 1 yang dianalisis maknanya, pengkaji menggunakan unsur haiwan (Ayam). Data yang pengkaji telah sediakan adalah seperti yang berikut:

Jadual 2.9: Makna Perkamusan Peribahasa
'*Manuk mati keberuran di tibang padi'*

Peribahasa	Makna
Manuk mati keberuran di tibang padi Terjemahan : Ayam mati kebuluran di kepuk padi	*Seranta' pengidup ba' menua ke kaya laban ngelusu' gawa'* Terjemahan: Kehidupan yang miskin di negeri yang kaya kerana malas bekerja

Nota. Diadaptasi daripada kajian Jeffrey dan Subet (2018)

Bagi analisis pada tahap semantik skrip, pengkaji telah menyatakan makna peribahasa dalam data 1 ialah kehidupan yang miskin di negeri yang kaya kerana malas bekerja. Makna harfiah dikaitkan dengan sifat pemalas seseorang yang tidak mengambil kesempatan di depan mata. Hal ini digambarkan dengan ayam yang mati kebuluran di tepi tempat menyimpan padi. Dalam analisis tahap semantik resonans pula, pengkaji menjelaskan secara kognitifnya gambaran yang cuba diberikan kepada *manuk* atau ayam dalam peribahasa (data 1) ialah tentang sifat malas. Sifat malas ini dijelaskan dalam peribahasa *Manuk mati keberuran di tibang padi* kerana manuk atau ayam tersebut tidak memakan padi-padi yang terkandung dalam tibang padi atau kepuk padi walaupun ayam ini berada dekat dengannya.

Seterusnya, di peringkat analisis semantik inkuisitif, pengkaji telah menerokai sedalam-dalamnya makna peribahasa *Manuk mati keberuran di tibang padi* sehingga memperlihatkan akal budi dan falsafah masyarakat Iban dalam penciptaan peribahasa itu. Dalam peribahasa tersebut memperlihatkan *tibang* ini dilambangkan sebagai sumber rezeki yang banyak kerana isinya ialah padi. Jadi, jumlah padi yang banyak disimpan di dalam *tibang* tersebut memperlihatkan usaha gigih seseorang itu dalam melakukan aktiviti penanaman padi. Banyak proses yang dijalankan sehingga padi itu mengeluarkan hasil menjadi beras bermula dari proses *nebas,* diikuti dengan upacara *miring, ngelujung, nguhik, betambak* dan yang terakhir ialah *ngetau.* Walau apapun, semua proses menanam padi dilakukan secara *bedurok* atau bergotong-royong Dengan itu, menurut pengkaji, tidak ada alasan untuk tidak dapat melakukan pekerjaan tersebut cuma sifat malas sahaja yang menghalangnya. Selanjutnya, berkenaan dengan ayam yang dijadikan sebagai perlambangan sifat malas menurut pengkaji. Dahulunya, ayam akan dibiarkan berkeliaran di halaman rumah dan menunggu diberi makan oleh tuannya. Ayam yang sentiasa menanti makanan yang diberi oleh tuannya tidak dapat terbang tinggi kerana apabila dilihat pada saiz badan ayam yang besar, sayapnya tidak mampu membawa beban badannya untuk terbang di udara. Ia dikaitkan dengan saiz *tibang*. Ayam hanya mampu melihat *tibang*

yang berisi padi tersebut namun tidak dapat mencapai padi yang terkandung di dalam *tibang* itu. Kesimpulannya, kajian peribahasa Iban menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini telah menyerlahkan falsafah dan akal budi yang tersingkap dalam pemaknaan yang telah dicipta masyarakat terdahulu.

Daud dan Subet (2019) telah mengkaji peribahasa Melayu *"sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik"* dalam kertas kajian mereka yang bertajuk "Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik": Perspektif Semantik Inkuisitif dan Akal Budi Melayu". Pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Dalam huraian data kajian yang dinyatakan oleh para pengkaji, secara harfiahnya, peribahasa sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik membawa maksud sesuatu barangan yang sudah digunakan oleh orang kaya atau ternama, barulah diberikan kepada orang miskin yang tidak mempunyai kemampuan untuk membeli atau memiliki barangan tersebut. Dalam peringkat semantik resonans, kajian telah mendapati, penilaian masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat cermat serta tajam dan telah berjaya mengasosiasikan pertentangan kuasa terhadap kombinasi kedua-dua objek perlambangan haiwan ini. Tambahan pula, kombinasi angsa dan itik dalam peribahasa Melayu ini, bukanlah sesuatu yang tidak selalu didengari terutamanya, apabila melibatkan unsur penindasan, kekuasaan mahupun pengaruh jika diasosiasikan dengan sikap atau kelakuan manusia. Menurut pengkaji, data kajian wujud dan diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP yang dapat dirujuksilangkan melalui pendekatan RRS seperti contoh:

Sebentuk cincin dari suasa, Ikat permata bertambah cantik;

*****Sudah tak bersudu oleh angsa, Barulah diberi kepada itik*****

KURIK KUNDI MERAH SAGA. Sastera, 1990
Dipetik daripada kajian Daud & Subet (2019)

Berdasarkan data di atas, RRS yang diaplikasikan oleh pengkaji di atas telah mewujudkan kesan kognitif pendengar kerana dapat menerangkan cincin yang diperbuat daripada suasa ini merupakan anteseden tambahan bagi merujuk kepada imej perlambangan itik sebagai sesuatu benda yang kurang bernilai berbanding dengan permata. Berdasarkan ayat tersebut frasa ikat permata bertambah cantik merupakan anteseden tambahan yang membantu pembaca mahupun pendengar memahami makna peribahasa ini tanpa melibatkan makna harfiah peribahasa tersebut. Leksikal permata pula menurut pengkaji merujuk kepada sejenis batu yang berharga, yang dapat diikat pada cincin mahupun barang-barang perhiasan lain yang dapat diabstraksikan dengan imej perlambangan angsa. Dalam konteks ayat ini, sebentuk cincin suasa yang pada mulanya hanya disadurkan dengan tembaga dan emas semasa proses pembuatannya, telah mengalami peningkatan nilai harganya kerana telah ditambah atau diikat dengan permata. Sebentuk cincin suasa yang pada mulanya biasa atau tidak mempunyai nilai yang tinggi dalam peribahasa ini dapat diasosisasikan dengan imej itik, tetapi jika ditambah atau dikat dengan batu permata pada cincin tersebut, akan dapat meningkatkan nilai harga bagi cincin tersebut.

Di peringkat analisis semantik inkuisitif, pengkaji-pengkaji telah melibatkan data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Persoalan ‘mengapa’ imej angsa-itik wujud dalam data peribahasa dikupas dengan terperinci. Menurut dapatan kajian, ia melihat kepada imej unggas yang pertama, iaitu angsa yang berasal daripada keluarga Anatidea. Secara zoologinya, haiwan ini dikelaskan dalam subfauna unggas kerana mempunyai sepasang kaki dan sepasang kepak seperti unggas yang lain. Angsa juga mempunyai leher yang panjang dan mampu mengeluarkan bunyi yang kuat menurut Agri (seperti yang dinyatakan dalam Daud, 2018). Menurut Daud lagi, angsa merupakan sejenis haiwan yang lasak, jarang diserang penyakit mahupun perosak dan angsa juga dikenali sebagai “haiwan jaga” kerana angsa mampu menghasilkan bunyi atau suara yang

kuat sehingga mampu menarik perhatian orang yang berada di kawasan tersebut. Berbeza pula, dengan bunyi yang dikeluarkan oleh itik. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaannya hanya mengeluarkan bunyi "*kuek*" ketika mereka memanggil. Menurut pengkaji, itik dikenali sebagai haiwan yang lebih kecil daripada angsa. Daripada segi saiz juga sudah menonjolkan perbezaan fizikal yang ketara antara angsa dengan itik. Oleh sebab itulah, masyarakat Melayu pada zaman dahulu membandingkan dua imej perlambangan ini sebagai rujukan golongan yang besar (berharta dan kaya), iaitu angsa manakala itik sebagai rujukan orang yang lemah dan miskin kerana saiznya yang kecil. Kombinasi "angsa-itik" telah merefleksikan domain [+KUASA] dalam tatatingkat kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang masih dapat diguna pakai dalam kehidupan masyarakat kini. Dalam kajian ini, wujud pertentangan darjat bagi golongan (KAYA-MISKIN) bagi kombinasi "angsa-itik" Perbezaan unsur darjat dalam masyarakat Melayu dapat dikesan melalui objek perlambangan kaya (angsa) dan miskin (itik).

Seterusnya, satu kajian semantik inkuisitif yang bertajuk "Cerminan Pemakanan Sihat Dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif" telah dilaksanakan oleh Murthy et al. (2019). Kajian ini telah menggunakan data peribahasa Tamil sebagai sumber penganalisisan data dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang memfokuskan imej pemakanan sihat dalam domain sayur-sayuran dan buah-buahan. Sepanjang melaksanakan kajian ini juga, pengkaji-pengkaji telah memilih kaedah kualitatif melalui temu bual. Pengkaji telah menemu bual empat orang informan yang mempunyai ilmu berkaitan dengan membaca dan menulis dalam bahasa Tamil. Pengkaji telah memilih seorang orang tua dan tiga orang yang berpendidikan tinggi kerana untuk membezakan nilai kefahaman mereka terhadap peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan serta mendapat data yang sahih. Selain itu, pengkaji juga menggunakan dua buah buku peribahasa dan mengambil beberapa contoh peribahasa yang serupa dengan data yang didapati untuk melihat maksud yang

terkandung dalam buku tersebut serta dijadikan sebagai rujukan sahaja. Pengkaji mendapatkan segala data hasil daripada temu bual serta dua buah buku peribahasa Tamil pula digunakan sebagai rujukan. Dapatan kajian menunjukkan 1 daripada 25 data peribahasa yang mengandungi imej tumbuhan sayur digunakan.

Jadual 2.10: Makna Perkamusan Peribahasa *'Semaitha keerai mulaikuma'*

Peribahasa Tamil	Makna Mudah	Imej Pemakanan	Terjemahan BM	Nama Saintifik
சமைத்தகீரைமு ளைக்காது. Transkripsi Rumi : Semaitha keerai mulaikuma.	Seseorang itu tidak Boleh mengungkit perkara yang telah lama berlalu.	Keerai	Sayur	

Nota. Dipetik dan diadaptasi daripada data kajian Murthy, Subet & Daud (2019).

Makna harfiah bagi peribahasa ini ialah, sayur (*keerai*) yang telah dimasak tidak akan sama sekali tumbuh semula. Masyarakat India selalunya menggunakan unsur-unsur alam di sekeliling mereka untuk mencipta sesuatu peribahasa sama seperti peribahasa *'semaitha keerai mulaikuma'*. Masyarakat India rajin menanam segala jenis sayur-sayuran (keerai) untuk dimakan serta menjual hasil yang berlebihan. Mereka melakukan tanaman sayuran (keerai) kerana mereka tahu akan kepentingan serta kebaikan sayur (keerai) kepada badan manusia. Masyarakat India juga dikatakan sebagai masyarakat yang begitu mementingkan pemakanan. Jika dilihat dengan teliti, sayur *(keerai)* yang telah dimasak sudah pasti tidak akan tumbuh semula. Menurut dapatan pengkaji, hal ini dikaitkan dengan manusia. Seseorang itu dinasihatkan agar tidak mengungkit perkara-perkara yang telah lama berlaku kerana apabila isu lama diungkitkan semula, ia tidak akan membawa sebarang perubahan kepada kehidupan yang sedang dijalani sekarang malah akan menimbulkan pertelingkahan antara satu sama lain. Melalui peribahasa ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat terlalu mementingkan

musyawarah antara masyarakat agar hidup aman dan damai tanpa sebarang perselisihan faham di samping menyentuh budaya masyarakat India yang mendahulukan integrasi kaum.

Abdul Ghani dan Mohamed (2020) telah menjalankan kajian tentang simbol bunga dalam pantun Melayu. Tujuan kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol bunga yang terdapat dalam pantun kategori nasihat dan menganalisis jenis bunga yang paling dominan yang terdapat dalam pantun kategori nasihat. Pengkaji telah mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif yang merupakan gabungan antara Teori Relevans (TR) dengan maklumat baharu budaya setempat. Gabungan Rangka Rujuk Silang (RRS) dengan maklumat budaya yang digunakan oleh pengkaji telah menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu sehingga akal budi penuturnya. Salah satu data kajian yang dianalisis ialah simbol 'bunga melati'. Data dianalisis dengan menggunakan tiga tahap dalam pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), iaitu analisis tahap satu (semantik skrip), analisis tahap 2 (semantik resonans) dan analisis tahap 3 (semantik inkuisitif). Pengkaji telah mengkategorikan pantun yang bersimbolkan 'bunga melati' ini dalam kelompok domain 'sifat'. Secara literalnya, pengkaji mentakrifkan pantun sebagai 'keutamaan menjaga kehormatan dan kesucian diri'. Pada analisis tahap yang kedua pula, pengkaji meneliti konteks pantun secara keseluruhannya. Berdasarkan hasil kajian, frasa "daunnya hilang subur dan sihat" berbentuk nasihat dan merujuk kuplet kedua, iaitu "jangan mati nama yang jahat''. Maklumat tambahan pula berlatarkan nasihat kepada individu supaya menjaga kehormatan dan kesucian diri agar tidak menjatuhkan maruah diri sendiri. Frasa "biar mati nama yang baik'' dan "jangan mati nama yang jahat" menjadi premis tambahan kepada makna yang ingin disampaikan, iaitu mengembangkan konteks yang sedang dibincangkan. Kesan konteks yang tinggi dapat membantu merendahkan usaha memproses maklumat dan seterusnya ujaran itu relevan untuk diinterpretasikan.

Berdasarkan TR, untuk memahami ujaran yang mengandungi bahasa berkias, secara automatik minda pendengar akan tertumpu pada relevan yang optimum dan prosedur pemahaman TR. Pada tahap analisis ketiga pula, pengkaji merungkaikan makna sedalam-dalamnya sehingga menyerlahkan akal budi masyarakat Melayu yang mencipta pantun yang bersimbolkan bunga melati. Ringkasnya, bunga melati banyak digunakan dalam adat resam dan budaya masyarakat Melayu tradisi. Disebabkan baunya yang harum dan mendukung makna simbolik tertentu, maka bunga melati ini sering dijadikan sebagai bahan kemestian membuat bunga rampai yang digunakan dalam adat persandingan. Hal ini secara tidak langsung telah mendorong masyarakat Melayu dahulu menggunakan simbol bunga-bungaan yang dekat dengan kehidupan mereka sebagai salah satu perlambangan dalam penciptaan pantun. Pengkaji pada akhirnya mendapati akal budi yang terkandung di sebalik penggunaan simbol bunga melati ialah 'kebersihan hati dan budi pekerti'. Oleh yang demikian, pantun yang bersimbolkan bunga melati ini bertujuan untuk memberi nasihat kepada masyarakat, khususnya ibu bapa agar sentiasa mengawasi setiap perbuatan dan perlakuan anak gadis mereka daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak bermoral dan sia-sia.

2.5 Kajian Semantik Inkuisitif di Luar Negara

Terdapat juga kajian Semantik Inkusitif yang dijalankan di luar negara. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Kinanti dan Rachman (2018) di Indonesia. Kajian yang bertajuk "Padi Bagi Masyarakat Indonesia: Kajian Semantik Inkuisitif Pada Peribahasa Indonesia" cuba untuk menjelaskan lebih mendalam mengenai nilai-nilai atau budi pekerti yang terdapat dalam peribahasa. Padi merupakan tanaman yang banyak ditemui di Indonesia kerana merupakan sumber makanan ruji/utama masyarakatnya. Penelitian ini menjelaskan bagaimana padi menurut pandangan masyarakat Indonesia terdapat dalam peribahasa. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa imej padi dalam peribahasa ada yang berkombinasi dengan

tumbuhan lain dan dan ada juga tidak berkombinasi. Kombinasi yang muncul ialah padi-ilalang dan padi-jagung. Padi bagi masyarakat Indonesia dianggap sebagai kebaikan, keutamaan, kemakmuran, dan kekayaan seperti yang ditunjukkan di bawah. Pada tahap semantik skrip, pengkaji telah menghuraikan makna data padi-illang seperti Jadual 2.11:

Jadual 2.11: Makna Perkamusan Peribahasa

No	Peribahasa	Makna
1	"Menyisip padi dengan ilalang"	Mencampurkan sesuatu yang buruk dengan yang baik.
2	"Tanam ilalang takkan tumbuh padi"	Melakukan kejahatan takkan mendapatkan kebaikan.
3	"Padi ditanam tumbuh ilalang"	Peribahasa di atas dikiaskan kepada orang yang sial, yang malang, yang bernasib buruk. Yang ditanamnya padi, tetapi yang tumbuh hanyalah alang-alang.
4	Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi ilalang	Tidak sombong atau sentiasa merendah diri walaupun memiliki harta kekayaan, darjat dan pangkat.

Nota. Diadaptasi daripada kajian Kinanti dan Rachman (2018)

Pada peringkat penganalisisan kognitif pula, pengkaji telah membincangkan tiga perkara penting yang berkaitan dengan padi iaitu kombinasi padi-ilalang, kombinasi padi-jagung dan padi yang tidak berkombinasi dengan tumbuhan lain. Peribahasa yang menggunakan kombinasi padi-ilalang memiliki makna pertentangan antara kebaikan dan keburukan; nasib baik dan nasib buruk. Data juga dianalisis menggunakan RRS seperti berikut:

Alangkah malangnya nasib Pak Darno. Anak yang selama ini disekolahkannya hanya mampu membuatnya nelangsa, seperti menanam padi yang tumbuh hanyalah ilalang.

Diadaptasi dan dipetik daripada kajian Kinanti dan Rachman (2018)

Data peribahasa yang menggunakan kombinasi padi-jagung pula memiliki makna komplemen, pengganti, dan pelengkap. Peribahasa padi-jagung pada *"Berjagung-jagung sementara padi belum masak"* memiliki makna bahwasanya jika belum mendapatkan sesuatu yang baik maka yang seadanya pun dapat digunakan. Makna peribahasa padi-jagung pada peribahasa *"Padi masak, jagung mengupih"* adalah perihal kehidupan yang semakin meningkat/baik.

Pada tahap semantik inkusitif, pengkaji telah menjawab persoalan mengapa masyarakat Indonesia menggunakan istilah 'padi' dalam metafora dan peribahasa. Padi merupakan sumber bahan makanan dan sumber penghasilan masyarakat Indonesia. Indonesia memiliki tanah yang subur serta wilayah yang sangat luas sehingga memiliki jelapang padi yang sangat luas. Kajian Kinanti & Rachman (2018) ini juga mendapati betapa bergantung dan pentingnya padi bagi masyarakat Indonesia sehingga pemujaan terhadap padi masih dilakukan hingga sekarang. Hal ini tidak terlepas daripada mitologi masyarakat Indonesia iaitu tentang *Dewi Sri (Jawa) atau Nyai Pohaci (Sunda)*. Menurut mereka lagi, mitologi zaman lalu menyebutkan bahawa Dewi Sri atau Nyai Pohaci merupakan asal-usul daripada tumbuhan padi. Kepercayaan yang kuat terhadap dewi dan pemujaannya menjadikan padi merupakan bahan makanan yang dipuja oleh masyarakat Indonesia. Padi merupakan sesuatu yang utama, sumber kemakmuran, sumber kebaikan dan segala sesuatu yang mengatur kehidupan. Pengkaji merumuskan bahawa penutur peribahasa pada masa dahulu menggunakan padi sebagai metafora dalam peribahasa berdasarkan pengamatan, penelitian dan maknanya terhadap alam.

Malang (2019) telah melakukan kajian semantik yang bertajuk Metafora Tumbuhan Dalam Peribahasa Indonesia. Namun pengkajian beliau dilihat hanya berada di tahap yang

kedua, iaitu semantik kognitif. Data kajian ini didapati belum diteroka sedalam-dalamnya pada tahap yang ketiga, iaitu semantik inkuisitif. Pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif. Objek penyelidikan ini ialah pengkaji cuba untuk melihat penggunaan metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia. Pengkaji telah melaksanakan beberapa langkah dalam kajiannya termasuklah dimulakan pengumpulan data, analisis data, dan penyajian analisis data. Data dalam kajian ini ialah data bertulis yang diperoleh daripada kamus peribahasa Indonesia karya J.S. Badudu dan buku kumpulan peribahasa karya Moh. Kusnadi Wasri. Pengkaji telah membahagikan nama-nama tumbuhan yang digunakan dalam peribahasa Indonesia kepada dua kategori, iaitu yang pertama berdasarkan bahagian-bahagian tumbuhan dan yang kedua berdasarkan bijinya.

Dapatan kajian menunjukkan peribahasa yang dirungkai dalam kajian ini ialah peribahasa yang menggunakan nama tumbuhan sebagai perbandingan. Nama-nama tumbuhan dapat menggambarkan keadaan atau perwatakan pada seseorang, di samping turut menggambarkan sesuatu keadaan atau keperihalan. Pengkaji menyatakan bahawa metafora memiliki dua komponen iaitu sumber dan sasaran. Sumber merupakan konsep yang dijadikan dasar konseptualisasi manakala sasaran merupakan konsep di mana konseptualisasi disasarkan. Sasaran biasanya lebih abstrak dan sumber lebih konkrit. Dapatan kajian juga menunjukkan hasil dari intepretasi makna metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia. Peribahasa yang menggunakan unsur-unsur tumbuhan dapat menggambarkan kekuatan dan kelemahan. Kekuatan dan kelemahan yang dimaksud adalah dasar dari asosiasi yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu. Salah satu data kajian yang dianalisis oleh pengkaji diterangkan di bawah:

Jadual 2.12: Makna Peribahasa "Bergantung pada akar lapuk"

Data 1	
Peribahasa	Makna
Bergantung pada akar lapuk	Mencari pertolongan pada orang yang lemah

Nota. Diadaptasi daripada kajian Budi Utomo Malang (2019)

Peribahasa 'bergantung pada akar lapuk' menggambarkan orang yang meminta bantuan kepada orang yang lemah. Peribahasa ini menggunakan klasifikasi bahagian daripada tumbuhan, iaitu akar lapuk sebagai sumber. Sasarannya ialah orang yang lemah. Akar merupakan bahagian tumbuhan yang berfungsi sebagai medium untuk mendapatkan makanan. Akar yang masih muda dapat menyerap makanan dengan baik sedangkan akar lapuk ialah akar yang sudah tua atau sudah rosak. Akar yang sudah rosak tidak dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Peribahasa bergantung pada akar lapuk menggambarkan metafora orang yang lemah ialah akar lapuk. Proses kognitif yang terjadi merupakan satu konseptualisasi bahawa orang yang lemah bersinonim dengan akar yang lapuk. Apabila kita bergantung pada orang yang lemah bermakna kita tidak akan mendapatkan apa-apa bantuan. Apabila diteliti, dapatan kajian ini menunjukkan banyak persamaan dengan cara menganalisis dengan menggunakan pendekatan semantik inkusitif. Walaupun pengkaji mengupas makna melalui penerokaan kognitif sehingga dan dapat mencungkil makna peribahasa itu ke peringkat yang agak mendalam demi memahami makna peribahasa, namun pengkaji belum mencapai atau menemui makna pada tahap akal budi penutur.

Kajian semantik bertajuk "Konseptualisasi Metafora Secara Politik: Kajian Semantik Kognitif telah dijalankan oleh seorang pengkaji di negara Indonesia, iaitu Kusmanto (2019). Pengkaji telah melakukan kajian terhadap wacana politik yang terdiri daripada kata, frasa dan ujaran metafora politik dalam tajuk berita. Sumber data kajian ini ialah berita politik pada

tribunnews.com edisi Januari-maret 2019. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah dokumentasi, senarai semak dan catatan. Pengaplikasian pendekatan semantik kognitif dipraktikkan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan pengkaji telah mengkelaskan data metafora politik kepada tiga bahagian, iaitu metafora struktural, metafora orientasi, dan metafora ontologi. Hasil analisis menunjukkan Metafora struktural merupakan jenis metafora yang direalisasikan dengan cara memindahkan sesuatu konsep dengan konsep yang lain. Berikut ialah data yang menunjukkan metafora struktural.

(1) “Jika Menang Pilpres,
Prabowo Akan Jalankan
Konsep *Ekonomi 'Gado-gado'.”* (1/5/2019)

Data kajian di atas merupakan ungkapan yang memiliki nilai metafora, iaitu terletak pada ungkapan *Gado-gado*. Konsep ekonomi *Gado-gado* digunakan untuk menggambarkan konsep ekonomi gabungan. *Gado-gado* merupakan konsep makanan yang terdiri daripada kombinasi pelbagai bahan berasaskan sayur yang kemudiannya dicampur atau digabungkan dengan pelbagai bahan yang lain untuk menjadi satu produk. Ekonomi kombinasi juga sama seperti *Gado-gado*. Ekonomi kombinasi dilakukan dengan menggabungkan dua atau beberapa prinsip ekonomi. Contohnya, prinsip ekonomi liberal digabungkan dengan prinsip ekonomi kerakyatan. Hal tersebut semakin relevan dengan konsep ekonomi kerakyatan kerana penggunaan metafora *Gado-gado*. Pada umumnya *Gado-gado* ialah makanan yang terkenal dalam masyarakat sehinggakan penggunaan metafora ekonomi *Gado-gado* juga merujuk pada konsep ekonomi kerakyatan. Namun, yang dapat dilihat dalam penganalisisan data ini, cuma penganalisisan pada tahap kedua, iaitu dengan aplikasi pendekatan semantik resonans, iaitu tahap kedua dalam semantik inkuisitif untuk merungkai makna yang terdapat dalam ungkapan

metafora di atas. Pengkaji telah berjaya meneroka makna sehingga ke peringkat dasar. Namun begitu, penerokaan ini perlu lebih mendalam lagi sehingga peringkat akal budi penuturnya.

2.6 Kajian Lampau Penggunaan Teori Relevans

Kajian ini seterusnya mengemukakan beberapa kajian yang mengaplikasikan Teori Relevans (TR) dalam pembuktian makna. Kajian-kajian yang menggunakan TR ini perlu dikemukakan juga kerana dalam semantik inkuisitif, tahap kedua analisis makna perlu melibatkan satu teori yang berwibawa kerana pada tahap kedua analisis dalam pendekatan semantik inkuisitif yang dikenali sebagai semantik resonans mengaitkan data dan keupayaan kognitif penutur-pendengar. TR merupakan satu teori yang mensyaratkan keupayaan kognitif untuk menghasilkan andaian-andaian yang berkenaan untuk sampai kepada maksud sebenar yang dihajati oleh penutur. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengaplikasikan TR untuk melengkapkan pencarian makna yang lebih sahih sebelum memasuki tahap ketiga analisis, iaitu tahap semantik inkuisitif.

Kajian Anis dan Esa (2016), yang bertajuk "Fungsi dan Peranan Komunikasi berimplikatur Dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam" telah meneliti kajian-kajian lepas berkaitan dengan komunikasi berimplikatur melalui analisis Teori Relevans dengan menggunakan teks Sejarah Melayu bagi mensahihkan pernyataan tentang tajuk yang dikaji. Pengkaji turut menyatakan bahawa dalam TR, pemahaman implikatur tidak boleh berpandukan makna harfiah semata-mata, sebaliknya dikawal oleh relevan yang optimum. Oleh yang demikian, dalam usaha memproses makna sebenar implikatur, pendengar perlu memastikan mereka memperoleh relevan optimumnya terlebih dahulu. Apabila pendengar telah berjaya mencapai relevan optimum, pendengar akan berhenti memproses maklumat. Sehubungan dengan itu, penutur mesti meramalkan pendengarnya akan berjaya mencari andaian implikatur dan membuat kesimpulan implikatur bagi mencari makna sebenar implikatur. Pengkaji turut

menjelaskan bahawa TR sesuai digunakan kerana huraiannya berasaskan kerelevanan sesuatu ujaran itu bergantung pada konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat antara penutur dengan pendengar. Dalam dapatan kajian mereka, beberapa implikatur dalam pertuturan telah diteliti menggunakan TR. Antaranya implikatur yang terdapat dalam teks sejarah dan filem. Hasilnya menunjukkan ujaran orang-orang Melayu selalunya diselitkan dengan peribahasa. Peribahasa sering digunakan sebagai satu cara dalam ujaran orang-orang Melayu untuk menyampaikan sesuatu makna dalam nada implisit.

Begitu juga dengan dapatan analisis terhadap implikatur pertuturan dalam filem seperti filem P. Ramlee yang dijalankan oleh Atan (2010). Dapatan kajian turut menunjukkan ujaran-ujaran yang dikaji telah menggunakan pelbagai jenis ayat untuk menyampaikan sesuatu maksud. Begitu juga penggunaan implikatur dalam ujaran dan perbualan. Kajian ini menemui implikatur dalam ayat penyata dan ayat figuratif. Antara ayat-ayat yang diujarkan adalah seperti dalam filem Seniman Bujang Lapok (arahan P.Ramlee, 1961). Adegan yang berkaitan ialah ketika Sudin mendekati jaga (seorang Singh) yang bertugas di perkarangan studio Jalan Ampas. Sudin memanggil “hoi!hoi!”untuk bertanya sesuatu. Jaga tidak menjawab namun merungut “Nama saja Melayu, sedikit bahasa pun tak ada”. Mereka berasa malu dan Ramlee pun berkata “Betul kata Singh itu, bahasa menunjukkan bangsa tau”. Ayat yang diujarkan oleh jaga(Singh) dan Ramlee dalam filem Seniman Bujang Lapok (1961) jelas membawa makna yang tersirat. “Nama saja Melayu, sedikit bahasa pun tak ada” menunjukkan bahawa penutur ingin menegur pertuturan agak kurang sopan yang diujarkan oleh Sudin. Makna tersirat lain yang ingin disampaikan oleh Jaga(Singh) dalam filem itu ialah bangsa Melayu merupakan bangsa yang terkenal dengan budi bahasa dan sopan santun yang tinggi. Ujaran itu disokong oleh Ramlee dengan menyatakan “bahasa menunjukkan bangsa tau”. Ujaran ini mengukuhkan lagi bukti bahawa masyarakat Melayu memang terkenal dengan penggunaan bahasa figuratif dalam pertuturan seharian pada satu ketika dahulu.

Dalam konteks kajian Mohd Ali dan Abd Rahim (2017), teks lirik lagu "Bebaskan" bertindak sebagai penutur dan orang yang membaca atau mendengar berdasarkan lirik lagu tersebut sebagai pendengar. Dengan Teori Relevans, teori ini dapat membantu menginterpretasikan makna secara implisit. Sesuatu ujaran itu harus diinterpretasi berlandaskan makna konteks, kesan konteks dan usaha untuk memproses ujaran tersebut. Teori ini bukan bertujuan untuk menghuraikan maksud 'relevan', tetapi sebaliknya ia bertujuan untuk menjelaskan keterlibatan ciri proses mental ketika menginterpretasikan ujaran ataupun maklumat. Dengan kata lain, dalam usaha memproses makna ujaran, pendengar akan berusaha mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi untuk mendapatkan perhatian daripada pendengar. Dapatan kajian menunjukkan pengkaji telah menganalisis tiga kata kerja, iaitu 'bebaskan' sebagai data 1, 'menutupi' sebagai data 2 dan 'mengganguku' sebagai data 3. Ketiga-tiga data dianalisis menggunakan TR dengan melalui tahap penghuraian makna linguistik yang dicari daripada kamus bahasa. Setelah melalui proses analisis TR, penggunaan kata kerja 'bebaskan' yang terdapat pada data 1 dalam lirik lagu "Bebaskan" sangat memberi kesan kepada pembaca untuk memahami makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur kerana kata kerja yang digunakan mengandungi unsur emosi yang dapat mempengaruhi kesesuaian dan kerelevanan kata kerja yang digunakan. Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji bersesuaian dengan Teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1986) yang dapat membantu menginterpretasikan makna secara implisit. Sesuatu ujaran itu harus diinterpretasi berlandaskan makna konteks, kesan konteks dan usaha untuk memproses ujaran tersebut seperti yang dirumuskan dalam data 2.

Dalam data 2 yang menggunakan kata kerja dalam B5 *"salju putih* ***'menutupi'*** *malam",* pengkaji menjelaskan kata kerja ***'menutupi'*** yang digunakan dalam data 2 merupakan makna asosiasi kerana penutur menggunakan makna di luar bahasa untuk menggambarkan makna dan

situasi dalam B5 “Salju putih ***menutupi*** malam”. Dalam konteks lirik lagu “Bebaskan” dalam B5, ‘malam’ disimbolikkan sebagai hitam atau kegelapan. Apabila *‘malam’* dalam lagu “Bebaskan” dikaitkan dengan salju putih, penutur cuba untuk menyampaikan maksud bahawa salju putih yang bersifat jernih dan bersinar itu telah menggantikan kegelapan malam dengan cahaya dan sinaran salji yang telah mengubah suasana *‘malam’*. Hal inilah yang dimaksudkan dengan kata kerja *‘menutupi’* dalam B5, “Salju putih menutupi malam” yang bermaksud sinaran menggantikan kegelapan. Begitu juga seterusnya dengan analisis data 3, iaitu *‘mengganggguku’*. Kata kerja terbitan *‘mengganggu’* menurut makna linguistik pula bermaksud mengusik, mengacau, mempermain-mainkan, menghalangi dan mencegah. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati bahawa penggunaan kata kerja *‘mengganggu’* merupakan pemilihan kata yang sesuai untuk menggambarkan bahawa penutur tidak goyah atau terancam dengan kedinginan salju di tempatnya kerana kata kerja yang digunakan amat sinonim dan bertepatan dengan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Dapatan ini bertepatan dengan TR iaitu pendengar tidak perlu berusaha lebih untuk mencapai makna yang dimaksudkan. Setiap ujaran menimbulkan andaian yang relevan kerana matlamat untuk mencapai kerelevanan merupakan ciri asas kognisi manusia, yang boleh dieksploitasi oleh penutur.

Wong (2013) dalam kajiannya yang bertajuk “Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans” telah mengkaji keharmonian kaum melalui teks ucapan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman. Kajian yang menggunakan TR ini membincangkan unsur implisit dalam usaha menyampaikan mesej. Dengan menggunakan data kata “kota” dan “racun”, pengkaji mengkaji makna implisit. Menurut pengkaji, data ‘kota’ mudah dikesan makna linguistiknya, makna ini dapat diperoleh daripada tesaurus atau kamus. Walau bagaimanapun, makna ‘kota’ secara linguistik ini bukanlah makna sebenar kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Pengkaji telah mengaplikasikan TR terhadap data ‘kota’ berikut :

Jadual 2.13: Analisis TR leksikal ‘kota’

Kod	Inferens	Andaian
Kota	Penghalang/Sesuatu yang memisahkan	a. dasar pecah dan perintah b. bandar besar yang dikelilingi benteng c. menjadi penghalang kepada sesama manusia d. batu-bata yang mengelilingi kediaman manusia.

Nota. Diadaptasi dan dipetik daripada kajian Wong (2013) bertajuk “Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans”.

Data “kota” menurut pengkaji setelah dijelaskan maknanya secara linguistik bermaksud “penghalang atau sesuatu yang memisahkan”. Menerusi data ini, beberapa andaian telah dinyatakan oleh pengkaji. Andaian pertama, “dasar pecah dan perintah”, andaian kedua “bandar besar yang dikelilingi benteng”, andaian ketiga “ menjadi penghalang kepada sesama manusia”, andaian keempat “batu-bata yang mengelilingi kediaman” dan andaian kelima “manusia”. Dengan menggunakan analisis TR, andaian yang paling relevan iaitu “dasar pecah dan perintah” dapat dibuktikan dengan penambahan maklumat dan pengembangan ayat pemula iaitu “Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya kota... ”. Data ‘racun’ mempunyai makna yang tersirat. Pentafsiran makna tersirat bagi ‘racun’ telah dipengaruhi oleh konteks. Data ‘racun’ telah dihuraikan makna harfiahnya, iaitu bias, pembunuh, pemusnah, perosak, santau, sengat, toksin, tuba dan ubat. Setelah analisis TR dilakukan, inferens dapat dikesan, iaitu ‘sesuatu yang memudaratkan’. Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini berpendapat bahawa penginterpretasian data ‘racun’ menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pendengar untuk mengesahkan konteks tersebut seperti yang ditunjukkan dalam data pengkaji di bawah.

Jadual 2.14: Analisis TR leksikal ‘Racun’

Kod	Inferens	Andaian
Racun	Sesuatu yang memudaratkan	a. masalah b. pembunuh c. ketakutan d. pergaduhan

Nota. Diadaptasi dan dipetik daripada kajian Wong (2013) bertajuk “Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans”.

Makna sebenar data ‘racun’ yang terhasil iaitu ‘masalah’. Makna sebenar bagi data ‘racun’ turut dibuktikan melalui proses penguatan dalam TR iaitu andaian (a) diperkukuh melalui faktor persekitaran pendengar. Berikut petikan ucapan Tunku yang berkaitan dengan andaian (a):

> “Masing-masing yang keluarkan cakap yang bukan-bukan, bukan kerana apa, bukan kerana ada sebab, semuanya adalah kerana takut, bimbang dan tak percaya. Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada manamana bangsa pun.”
>
> Dipetik daripada kajian Wong (2013) bertajuk “Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans”.

Oleh sebab itu, apabila ujaran ‘Inilah tiga perkara yang menjadi racun yang besar…” dikemukakan oleh Tunku. Pendengar yang dapat mengaitkan andaian (a) dengan pengalaman mereka pada masa itu yang menghadapi pelbagai masalah. Oleh itu andaian (a) mempunyai kesahan yang tinggi kerana kesan konteks yang tinggi. Pendengar mudah memproses makna implisit yang terdapat dalam data ‘racun’ ini. Kesimpulannya, dengan TR, di sebalik makna linguistik, ada makna yang tersirat daripada kata ‘racun’ iaitu bermaksud ‘masalah’ kepada sesuatu rancangan. Pengkaji merumuskan bahawa makna ujaran yang implisit dalam data

kajian yakni pemikiran Tunku berkaitan dengan kaharmonian kaum ini mampu diterokai dengan menggunakan TR.

Sameon dan Subet (2020) dalam kajian yang mereka jalankan telah menganalisis perwatakan dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam kajian ini, para pengkaji mengaplikasikan pendekatan Teori Relevans (TR) yang mementingkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat bagi membantu pembaca memahami citra atau perwatakan watak dalam novel tersebut. Hasil analisis TR dan RRS dapat disimpulkan perwatakan watak dalam novel ini digambarkan sebagai seorang yang berdikari, bertanggungjawab, tidak bertindak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati membuat keputusan. Ini dapat dibuktikan melalui data 1 yang telah dianalisis oleh pengkaji. Data 1 yang dipetik daripada kajian adalah seperti yang berikut:

"Data 1: "Aku tak fahamlah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia." Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya…."

Makna logik: Tindakan abangnya yang telah memasang *retinal scanner* di rumah Farisha telah menyebabkan Farisha berasa rimas lebih-lebih lagi abangnya juga telah menghubungkan interkom rumahnya terus ke rumah abangnya.

Analisis bermula dengan leksikal 'rimas'. Usaha memproses maklumat yang dijalankan oleh pengkaji bermula dengan pemahaman logik. Secara umumnya leksikal 'rimas' boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang bersifat perasaan. Frasa 'Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya….' dibantu dengan maklumat logik atau pengetahuan umum pembaca boleh mencetuskan pelbagai andaian implikatur. Hal ini dikatakan demikian kerana, ensiklopedia logik atau pengetahuan umum mengandungi pelbagai jenis maklumat termasuk andaian lazim, informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian dan pengalaman

peribadi seseorang (Carston, seperti yang dinyatakan dalam Subet, 2018). Dengan itu, wujudlah pelbagai andaian implikatur seperti berikut mengenai perwatakan dan sifat Farisha iaitu (1) tidak suka dikongkong, (2) tidak senang hati disekat pergerakannya dan (3) tidak selesa dikawal ketat oleh abangnya dan (4) tahu menjaga diri sendiri. Seperti kebanyakan remaja dalam masyarakat hari ini, mereka tidak suka dikongkong, tidak suka dikawal ketat oleh keluarga dan lebih suka hidup secara mandiri. Dengan bantuan pengetahuan umum ini, pembaca boleh membuat kesimpulan implikatur iaitu Farisha tahu menjaga keselamatan diri tanpa kawalan ketat daripada abangnya.

Pembaca boleh mentafsir makna implisit mengikut proposisi sebenar tentang perwatakan Farisha berdasarkan Data 1 ialah Farisha merupakan seorang yang suka berdikari. Hal ini selaras dengan perkembangan daya fikir dan intelektualisme, kehendak, tingkah laku, penyesuaian dengan persekitaran dan kemasyarakatan, lebih responsif serta kematangan bertindak dan membuat pilihan (Anuar, dalam Sameon dan Subet, 2020). Lingkungan usia 12 hingga awal 20-an merupakan tahap remaja zaman peralihan kanak-kanak ke alam dewasa dan remaja pada usia ini ingin mendapat kebebasan, bertanggungjawab dan berdikari. Usaha memproses maklumat untuk makna implisit ini diperkukuh dengan subkonsep TR iaitu RRS. Melalui RRS, Data 1 akan dianalisis berdasarkan leksikal “rimas”.

“Aku tak fahamlah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” ***Farisha*** berasa **rimas** dengan tindakan abang sulungnya….

Dipetik dan diadaptasi daripada kajian Sameon dan Subet (2020)

Analisis RRS Data 1, telah menunjukkan perwatakan Farisha yang suka berdikari. Perkara ini dapat disokong melalui pendekatan analisis RRS berdasarkan petikan daripada

novel Di Sebalik Dinara dengan adanya leksikal tambahan seperti ‘kenapa’, ‘pasang’ dan ‘sambung’. Berdasarkan leksikal seperti ‘kenapa’, ‘pasang’ dan ‘sambung’ telah memberikan kesan kognitif kepada pembaca atau pelajar terutamanya apabila wujudnya frasa ‘Kenapa nak pasang *retinal scanner* pula?’ dan ‘Dahlah dia sambungkan interkom’ telah memberi kesinambungan untuk membantu interpretasi perwatakan yang dicari. Kehadiran leksikal ‘kenapa’, ‘pasang’ dan ‘sambung’ dalam frasa tersebut memudahkan usaha memproses dalam diri pembaca / pelajar. Berdasarkan TR, semakin banyak kesan kognitif yang terhasil semakin mudah usaha memproses dan semakin relevan ujaran tersebut. Dengan adanya tambahan frasa ini menggambarkan perbuatan atau tindakan melampau seseorang (abang/Azraai) untuk memastikan keselamatan seseorang adik (Farisha). Tindakan melampau ini menyebabkan adiknya tidak selesa dan rasa terkongkong atau rimas kerana adiknya (Farisha) adalah golongan remaja masa kini lebih terdedah untuk hidup berdikari. Kajian ini telah membuktikan bahawa, pengaplikasian TR dan RRS dalam pembelajaran novel KOMSAS adalah relevan dan dapat memberi makna implisit kepada pelajar.

Tajuddin dan Saruddin (2018) telah menjalankan kajian metafora bunga kiambang dengan mengaplikasikan TR dan RRS. Data kajian ini berdasarkan Karya Agung pantun Melayu yang berjudul Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007) terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian analisis teks. Dalam dapatan kajian, pengkaji telah melihat kepada perspektif bunga kiambang berdasarkan TR. Berdasarkan data, dapat difahami bahawa bunga kiambang diaplikasikan kerana dapat menyerlahkan sifatnya yang teguh, kukuh dan kuat. Misalnya dari sudut konteks lokasi, pertumbuhan bunga kiambang, hidup di air seperti paya dan tasik, membiak dengan cepat dan bertaut dengan tumbuhan yang lain menunjukkan sifatnya yang mampu tumbuh dan hidup menyatu dengan tumbuhan lain. Selain itu, pada setiap permukaan yang tidak berarus, kiambang akan hidup dengan selamat. Dari sudut konteks falsafah pula, bunga kiambang

merupakan tanaman yang diibaratkan sebagai ketenangan, kedamaian, ketenteraman dan bebas. Falsafah bunga kiambang ibarat seseorang yang bebas bersendiri dan tenang dengan caranya yang tersendiri. Dari sudut konteks kiasan, bunga kiambang dijadikan peribahasa Melayu yang dominan dengan perdamaian, penyelesaian sengketa sesama bangsa. "Biduk berlalu dan kiambang pasti bertaut kembali" yang menunjukkan bahawa kiambang disifatkan sebagai elemen yang kental mengharungi masalah dan cuba untuk menghadapinya dengan tenang.

Dari sudut konteks psikologi pula, bunga kiambang dijadikan wadah sastera sewaktu menulis tentang perasaan kasih dan sayang ketika menyatakan emosi terhadap seseorang yang dikagumi, dikasihi dengan meneliti lirik puisi yang dimanifestasikan dalam lagu dan syair oleh pengkarya muzikal. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat kiambang yang teguh dan menggambarkan jiwa yang penuh pengharapan kepada ketenangan dan kedamaian. Dari sudut konteks warnanya pula, kiambang ialah tumbuhan paku-pakis yang daunnya disebut sebagai bunga atau flora berwarna hijau. Hijau adalah warna agama yang melambangkan peraturan kehidupan dan manusia mesti berlandaskan agama bagi membataskan manusia melakukan perkara-perkara yang mungkar. Kesemua konteks ini jelas menyerlahkan sifat kiambang yang mampu hidup mandiri dan tumbuh harmoni bersama hidupan lain di dalam air. Jadi konteks-konteks ini meninggalkan kesan konteks yang akhirnya memahamkan pendengar dengan mesej pantun. Sekiranya konteks ini dapat ditanggapi dengan baik oleh pendengar, maka pantun ini melibatkan kos memproses yang, rendah akan tetapi jika berlaku tafsiran makna yang berlapis-lapis oleh pendengar, maka kos proses menjadi tinggi.

Subet (2018) pula telah melaksanakan satu kajian yang berkaitan dengan TR iaitu "Analisis Teori Relevans dalam Metafora". Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen berdasarkan TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam bidang pragmatik. Data kajian yang digunakan ialah 5 unsur bahasa metafora daripada 5 sajak

Usman Awang. Antara dapatan kajian ini analisis data menggunakan TR seperti dalam jadual di bawah ini:

Jadual 2.15: Analisis TR Esplikatur 'Kolam-kolam derita'

Analisis TR		
Eksplikatur: Kolam-kolam derita		Bentuk Logik: kolam-kolam = lubang (lekuk) di tanah yang berisi air Derita = kesusahan (kesakitan, keseksaan) dan sebagainya. (Kamus Dewan, 2015)
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
derita	perasaan	1. Kesusahan dan kesengsaraan dalam kehidupan. 2. Keperitan dan kepayahan. 3. Berhempas pulas mencari rezeki. 4. Penderitaan yang tiada penghujung

Nota. Dipetik dan diadaptasi daripada kajian Subet (2018)

Analisis yang ditunjukkan oleh pengkaji di atas ialah bentuk logik yang dapat dikesan apabila melihat perkataan kolam itu sebagai lubang atau lekuk tanah yang berisi air, tidak kira besar atau kecil dan biasanya mempunyai tahap kedalaman yang berbeza. Bentuk logik dalam data di atas hanya memaparkan makna literal setakat permukaan. Pengkaji turut mengemukakan konteks sebagai kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Andaian berkenaan, menurut Sperber dan Wilson (1986), boleh melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan agama, kenangan lucu, budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Menurut kajian ini, dalam TR, konteks dirujuk

dengan tiga cara, iaitu melalui ujaran terdahulu kedua dengan cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran.

Dalam analisis data ini, pengkaji didapati telah membuat andaian awal dan mendapati bahawa bukan setakat derita yang diungkapkan tetapi derita yang menjangkau lebih daripada itu. Melalui analisis TR, pengkaji telah mengemukakan andaian-andaian seperti dalam jadual. Andaian-andaian ini dikemukakan berdasarkan konteks dan tahap kemampuan kognitif pengkaji. Andaian ini didapati tinggi kesahannya kerana eksplikatur "derita" mengandungi implikatur. Andaian implikatur yang dikemukakan di atas sudah mampu memberikan makna sebenar bentuk logik eksplikatur. TR membenarkan penghasilan satu set proposisi dalam ujaran. Set proposisi ini ada yang dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan yang digunakan dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh maklumatnya melalui kesimpulan yang dibuat berdasarkan fakta atau asas tertentu. Penderitaan yang dirasai seperti mana yang terpampang pada analisis data di atas telah dapat dikesan melalui analisis TR. Dapatan kajian turut mendapati data kajian sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran itu, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu.

2.7 Analisis Kritis

Hasil daripada bacaan dan sorotan terhadap 13 kajian terdahulu tentang seni bahasa, tiga daripadanya menggunakan bahan seni bahasa sajak sebagai data kajian. Kajian selebihnya menggunakan novel (2), peribahasa (3), simpulan bahasa (1), *'leka pelian'* atau jampi (1), drama (1), lirik lagu (1) dan kajian ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa (1). Sebanyak 12 daripada 13 kajian yang disorot menunjukkan adanya usaha untuk membantu murid memahami makna yang tersirat yang terkandung dalam bahan seni bahasa.

Namun begitu, makna tersirat yang dicungkil daripada bahan seni bahasa sajak dengan menggunakan analisis TR yang dikemukakan, contohnya dalam kajian Subet (2019) terhenti pada peringkat kognitif pendengar. Pada pendapat pengkaji, makna tersirat dalam bahasa figuratif yang dipetik daripada bahan seni bahasa sajak boleh diteroka dengan lebih mendalam lagi kerana makna sebenar yang dihajati belum menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung dalam bahasa figuratif personafikasi. Kemahiran pembelajaran bersifat penerokaan amat diperlukan untuk mengasah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang memang telah sedia wujud dalam kotak pemikiran murid dalam menempuh serta mengharungi alam pembelajaran abad ke-21 ini.

Manakala, kajian yang melibatkan pengaplikasian pendekatan SI dalam bahan seni bahasa yang disorot kebanyakannya menggunakan peribahasa sebagai data kajian seperti dalam kajian Kasdan et al. (2016), Md Nasir dan Subet (2018), Daud dan Subet (2019), serta Zaini dan Jalaluddin (2019). Penganalisisan bahan seni bahasa seperti peribahasa dan sajak menggunakan pendekatan SI membantu menyerlahkan kemahiran murid melakukan penerokaan secara independen. Secara keseluruhannya, hasil-hasil kajian daripada pengkaji terdahulu membuktikan bahawa bahan seni bahasa berkesan membantu dan membawa impak yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, dari segi pemahaman makna dalam bahan pengajaran itu membantutkan usaha guru dan murid untuk sama-sama menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam situasi yang menyeronokkan. Dengan pelaksanaan analisis dengan menggunakan semantik inkuisitif ini nanti, diharapkan agar dapat membantu pendidik dan murid memahami makna bahan pengajaran seni bahasa dengan lebih mendalam.

2.8 Rumusan Bab

Seni bahasa mementingkan kehalusan dan keindahan bahasa. Aspek ini memberi penekanan kepada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi. Pembentukan ayat yang menggunakan simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personafikasi yang terdapat dalam puisi dan penulisan kreatif juga menampakkan keindahan dan seni dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian yang melibatkan penganalisisan bahan seni bahasa di peringkat pendidikan rendah masih belum dikaji secara terperinci oleh para sarjana bahasa. Kajian menggunakan analisis inkuisitif lebih tertumpu kepada puisi-puisi hasil karya sasterawan dan para cendekiawan dan bersifat lebih umum jika dibandingkan dengan pengkajian di peringkat pendidikan rendah. Di samping itu juga, pihak pembuat dasar seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam KPM amat mengalu-alukan para pengkaji agar melakukan kajian yang dapat memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan kognitif murid dalam pembelajaran seni bahasa. Perubahan dalam gaya pembelajaran pada masa kini juga mendorong usaha golongan cerdik pandai meneroka kaedah pembelajaran yang sesuai terutamanya untuk golongan murid pada peringkat rendah. Keterbatasan ini menyebabkan pengkaji merasakan adalah perlu untuk dilaksanakan kajian melibatkan analisis semantik inkuisitif.

Oleh itu, kajian sebegini perlu diperbanyak dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pragmatik khususnya semantik inkuisitif. Tambahan pula, pemahaman di peringkat pendidikan rendah masih terhad kepada tafsiran kamus. Ini menunjukkan bahawa perlunya kajian yang lebih mendalam untuk membantu murid dan guru mentafsir makna bahan seni bahasa dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kewujudan lima standard asas dalam PAK21 seperti komunikasi, kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika dilihat mampu memantapkan lagi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif

dalam proses pembelajaran seni bahasa. Ini selari dengan standard kandungan aspek seni bahasa dalam mencungkil keupayaan murid mengungkap keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pelbagai aktiviti seni bahasa secara kreatif. Aspek ini bertujuan membentuk murid untuk memiliki keseimbangan dalam kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis, secara efektif melalui pelbagai kaedah pengajaran. Ringkasnya, penggunaan pendekatan SI dalam mentafsir makna bahan seni bahasa ini amat relevan dan sesuai dengan situasi semasa yang menekankan aspek kemahiran KBAT.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab 3 ini akan menjelaskan metodologi kajian untuk mencapai objektif kajian dan menjawab soalan-soalan kajian. Amat penting untuk mengenal pasti kaedah, pendekatan dan teknik yang digunakan supaya penyelidikan yang dijalankan berkualiti dan dapat menghuraikan serta menyelesaikan permasalahan kajian. Kaedah kajian yang direncanakan dalam tesis penyelidikan ini melibatkan reka bentuk kajian, subjek atau sampel kajian, prosedur kajian, prosedur pengutipan data serta prosedur penganalisisan data.

3.2 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada penggunaan strategi yang menyeluruh untuk menjalankan kajian. Reka bentuk kajian dapat diertikan sebagai rancangan yang logik dan ringkas untuk memperoleh jawapan kepada persoalan kajian yang telah ditetapkan melalui pengumpulan, tafsiran, analisis, dan perbincangan data. Menurut Marican (2005), reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang menunjukkan secara terperinci tentang sesuatu kajian itu dijalankan. Kajian ini berfokus kepada penganalisisan makna tersirat daripada bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dengan mengaplikasikan pendekatan SI. Kajian yang dilakukan ini melibatkan tugasan di lapangan yang memerlukan pengkaji melaksanakan aktiviti lapangan untuk memperoleh gambaran secara lebih menyeluruh dalam suasana dan persekitaran semula jadi mengikut situasi sebenar di dalam kelas. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif biasa. Pengkaji akan merekodkan pemerhatian, membuat rakaman video dan menganalisis dokumen. Untuk mengesahkan kerja lapangan dalam penyelidikan ini, pengkaji turut akan memanfaatkan nota lapangan, diari dan maklum balas bertulis daripada responden untuk dijadikan sebagai bahan rujukan utama.

3.3 Pendekatan Kajian Kualitatif

Menurut Hamzah (2010), kaedah kajian kualitatif memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data, guru akan mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam kajian ini. Dalam konteks kajian ini, guru akan menjelaskan paradigma pentaksiran data. Terdapat beberapa aspek yang akan dijelaskan dalam bab metodologi kajian kualitatif ini termasuklah prosedur dan proses pengumpulan data kajian. Seterusnya, proses penganalisisan data-data kualitatif tersebut diperjelaskan setelah data-data kajian dikumpulkan. Pendekatan yang diaplikasikan ini turut memperlihatkan bagaimana bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dicungkil maknanya menggunakan Teori Relevans (TR) dalam bidang kajian pragmatik. Justeru, secara ringkasnya, pendekatan kualitatif lebih bersifat natural dan semula jadi untuk memahami sesuatu kejadian atau situasi dalam konteks yang khusus tanpa mempengaruhi atau mengubah apa-apa dalam situasi sebenar.

3.4 Teori Kajian

3.4.1 Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI)

Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diaplikasikan dalam kajian ini merupakan gagasan idea oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pengkajian makna menggunakan semantik inkuisitif tidak terhad dalam bidang linguistik sahaja malah ia turut merentasi sempadan ilmu bahasa iaitu geografi, sejarah, etimologi, budaya, agama, sains, sosiologi dan sebagainya. Menurut Jalaluddin (2014), dalam *'Semantik dan Akal Budi Melayu'*, semantik inkuisitif menerobosi satu tahap yang lebih tinggi dan mendalam lagi hingga peringkat akal budi Melayu. Pendekatan SI ini merangkumi tiga

peringkat, iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat semantik inkuisitif.

Pada peringkat semantik skrip, ia melibatkan tafsiran makna harfiah. Semantik skrip hanya melibatkan hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Tafsiran makna dilakukan berdasarkan tafsiran umum daripada pemerhatian secara lapangan dan melalui pembacaan terhadap teks-teks yang ada bagi mentafsir pemikiran Melayu, sehingga tafsiran makna hanya dapat dilihat secara permukaan. Semantik skrip boleh difahami dengan cara makna diolah dan dari situ diberikan satu tafsiran mengenai apa yang hendak disampaikan. Tafsiran makna pada peringkat ini dilakukan dengan mudah. Semantik skrip hanya bersandarkan pengalaman peribadi dengan data sokongannya yang mungkin terhad. Dengan kata lain, hanya makna yang tersurat yang dihuraikan. Pemaknaan seumpama ini tidak memberikan apa-apa maklumat tambahan kepada ilmu makna. Pada peringkat ini kita tidak dapat melihat dengan lebih teliti hubung kait antara bahasa, akal dan budi Melayu.

Pada peringkat semantik resonans, tafsiran melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur, dan pada peringkat ini abstraksi ataupun proses abstrak bermula. Pada peringkat ini, analisis yang dilakukan akan menampilkan abstraksi domain sumber kepada domain sasaran yang menjadi pemangkin kepada wujudnya metafora. Pemangkin yang dimaksudkan ialah fitur-fitur yang terdapat dalam sesuatu kata. TR yang menekankan dua prinsip utama, iaitu andaian asas dan kesannya turut digunakan dalam peringkat ini. Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) ini juga menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Penyataan fakta tentang TR akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam subtopik yang berikutnya. Bagi mencapai keberhasilan analisis pada tahap kognitif, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang merupakan konsep tambahan kepada TR hasil ciptaan Sperber dan Wilson (1986) juga akan digunakan dalam peringkat analisis ini. Penggunaan konsep RRS dalam konteks kajian ini dilakukan untuk mendapatkan

maklumat tambahan yang diperoleh melalui himpunan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka melalui capaian laman sesawang prpm.dbp.gov.my. RRS membenarkan pendengar mencari premis tambahan daripada konteks ayat yang diberikan. Dalam ayat ini tiada anteseden untuk dipautkan antara ayat-ayat yang digunakan. Namun begitu, pembaca dapat memproses apa-apa yang dihajati oleh penulis melalui premis tambahan daripada konteks ayat itu (Jalaluddin & Syah, 2009).

Pada peringkat ketiga, iaitu peringkat terakhir dalam pendekatan SI, dipanggil semantik inkuisitif. Analisis semantik pada tahap ini bukan sahaja mengaitkan bahasa dan kognitif penuturnya, tetapi meneroka jauh sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya. Semantik peringkat ini mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu. Pada peringkat ini, jawapan kepada 'kenapa', 'kenapa', dan 'kenapa' hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu adalah sangat dituntut. Makna tersirat yang mendasari akal budi Melayu yang dicari-cari dalam data kajian yakni bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sajak ini nanti pasti akan dapat dicungkil dan diketahui makna dengan sedalam-dalamnya untuk melihat kewujudan akal budi Melayu yang mencipta puisi dengan teliti, tepat dan padat. SI yang bersandarkan data empiri, kerangka teoretis dan akal budi akan memberi penjelasan yang terbaik bagi setiap data yang akan dibincangkan dalam kajian makna dalam bahan seni bahasa ini nanti. Jadual 2 menunjukkan carta aliran tahap yang terlibat dalam proses penganalisisan data menggunakan pendekatan SI seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

Jadual 3.1: Peringkat Analisis Semantik Inkuisitif

PERINGKAT 1 – SEMANTIK SKRIP
Makna Harfiah (tafsiran dilakukan secara tersurat)
⇩
PERINGKAT 2 - SEMANTIK RESONANS

Sambungan **Jadual 3.1**

Data dimasukkan dalam kerangka teori	Dicungkil maklumat kognitif dan dikaitkan dengan falsafah (masih pada peringkat abstrak)
PERINGKAT 3 - SEMANTIK INKUISITIF	
Diterokakan jawapan sehingga mencapai tahap konkrit. Persoalan mengapa dijawab pada masa ini.	Menyerlahkan akal budi Melayu yang menjadi budaya dalam masyarakat Melayu.

Nota: Aliran proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Diadaptasi dan disesuaikan daripada Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

3.4.2 Teori Relevans (TR)

Teori Relevans (TR) diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson bagi menggantikan Teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Jalaluddin, 1992). Bagi TR, dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit (Sperber dan Wilson, 1995). Teori ini bertitik tolak daripada dua prinsip utama iaitu, andaian asas dan kesannya seperti yang berikut:

1. Andaian asas, iaitu kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya.
2. Kesannya, dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi yang terbaik ialah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini.

TR mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks, serta prinsip relevan. Prinsip asas TR ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan (Jalaluddin, 2007). Perkara yang hendak ditekankan oleh TR ialah bukan menitikberatkan apa-apa yang

dikomunikasikan tetapi cara kita membantu membimbing pendengar memproses apa-apa yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri manifestasi dan persekitaran kognitif. Kesemua faktor ini akan membantu pendengar menghasilkan satu interpretasi makna yang sebenar.

Dalam komunikasi, persekitaran kognitif (*cognitive environment*) harus diambil kira. Persekitaran kognitif bagi individu merupakan set fakta yang boleh dimanifestasikan kepada individu yang terlibat dalam perbualan. Oleh itu, komunikasi menurut Sperber dan Wilson (1986), merupakan satu modifikasi daripada persekitaran kognitif pendengar. Perkara yang cuba dikomunikasikan ialah set andaian dan bukannya seberkas maklumat yang khusus. Penutur akan cuba mengubah persekitaran kognitif pendengar dengan menambah jumlah set andaian pada persekitaran kognitif atau cuba menghasilkan ujaran yang mudah dikesan dan dinilai.

TR menekankan tiga gagasan utama iaitu, konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Pemilihan TR dalam kajian ini disebabkan teori ini berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah bahasa figuratif yang terkandung dalam sajak yang dipilih sebagai data kajian ini, dan teori ini juga sesuai digabunjalinkan dalam pendekatan SI ini kerana pada tahap kedua analisis makna di peringkat semantik resonans, teori yang berlandaskan keupayaan kognitif diperlukan untuk melengkapkan pencarian makna pada tahap ini. Analisis makna pada peringkat ini akan mengaitkan data dan keupayaan kognitif penutur-pendengar. Oleh sebab itulah, kajian ini memilih TR untuk mendasari analisis pada tahap kedua semantik inkuisitif ini, iaitu tahap analisis semantik resonans kerana analisis makna akan bersandarkan kewujudan konteks dan kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR.

Selain tiga gagasan utama yang menjadi tonggak dalam TR seperti yang dibincangkan, wujud juga konsep yang tidak kurang pentingnya dalam teori ini, iaitu konsep rangka rujuk silang (RRS) dan ad hoc. Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Oleh yang demikian, RRS mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Bagi membantu pendengar memahami ujarannya, penutur hendaklah memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh penutur.

Konsep ad hoc pula diperkenalkan oleh Barsalou pada tahun 1987. Bagi Barsalou (1987), konsep ad hoc berusaha untuk menjelaskan dua binaan konsep pragmatik yang kelihatan berbeza, iaitu proses peluasan *(broadening)* dan penyempitan *(narrowing).* Pembinaan konsep ad hoc peluasan lebih tertumpu pada bentuk metafora, bentuk kiasan dan perlambangan ataupun ujaran yang bukan literal. Konsep ad hoc penyempitan pula melibatkan leksikal yang kabur dan boleh mempunyai banyak rujukan. Carston (seperti yang dinyatakan dalam Subet, 2018) memberikan penjelasan lanjut mengenai konsep ad hoc, iaitu peluasannya dimulai dengan andaian implikatur dan diikuti dengan kesimpulan implikatur. Daripada implikatur, kita akan menyingkap makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Hal ini selaras dengan kebolehan manusia yang berfikir secara heuristik. Kemampuan berfikir secara heuristik memang jelas terlihat apabila manusia perlu mentafsir maklumat yang kompleks, yang sangat bergantung pada konteks (Jalaluddin & Syah, 2009).

"Wilson (2019) , Relevance theory is a cognitive approach to pragmatics which starts from two broadly Gricean assumptions: (a) that much human communication, both verbal and non-verbal, involves the overt expression and inferential recognition of intentions, and (b) that in inferring these intentions, the addressee presumes that the communicator's behavior will meet certain standards, which for Grice are based on a Cooperative Principle and maxims, and for relevance theory are derived from the assumption that, as a result of constant selection pressures in the course of human evolution, both cognition and communication are relevance-oriented. Relevance is defined in terms of cognitive (or contextual) effects and processing effort: other things being equal, the greater the cognitive effects and the smaller the processing effort, the greater the relevance."

Wilson (2019), menjelaskan bahawa TR ialah pendekatan kognitif kepada pragmatik yang bermula daripada dua andaian secara umum dalam Grice: (a) bahawa banyak komunikasi melibatkan manusia, kedua-dua lisan dan bukan lisan, melibatkan ekspresi secara terang-terangan dan niat untuk pengiktirafan, dan (b) penerima melihat bahawa tingkah laku penutur memenuhi piawaian tertentu, yang mana berdasarkan Grice menjurus kepada prinsip maksim kerjasama, dan dalam TR yang diperoleh daripada andaian bahawa, hasil daripada tekanan pemilihan dan kesan kepada perjalanan evolusi manusia, kedua-dua kognitif dan komunikasi adalah berorientasikan relevan. Perkaitannya ditakrifkan dari segi kognitif (atau kontekstual) dan usaha pemprosesan. Perkara lain adalah sama, semakin besar kesan kognitif dan semakin kecil usaha pemprosesan, maka semakin relevan perkara tersebut.

3.4.3 Rangka Rujuk Silang (RRS)

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) rujuk silang membawa maksud kata, tanda dan sebagainya yang mengarahkan perhatian pembaca dari satu tempat ke tempat lain dalam sesebuah buku, fail dan sebagainya untuk

keterangan atau maklumat lanjut. RRS pula merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh Teori Relevans dalam ilmu pragmatik. Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden, tetapi anteseden diperoleh dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Oleh itu, RRS melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Lazimnya, maklumat awal mengenai perkara yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran yang didengar, tetapi premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat dengan lebih baik. Dengan kata lain, anteseden yang diperoleh melalui RRS memastikan maklumat terdahulu dan maklumat yang wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar akan berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna. Premis tambahan boleh membantu menjelaskan lagi maklumat yang hendak disampaikan. Selain itu, premis tambahan juga dapat membentuk konteks dan kesan kognitif. Dalam kajian ini nanti, RRS akan bertindak sebagai alat untuk menyatakan kerelevanan data-data yang berbentuk bahasa figuratif (BF) seperti metafora, hiperbola, simile, personafikasi dan sebagainya yang terdapat dalam sajak.

3.5 Pewajaran Pemilihan Teori dan Pendekatan

3.5.1 Pewajaran Pemilihan Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI)

Pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) menekankan proses pembelajaran yang bersifat multidisiplin. Proses menganalisis makna bermula pada peringkat semantik skrip, iaitu pencarian makna perkamusan dan seterusnya disusuli dengan peringkat semantik resonans, iaitu perkaitan makna dengan teori serta kognitif penutur. Pada peringkat semantik inkuisitif, iaitu tahap ketiga dalam proses penganalisisan makna merupakan satu tahap yang terbaik dalam menilai makna sebenar sehingga mencapai peringkat akal budi Melayu (Jalaluddin, 2014). Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menghuraikan dapatan

kajian ini dengan menggunakan semantik inkuisitif bagi mencapai tahap penjelasan yang menyeluruh dalam menganalisis sehingga ke akal budi penutur.

Pendekatan SI mengkehendakkan murid memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Murid-murid digalakkan terliba secara aktif dalam prose pembelajaran. Dalam pada itu juga, murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni bahasa, bahan yang digunakan sangat penting. Guru atau murid bergantung kepada bahan pembelajaran untuk mencapai objektif. Akhir sekali, pewajaran pemilihan pendekatan SI ini kerana ia menekankan perkembangan kognitif, jasmani dan rohani. Penggunaan bahan pembelajaran seni bahasa akan membantu murid memahami konsep yang abstrak dengan lebih jelas.

3.5.2 Pewajaran Pemilihan Teori Relevans (TR)

Prinsip relevans menekankan:

> *'Dengan segala hal seimbang, semakin banyak kesan konteks semakin relevan sesuatu ujaran. Dengan segala hal seimbang, semakin kurang kos proses semakin relevan sesuatu ujaran.' (Sperber dan Wilson, 1986)*

Berasaskan prinsip di atas, ketika sedang bertutur, penutur haruslah memastikan pertuturan yang diujarkan dapat ditafsir dengan mudah serta perkara yang hendak disampaikan difahami oleh pendengar. Penutur haruslah memastikan apa yang hendak disampaikan sepadan dengan konteks yang ada pada pendengar agar kesan konteks dengan kos memproses maklumat yang rendah dapat dibina oleh pendengar. Maklumat yang hendak disampaikan dengan cara ini akan menjadi lebih berkesan. Konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat amatlah disarankan dalam Teori Relevans (TR) ini. Tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat diberi penekanan dalam TR. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan

kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut (Sperber & Wilson, 1986) Justeru, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana TR digunakan untuk mentafsir data dan seterusnya memberi kesan kepada pemahaman pembelajaran murid dalam aspek seni bahasa. Di samping itu juga, menurut Jalaluddin (1992), beberapa sub konsep dalam teori relevans juga seperti ketidaktaksaan, pengayaan dan pemilihan rujukan tidak harus diabaikan.

3.5.3 Pewajaran Pemilihan Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS)

Rangka rujuk silang (RRS) ialah salah satu daripada konsep dalam Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Konsep ini diperkenalkan oleh Kempson (1986) yang menyatakan RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden, tetapi anteseden diperoleh dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Dalam konteks kajian ini, pendengar ialah murid yang bertindak sebagai responden kajian. Konsep RRS ini wajar dipilih sebagai sebahagian daripada proses penganalisisan dan pemahaman makna tersirat kerana kemampuan konsep ini membekalkan makna tersirat yang terkandung dalam ungkapan baris sajak. Bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada responden, pengkaji perlu menyediakan ayat kedua untuk dikaitkan dengan ayat pertama. Responden tidak perlu dibebankan untuk memikirkan premis tambahan sebagai konteks walaupun menurut TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Premis tambahan disediakan oleh pengkaji untuk diterangkan kepada responden bagi membantu pemahaman responden terhadap makna tersirat daripada ungkapan baris sajak.

3.6 Data Kajian

3.6.1 Data Utama Kajian (puisi)

Dalam sesebuah kajian, data merupakan aset terpenting (Sudirman & Hamid, 2016). Kajian tidak akan mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan tanpa data yang bertindak sebagai nadi penting. Dalam kajian ini, pengkaji memilih enam puisi moden berbentuk sajak sebagai data kajian. Enam buah sajak dipetik daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 Sekolah Kebangsaan (SK). Sajak-sajak ini terdiri daripada sajak 'Istimewanya Kita', 'Jiwa Hamba', 'Silang Budaya', 'Demi Negara', 'Tenaga Alternatif' dan 'Janji Kepada Bumi'. Justifikasi pemilihan sajak-sajak ini ialah kerana ia mengandungi bahasa figuratif yang wujud dan unsur-unsur pengajaran yang menjadi teladan kepada murid sekolah rendah. Menurut Waluyo (seperti dalam Nasta'in, 2019, p. 12), "bahasa figuratif adalah bahasa yang digunakan oleh penyair untuk menyatakan sesuatu dengan cara yang tidak biasa, yakni secara tidak langsung mengungkapkan makna kata atau bahasanya bermakna kias atau makna lambang." Oleh yang demikian, diyakini bahawa sajak-sajak yang dipilih mengandungi ungkapan yang sesuai dengan matlamat kajian ini, iaitu menganalisis makna tersirat daripada bahan seni bahasa melalui pendekatan SI.

3.6.2 Data Spesifik

Kajian yang dilaksanakan ini akan mengetengahkan data spesifik yang terdiri daripada dua ungkapan daripada setiap sajak. Sebanyak 12 data spesifik yang dipilih mengandungi makna tersirat untuk dianalisis dengan menggunakan pendekatan SI.

Jadual 3.2: Data Spesifik Kajian

Bil	Tajuk Sajak	Ungkapan
1	Istimewanya Kita	1. Membuka pintu dunia 2. Hingga membawaku ke bintang
2.	Jiwa Hamba	1. Kosong di jiwa tiada penghuni 2. Selagi hidup berjiwa hamba
3.	Silang Budaya	1. Berbeza budaya kelainan tutur bicara 2. Medan mencari rezeki sesuap nasi
4	Demi Negara	1. Tegak semangat mengalun lagu 2. Lahirkan jiwa sukarela
5	Tenaga Alternatif	1. Akal kita mampu mengolahnya 2. Memutar turbin tanpa jemu
6	Janji Kepada Bumi	1. Agar sejahtera perutmu 2. Bersatu hati bak seberkas lidi

3.7 Kaedah Analisis Kandungan

Kaedah analisis kandungan melihat teks sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks sajak, iaitu salah satu daripada jenis bahan seni bahasa dalam kandungan pembelajaran sekolah rendah sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data. Menurut Burns (seperti yang dinyatakan dalam Mustafa & Ahmad, 2005) kaedah analisis yang sering digunakan dalam penganalisisan data kualitatif ialah analisis kandungan. Bagi pengkaji, petikan teks sajak ialah sumber data yang asli dan sahih untuk dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang dikumpul melalui pemerhatian, data berbentuk dokumen dan catatan maklum balas. Pengkaji mendapati

bahawa analisis kandungan data berbentuk kualitatif melalui teks sajak memberi kelebihan untuk melihat isi-isi tersirat pada data, iaitu ungkapan yang dikumpul. Maklumat dan data yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji dapat diperoleh melalui kaedah analisis kandungan.

3.8 Teknik Pengumpulan Data

3.8.1 Rakaman

Pengkaji akan menggunakan alat perakam, iaitu kamera video telefon pintar untuk merakam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid menggunakan bahan seni bahasa, iaitu puisi sajak. Pengkaji memaklumkan murid terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan menjadi responden kajian. Beberapa rakaman percubaan telah dilakukan terlebih dahulu pada peringkat awalnya namun data yang dikutip tidak digunakan bagi tujuan kajian. Rakaman yang dilakukan ini bertujuan membiasakan responden dengan proses rakaman agar pembelajaran seni bahasa itu menjadi lebih normal tanpa sebarang perasaan kekok dalam kalangan responden. Dalam kajian ini, sebanyak enam rakaman pembelajaran murid mengenai topik pembelajaran menggunakan bahan seni bahasa sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu dirakamkan. Setiap rakaman proses pengajaran dilakukan selama 60 minit.

3.8.2 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ialah satu proses atau cara untuk mengumpul data tanpa penglibatan komunikasi secara langsung dengan responden. Kaedah pemerhatian ialah cara asas dan kritikal dalam kajian kualitatif. Menurut Merriam (2002), pemerhatian ialah cara terbaik untuk mengumpul data asal *'first hand encounter'* tentang perkara yang hendak dikaji. Tujuan pemerhatian dilakukan adalah untuk melihat tingkah laku responden semasa sesi

pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dijalankan. Tingkah laku dan aktiviti dalam persekitaran pembelajaran semula jadi responden direkodkan.

Pemerhatian yang dilakukan termasuklah respons semasa perbincangan dan sesi soal jawab, perubahan tingkah laku pembelajaran dan lain-lain lagi. Untuk mendapatkan maklumat kajian, pengkaji menjalankan pemerhatian non formal ketika melakukan lawatan ke lapangan kajian. Pemerhatian awal ini dilakukan untuk melihat keselesaan dan kesudian responden untuk bekerjasama memberi maklumat kepada pengkaji. Namun begitu, pengkaji tidak menggunakan kaedah pemerhatian sebagai kaedah utama kerana kecenderungan untuk bias dalam kajian boleh berlaku. Walau bagaimanapun, kaedah pemerhatian amat membantu dalam usaha pengkaji memperoleh data kajian dengan lebih telus, terperinci dan lebih mendalam.

3.8.3 Sumber Dokumen

3.8.3.1 Data Korpus

Data korpus dalam kajian ini ialah teks bertulis yang dipilih daripada buku teks pembelajaran murid. Menurut Kennedy (dalam Jumingan, 2003) korpus bermaksud koleksi teks yang disimpan sebagai data dalam komputer atau bukan komputer. Maklumat dalam korpus ini dipanggil korpora. Lazimnya, pengkaji linguistik menggunakan korpus yang mengandungi data untuk membuat sesuatu kajian dan analisis yang pada akhirnya dapat menjawab persoalan tentang linguistik seperti persoalan leksikal, wacana, pragmatik, dan semantik. Konsep yang dinyatakan bersesuaian dengan kajian ini. Menurut Biber (1993) dan McEnery et al. (2006), beberapa aspek perlu diambil kira, iaitu pemilihan teks, saiz data korpus, dan jumlah teks yang memadai untuk sesuatu kajian yang perlu dibangunkan untuk membangunkan data korpus. Pemilihan sesuatu teks sebagai data korpus berdasarkan dua kriteria, iaitu kriteria dalaman dan kriteria luaran. Kriteria dalaman melibatkan taburan ciri-ciri linguistik manakala kriteria luaran melibatkan genre atau laras sesuatu teks.

Bagi jumlah teks pula, terdapat tiga buah buku teks Bahasa Melayu, iaitu buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat (SK), buku teks Bahasa Melayu Tahun Lima (SK) dan buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam (SK) masing-masingnya. Tiga buah buku yang dipilih ini adalah berpadanan dan memadai untuk kajian ini kerana buku-buku yang dipilih ini mengandungi bahan seni bahasa yang dikehendaki dalam kajian ini.

Jadual 3.3: Bilangan Bahan Seni Bahasa dalam Buku Teks

Bil	Buku	Bilangan bahan seni bahasa
1	Buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat (SK)	17 bahan
2	Buku teks Bahasa Melayu Tahun Lima (SK)	25 bahan
3	Buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam (SK)	11 bahan

Namun begitu, pengkaji hanya memilih dua (2) petikan puisi (sajak) daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat (SK), tiga (3) petikan sajak daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Lima (SK) dan satu (1) sajak dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam (SK) untuk dianalisis dalam kajian ini. Enam (6) buah sajak dipilih sebagai data kajian setelah pengkaji melakukan tapisan dengan mengambil kira kebolehan dan kecerdasan kognitif responden kajian. Perkara ini selari dengan ungkapan Idid (dalam Jumingan, 2003) yang menyatakan persampelan merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi.

Dari segi saiz data pula, kajian ini tidak menggunakan saiz data korpus yang sederhana besar. Saiz data dapat diperhatikan seperti jadual 3.2 dibawah.

Jadual 3.4: Jumlah Perkataan Setiap Petikan Sajak

Bil.	Buku Teks BM (SK)	Petikan Puisi	Jumlah Perkataan
1.	Tahun 4	Istimewanya Kita (ms 11)	65 patah perkataan
2.		Jiwa Hamba (ms 87)	69 patah perkataan
3.	Tahun 5	Silang Budaya (ms 91)	67 patah perkataan
4.		Demi Negara (ms 116)	51 patah perkataan
5.		Tenaga Alternatif (ms 161)	69 patah perkataan
6.	Tahun 6	Janji Kepada Bumi (ms 125)	74 patah perkataan

Meskipun jumlahnya dianggap sedikit dalam kajian korpus, tetapi adalah mencukupi dalam penelitian makna bahasa kiasan dalam sajak bahasa Melayu sekolah rendah kerana bilangan ini berupaya menggambarkan sifat yang terdapat dalam genre puisi ini.

3.8.3.2 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan ialah sumber sekunder yang tidak melaporkan penemuan atau pun perkara baharu dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini hanya untuk memperoleh maklumat dan panduan mengenai topik kajian. Mohd Sheffie (seperti yang dinyatakan dalam Sudirman & Hamid, 2016) mengatakan bahawa kaedah kepustakaan digunakan bertujuan mencari informasi dalam buku, jurnal, artikel, dan laporan. Hal ini penting untuk membantu pengkaji memahami prinsip utama dan proses yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Kajian kepustakaan dalam kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu di Pusat Perkhidmatan Informasi Akademik ataupun Centre of Academic Information Services (CAIS) dan kini lebih dikenali dengan nama Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY). Selain itu, kajian ini turut dijalankan di beberapa buah perpustakaan awam

seperti Perpustakaan Awam Sibu, Perpustakaan Awam Sarikei dan juga di perpustakaan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Rajang, Bintangor.

3.8.4 Nota Lapangan

Catatan atau nota lapangan akan digunakan oleh pengkaji untuk menjelaskan secara ringkas setiap aktiviti yang berlaku bermula daripada kerja lapangan sehinggalah selesai pengumpulan dan pengesahan semua data. Idea-idea secara bertulis akan dikumpulkan oleh pengkaji dengan merekodkan hubungan dan konsep kajian yang berkaitan. Data mentah yang diperoleh akan menambah kredibiliti dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif ini. Namun begitu, dalam proses pengumpulan data, idea-idea yang diperoleh semasa proses pemerhatian dan pengalaman pengajaran mudah dilupakan seandainya tidak ditulis dalam diari atau direkod. Ini merupakan satu kelemahan yang ketara sebagai seorang manusia biasa. Oleh itu, catatan nota semasa mengumpul data atau pada bila-bila masa sahaja dalam proses pengajaran-pembelajaran seni bahasa sangat diperlukan. Ringkasnya, nota lapangan ialah salah satu daripada proses menganalisis data yang memerlukan pernyataan hipotesis, persoalan dan penelitian jawapan dalam data yang diperoleh.

3.9 Instrumen Kajian

3.9.1 Borang Analisis

Dalam instrumen kajian ini, dua borang analisis yang terdiri daripada borang analisis semantik skrip dan borang analisis relevan digunakan. Kedua-dua borang ini berfungsi sebagai alat untuk merekodkan hasil analisis ungkapan daripada petikan sajak yang dilakukan oleh pengkaji dan responden kajian. Borang analisis semantik skrip mengandungi tiga lajur. Lajur pertama digunakan untuk mengisi bilangan, lajur kedua digunakan untuk mengisi setiap

perkataan dalam ungkapan yang dikaji dan lajur ketiga digunakan untuk menulis makna perkamusan (Rujuk Lampiran 1 dan Lampiran 2).

3.9.2 Borang Pemerhatian

Penggunaan borang pemerhatian dalam kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan pembelajaran responden kajian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Terdapat lapan item dalam borang pemerhatian yang digunakan. Borang pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini diubah suai daripada instrumen penilaian kendiri Standard 4, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). (Rujuk Lampiran 3)


3.9.3 Borang Maklum Balas

Borang maklum balas dalam kajian ini berbentuk catatan reflektif responden setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (rujuk Lampiran 4a dan 4b). Pengkaji memberi kebebasan kepada responden untuk mencatat pemikiran, pengalaman dan perasaan mereka secara reflektif. Menurut Dewey (seperti dinyatakan dalam Ibrahim, 2006), pemikiran reflektif adalah proses mengimbas kembali sesuatu situasi di dalam minda dan memberikan satu pertimbangan yang serius dan teliti terhadap situasi tersebut. Dalam hal ini, pengetahuan dibina berdasarkan pengalaman daripada perbuatan, tindakan dan amalan yang dilakukan melalui proses mengingat kembali, memikir dan mempertimbangkan serta membuat penilaian yang rasional. Justeru itu, pengkaji memberi kepercayaan kepada respondens untuk mencatat pengalaman yang mereka telah lalui semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Hasil maklum balas ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan pendekatan SI dalam menganalisis makna bahan pengajaran dan pembelajaran sajak.

3.10 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengehadkan ruang lingkup kajian supaya tidak terlalu luas dan hanya fokus kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja. Kajian ini menumpukan analisis makna bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa menggunakan pendekatan SI. Kajian ini juga terbatas kepada penganalisisan frasa dan ayat dalam teks sajak yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan dari Tahun Empat sehingga Tahun Enam dengan menggunakan Teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Segala proses pengutipan dan penganalisasian data serta dapatan kajian akan berdasar pada kajian yang dibuat.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini turut melibatkan tiga puluh (30) orang murid tahap 2 yang bertindak sebagai responden berdasarkan kecerdasan dan kecekapan dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk mengukuhkan lagi data kajian. Pemilihan responden dalam kajian ini dipilih secara pensampelan bertujuan. Menurut Abdul Ghafar (1999), pensampelan bertujuan adalah keadaan pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Dalam kajian ini, sampel kajian ialah semua murid tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit. Perincian jumlah responden mengikut kelas dapat dilihat dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Carta Pai Bilangan Responden Mengikut Kelas

Data yang diperoleh diharap akan dapat memberi gambaran sebenar dalam usaha mencapai objektif kajian. Faktor-faktor luaran yang berkemungkinan mempengaruhi makna sewaktu melakukan analisis data tidak diperlukan dalam kajian ini. Data yang dikaji terhad kepada analisis enam teks sajak yang dipilih daripada keseluruhan teks sajak dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 berserta pemerhatian dan maklum balas bertulis daripada responden. Penyelidik juga membuat catatan nota lapangan dan membuat rakaman sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan data diselaraskan.

3.11 Maklumat Responden Kajian

Maklumat murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada maklumat jantina dan umur seperti pada Jadual 3.5 dan Jadual 3.6.

Jadual 3.5: Taburan Murid Mengikut Jantina

Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	11	36.67
	Perempuan	19	63.33
Jumlah		30	100


Jadual 3.6: Taburan Murid Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
10 Tahun	12	40
11 Tahun	8	26.67
12 Tahun	10	33.33
Jumlah	30	100

Berdasarkan Jadual 3.5 dan Jadual 3.6, responden terdiri daripada 30 orang murid Tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit, Sarawak mengikut pecahan 11 orang murid lelaki (36.67%) manakala 19 orang murid perempuan (63.33%). Responden-responden ini terdiri daripada tiga peringkat umur yang dikategorikan dalam Tahap 2 sekolah rendah, iaitu 12 orang murid berumur 10 tahun (40%), 8 orang murid berumur 11 tahun (26.67%) dan 10 orang murid berumur 12 tahun (33.33%.). Kesemua murid yang dinyatakan ini telah mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu seawal 7 tahun dan telah didedahkan dengan aspek seni bahasa. Menurut Chew (2016), murid-murid seawal Tahap 1 telah didedahkan serta perlu menguasai asas literasi, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kesemua kemahiran ini terkandung dalam silibus pembelajaran bahasa Melayu yang menjadi asas kepada pembelajaran bahan seni bahasa.

3.12 Prosedur Pengutipan Data

Sepanjang menjalankan kajian ini, beberapa prosedur standard dan etika perlu diambil perhatian serius agar kajian ini menepati piawaian dan standard yang bertepatan. Antaranya, pengkaji harus jujur dalam merekod, menganalisis dan melapor data mentah yang dikutip. Pengkaji tidak boleh mengubah atau memanipulasikan data untuk membaiki keputusan walaupun data yang diperoleh melalui simulasi atau pengiraan tidak mengikut data yang diperoleh melalui eksperimen. Pengkaji juga perlu berintegriti, berprinsip moral serta beretika sepanjang melaksanakan tugas dan amanah serta bertanggungjawab terhadap kuasa yang telah diturunkan demi kepentingan awam. Kepentingan awam harus diutamakan dan perlu mengatasi kepentingan diri, ahli keluarga dan sanak-saudara. Ketelusan dan ketulusan amatlah dituntut daripada diri pengkaji dalam setiap hal berkaitan dengan penyelidikan. Prosedur pengutipan data dapat difahami dengan jelas melalui carta alir seperti Rajah 3.2.



Rajah 3.2: Carta Alir Prosedur Pengutipan Data

Tawaran sebagai mahasiswa ialah langkah pertama untuk memulakan sesuatu kajian ilmiah yang diiktiraf. Tanpa surat tawaran mengikuti pengajian di peringkat kedoktoran,

nescaya kajian ini tidak dapat dijalankan. Bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan lancar, pengkaji terlebih dahulu menyediakan surat memohon kebenaran daripada pihak pengurus sekolah untuk melaksanakan kajian di lokasi sekolah yang telah dipilih. Ini penting untuk memastikan proses kajian nanti berjalan lancar di samping tidak mengganggu kelicinan program yang dijalankan oleh pihak sekolah. Surat kebenaran ini merupakan permulaan kepada prosedur jika hendak menjalankan kajian di sesebuah institut pendidikan lebih-lebih lagi di sekolah. Pihak pengurus sekolah tidak akan memberi kebenaran kepada pengkaji sekiranya tiada permohonan secara rasmi untuk menjalankan kajian dan sebagainya. Sebaik sahaja kebenaran diperoleh, pengkaji akan mengedarkan surat memohon kebenaran kepada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sebagai wakil ibu bapa bagi mendapatkan kebenaran melaksanakan kajian yang melibatkan murid. Kajian yang dijalankan seharusnya tidak menyentuh sensitiviti individu dan menimbulkan kontroversi yang boleh menggugat ketenteraman. Pengkaji tidak boleh memaksa individu atau murid untuk menerima pelawaan sebagai responden kajian. Pengkaji perlu sedar bahawa responden bersetuju terlibat dalam kajian ini atas kerelaan mereka sendiri.

Setelah permohonan di beberapa peringkat mendapat kelulusan, pengkaji melakukan pemilihan data utama kajian, iaitu sajak yang diambil daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Kebangsaan (SK). Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bertujuan untuk memilih sajak yang akan digunakan dalam kajian ini. Menurut Abdul Ghafar (1999), pensampelan bertujuan adalah keadaan pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Idid (dalam Jumingan, 2003) menyatakan pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak semestinya melambangkan ketepatan dapatan yang diingini. Memadai sahaja kalau beberapa sampel diambil kerana dapatan yang dihasilkan nanti adalah sama. Tambahan pula, penyelidikan ini ialah bersifat kualitatif

sepenuhnya. Oleh itu, saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan (Liamputtong, 2014).

Selepas fasa pemilihan sajak selesai, pengkaji mengenal pasti 12 ungkapan yang mengandungi makna tersirat. 12 ungkapan yang dipilih bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid pada peringkat sekolah rendah. Menurut Kamarudin et al. (2022), penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menarik serta bermakna berupaya memberikan keseronokan kepada murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Usaha penyelidikan diteruskan lagi dengan langkah berikutnya, iaitu merancang sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) seni bahasa. Sebanyak enam rancangan pengajaran harian (RPH) seni bahasa dirangka berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK). Pengkaji memilih standard kandungan '4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera' daripada aspek seni bahasa daripada DSKP bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai panduan pembelajaran seni bahasa di dalam kelas.

Sesi PdP khusus seni bahasa dilaksanakan mengikut perancangan. Sebanyak enam sesi PdP dijalankan yang disertai oleh murid sebagai responden. Pendekatan SI diterapkan dalam keenam-enam sesi PdP seni bahasa. Pendekatan SI yang diaplikasikan dalam sesi PdP ini merupakan gagasan idea oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan melakukan inovasi kaedah pengkajian makna yang lebih bersistematik. Terdapat tiga tahap analisis dalam pendekatan SI, iaitu analisis semantik skrip, analisis semantik resonans dan analisis semantik inkuisitif. Ketiga-tiga tahap ini bertujuan untuk membantu murid mencungkil dan memahami makna tersirat daripada ungkapan, iaitu baris sajak yang dipilih untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran. Pendekatan SI berupaya menerobos ke satu tahap yang lebih tinggi dan lebih mendalam sehingga peringkat akal budi Melayu. Selain itu, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang

merupakan konsep tambahan Teori Relevans (TR) hasil ciptaan Sperber dan Wilson (1986) turut diaplikasikan dalam sesi PdP.

Sepanjang sesi PdP dijalankan, pengkaji turut membuat pemerhatian menggunakan borang khas (rujuk lampiran 3) dan turut mencatat nota berkaitan dengan perkembangan dan tingkah laku murid dalam proses PdP. Sebaik sahaja selesai sesi PdP seni bahasa, pengkaji mengedarkan lembaran maklum balas bertulis (rujuk Lampiran 4) untuk murid mencatat perubahan tingkah laku dan pengalaman pembelajaran yang telah mereka lalui. Pengkaji tidak menyediakan panduan khusus untuk mencatat maklum balas secara bertulis kerana pengkaji mengkehendaki murid mencatat secara jujur dan telus tentang pengalaman pembelajaran mereka setelah melalui sesi PdP seni bahasa menggunakan pendekatan SI.

3.13 Contoh Penganalisisan Data

Berikut merupakan contoh analisis data yang dijalankan dalam Bab 4 nanti.

Data (1) Sajak " Istimewanya Kita" :

Istimewanya kita
Dilahirkan seorang ibu
Membuka pintu dunia
Jasanya seluas alam
Budinya tetap dikenang
Dengan ucapan keramat
Selamat Hari Ibu

Istimewanya kita
Dididik insan yang gigih
Menerangi alamku yang kelam
Hingga membawaku ke bintang
Jasamu sepanjang zaman
Pasti ku kenang dengan ucapan
Selamat Hari Guru

Istimewanya kita
Mampu menikmati keamanan
Berkat gagah berani
Perwira negara
Meniup semangat membara
Mengusir petualang
Akan kukenang jasamu
Selamat Hari Pahlawan

Dipetik daripada halaman 11 buku teks
Bahasa Melayu Tahun Empat (SK)

Analisis Data 1: Analisis TR dalam BF hiperbola 'Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam'

Pengkaji, selepas ini disebut sebagai guru meletakkan data (1) ini, iaitu "membuka pintu dunia, jasanya seluas alam" bawah BF hiperbola. Data yang dipilih ialah data yang dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat Sekolah Kebangsaan (SK) edisi tahun 2020. Berikut dipaparkan maklumat yang telah diproses dan dipetakan dalam jadual mengikut data, bahasa figuratif (BF)/ungkapan dan makna linguistik menggunakan pendekatan SI (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Peringkat Semantik Skrip

Setiap perkataan dalam ungkapan "Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam" pada peringkat semantik skrip diperoleh dengan merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Pada peringkat ini, responden, selepas ini disebut sebagai murid didedahkan dengan makna harfiah, iaitu maksud yang diperoleh daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid akan dibimbing dan didedahkan dengan cara untuk mencari makna menggunakan kamus.

Jadual 3.7: Paparan makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).

Data	Ungkapan	Makna Linguistik	
1	Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam.	Membuka	- menjadikan tidak tertutup / menanggalkan
		pintu	- ruang untuk keluar atau masuk.
		dunia	- bumi dan segala yang terdapat di permukaannya.
		jasanya	- baktinya
		seluas	- tidak sempit, selapang, selebar
		alam	- dunia, bumi

Apabila ungkapan ‘Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam’, dirungkai maknanya perkataan demi perkataan, secara harfiahnya akan terhasillah maksud ‘menanggalkan ruang untuk keluar dan masuk bumi dan segala sesuatu di permukaannya, baktinya selebar bumi’. Makna ungkapan ini mudah difahami dan dicapai tanpa usaha memproses yang tinggi. Murid boleh dengan bimbingan guru mencari makna pada peringkat harfiah. Maka, terhasillah makna yang disimpulkan seperti di atas. Dalam pendekatan semantik inkuisitif, makna harfiah ini merupakan makna pada tahap analisis peringkat 1 iaitu makna yang dikenali oleh Jalaluddin (2014) sebagai semantik skrip. Menurut Jalaluddin (2014), tafsiran pada peringkat semantik skrip dilakukan dengan mudah bagi mencari makna secara tersurat namun hanya berpaksikan pengalaman peribadi dengan data sokongannya yang mungkin terhad. Menurutnya lagi, ini tidak dapat menggambarkan keseluruhan penutur Melayu. Gaya kajian begini meninggalkan banyak persoalan yang perlu dijawab. Implikasinya, makna pada peringkat ini belum cukup untuk mendedahkan murid kepada penerokaan menggunakan elemen KBAT.

Oleh sebab itu, proses diteruskan dengan usaha mencari makna yang sebenar yang melibatkan aras kognitif yang lebih tinggi dengan maklumat konteks yang lebih banyak. Penganalisisan makna pada peringkat kognitif perlu dilakukan pada ketika ini. Hal ini selaras dengan kehendak standard yang ditetapkan dalam KSSR yang berkeinginan untuk menghasilkan murid yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif melalui tunjang-tunjang komunikasi, perkembangan fizikal dan emosi, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian, sikap dan nilai yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Pada peringkat seterusnya juga, murid akan belajar meneroka makna di luar kotak kebiasaan seperti mana yang dituntut dalam model pembelajaran abad ke-21 yang menjadikan KBAT sebagai pelantar utama pembelajaran pada peringkat kognitif ini. Untuk makluman, KBAT ialah salah satu komponen utama kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) kerana KBAT melibatkan pengaplikasian pemikiran kritikal, kreatif, logikal, reflektif dan metakognitif. KBAT juga berfokus kepada murid berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu yang bermakna sesuai dengan penekanan konteks dan peranan kognitif yang diterapkan pada peringkat semantik resonans.

Peringkat Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans, guru akan mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori ini menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif yang dalam penulisan sebelum ini, TR diaplikasikan untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran. Pada prinsipnya,semakin banyak kesan kognitif diperoleh, semakin kurang usaha memproses maklumat dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya ujaran semakin tidak relevan jika hanya sedikit kesan kognitif diperoleh dan usaha memproses maklumat semakin tinggi.

Guru meletakkan data "Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam" di bawah BF Hiperbola. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya leksikal yang tidak logik atau melampau iaitu *"membuka pintu dunia"* dan *"jasanya seluas alam"*. Dalam peringkat ini, guru menjelaskan kepada murid tentang penggunaan TR dalam merungkai makna ujaran setiap baris puisi. Pengkaji merangka satu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang menyelitkan penggunaan TR dalam sesi pembelajaran. Berikut ialah dapatan data:


Jadual 3.8: Analisis TR

Analisis TR		
Data : Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam		
Kod	Inferens	Andaian
pintu dunia	buka	1. Kelahiran melalui pintu rahim ibu 2. Memberikan nafas
jasa	seluas alam	1. Budi yang tidak terkira 2. Budi yang tidak mampu dibalas 3. Bakti yang tiada bandingan

Setelah melalui analisis TR, data kajian dilihat agak sedikit mudah diproses mengikut prosedur yang ditetapkan dalam TR iaitu menentukan kod, membuat inferens dan menentukan andaian. Kajian ini mendapati, penentuan kod, inferens dan andaian akan mudah difahami oleh murid. Murid dianggap akan mengemukakan pelbagai andaian sesuai dengan sifat mereka yang suka

meneroka pada usia ini kerana menurut Jean Piaget (seperti yang dinyatakan dalam Wong, 2013) menyatakan murid-murid diberikan peluang untuk membuat penerokaan dan penemuan konsep yang dipelajari dengan menggunakan daya pemikiran. Pada ketika ini juga, proses peningkatan keupayaan fikiran, pengetahuan dan keintelektualan dalam diri kanak-kanak berlaku. Murid berkemampuan menjana akal budi dalam pelbagai aktiviti penyelasaian masalah, memahami, menganalisis dan membentuk pengetahuan serta pemahaman baharu terhadap pengalaman baharu yang dilaluinya. Justeru, guru akan membimbing murid ke arah menetapkan andaian yang paling relevan seperti yang disyaratkan dalam TR. Andaian-andaian yang lemah akan digugurkan.

Untuk mengukuhkan lagi pemahaman murid terhadap makna ujaran, rangka rujuk silang (RRS) diaplikasikan. RRS merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh Teori Relevans (TR) dalam ilmu pragmatik. Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Oleh itu, RRS melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. (Jalaluddin, 2014). Bagi mengintepretasikan makna BF dalam sajak ini, murid perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada untuk mendapatkan relevan ke tahap yang maksimum. Murid secara langsung akan memahami BF ini kerana maklumat tambahan yang diberikan mampu memperlihatkan kaitan dengan pengalaman murid walaupun tidak tahu maksud di sebalik sajak tersebut. Perspektif semantik resonans bagi ujaran Data (1) “Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam” dianalisis menggunakan pendekatan RRS.



Walaupun begitu, analisis tahap semantik resonans ini hanya mengaitkan data, teori dan keupayaan kognitif penutur-pendengar dalam menghubungkaitkan frasa dan leksikal berkenaan. Justeru, makna harus diterokai lagi dengan analisis peringkat ketiga kerana analisis peringkat ketiga dalam pendekatan SI ini lebih lengkap apabila dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pada peringkat ini, proses inkuiri berlaku. Kenapa frasa "Membuka pintu dunia, jasanya seluas alam" digunakan dalam sajak 'Istimewanya Kita' ini? Persoalan kenapa leksikal dan frasa berkenaan dipilih oleh penutur masih belum terjawab sepenuhnya. Maka, bagi mencungkil makna yang ingin disampaikan dalam sajak tersebut, proses penganalisisan makna pada peringkat analisis kedua atau analisis semantik resonans masih tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian, penelitian dari segi inkuisitif diperlukan untuk menjustifikasi akal budi sesuatu masyarakat.

Peringkat Semantik Inkuisitif

Tafsiran sesuatu makna tidak boleh hanya berhenti setakat makna harfiah dan kognitif sahaja dan harus dicungkil dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, penganalisisan data pada peringkat ketiga, iaitu peringkat semantik inkuisitif akan digunakan oleh guru untuk mencari makna secara lebih mendalam. Penerokaan makna yang melibatkan perasaan ingin tahu maksud di sebalik ungkapan yang dipilih dalam sajak mampu melahirkan persoalan mengapa penyajak memilih leksikal dan frasa untuk mencipta sajak di peringkat pendidikan rendah. Penelitian makna sajak pada tahap ini juga harus dilihat dari segi pelbagai aspek seperti agama, kepercayaan, budaya dan akal budi masyarakat. Murid akan didedahkan dengan pencarian makna dengan merentas disiplin. Pada peringkat ini, persoalan 'kenapa', 'kenapa' dan 'kenapa' dalam pendekatan SI akan membantu murid mencari makna yang dihajati seterusnya, kenapa sajak ini menggunakan baris "Membuka pintu dunia", apakah pintu yang dimaksudkan itu? Kenapa baris ini dikemukakan? Di sinilah, murid akan diarah ke arah

memikirkan makna pintu dunia yang dimaksudkan itu, murid akan mengaitkan pintu dunia itu dengan rahim ibu. Murid akan diceritakan tentang proses kelahiran seorang bayi. (Lampiran brosur tentang proses kelahiran bayi diedarkan kepada murid dalam sesi perbincangan).

Kajian ini melihat dahulu kepada kepentingan amalan kepercayaan dan agama dalam masyarakat madani. Agama memainkan peranan yang penting dalam pencarian makna sebenar dalam pewujudan leksikal dan frasa yang digunakan dalam penghasilan sajak ini. Nilai keagamaan harus diteliti dahulu sebelum pengkaji meneliti perkara-perkara yang lain kerana agama penting dalam menentukan kehidupan seseorang. Masyarakat sememangnya mempunyai nilai dan kepercayaan iaitu semua insan lahir daripada rahim seorang insan wanita yang bergelar ibu. Tempoh masa mengandung selama 40 minggu menurut pakar perubatan, mengundang keperitan yang tidak terhingga bagi insan yang bergelar ibu. Ini berdasarkan penelitian daripada sudut sains yang dituntut dalam penerokaan makna mengikut pandangan semantik inkuisitif. Oleh hal yang demikian, frasa *"membuka pintu dunia"* menepati makna yang ingin disampaikan oleh penyajak iaitu sudah sampai masanya pintu rahim seorang perempuan terbuka atau jika melalui proses pembedahan, masa untuk pakar pembedahan melakukan pembedahan bagi mengeluarkan bayi dari dalam rahim. Murid diyakini akan mendapati bahawa huraian ini akan menarik perhatian mereka kerana kelahiran bayi merupakan satu proses permulaan sebuah kehidupan manusia yang amat istimewa dan ajaib. Dengan pengalaman pembelajaran, penerokaan makna seperti ini membolehkan murid dididik merentas ilmu Sains dan Biologi. Pengajaran-pembelajaran seperti ini akan membuka ruang minda dan pemikiran murid untuk berusaha memikirkan makna tersirat di sebalik "pintu dunia".

Berbeza pula perihalnya dengan makna *"jasanya seluas alam".* Berdasarkan makna yang dirungkaikan dalam tahap semantik skrip, alam merupakan sesuatu yang luas yang tidak mungkin dapat diukur dengan menggunakan parameter. Penerokaan makna pada tahap

inkusitif ini dapat dilakukan dengan lebih mendalam lagi. Kajian ini akan menyelusuri akal budi masyarakat tentang pengorbanan seorang insan bergelar ibu. Makna yang ingin dirungkaikan dalam frasa ini ialah pengorbanan seorang wanita bergelar ibu bermula sejak kita masih berada dalam kandungannya dalam tempoh sepuluh bulan. Kita lihat saja sekarang, situasi yang dialami oleh seorang wanita yang sedang mengandung. Dengan berhati-hati seorang ibu akan berusaha untuk menjaga kandungannya supaya tetap sentiasa sihat. Belum lagi ditambah dengan kesibukan terhadap rutin hariannya sambil membawa kita dalam rahimnya. Pengorbanan yang paling besar adalah pada saat kita dilahirkan ke dunia. Untuk melahirkan kita, seorang ibu berjuang serta mempertaruhkan nyawanya walaupun terpaksa menitiskan darah sehingga ke titisan yang terakhir. Bahkan dia rela mengorbankan nyawanya agar kita dapat lahir dengan sihat dan selamat. Pada saat kita masih bayi, kita dijaganya siang dan malam tanpa mengenal erti penat dan lelah. Dua tahun kita disusuinya, hingga kita membesar dengan sihat. Kita selalu dibimbingnya dengan sabar tanpa mengeluh walau sedikit pun. Pada sesi ini, murid dibimbing oleh guru ke arah memikirkan makna "jasanya seluas alam" yang dimaksudkan serta mengaitkan baris sajak tersebut dengan bakti yang diberikan dan seterusnya mencungkil falsafah dan akal budi yang terkandung dalam baris sajak tersebut. Murid akan dibimbing mencari makna dengan merentas pelbagai disiplin ilmu. Murid-murid diyakini akan mampu mengemukakan pengorbanan seorang ibu. Unsur KBAT yang dituntut dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diserlahkan oleh para murid. Secara tidak langsung, murid akan dapat dididik mengenang jasa ibu masing-masing.

Natijahnya, pendekatan SI dalam analisis di atas berupaya menjawab setiap persoalan 'kenapa' yang timbul untuk merungkai makna tersirat dalam sajak. Pengaplikasian pendekatan inkuisitif ini juga membantu murid membuat inferens tentang makna BF hiperbola *"membuka pintu dunia, jasanya seluas alam"* yang terdapat dalam sajak "Istimewanya Kita". Analisis yang menggunakan pendekatan SI ini menyerlahkan sifat orang Melayu yang bijak memilih

kata sekali gus menyulam kata dan frasa sehingga dapat merungkai falsafah serta akal budinya. Sememangnya masih banyak kearifan tentang sesuatu aspek yang boleh dicungkil dan diteroka dalam sesuatu kelompok komuniti dengan menganalisis data teks karyanya.

3.14 Rumusan Bab

Dalam bab 3 ini, pengkaji telah sedaya upaya berusaha dengan sebaik mungkin untuk mengikuti prosedur dan etika metodologi jika mengambil kira pernyataan dan penerangan yang terperinci pada setiap subtajuk. Objektif serta matlamat kajian yang disasarkan diharapkan boleh dicapai dengan adanya metodologi kajian yang dirancang dengan baik dan teliti. Kajian yang dijalankan ini dapat mengesan pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dan Teori Relevans (TR) berserta rangka rujuk silang (RRS) bagi menghuraikan makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti makna tersirat di sebalik karya sajak yang digunakan sebagai bahan pembelajaran seni bahasa.

Di samping itu, contoh analisis yang ditunjukkan dalam bab ini akan diterapkan dalam menganalisis data-data lain dalam Bab 4 nanti. Dengan yang demikian, metodologi kajian amat membantu pengkaji menjalankan kajian dengan sistematik dan lengkap. Kajian ini juga akan dapat mengembangluaskan kaedah ini kepada golongan pendidik di luar sana dan seterusnya dapat memartabatkan bahasa Melayu pada kedudukan yang tinggi dalam dunia pendidikan. Sesungguhnya sebuah kajian yang baik datangnya daripada pemilihan kaedah, pendekatan dan metod yang baik demi memastikan kajian yang dijalankan ini mencapai objektifnya.

BAB 4

ANALISIS, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Dalam Bab 4 ini, 12 ungkapan yang dipetik daripada 6 buah sajak yang dikategorikan sebagai bahan seni bahasa di dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) akan dianalisis dan hasil dapatan kajian ini akan dikemukakan dengan terperinci. Analisis yang dilakukan ini mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup dan skop mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Sehubungan dengan itu, jawapan kepada persoalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1 akan terjawab. Proses ini akan melibatkan penganalisisan data korpus dan bahan bercetak, pemerhatian dan catatan maklum balas murid selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Objektif kajian akan dapat dicapai melalui proses menganalisis data kajian secara huraian deskriptif. Bagi memudahkan penghuraian dan pemahaman yang lebih berkesan, dapatan kajian ini juga akan dibincang dan dipaparkan dengan mudah, jelas serta dikemukakan sama ada dalam bentuk rajah, jadual dan gambar yang berkenaan. Analisis terhadap data serta maklumat yang diperoleh melalui kajian ini akan dihuraikan oleh guru mengikut susunan objektif kajian seperti yang telah ditetapkan dalam Bab 1.

4.2 Analisis dan Perbincangan Data Kajian

Subtopik ini akan membincangkan analisis data tentang 12 ungkapan yang terpilih daripada 6 buah sajak yang dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Darjah Empat Sekolah Kebangsaan (SK), buku teks Bahasa Melayu Darjah Lima Sekolah Kebangsaan (SK) dan buku teks Bahasa Melayu Darjah Enam ekolah Kebangsaan (SK). Sajak-sajak itu terdiri daripada Sajak ‘Istimewanya Kita’, ‘Jiwa Hamba’, ‘Silang Budaya’, ‘Demi Negara’, ‘Tenaga Alternatif’

dan ‘Janji Kepada Bumi’. Keenam-enam sajak ini ialah bahan pembelajaran seni bahasa yang telah diselaras dan ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap 2. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sajak ditakrifkan sebagai puisi Melayu moden yang digubah dalam bahasa yang indah untuk menyatakan fikiran yang melibatkan pengalaman, perasaan dan sebagainya. Salleh (2000) menjelaskan bahawa sajak ialah karya ringan dan belum sampai pada tahap hasil sastera yang tinggi jika dibandingkan dengan puisi yang telah mencapai taraf yang agak tinggi dalam penggarapan bahasa. Walau bagaimanapun, sajak dilihat sebagai bahan seni bahasa yang sesuai untuk diajar kepada para murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran khususnya pada peringkat pendidikan rendah. Analisis makna melalui tiga peringkat yang terdiri daripada peringkat pertama, iaitu analisis semantik skrip diikuti dengan peringkat kedua, iaitu analisis semantik resonans dan peringkat ketiga, iaitu peringkat semantik inkuisitif bakal menonjolkan kebolehan murid dalam teknik pembelajaran yang bersifat penerokaan secara multidisiplin ini.

4.2.1 Sajak 1: Istimewanya Kita

Dalam data kajian yang pertama, iaitu Sajak 1, guru melakukan penelitian makna terhadap bahasa figuratif (BF) yang terkandung dalam sajak yang dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa di sekolah rendah. Menurut Mat Piah (1989), bahasa figuratif digolongkan sebagai bahasa kiasan atau secara umum disebut juga sebagai bahasa berbunga. Sebuah sajak dipilih daripada buku teks Bahasa Melayu Darjah Empat, iaitu sajak “Istimewanya Kita”. Sajak ini dinukilankan oleh Hamzah et al. (2019). Sajak ini terdiri daripada 21 baris dan 64 patah perkataan. Daripada 21 baris dan 64 patah perkataan ini, pengkaji menyaring dan memilih baris yang mengandungi BF untuk diteliti dan ditafsir maknanya dengan lebih lanjut. Dua ungkapan dikesan dan dikenal pasti sebagai baris yang

memaparkan unsur metafora dan hiperbola. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), metafora merupakan pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan. Metafora boleh terdiri daripada konsep logik dan abstrak. Contoh: *Lautan fikirannya* (Lautan bermaksud laut dan banyak ilmu. Fikiran pula hanya ada satu maksud iaitu berfikir atau otak). Manakala, hiperbola pula ialah ungkapan kiasan yang berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara harfiah. Contohnya, *matanya berapi-api*. Baris-baris ini akan diteliti dan dikupas maknanya menggunakan teori dan pendekatan yang dijadikan kerangka teori analisis dalam kajian ini. Namun, seyogia diingatkan, murid bukan diajar tentang teori tetapi guru menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (SI) dan Teori Relevans (TR) untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Berikut merupakan sajak yang dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Darjah Empat (2020). Daripada sajak ini, sebanyak 2 data telah dikenal pasti untuk diajar dan dianalisis maknanya dengan menggunakan pendekatan SI dan TR seperti yang telah dijelaskan.

Istimewanya kita

Istimewanya kita
Dilahirkan seorang ibu
Membuka pintu dunia
Jasanya seluas alam
Budinya tetap dikenang
Dengan ucapan keramat
Selamat Hari Ibu

Istimewanya kita
Dididik insan yang gigih
Menerangi alamku yang kelam
Hingga membawaku ke bintang
Jasamu sepanjang zaman
Pasti ku kenang dengan ucapan
Selamat Hari Guru

Istimewanya kita
Mampu menikmati keamanan

Berkat gagah berani
Perwira negara
Meniup semangat membara
Mengusir petualang
Akan kukenang jasamu
Selamat Hari Pahlawan

Nota. Dipetik daripada m.s. 11, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 4.

Secara harfiahnya, sajak ini menceritakan pengorbanan tiga insan yang penting di dunia ini, iaitu ibu, guru dan juga pahlawan yang telah banyak berjasa kepada makhluk hidup yang bergelar manusia. Guru akan membicarakan maklumat ini yang diperoleh daripada sajak ini kepada para murid. Secara tidak langsung, murid didedahkan dengan pengorbanan insan-insan penting ini. Perbincangan dua hala berlaku. Perbincangan ini penting untuk membekalkan murid-murid dengan makna harfiah yang perlu ditelusuri dahulu dalam pendekatan semantik inkuisitif ini. Guru akan terus berbincang dengan murid perihal maklumat seperti ibu melahirkan kita ke dunia. Tanpa ibu, kita tidak mungkin dapat melihat dunia ini. Rangkap kedua sajak pula menjelaskan pengorbanan insan bergelar pendidik. Guru yang menyambut kita daripada tangan ibu bapa yang menghantar ke sekolah mendidik kita dengan penuh kesabaran demi memastikan kita berjaya mencapai cita-cita. Rangkap ketiga sajak pula menerangkan jasa dan pengorbanan barisan hadapan yakni anggota tentera yang sentiasa bersiap siaga mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh. Pengorbanan ini mengizinkan kita menikmati kemakmuran dan kedamaian seperti pada hari ini. Perbincangan pada tahap ini memudahkan murid-murid memahami makna keseluruhan sajak ini dahulu dan maklumat ini akan membantu untuk mengesan makna pada 3 peringkat analisis semantik inkuisitif yang diterapkan dalam PdP ini.


4.2.1.1 Analisis Data 1 : Membuka pintu dunia

Analisis Semantik Skrip

Untuk melaksanakan analisis pada peringkat ini, guru menggunakan baris *'membuka pintu dunia'* yang merupakan gaya bahasa hiperbola yang dipetik daripada sajak "Istimewanya Kita". Baris ini ialah data 1 untuk kajian ini. Sebelum melakukan analisis lanjut, murid didedahkan dahulu dengan makna kiasan hiperbola. Hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan untuk menyatakan sesuatu perkara secara berlebih-lebihan daripada maksud yang sepatutnya. Jenis gaya bahasa ini sering digunakan untuk meluahkan tanggapan mahupun perasaan secara berlebihan. Malah Ullmann S. (1962) dalam bukunya *Semantics: An Introduction to The science of Meaning* menganggap bahawa hiperbola ialah salah satu bentuk perubahan makna yang kerap digunakan dalam bidang seperti pengiklanan secara keterlaluan sehinggakan kadangkala ia bertentangan dengan maksud asal bagi sesuatu perkataan yang digunakan.Secara literalnya, setiap perkataan dalam ungkapan *'membuka pintu dunia'* dapat diperoleh maknanya dengan mencarinya menggunakan kamus.

Dalam pendekatan SI, analisis semantik skrip dilaksanakan pada peringkat ini. Murid dibimbing untuk mengesan makna menggunakan kamus. Langkah awal analisis data dalam penggunaan pendekatan SI ialah analisis semantik skrip. Pada tahap analisis semantik skrip ini, murid akan didedahkan dengan makna harfiah, iaitu makna awalan atau permukaan yang diperoleh daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid dibimbing mencari makna menggunakan kamus. Pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam permulaan penerokaan makna pada peringkat ini. Pembelajaran koperatif menurut Zakaria (2003) ialah suatu strategi pengajaran yang menuntut pelajar-pelajar saling membantu antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil. Pembelajaran koperatif berlaku apabila murid bekerja secara berkumpulan, berkongsi idea, saling membantu untuk menyelesaikan masalah, dan memastikan semua ahli kumpulan menguasai isi pelajaran dengan meminta bantuan daripada guru. Pembelajaran ini

telah menarik minat murid untuk menerokai satu per satu makna dalam baris atau data 1 ini. Berikut dikemukakan gambar pembelajaran koperatif yang dijalankan oleh guru bersama murid. Menurut Nur Zainol dan Mydin Kutty (2023), semasa bekerjasama dalam kumpulan murid dapat belajar cara untuk menyatakan idea dengan berkesan dan mendengar pandangan individu lain bagi mencapai matlamat bersama. Dalam proses analisis semantik skrip yang dilaksanakan oleh murid seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 4.1, murid bekerjasama dan berkolaborasi bagi mencari dan mengenal pasti makna kamus yang dikehendaki.



Gambar 4.1: Murid melaksanakan pembelajaran koperatif semasa mencari makna perkamusan.
Nota. Gambar ini diambil semasa sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa di dalam kelas.
Sumber: koleksi peribadi pengkaji

Analisis pada peringkat semantik skrip ini telah mendapati bahawa murid berupaya mengemukakan makna harfiah berikut dalam proses PdP yang dilaksanakan seperti pada Jadual 4.1. Dalam pendekatan semantik inkuisitif (SI), tahap pertama analisis dianggap mudah kerana murid cuma dikehendaki mengesan makna secara harfiah sahaja.

Jadual 4.1: Makna Harfiah ‘Membuka Pintu Dunia’

Data	**Ungkapan**	Perkataan	Makna
1	Membuka pintu dunia	Membuka pintu dunia	- menjadikan tidak tertutup / menanggalkan - ruang untuk keluar atau masuk. - bumi dan segala yang terdapat di permukaannya.

Makna yang dinyatakan seperti Jadual 4.1 belum lagi dapat menyampaikan makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak walaupun pada sesi PdP ini murid didapati berjaya mengemukakan makna *‘membuka pintu dunia’* berbantukan kamus. Murid seterusnya dibimbing untuk mengesan makna yang tersirat berkenaan. Tahap analisis dalam Pendekatan semantik inkuisitif (SI) seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, guru mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori ini menurut Jalaluddin (2003) menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut.

Analisis Semantik Resonans


Dalam TR juga, penggunaan kod memainkan peranan yang amat penting kerana kekuatan sebenar dalam teori ini ialah penggunaan kod, inferens dan andaian. Namun begitu, semua ini tidak perlu diterangkan kepada murid. Pada peringkat ini, guru sebagai pengkaji memainkan peranan utama mengarah murid ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh pengarang sajak dalam sajak ciptaannya ini, guru meminta murid mengemukakan andaian-andaian seperti yang disyaratkan dalam TR. Guru dibenarkan untuk mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar pada analisis tahap semantik resonans ini. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Oleh sebab pendekatan ini akan berbantukan TR untuk analisis tahap keduanya, iaitu tahap resonans ini, konteks permulaan dibekalkan terlebih dahulu kepada murid. Menurut Subet (2015), dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia, dan sebagainya. Murid dilihat mudah untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans kerana wujudnya konteks yang dinyatakan ini.

Murid telah sedia maklum dan jelas tentang pengorbanan tiga insan yang dikemukakan dalam sajak ini. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Jadi, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan SI, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Namun dalam pendekatan semantik skrip, makna sebenar yang dihajati bukan setakat bercerita tentang pengorbanan tiga insan yang dikemukakan dalam sajak ini. Ada makna lain yang dihajati oleh pengarang sajak. Di sinilah, situasi ini akan menguji kemahiran kognitif murid. Dalam pendekatan SI, makna pada peringkat semantik skrip belum lagi memadai (Jalaluddin, 2014). Seterusnya murid akan dibimbing untuk melakukan analisis tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans. Analisis pada tahap inilah yang memerlukan murid berfikiran aras tinggi selaras dengan unsur KBAT yang diterapkan dalam silibus bahasa Melayu pendidikan rendah.

Analisis Relevans

Menurut Sperber dan Wilson (1986), Teori Relevans (TR) membenarkan pengkaji menentukan kod, inferens dan andaian untuk sampai kepada makna sebenar sesuatu ujaran. Sebelum kod, inferens dan andaian dikemukakan, murid terlebih dahulu diberikan maklumat konteks. Dalam TR, konteks merupakan seberkas andaian yang terbina daripada situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Oleh sebab keterlibatan konteks mental dan juga persekitaran penting dalam interpretasi ujaran, maka konteks dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Maka, keseluruhan sajak '*Istimewanya Kita'* digunakan oleh guru untuk membekalkan maklumat konteks kepada murid. Sinopsis sajak boleh dijadikan sebagai maklumat konteks ini. Guru mengedarkan lembaran yang berisi sinopsis, kod, inferens dan andaian untuk diisi oleh murid.



Gambar 4.2: Murid menulis andaian dengan bimbingan guru.
Nota. Gambar ini diambil semasa proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa di dalam kelas.
Sumber: koleksi peribadi pengkaji.

Dalam Gambar 4.2, murid menulis andaian-andaian yang dipersetujui bersama-sama ahli kumpulan yang lain untuk dimasukkan ke dalam jadual analisis relevans. Murid seperti yang telah dijelaskan di atas, telah berupaya memahami makna sajak ini, iaitu tentang kelahiran seorang bayi ke dunia. Dari sinilah soalan-soalan yang relevan dikemukakan untuk menentukan kod, inferens dan andaian. Murid dibimbing oleh guru untuk menyenaraikan kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan dan sesi sumbangsaran dengan murid dikemukakan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR 'Membuka pintu dunia'

Analisis TR		
Data 1: Membuka pintu dunia		
Kod	Inferens	Andaian
pintu dunia	buka	1. Kelahiran melalui pintu rahim perempuan 2. Memberikan nafas

Proses menentukan andaian yang paling relevan pula dilakukan setelah kod, membuat inferens dan mengemukakan set andaian ditentukan seperti Jadual 4.2. Seterusnya, tugasan diberikan kepada kumpulan murid, iaitu responden kajian ini untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa. Beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, murid akan membina andaian-andaian berdasarkan perbincangan dalam kumpulan dan kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Dua bentuk andaian yang terhasil melalui perbincangan dalam kumpulan, iaitu

yang pertama kelahiran melalui pintu rahim seorang perempuan dan yang kedua memberikan nafas telah dikenal pasti.

Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Mereka telah mengetahui dan mengambil maklum tentang pengorbanan seorang ibu yang dikemukakan dalam sajak ini. Jadi, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR, apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan semantik inkuisitif, seperti yang telah dinyatakan, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Namun dalam pendekatan semantik skrip, makna sebenar yang dihajati bukan setakat bercerita tentang pengorbanan ibu yang dikemukakan dalam sajak ini. Ada makna lain yang dihajati oleh penyajak. Di sinilah, kemahiran kognitif murid akan diuji. Dalam pendekatan SI, makna pada peringkat semantik skrip belum lagi memadai. Murid akan diarah seterusnya untuk melakukan analisis tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans tadi. Analisis tahap inilah yang memerlukan murid berfikiran aras tinggi selaras dengan unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang diterapkan dalam silibus bahasa Melayu sekolah rendah. Seterusnya, bagi memberi nilai tambah dalam pemahaman makna, murid diberi penjelasan dengan lebih mendalam menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS). Pendekatan SI mencadangkan RRS diaplikasikan untuk maklumat tambahan untuk mengesan makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak.

Analisis Rangka Rujuk Silang (RRS)

RRS menurut Kempson (seperti dalam Jalaluddin, 1992) ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Oleh yang demikian, RRS mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Bagi

membantu pendengar memahami ujarannya, penutur hendaklah memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Dalam konteks kajian ini, guru membantu murid memahami makna ungkapan *'membuka pintu dunia'* dengan memberi premis tambahan hasil daripada pengalaman sedia ada murid dalam kehidupan harian. Guru boleh membimbing murid membina ayat seperti di bawah untuk memudahkan pemahaman murid. Contoh ayat analisis RRS yang berkaitan dengan ungkapan 'membuka pintu dunia' dikemukakan di bawah ini;

"Besarnya pengorbanan seorang ibu. Hormati dan hargailah
jasanya yang telah membuka pintu dunia untuk kita."

Frasa yang digaris dalam ayat RRS di atas memberi maklumat tambahan untuk membantu pemahaman murid terhadap ungkapan '*membuka pintu dunia'*. Maklumat tambahan ini hasil daripada pengalaman sedia ada murid yang telah sedia maklum bahawa ibulah yang melahirkan kita ke dunia ini. Frasa *'pengorbanan seorang ibu'* yang bertarung nyawa untuk melahirkan kita ke dunia ini telah membantu murid mentafsir makna dengan agak mudah. Penyelidikan ini mendapati kesan konteks yang terbina daripada andaian tersebut hanya memerlukan usaha memproses yang rendah. Murid berupaya mengaitkan andaian ini dengan maklumat sedia ada mereka tentang situasi seorang perempuan melahirkan anak. Jelas sekali situasi yang digambarkan oleh pengarang sajak, Hamzah et al. (2019), iaitu hanya melalui kelahiran dapat memberikan kehidupan baharu kepada satu nyawa manusia. Bukan itu sahaja, seorang ibu sanggup bergadai nyawa, berkorban masa, tenaga dan harta-benda untuk memastikan anak-anak mendapat didikan yang sempurna sebagai bekalan menghadapi dunia yang penuh pancaroba ini. Namun makna pada tahap analisis resonans dengan menggunakan

aplikasi RRS ini masih juga belum memadai bagi mengesan makna sebenar yang diingini oleh pengarang sajak ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana walaupun murid telah memaparkan tahap kebolehan kognitif mereka, masih terdapat analisis tahap ketiga yang harus dilaksanakan dalam pendekatan semantik inkuiistif ini, iaitu analisis semantik inkusitif (seperti nama pendekatan ini) untuk mengetahui lebih lanjut makna yang diinginkan oleh pengarang sajak.

Analisis Semantik Inkuisitif

Tahap analisis ini akan memaparkan falsafah dan akal budi masyarakat. Makna kelahiran daripada rahim wanita bergelar ibu akan dianalisis dengan lebih lanjut lagi. Seperti yang telah dinyatakan di atas, makna tahap semantik skrip dan resonans masih belum mencukupi kerana belum mampu untuk merungkaikan makna implisit seperti yang dihajati oleh pengarang sajak ini. Dengan yang demikian, penganalisisan makna pada peringkat semantik inkuisitif didedahkan pula kepada murid. Pada peringkat ini, guru membimbing murid untuk mencari maklumat secara merentas disiplin. Murid akan diajar dengan mencari makna pada peringkat multidisiplin pula. Pada peringkat ini, persoalan *'kenapa, kenapa dan kenapa'* dalam pendekatan semantik inkuisitif akan membantu murid mencari makna yang dihajati seterusnya. Kenapa sajak ini menggunakan baris *'Membuka pintu dunia"*? Apakah pintu yang dimaksudkan itu? Kenapa baris ini dikemukakan? Di sinilah, murid akan dibimbing ke arah memikirkan makna pintu dunia yang dimaksudkan itu, murid akan mengaitkan pintu dunia itu dengan rahim ibu. Murid akan diceritakan oleh guru tentang proses kelahiran seorang bayi.

Baris "Membuka pintu dunia" dalam sajak "Istimewanya Kita" sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis maknanya menggunakan semantik inkuisitif. Kajian ini berpendapat bahawa penggunaan pintu dunia mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sajak ini. Mengapa pintu dunia? Bagi melengkapkan penganalisisan makna menggunakan semantik


inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014), murid perlu mempersoalkan kenapa ‘pintu dunia’ digunakan dalam baris sajak ini. Pintu dunia yang dinyatakan dikaitkan dengan pintu rahim seorang perempuan. Untuk menjelaskan bahawa pintu rahim perempuan sememangnya sesuai dengan peralihan hidup daripada kehidupan di dalam rahim kepada kehidupan di alam fana, persoalan mengapa sebegitu memerlukan pergaulan dan penyatuan secara halal mengikut hukum agama dan undang-undang sivik yang ditetapkan, iaitu ikatan perkahwinan yang sah. Tanpa ikatan perkahwinan yang sah di sisi undang-undang, sesuatu pergaulan yang melibatkan konteks zahir dan batin dianggap haram serta membawa kepada kesan yang negatif.

Perkahwinan merupakan amalan yang menjadi lumrah dalam kehidupan manusia sejagat. Perkahwinan antara lelaki dengan perempuan adalah untuk memenuhi hukum alam. Murid diajar mengemukakan ilmu merentas disiplin. Murid yang terdiri daripada berbilang agama, misalnya boleh dibekalkan dengan maklumat perihal perkahwinan dalam agama Islam, misalnya. Dalam agama Islam, menurut Wan Ismail et al. (2022), perkahwinan lebih bersifat kontrak sivil yang boleh diadakan tanpa apa-apa istiadat kerana perihal ini berdasarkan Ijab dan Kabul (‘aqad) antara dua pihak yang berkenaan untuk mengizinkan serta menghalalkan hubungan antara perempuan dengan lelaki yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah, menurut peraturan yang ditentukan oleh Islam. Pasangan lelaki dan perempuan dihalalkan untuk melakukan persetubuhan setelah melalui proses ‘aqad’ bagi mendapatkan zuriat. Mana-mana pasangan yang berkahwin di dunia ini sememangnya menginginkan perkara yang melibatkan persetubuhan yang dihalalkan ini. Seterusnya mengapa pula kelahiran bayi dikaitkan dengan ‘pintu dunia’?



Gambar 4.3: Perkahwinan yang sah untuk mendapatkan zuriat.
Nota. Penyatuan antara lelaki dengan perempuan melalui ikatan perkahwinan yang sah.
Sumber: https://www.kashoorga.com/buat-yang-bercita-cita-nak-kahwin-muda-hadam-15-perkara-penting-ini/

Dalam kehidupan manusia, proses kelahiran bayi ialah satu fenomena keajaiban yang teristimewa. Pada ketika ini, guru seterusnya membimbing murid untuk merentas ilmu Sains dan Biologi. Murid dibekalkan maklumat oleh guru berkenaan dengan perihal kelahiran seorang bayi ke dunia. Guru boleh mengaitkan seorang bayi dengan murid-murid sendiri. Pengajaran dan pembelajaran seperti ini akan membuatkan minda murid terbuka untuk memikirkan makna tersirat di sebalik "pintu dunia". Menurut Myhealth, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada saat kelahiran, kepala bayi dalam rahim ibu berada dalam keadaan menjunam ke arah servik atau pintu rahim, hanya menunggu masa untuk disambut. Tahap pertama proses bersalin bermula dengan pengecutan otot rahim yang singkat dan kerap. Pengecutan otot yang jarang-jarang berlaku ini menghentam pintu rahim sehingga terbuka selebar sepuluh sentimeter. Keadaan ini yang berterusan menolak bayi keluar sehingga kepalanya kelihatan di luar. Biasanya bayi keluar membelakangi ibu supaya kepalanya mempunyai ruang yang cukup untuk melepasi rangka tulang pelvis. Kemudian, kepala bayi berpaling supaya bahu depan dan bahu bawahnya turut berpaling. Proses terakhir membolehkan bayi keluar sepenuhnya dengan tali pusatnya masih tercantum.



Rajah 4.1: Fasa-fasa kelahiran bayi
Nota. Kelahiran bayi bermula daripada fasa pertama sehinggalah fasa yang ketiga.
Sumber: http://www.myhealth.gov.my/kelahiran/

Murid dibimbing oleh guru untuk memahami maklumat ini. Dalam konteks frasa ‘membuka pintu dunia’ ini, telah menampakkan kebijaksanaan pengarang sajak dalam melihat proses kelahiran dan sifat pintu rahim yang sinonim dengan istilah ‘pintu dunia’. Melalui perspektif semantik inkuisitif ini, dapat difahami falsafah dan akal budi yang tersirat dalam baris sajak ‘membuka pintu dunia’. Secara tidak langsung murid akan memahami serta menghayati pengorbanan seorang wanita yang bergelar ibu bertarung nyawa melahir dan membesarkan bayinya. Penerangan juga boleh menggunakan gambar-gambar kelahiran seperti pada Rajah 4.1. Jelas, melalui semantik inkuisitif, pemilihan sesuatu leksikal dan frasa bagi membentuk ungkapan dalam sajak dikaitkan dengan akal budi atau keintelektualan serta budaya kehidupan masyarakat Melayu. Akhirnya, makna sebenar yang dihajati dalam baris/data 1 “membuka pintu dunia” telah membekalkan makna yang menjangkau lebih daripada makna harfiah baris ini seperti dalam analisis tahap 1, analisis semantik skrip yang dikukuhkan analisisnya pada tahap kedua analisis semantik resonans dengan bantuan RRS dan analisis tahap ketiga, analisis semantik inkuisitif yang membolehkan murid mengetahui keintelektualan masyarakat.

Jelaslah ketiga-tiga tahap analisis dalam pendekatan SI mampu mengetengahkan makna sebenar yang dihajati. Ketiga-tiga tahap ini telah dirangkumkan pengkaji dalam rancangan pengajaran harian (RPH) sebelum proses PdP berlangsung. Berikut dikemukakan RPH seni bahasa dan sesi PdP yang telah dilaksanakan ini. RPH ini dirancang berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu SK Tahun 4 (Semakan) Terbitan 2018.

Jadual 4.3: Rancangan Pengajaran Harian Sajak 'Istimewanya Kita'

Tajuk	**Istimewanya Kita (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Aspek Seni Bahasa**
Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.1 Melafazkan dan menjelaskan maksud sajak.
Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.
Aktiviti	1. Set induksi – Guru menayangkan visual kelahiran manusia daripada bayi sehingga ke akhir hayat. (tayangan projektor) 2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang visual yang ditayangkan.

Sambungan **Jadual 4.3**

	3. Guru mengaitkan jawapan murid dengan tajuk pembelajaran 'Istimewanya Kita'. 4. Guru meminta murid membaca sajak 'Istimewanya Kita' secara senyap. (Buku Teks halaman 11). 5. Guru mendeklamasikan sajak sambil meminta murid mendengar dengan teliti nada dan intonasi. 6. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru.
	7. Guru memberi sedikit penerangan ringkas tentang pendekatan pembelajaran yang akan digunakan. (Pendekatan Semantik inkuisitif). 8. Murid dipecahkan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 9. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. 10.Guru mengedarkan borang (borang mencari makna perkamusan dan borang analisis relevan) untuk sesi perbincangan dengan murid. 11. Guru memantau dan membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 12. Guru memberi penerangan tentang Rangka Rujuk Silang (RRS) yang digunakan pada papan tulis untuk membantu murid memahami dengan lebih mendalam ungkapan yang dipilih. 13. Guru membimbing murid menimbulkan persoalan. i) Kenapa 'pintu dunia'

Sambungan **Jadual 4.3**

	ii) Kenapa pintu, bukan tingkap? iii) Kenapa penyajak menggunakan ungkapan 'membuka pintu dunia'?	
	14. Guru menayangkan slaid yang berkaitan dengan topik pembelajaran berserta dengan penerangan ringkas untuk menjawab setiap persoalan. 15. Guru mengulangi langkah pemgajaran 10 – 14 dengan menggunakan baris sajak 'hingga membawaku ke bintang' 16. Persoalan yang ditimbulkan ialah: i) Kenapa membawaku ke bintang? ii) Kenapa bintang dipilih dalam sajak? iii) Kenapa bukan menggunakan leksikal bulan? 17. Murid menulis hasil tugasan dalam lembaran kerja yang diberikan. 18. Penutup – Guru mengedarkan lembaran untuk murid menulis maklum balas dan menjelaskan perasaan masing-masing setelah melalui proses pembelajaran ini. 19. Guru merumuskan pelajaran dengan menerapkan nilai murni.	
Sistem Bahasa	Sebutan dan intonasi, kosa kata	
Pengisian Kurikulum	Kemahiran Abad Ke-21	Mahir Berkomunikasi
	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Menganalisis-menerangkan
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	Naturalis, berasaskan inkuiri

Sambungan **Jadual 4.3**

	Pendekatan PdP	Semantik Inkuisitif
	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Nilai Murni – Kesyukuran
BBM	Buku teks, projektor, laptop, lembaran kerja	
Pentaksiran	Bertulis	
Pengayaan/ Pemulihan	Menyalin sajak dengan menggunakan tulisan berangkai (pengayaan) Menulis sajak dengan tulisan yang kemas. (pemulihan)	
Refleksi ***akan diisi setelah selesai proses PdP**	**Pada akhir pengajaran;*	

4.2.1.2: Analisis Data 2: Hingga membawaku ke bintang

Analisis Semantik Skrip

Proses PdP yang dijalankan seterusnya menggunakan ungkapan ‘Hingga membawaku ke bintang’. Ungkapan yang digunakan ini ialah gaya bahasa hiperbola yang dipetik daripada rangkap kedua sajak ‘Istimewanya Kita’. Untuk menganalisis data ini, seperti yang telah ditunjukkan langkah-langkah PdP pada data 1 sebelum ini, guru membimbing murid mengesan makna harfiah pada setiap perkataan dalam ungkapan ‘Hingga membawaku ke bintang’ dengan merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Maklum balas daripada murid dalam mengungkap setiap leksikal tersebut dalam makna linguistik adalah seperti diyatakan dalam Jadual 4.7: Makna Harfiah ‘Hingga membawaku ke bintang’. Untuk mencari maksud daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), guru membimbing murid untuk mengesan makna

dengan menggunakan kamus tersebut melalui aktiviti perbincangan yang dilakukan dalam kumpulan seperti yang ditunjukkan dalam gambar 4.4.



Gambar 4.4: Guru membimbing murid mencari makna menggunakan Kamus Dewan Edisi ke-4

Nota. Gambar ini ditangkap layar semasa proses PdP seni bahasa di dalam kelas.
Sumber: koleksi peribadi pengkaji.

Pada peringkat ini, penerangan oleh guru diberikan kepada murid berkaitan dengan makna harfiah, iaitu makna yang diteliti pada peringkat permukaan sahaja. Guru turut menjelaskan pengesanan makna pada peringkat ini belum cukup untuk menjelaskan makna sebenar yang tersirat dalam baris sajak ini.

Jadual 4.4: Makna Harfiah ‘Hingga membawaku ke bintang’

Data	Ungkapan	Makna Linguistik	
2	Hingga membawaku ke bintang	membawaku	- mengangkat/memikul/mendukung sesuatu sambil bergerak ke tempat lain
		ke	- kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat
		bintang	- salah satu cakerawala (yang beribu-ribu banyaknya) yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam

Hasil maklum balas melalui perbincangan dalam kumpulan pembelajaran, dengan menggunakan kamus, murid berupaya memberikan penjelasan makna ***membawaku*** = mengangkat/memikul/mendukung sesuatu sambil bergerak ke tempat lain, ***ke*** = kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat dan ***bintang*** = salah satu cakerawala (yang beribu-ribu banyaknya) yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam. Namun begitu, pada peringkat ini, makna belum dapat difahami seperti yang dihajati oleh pengarang sajak ini. Ada makna tersembunyi yang perlu dicungkil oleh murid sehingga akhirnya nanti menemui falsafah dan akal budi pengarang sajak.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Penerokaan makna pada sesi PdP seni bahasa ini perlu diteruskan untuk memastikan murid memahami makna dengan lebih mendalam. Analisis seterusnya diperkenalkan oleh guru secara ringkas agar murid mendapat gambaran awal proses PdP yang akan dilalui. Pada tahap ini, murid akan dibimbing oleh guru ke arah pembudayaan amalan berfikir yang lebih praktikal, iaitu kemahiran berfikir aras tinggi yang mengkehendaki murid melakukan proses analisis sebagaimana yang terkandung dalam aras Taksonomi Bloom semakan 2001 oleh Anderson & Krathwohl (seperti yang dinyatakan dalam Azman et al., 2023), iaitu peringkat menganalisis di mana satu proses mencerakinkan konsep kepada bahagian yang lebih khusus serta menjelaskan struktur dan perkaitannya dijalankan. Justeru, analisis TR diaplikasikan untuk mendapatkan kesan kognitif yang diperoleh melalui data.

Jadual 4.5: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR 'Hingga membawaku ke bintang'

Analisis TR		
Data 2: hingga membawaku ke bintang		
Kod	Inferens	Andaian
bintang	Tahap atau tingkat tertinggi dalam sesuatu bidang	a. ke peringkat universiti b. masa depan yang cerah c. kehidupan yang gemilang


Melalui analisis TR, jelaslah bahawa data 'bintang' memang mudah difahami oleh responden (murid). Inferens yang diperoleh daripada kod 'bintang' ini berkaitan dengan 'tahap atau tingkat tertinggi dalam sesuatu bidang'. Berlandaskan hasil perbincangan (rujuk Jadual

4.5 di atas), murid telah berjaya mengesan tiga bentuk andaian, iaitu yang pertama, ke peringkat universiti, kedua ialah masa depan yang cerah dan yang ketiga ialah kehidupan yang gemilang. Beberapa andaian ini harus difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, murid akan membina andaian-andaian berdasarkan perbincangan dalam kumpulan dan kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Maklumat ini telah wujud dalam memori jangka panjang murid. Para murid telah sedia maklum tentang peranan, tanggungjawab dan tugas seorang pendidik yang memberi bimbingan dan tunjuk ajar seperti yang dikemukakan dalam sajak ini. Situasi ini memberi gambaran bahawa agak mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR. Maka, murid dapat memikirkan andaian-andaian yang berkenaan tadi. Keupayaan kognitif murid melalui pengaplikasian KBAT dapat mendekatkan murid kepada makna yang dihajati oleh pengarang sajak..

Analisis Rangka Rujuk Silang

Pemahaman makna pada peringkat analisis relevans belum cukup untuk murid memahami makna ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’. Justeru, dalam PdP ini, guru membimbing pula murid mendalami makna ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’ dengan menggunakan konsep rangka rujuk silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) dalam Teori Relevans (TR). Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. RRS harus mempunyai sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Bagi membantu murid memahami ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’, guru mengemukakan premis tambahan yang boleh menjadi sebahagian daripada konteks. Premis tambahan digunakan oleh murid untuk mengesan anteseden yang diperlukan agar makna sebenar yang

dihajati dapat difahami. Guru boleh membina ayat atau membimbing murid sendiri untuk membina ayat menggunakan ungkapan “hingga membawaku ke bintang” yang berelemen RRS. Cadangan ayat yang berkaitan dengan ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’ dapat dilihat seperti di bawah;



Contoh ayat di atas menunjukkan situasi intrapersonal dalam diri seorang murid yang mengakui bahawa pengorbanan guru yang menyampaikan ilmu kepadanya amat bernilai dan tak mampu untuk dibalas. Dalam ungkapan ini, untuk berjaya dalam kehidupan bukanlah mudah tanpa budi dan jasa seorang insan yang bergelar guru. Guru mencurahkan segala keringat dan usaha demi memastikan insan yang menjadi anak didiknya berilmu dan berpendidikan. Dengan ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru,dapat dijadikan bekalan masa depan yang seterusnya dapat merealisasikan impian seseorang untuk menempa kejayaan dalam kehidupan. Berdasarkan pemetaan RRS di atas, dapatlah ditafsirkan bahawa tanpa guru, seseorang tidak mungkin akan berjaya menempuh cabaran di dunia ini.

Analisis Semantik Inkuisitif

Makna ‘hingga membawaku ke bintang’ hanya sampai ke peringkat kognitif sahaja meskipun data yang dianalisis ini telah melepasi dua tahap analisis makna, iaitu tahap semantik skrip dan semantik resonans. Menurut Jalaluddin (2014) dalam ‘Semantik dan Akal Budi Melayu’, ketidakpuasan pada analisis sebelum ini membuktikan bahawa semantik skrip dan semantik resonans belum cukup untuk memaparkan makna sebenar yang ingin diperoleh penutur. Di sebalik ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’, masih ada makna tersirat perlu

dirungkai yang memerlukan tafsiran ‘mata hati’. Makna yang tersirat ini akan membawa sekali pemahaman kita kepada falsafah dan sekali gus membantu guru dan murid meneroka akal budi penuturnya.

Dalam proses PdP pada peringkat akhir ini, guru mengajak murid menimbulkan persoalan terhadap ungkapan/baris sajak yang dipilih. Kenapa pengarang sajak memilih leksikal ‘bintang’ dan kenapa pengarang sajak menulis ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’ dalam sajaknya? Maka dengan itu, pengkaji menjawab persoalan ini dengan menggunakan kaedah analisis semantik inkuisitif untuk menghuraikan makna secara mendalam yang merentas bidang multidisiplin. Menurut Omar (2017) dalam buku ensiklopedianya bertajuk “Astronomi Dan Astrofotografi Edisi Kedua”, bintang merupakan objek samawi bergas yang menghasilkan cahayanya sendiri. Ia juga menghasilkan cahaya terang pada waktu malam dan turut dikenali sebagai bebola gas panas. Sekiranya diamati dengan lebih mendalam, bintang ialah objek samawi tetap sebagai satu titik cahaya dari bumi yang dapat dilihat pada waktu malam. Walau bagaimanapun, disebabkan kedudukan bintang amat jauh dari bumi, pergerakannya tidak dapat dilihat walaupun ia bergerak. Oleh sebab kedudukan bintang yang amat tinggi di angkasa, pengarang sajak dilihat memilih bintang kerana kedudukan objek tersebut yang amat tinggi di angkasa. Pengkaji menggambarkan betapa ungkapan hiperbola ‘hingga membawaku ke bintang’ memberi makna bahawa didikan dan bimbingan seorang insan yang bergelar guru berupaya membawa pengarang sajak menggapai impian dan cita-cita seterusnya berjaya dalam kehidupannya.

Dalam pada itu juga, kebanyakan karya Melayu yang terdiri daripada penulisan ilmiah, buku sastera mahu pun lirik lagu menjadikan bintang sebagai penanda aras dalam kejayaan hidup seseorang. Menurut Abdul Rahman (2019) "Jika kamu terlihat bintang, sebenarnya kamu melihat sejarah. Jika kamu melihat bintang, sebenarnya kamu melihat ibrah". Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ibrah yang

bermaksud pengajaran sinonim dengan insan guru yang menyampaikan ilmu dalam pengajarannya. Melalui pengajaran guru dan hasil daripada ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada pengajaran sang guru telah mampu membawa pengarang sajak menuju cita-cita dan impian yang diinginkan dalam hidup.



Gambar 4.5: Graduan yang berjaya hasil didikan guru.
Nota. Kejayaan yang dikecapi pada peringkat universiti hasil didikan dan bimbingan guru.
Sumber: https://bebasnews.my/2020/09/23/pentingkah-penarafan-universiti-dari-luar/

Melalui analisis semantik inkuisitif dalam proses PdP yang dilaksanakan dalam kelas seni bahasa ini, murid dengan bimbingan guru dapat memahami dan mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan frasa dalam baris sajak ‘hingga membawaku ke bintang’. Analisis makna ini juga dilihat telah merentas bidang bahasa yang turut menonjolkan ilmu sastera yang banyak menggunakan perkataan ‘bintang’ sebagai kiasan kepada kejayaan dan kecemerlangan seseorang yang menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh dan juga ilmu Sains, iaitu kajian astronomi tentang kedudukan dan jarak bintang dari muka bumi. Maka, pengkaji berpendapat dengan aplikasi pendekatan SI sebagai PdP, murid-murid akhirnya dapat mengetahui makna sebenar yang dihajati pengarang sajak melalui baris ungkapan ‘hingga

membawaku ke bintang' ini. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pendekatan SI ini sebagai pendekatan dalam PdP unsur seni bahasa.

4.2.2 Sajak 2: Jiwa Hamba

Termenung seketika sunyi sejenak
Kosong di jiwa tiada penghuni
Hidup terasa diperbudak-budak
Hanya suara melambung tinggi

Berpusing roda beralihlah masa
Pelbagai neka hidup di bumi
Selagi hidup berjiwa hamba
Pasti tetap terjajah abadi

Kalau hidup ingin merdeka
Tiada tercapai hanya berkata
Ke muka maju sekata, maju kita
Melemparkan jauh jiwa hamba

Ingatkan kembali kata sakti
Dari bahang kesedaran berapi
Di atas robohan Kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka

Nukilan: Usman Awang

Nota. Dipetik daripada m.s. 87, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 4.

4.2.2.1 Analisis Data 3 : Kosong di jiwa tiada penghuni

Analisis Semantik Skrip

Sesi PdP yang dirancang seterusnya akan mengajak murid menganalisis 2 set data yang dipetik daripada sajak 'Jiwa Hamba'. Terlebih dahulu, guru memaparkan data yang pertama, iaitu 'kosong di jiwa tiada penghuni' sebagai bahan pembelajaran seni bahasa. Ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni' dipetik daripada rangkap pertama sajak "Jiwa Hamba". Seperti langkah-langkah PdP untuk data-data yang telah dibincangkan di atas, begitu jugalah dilakukan

untuk data ini dengan menggunakan pendekatan SI. Prosedur analisis perlu dijalankan pada peringkat analisis semantik skrip, iaitu pada permukaan terlebih dahulu. Pada peringkat ini, murid dibimbing mencari makna literal menggunakan kamus bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Pencarian makna pada peringkat ini amat mudah kerana kumpulan murid yang terdiri daripada 2 hingga 3 orang murid dalam satu kumpulan akan berkolaborasi mengesan makna yang terdapat dalam kamus Bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Semasa melakukan bimbingan, guru yang mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahan seni bahasa ini bertindak sebagai pemudah cara. Makna setiap leksikal dalam ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni' akan dicari dan ditulis dalam edaran jadual seperti Jadual 4.6. Hasil pencarian makna literal yang diperoleh oleh murid dalam sesi perbincangan dan sumbangsaran yang dijalankan dapat dilihat dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Makna harfiah 'kosong di jiwa tiada penghuni'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
3	Kosong di jiwa tiada penghuni	kosong	- tidak berisi apa-apa
		di	- kata sendi nama yang menunjukkan tempat
		jiwa	- nyawa, roh
		tiada	- tidak ada
		penghuni	- penduduk, penunggu

Berdasarkan Jadual 4.6, makna literal yang terhasil daripada perbincangan murid dalam kumpulan pembelajaran ialah kosong = tidak berisi apa-apa, di = kata sendi nama yang menunjukkan tempat, jiwa = nyawa atau roh, tiada = tidak ada dan penghuni = penduduk atau penunggu. Makna yang terhasil ini secara umumnya belum dapat menggambarkan makna

sebenar yang dihajati oleh penulis atau pengarang sajak. Ada makna tersirat yang tersimpan di sebalik falsafah dan akal budi si penuturnya. Maka dengan itu, guru seterusnya mengajak murid untuk melakukan analisis pada peringkat kedua penganalisisan data ini, iaitu pada peringkat semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Peringkat kedua proses penganalisisan data ini dinamakan sebagai semantik resonans. Pada peringkat ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Pengkaji memainkan peranan sebagai guru dengan mengarah murid ke arah penggunaan serta mempertajam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pada peringkat ini juga, seperti yang dirancang dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa ini, murid diminta mengemukakan andaian-andaian seperti yang disyaratkan dalam TR untuk mendalami makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak. Sebelum kod, inferens dan andaian dikemukakan, murid terlebih dahulu diberikan maklumat konteks. Dalam TR, konteks merupakan seberkas andaian yang terbina daripada situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. TR menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran.

Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Namun, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan murid untuk mengesan makna pada tahap

semantik resonans. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Jadi, agak senang untuk mengarah murid mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR. Susulan itu, murid diedarkan dengan edaran jadual yang mengandungi kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan dengan murid dapat diperhatikan dalam Jadual 4.7 di bawah;

Jadual 4.7: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ungkapan 'Kosong di jiwa tiada penghuni'

Analisis TR		
Data (3) Kosong di jiwa tiada penghuni		
Kod	Inferens	Andaian
Jiwa tiada penghuni	kosong	1. Tidak memiliki ilmu pengetahuan 2. Tiada pengalaman yang berguna

Proses menentukan andaian yang paling relevan dilakukan setelah murid mengemukakan kod dan inferens dengan menggunakan analisis TR (seperti Jadual 4.7). Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, murid perlu mengemukakan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan pembelajaran seni bahasa, iaitu ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni'. Berdasarkan hasil perbincangan, dua andaian telah diperoleh hasil daripada perbincangan yang dilakukan dalam kumpulan. Dua andaian, iaitu yang pertama ialah 'tidak memiliki ilmu pengetahuan' dan yang kedua ialah 'tiada pengalaman yang berguna'. Murid telah sedia maklum bahawa seseorang individu yang tiada ilmu pengetahuan ibarat jiwa mereka tiada penghuni. Maklumat seperti ini sememangnya telah wujud dalam kotak pemikiran jangka panjang murid. Dalam proses PdP ini, murid telah memilih andaian pertama, iaitu 'tidak memiliki ilmu pengetahuan' untuk memahami ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni'.

Kajian ini mendapati murid dapat mengaitkan andaian ‘tidak memiliki ilmu pengetahuan’ dengan inferens ‘kosong’ kerana murid sememangnya telah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan kod dan inferens yang diutarakan.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memantapkan lagi pemahaman makna dalam kalangan murid, guru menerangkan ayat rangka rujuk silang (RRS) kepada murid. Pemahaman makna dengan menggunakan RRS dilihat berupaya merangsang kemahiran kognitif murid bagi merungkai makna tersirat yang terkandung dalam ungkapan ‘kosong di jiwa tiada penghuni’. Seperti yang telah dijelaskan dalam sesi PdP seni bahasa sebelum ini, RRS tidak mempunyai anteseden tetapi bagi membantu murid mentafsir ujaran tersebut, ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana itu dihubungkaitkan bagi memperoleh anteseden. Penginterpretasian makna menggunakan RRS dapat diperhatikan dalam contoh ayat yang dibina oleh guru-murid di bawah ini;

“Apa nak jadilah dengan budak Man tu. Dahlah tak nak ke sekolah,
ditambah lagi dengan kosong di jiwa tiada penghuni,” kata Pak Mail.

Dalam RRS di atas, jika diteliti, ungkapan ‘kosong di jiwa tiada penghuni’ tidak mempunyai anteseden yang membolehkan ungkapan atau frasa itu difahami secara eksplisit. Namun begitu, pada akhirnya, murid berupaya memahami makna ungkapan ‘kosong di jiwa tiada penghuni’ dengan mendengar penerangan guru serta membaca konteks ayat yang menggunakan ungkapan ‘kosong di jiwa tiada penghuni’. Ayat selapis yang pertama serta frasa ‘tak nak ke sekolah’ ialah premis tambahan kepada ungkapan ‘kosong di jiwa tiada penghuni’. Kajian ini mendapati, hasil analisis makna menggunakan RRS ini, makna yang hendak disampaikan oleh pengarang sajak dapat difahami melalui keluhan Pak Mail terhadap seorang

budak lelaki bernama Man yang malas pergi ke sekolah untuk menuntut ilmu. Ringkasnya, murid akan didedahkan dengan pengetahuan atau maklumat tentang keadaan, iaitu jika sesorang tidak pernah atau malas bersekolah, nescaya dia akan menjadi seorang yang tidak berilmu pengetahuan serta jahil dalam kehidupan pada kemudian hari. Pernyataan yang berunsur nilai moral seperti ini dapat diterapkan kepada murid agar mereka sedar bahawa ilmu pengetahuan sangat penting sebagai bekalan hidup pada masa hadapan. Ilmu pengetahuan kebanyakannya diperoleh semasa bersekolah. Sesuatu ungkapan yang relevan dilihat tinggi kesan kognitifnya dengan hanya memerlukan usaha memproses yang rendah. Justeru, interpretasi sebenar ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni' diperoleh melalui kesan kognitif yang tinggi.

Analisis Semantik Inkuisitif

Walaupun pada hakikatnya murid berupaya menonjolkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk memperoleh makna yang dihajati pada tahap analisis semantik resonans, namun pemahaman makna pada peringkat ini belum mampu mencungkil falsafah dan akal budi penutur ataupun pengarang sajak ini. Murid seterusnya dibimbing oleh guru untuk merungkai makna ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni' sehingga menemui falsafah dan akal budi pengarang sajak ini. Di sinilah murid akan menjawab persoalan 'kenapa', 'kenapa' dan 'kenapa' sebagaimana yang dituntut dalam proses analisis pada peringkat semantik inkuisitif. Keupayaan murid mencari makna secara merentas pelbagai disiplin ilmu terserlah apatah lagi ditambah dengan aspek KBAT memungkinkan murid meneroka dan mencungkil makna sehingga menemui falsafah dan akal budi pengarang sajak. Kenapa pengarang sajak memilih jiwa bukannya hati atau perasaan?

Jiwa berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa maksud 'benih kehidupan'. Dalam ilmu teologi, jiwa dipercaya terus hidup selepas seseorang meninggal, dan sebahagian

agama mengajarkan bahawa Tuhan ialah pencipta jiwa. Kajian Sa'ari dan Mohd Akib (2018) menyatakan definisi jiwa oleh al-Razi yang ditafsir dari dua aspek. Pertama, dari aspek sandaran jiwa kepada badan, jiwa merupakan penyempurna awal bagi jisim tabi'i yang mempunyai alat dan berpotensi menerima kehidupan. Kedua, dari aspek hakikatnya iaitu jiwa merupakan suatu jawhar yang tersendiri dan berlainan daripada jasad. Ia berhubung kait dengan badan dari aspek pengurusan dan pelaksanaan apabila jiwa boleh dianggap sebagai pengurus dan pelaksana, manakala anggota badan pula sebagai alat dan kelengkapan bagi jiwa. Kajian ini berpendapat, al-Razi membawa satu analogi mudah bagi memahami hubungan tersebut iaitu jiwa dianalogikan sebagai seorang tukang kayu yang boleh melakukan pelbagai kerja melalui alat-alatan yang berbeza-beza. Maka begitu juga jiwa yang melihat melalui mata, mendengar melalui telinga, berfikir melalui otak, bertindak melalui hati. Selain itu, jiwa juga tidak bersifat qadim, bahkan baharu dan ia diciptakan bersama dengan penciptaan badan.

Definisi tentang jiwa ini didedahkan oleh guru untuk kefahaman murid bahawa jiwa yang kosong itu menunjukkan seseorang yang tidak menggunakan anugerah yang diberikan ini dengan sebaik mungkin untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang insan. Seterusnya, kenapa istilah 'penghuni' dipilih oleh pengarang sajak bagi melengkapkan ujarannya? Penghuni membawa maksud individu atau sekumpulan orang yang menetap di sesuatu kawasan atau penempatan. Kewujudan penghuni di sesuatu tempat atau kawasan itu memberi impak positif yang tertentu seperti kemajuan dan pembangunan kawasan serta keseimbangan ekosistem yang telah sedia ada di kawasan tersebut. Keadaan akan menjadi sunyi, sepi dan suram sekiranya sesuatu tempat atau kawasan itu tidak berpenghuni seperti yang diungkapkan melalui ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni'.



Gambar 4.6: Keadaan dan persekitaran rumah yang kosong tidak berpenghuni *Nota.*(Sumber:https://www.tribunnewswiki.com/2021/02/02/)

Dalam situasi ini, murid dengan bimbingan guru berusaha untuk mengaitkan penjelasan tentang penghuni di sesuatu kawasan dengan keadaan jiwa yang kosong yang tidak mempunyai sebarang ilmu dan pengalaman. Dengan itu, murid berjaya mentafsir dan mencungkil makna ungkapan 'kosong di jiwa tiada penghuni' sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya. Secara tidak langsung, murid juga turut berupaya mengaplikasikan aspek KBAT dalam usaha memperoleh makna yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa ini. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang dirangka dapat memberi gambaran yang jelas tentang proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang dilaksanakan seperti yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 4.8: Rancangan Pengajaran Harian Sajak 'Jiwa Hamba'

Tema	**Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan**
Tajuk	**Jiwa Hamba (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Aspek Seni Bahasa**

Sambungan **Jadual 4.8**

Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.1 Melafazkan dan menjelaskan maksud sajak.
Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.
Aktiviti	1. Set induksi – Guru menayangkan video berkaitan dengan perhambaan pada zaman dahulu. 2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang video yang telah ditonton. 3. Guru mengaitkan jawapan murid dengan tajuk pembelajaran. 4. Guru meminta murid membaca sajak 'Jiwa Hamba' secara senyap. 5. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru. 6. Guru memberi penerangan tentang pendekatan pembelajaran yang akan digunakan. (Pendekatan Semantik inkuisitif). 7. Murid digihkan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 8. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan 2 ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Sambungan **Jadual 4.8**

	i) Kosong di jiwa tiada penghuni ii) Selagi hidup berjiwa hamba 9. Guru mengedarkan borang (borang mencari makna perkamusan dan borang analisis relevan) untuk sesi perbincangan dengan murid. 10. Guru memantau dan membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 11. Guru menayangkan Rangka Rujuk Silang yang digunakan (RRS) di papan tulis menggunakan projektor dan menerangkannya untuk membantu pemahaman murid tentang ungkapan yang dipilih. 12. Guru mengajak dan membimbing murid untuk mempersoalkan ungkapan-ungkapan yang dipilih oleh pengarang sajak. i) Kenapa penghuni wujud di dalam jiwa? ii) Siapakah penghuni yang dimaksudkan? iii) Kenapa jiwa kosong? iv) Kenapa hamba dikaitkan dengan jiwa? v) Kenapa leksikal hamba dipilih dalam baris sajak? vi) Kenapa *pasti tetap terjajah abadi* berkaitan dengan hamba? 13. Guru memberikan penerangan sebagai jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh guru. 14. Murid menulis hasil tugasan dalam buku latihan masing-masing. 15. Penutup - Murid diminta untuk merumuskan pembelajaran serta menjelaskan perasaan masing-masing setelah melalui proses pembelajaran ini.

Sambungan **Jadual 4.8**

Sistem Bahasa	Sebutan dan intonasi, kosa kata	
Pengisian Kurikulum	Kemahiran Abad Ke-21	Mahir Berkomunikasi
	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Menganalisis-menerangkan
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	Naturalis, berasaskan inkuiri
	Pendekatan PdP	Semantik Inkuisitif
	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Nilai Murni – Kesyukuran
BBM	Buku teks, projektor, laptop, lembaran kerja	
Pentaksiran	Bertulis	
Pengayaan / Pemulihan	Menjawab 3 soalan pemahaman berdasarkan sajak.	
Refleksi *Akan diisi selepas selesai sesi PdP.	*Pada akhir pengajaran;*	

4.2.2.2 Analisis Data 4: Selagi hidup berjiwa hamba

Analisis Semantik Skrip

Data 4 ‘selagi hidup berjiwa hamba’ yang dipetik daripada rangkap kedua sajak ‘Jiwa Hamba’ akan dicari makna harfiahnya terlebih dahulu oleh murid dengan menggunakan Kamus Bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) Pada peringkat ini, pencarian makna sememangnya agak mudah kerana murid telah dibimbing mencari makna menggunakan kamus sebelum ini. Kemahiran murid menggunakan kamus dalam proses mencari makna setiap leksikal yang terdapat pada ungkapan tidak dapat disangkal lagi. Murid diperhatikan semakin berupaya memperoleh makna literal dengan hanya dibimbing secara minimum oleh guru.

Berikut ialah makna pada peringkat permukaan yang dihasilkan oleh murid melalui proses kolaborasi dalam kumpulan yang kecil.

Jadual 4.9: Makna harfiah ‘selagi hidup berjiwa hamba’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna linguisti
4	Selagi hidup berjiwa hamba	Selagi Hidup Berjiwa hamba	- selama atau sementara - terus bernyawa atau bernafas - bernyawa - budak belian

Makna harfiah ‘selagi hidup berjiwa hamba’ telah dapat dikupas oleh murid melalui penerokaan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Makna setiap satu leksikal yang dihasilkan ialah selagi = selama atau sementara, hidup = terus bernyawa atau bernafas, berjiwa = bernyawa dan hamba = budak belian. Makna yang diperoleh ini tidak dapat menggambarkan makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak Ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba’ ini mempunyai makna yang mendalam yang perlu dicungkil oleh murid dan guru (pengkaji) sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya. Dengan yang demikian, murid-murid (responden) akan dibawa ke satu peringkat analisis yang diberi nama peringkat analisis semantik resonans dalam pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Murid dibimbing seterusnya oleh guru menelusuri makna pada peringkat yang kedua, iaitu peringkat semantik resonans. Pada tahap ini, Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan disusuli oleh pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS)

oleh Kempson (1984) digunakan untuk membantu menginterpretasikan makna secara implisit yang terkandung dalam ungkapan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam Jalaluddin (2007), prinsip asas TR ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, TR menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Konteks merupakan seberkas andaian yang boleh wujud dalam situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya.

Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1995). Kesan kognitif pula merupakan andaian awal yang wujud dalam diri pendengar atau pembaca tentang maklumat yang relevan pada diri pendengar atau pembaca. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Sesuatu ujaran dianggap menjadi lebih relevan, jika ujaran itu mempunyai lebih banyak kesan kognitif. Secara prinsipnya, lebih rendah usaha memproses maklumat maka semakin relevanlah ujaran itu. Bagi penutur, usaha memproses penting bagi memastikan ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Berikut ialah usaha-usaha para responden (murid) untuk mengesan makna implisit yang terkandung dalam ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba’. Murid diedarkan dengan borang seperti pada Jadual 4.10 semasa proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

Jadual 4.10: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘selagi hidup berjiwa hamba’


Analisis TR		
Data (4) selagi hidup berjiwa hamba		
Kod	Inferens	Andaian
hamba	suruhan	1. Hanya mengikut kehendak orang yang lebih berkuasa. 2. tidak mengingkari perintah.

Setelah melaksanakan perbincangan, dua andaian diperoleh, iaitu yang pertama ‘hanya mengikut kehendak orang yang lebih berkuasa dan yang kedua, ‘tidak mengingkari perintah’. Hasil keputusan suara ramai responden, andaian pertama diilihat lebih menjurus kepada makna yang dikehendaki oleh penutur. Agak mudah untuk mentafsir dan membuat andaian pada peringkat ini kerana murid telah pun memiliki pengetahuan lepas tentang kod ‘hamba’ dan berupaya mengandaikan makna yang relavan dengan ungkapan yang diberikan. Di sinilah pengkaji dapat melihat keupayaan kognitif murid mentafsir makna melalui proses kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Tidak cukup dengan makna yang diberikan ini, guru membimbing murid seterusnya untuk mentafsir makna ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba’ dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1984). RRS terdiri daripada sekurang-kurangnya dua ayat selapis. RRS sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar

mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Bagi membantu pendengar memahami ujarannya, penutur (pengarang sajak) memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar (murid) menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak. Penganalisisan makna menggunakan RRS dapat dilihat seperti ayat yang dikemukakan di bawah, hasil binaan guru-murid.



Berdasarkan analisis RRS di atas, murid dilihat berupaya memahami makna ungkapan 'selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi' melalui pengalaman lepas. Maklumat tambahan pertama yang diperoleh oleh murid untuk memahami ungkapan ini ialah 'bangkitlah berjuang. Hal ini dikatakan demikian kerana ayat ini tidak mempunyai anteseden sedangkan ungkapan 'selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi' mempunyai makna tersirat yang perlu diterjemahkan dalam bentuk yang tersurat. Oleh itu, dengan wujudnya konteks 'bangkitlah kita berjuang', menjadi maklumat tambahan untuk membolehkan pendengar (murid) memahami ungkapan dalam bingkisan sajak ini. Dalam konteks Melayu, berjuang telah pun menjadi sebati dalam kehidupan sebagaimana yang diharungi pada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi sehinggalah peristiwa menuntut kemerdekaan Tanah Melayu 1957 daripada cengkaman penjajah. Mengikut konteks sejarah, orang Inggeris ataupun British yang merupakan penjajah tanah Melayu pada ketika itu (tamat perang dunia ke-2) telah memperhambakan masyarakat Melayu untuk menurut perintah mereka. Namun begitu, atas dasar kesedaran telah wujud dalam jiwa dan sanubari masyarakat Melayu pada ketika itu,

timbullah semangat berjuang untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah. Andaian awal tersebut merupakan satu usaha memproses maklumat untuk mendapatkan tafsiran makna tersirat bagi ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’. Namun begitu, makna yang telah ditafsirkan melalui dua kaedah iaitu analisis TR dan RRS terhadap ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’ belum mencukupi kerana ada makna implisit yang lebih mendalam dituntut oleh pengarang sajak ini.

Analisis Semantik Inkuisitif

Guru seterusnya membimbing murid mengesan makna pada peringkat ketiga dalam pendekatan semantik inkuisitif ini, iaitu peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, murid diajak untuk meneroka makna merentas pelbagai disiplin ilmu seperti yang dibolehkan dalam pendekatan ini yang bersifat mutidisiplin. Dalam pendekatan semantik inkuisitif (Jalaluddin, 2014), persoalan ‘kenapa’, ‘kenapa’ dan ‘kenapa’ dikemukakan untuk mendapatkan makna implisit ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’ sehingga menemui falsafah, nilai, budaya dan akal budi Melayu sebagaimana yang diingini oleh pengarang sajak. Kenapa leksikal ‘hamba’ dipilih oleh pengarang sajak dalam ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba’? Di sinilah murid didedahkan dengan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah. Menurut fakta sejarah di dalam buku teks Sejarah Tingkatan Empat (2019), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), perhambaan merupakan amalan kemasyarakatan yang telah diamalkan di Negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Hamba dapat melambangkan pengaruh dan kekayaan seseorang pembesar pada ketika itu. Semakin ramai hamba yang dimiliki seseorang pembesar, ini menunjukkan semakin berstatus kedudukannya dalam masyarakat dan semakin kukuhlah kedudukan ekonominya. Golongan hamba dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu hamba raja, hamba abdi dan hamba berhutang. Hamba raja biasanya terdiri daripada orang yang merdeka. Hamba raja juga dikenali sebagai

budak raja atau digelar ‘biduanda’. Hamba raja lebih tinggi tarafnya berbanding dengan hamba lain terutamanya biduanda.



Gambar 4.7: Amalan perhambaan diamalkan di Negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
(Sumber:https://m.facebook.com/PageEmpatEmpatEnam/photos/sistem-perhambaan-di-tanah-melayuinstitusi-perhambaan-merupakan-amalan-kemasyara/2080856475312616/)

Kebanyakan hamba raja merupakan orang tawanan perang atau banduan. Mereka boleh dibebaskan jika kedua-dua buah negara berbaik semula. Hamba biasa atau abdi atau sahaya terdiri daripada golongan orang suruhan yang khas dan mereka berasal daripada keturunan tersebut. Mereka menjadi hamba seumur hidup kepada golongan pembesar atau orang biasa yang kaya-raya. Golongan hamba jenis ini biasanya diperoleh daripada pembelian atau pertukaran sesama tuan punya hamba. Mereka akan menjadi hamba seumur hidup kepada pemiliknya. Hamba berhutang pula berasal daripada orang yang merdeka. Oleh sebab gagal membayar hutang dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh pemiutang mereka terpaksa menjadi hamba kepada pemiutang sehingga hutang mereka selesai. Isteri dan anak-anak orang yang berhutang juga akan menjadi hamba dan hendaklah tinggal bersama-sama pemiutang

sebagai hamba tebusan. Taraf hamba akan luput apabila hutang tersebut selesai dijelaskan atau setelah tamat sesuatu tempoh perkhidmatan yang dipersetujui dengan pemiutang. Hasil daripada maklumat yang didedahkan oleh guru ini, murid dapat mencungkil makna yang mengaitkan penggunaan leksikal ‘hamba’ dalam ungkapan ‘selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi’ seperti yang dihajati oleh pengarang sajak ini. Secara tidak langsung, kognitif murid dapat dirangsang ke arah pemikiran aras tinggi seperti yang dituntut dalam PAK21.

Persoalan seterusnya, kenapa pula frasa ‘terjajah abadi’ yang digunakan oleh penutur dikaitkan dengan ‘hamba’? Frasa ‘terjajah abadi’ sinonim dengan seseorang individu ataupun sekumpulan manusia yang menjadi tawanan dan tahanan orang yang lebih kuat dan berkuasa. Murid didedahkan dengan maklumat berkaitan dengan penjajahan yang berlaku di Tanah Melayu ini bermula daripada zaman kedatangan Portugis di Melaka dan diikuti dengan Belanda, Jepun dan British. Di sini, murid memperoleh makna ungkapan ‘pasti tetap terjajah abadi’ dengan merentas disiplin ilmu Sejarah. Tanah Melayu mula dijajah oleh pihak asing yang dimulakan oleh Portugis pada tahun 1511 telah menyebabkan penduduk tempatan berasa tergugat dan tertindas di tanah air sendiri. Tempoh masa yang sungguh lama untuk penduduk di Tanah Melayu sedar akan diri mereka dijajah menunjukkan seakan-akan penjajahan yang dialami pada ketika itu berkekalan dan tiada penghujungnya.

Untuk memahami makna abadi pula, murid telah didedahkan dengan makna linguistik pada peringkat pertama, iaitu semantik skrip. Menurut sesetengah kepercayaan agama, penganut-penganutnya berpegang kepada ajaran untuk mendapatkan kehidupan yang kekal abadi selepas kematian. Maklumat yang dibekalkan kepada murid ini sedikit sebanyak membolehkan mereka mula memahami makna ungkapan ‘pasti tetap terjajah abadi’. Penerangan yang jelas daripada guru berkaitan dengan ilmu Sejarah dan keagamaan ini memberi gambaran serta panduan kepada murid untuk berusaha merungkai makna yang

terkandung dalam ungkapan ‘pasti tetap terjajah abadi’ yang dipetik daripada sajak ‘Jiwa Hamba’ nukilan Usman Awang. Dengan itu, guru dilihat berupaya memandu murid ke arah pemikiran kreatif selaras dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam usaha untuk mencungkil makna ungkapan ‘pasti tetap terjajah abadi’ sehingga peringkat falsafah dan akal budi Melayu. Kewibawaan murid merencanakan makna ungkapan ‘pasti tetap terjajah abadi’ memberi gambaran jelas bahawa murid berupaya mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif (Jalaluddin, 2014) dengan baik di samping berkemampuan menjana pemikiran yang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

4.2.3 Sajak 3 : Silang Budaya

Teman
Berbeza budaya
Kelainan tutur bicara
Usah jadikan jurang pemisah
Kerana kita ada tali pengikat
Bahasa kebangsaan.

Teman
Seni budaya dan jati diri
Niat suci berhati murni
Raikan budaya
Ketatasusilaan kita
Peliharalah sampai bila-bila.

Teman
Di mana-mana pun berada
Di sekolah, di menara gading
Di medan rezeki mencari sesuap nasi
Carilah persamaan silang budaya
Kemegahan kita.

Budayaku, luhur
Budayaku, tersohor
Bahasaku, unggul
Dengan bahasa, budaya kita bersatu.

Nukilan: Pena Aima

Nota. Dipetik daripada m.s. 91, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 5.

Data kajian ini merupakan sebuah sajak karya Pena Aima yang dipetik daripada halaman 91 di dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) Tahun Lima. Secara ringkasnya, sajak ini bercerita tentang silang budaya yang menjadi ikatan kepada perpaduan di negara Malaysia. Selain itu, sajak ini juga menjelaskan tatasusila yang menjadi amalan dan harus dikekalkan sepanjang masa. Murid-murid digesa untuk sentiasa meneroka ilmu tentang silang budaya yang menjadi asas kepada perpaduan tanpa mengira peringkat pendidikan. Segenap lapisan masyarakat yang ada di negara ini perlu sentiasa menjulang bahasa dan budaya yang menjadi tunjang kepada perpaduan. Perincian berkenaan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahan seni bahasa sajak 'silang budaya' yang mengaplikasikan pendekatan SI (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014) dapat dilihat dalam cadangan rancangan RPH seperti yang dipaparkan pada Jadual 4.11.

Jadual 4.11: Rancangan Pengajaran Harian Sajak 'Silang Budaya'

Tema	**KELESTARIAN ALAM**
Tajuk	**Silang Budaya (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Mendeklamasi Puisi**
Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.2 Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.

Sambungan **Jadual 4.11**

Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.
Aktiviti	1. Set induksi – Guru menayangkan visual tentang keharmonian dan kepelbagaian kaum di Malaysia. 2. Guru dan murid bersoal jawab tentang tayangan visual. 3. Guru memperkenalkan tajuk pembelajaran pada hari ini. 4. Guru meminta murid membaca sajak 'Silang Budaya' secara senyap. 5. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru. 6. Guru menerangkan secara ringkas tentang pendekatan pembelajaran yang akan digunakan. (Pendekatan Semantik inkuisitif). 7. Murid diagihkan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 8. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. i) Berbeza budaya kelainan tutur bicara ii) Di medan rezeki mencari sesuap nasi 9. Guru mengedarkan borang borang analisis relevan untuk sesi perbincangan dengan murid. 10. Guru membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 11. Murid mendengar serba sedikit tentang Rangka Rujuk Silang yang digunakan (RRS) yang diterangkan oleh guru di papan tulis untuk membantu pemahaman murid berkaitan dengan ungkapan yang dipilih.

Sambungan **Jadual 4.11**

<table>
<tr><td></td><td colspan="2">12. Guru mendorong murid untuk mempersoalkan ungkapan yang dipilih oleh pengarang sajak.
i) Kenapa berbeza budaya berkaitan dengan pertuturan?
ii) Kenapa pengarang memilih untuk menulis ungkapan?
iii) Kenapa medan ditulis bersama rezeki?
iv) Kenapa sesuap nasi dipilih oleh pengarang sajak?
v) Kenapa sesuap nasi dikaitkan dengan medan rezeki?
13. Guru menayangkan slaid yang berkaitan dengan topik pembelajaran berserta dengan penerangan ringkas.
14. Murid menulis hasil tugasan dalam buku latihan masing-masing.
15. Penutup - Murid menyanyikan lagu patriotik ‘Kita 1 Malaysia’ yang menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum.
16. Guru mengaitkan nilai murni dalam sesi pengajaran sebagai rumusan.</td></tr>
<tr><td>Sistem Bahasa</td><td colspan="2">Sebutan dan intonasi, kosa kata</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Pengisian Kurikulum</td><td>Kemahiran Abad Ke-21</td><td>Mahir Berkomunikasi</td></tr>
<tr><td>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)</td><td>Menganalisis-menerangkan</td></tr>
<tr><td>Strategi Pengajaran dan Pembelajaran</td><td>Naturalis, berasaskan inkuiri</td></tr>
<tr><td>Pendekatan PdP</td><td>Pendekatan Semantik Inkuisitif</td></tr>
<tr><td></td><td>Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</td><td>Nilai Murni – Kesyukuran</td></tr>
<tr><td>BBM</td><td colspan="2">Buku teks, projector, laptop, lembaran kerja</td></tr>
<tr><td>Pentaksiran</td><td>Bertulis</td><td></td></tr>
<tr><td>Pengayaan / Pemulihan</td><td colspan="2">Membina ayat daripada perkataan yang diberikan.</td></tr>
</table>

Sambungan **Jadual 4.11**

Refleksi ***Akan diisi selepas selesai sesi PdP.**	*Pada akhir pengajaran;*	

4.2.3.1 Analisis data 5: Berbeza budaya kelainan tutur bicara

Analisis Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip ini, iaitu peringkat permukaan, guru membimbing murid untuk menganalisis data dengan menggunakan jadual yang diberikan. Makna harfiah diperoleh melalui kamus bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Penerokaan makna dianggap mudah pada tahap ini kerana murid mencari makna ujaran dan perkataan yang terpilih daripada rangkap sajak hanya dengan merujuk kamus. Pemilihan rangkap sajak ialah berdasarkan tahap pemahaman murid terhadap setiap ungkapan dan frasa dalam sajak itu.

Jadual 4.12: Makna Harfiah 'berbeza budaya kelainan tutur bicara'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
5	berbeza budaya kelainan tutur bicara	berbeza budaya kelainan tutur bicara	- berlainan - tamadun, peradaban - perbezaan - ucap - pendapat

Hasil penganalisisan semantik skrip pada Jadual 4.12, murid diperhatikan amat mudah memberikan makna perkamusan kepada setiap leksikal dalam ungkapan 'berbeza budaya

kelainan tutur bicara', iaitu berbeza = berlainan, budaya = tamadun atau peradaban, kelainan = perbezaan, tutur = ucap dan bicara = pendapat. Apabila kesemua makna leksikal digabungkan, satu ungkapan telah dihasilkan iaitu, 'berlainan tamadun, peradaban perbezaan ucap pendapat'. Ungkapan yang terhasil tidak mencerminkan makna sebenar yang dikehendaki oleh pengarang sajak. Ada makna tersembunyi yang perlu dirungkaikan oleh murid dan guru untuk menyelami makna sebenar yang tersirat dalam penciptaan ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara' dalam sajak ini. Dengan itu, murid seterusnya diajar pula untuk memahami makna pada peringkat semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Penerokaan makna seterusnya amat diperlukan untuk mengesan keupayaan kognitif murid mengaitkan makna harfiah tadi dengan makna yang dihajati pengarang sajak. Maka, analisis tahap kedua adalah untuk memahami makna ungkapan melalui konteks ayat dan penggunaannya yang ingin disampaikan oleh pengarang sajak. Analisis pada tahap ini mengemukakan Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam usaha guru membimbing murid mengupayakan aspek kognitif mereka mencungkil makna ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara' yang dipetik daripada sajak. Untuk mengesan makna implisit dalam ungkapan, TR membenarkan pengkaji menentukan kod, inferens dan andaian. Kajian ini menerangkan bahawa maksud ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara' yang dipetik daripada sajak ini dapat diteroka dengan lebih mendalam dengan adanya pengaplikasian TR sebagai tunjang untuk mengesan makna. Apabila merujuk kepada maksud penyajak yang terungkap pada ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara', ungkapan ini agak mudah untuk difahami makna tersiratnya dalam konteks TR. Baris atau ungkapan ini dapat difahami sebagai tradisi sesuatu kaum yang amat berlainan melalui

bahasa yang menjadi rutin percakapan sehari-harian. Hasil daripada bimbingan guru dalam proses menganalisis ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’ untuk mendapatkan makna implisitnya dengan menggunakan TR, maka terungkailah data seperti yang terpampang pada Jadual 4.13.

Jadual 4.13: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian bagi ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’

Analisis TR		
Data (5) berbeza budaya kelainan tutur bicara		
Kod	Inferens	Andaian
budaya	berbeza	1. Tidak sama cara hidup mengikut tempat tinggal. 2. Berlainan adat resam mengikut dialek.

Berdasarkan analisis relevan pada Jadual 4.13, pengkaji dibenarkan untuk menentukan leksikal ‘budaya’ sebagai kod dan ‘berbeza’ sebagai inferens. Seterusnya, guru membimbing murid mempraktikkan kemahiran kognitif mereka dengan menentukan andaian-andaian yang relevan dengan ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’. Dua andaian berjaya diperoleh/dibina hasil daripada proses pembelajaran melalui perbincangan murid dalam kumpulan, iaitu yang pertama, ‘tidak sama cara hidup mengikut tempat tinggal dan yang kedua ‘berlainan adat resam mengikut dialek’. Dalam masa yang sama, murid berupaya menerangkan perihal cara hidup yang berbeza mengikut tempat contohnya, terdapat pelbagai etnik dan suku kaum yang tinggal di Sarawak. Kaum Melayu hidup dengan cara sendiri dan mereka menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa pertuturan seharian. Sama juga halnya

dengan kaum-kaum lain seperti Cina, Iban, Melanau, Bidayuh, dan sebagainya. Masing-masing mempunyai bahasa pertuturan dan dialek yang dapat membezakan sesuatu kaum dengan kaum yang lain. Begitulah uniknya Sarawak kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.

Menurut TR, semakin sedikit usaha memproses, maka semakin relevanlah ungkapan tersebut. Dua andaian yang ditampilkan oleh murid di sini jelas menunjukkan bahawa andaian-andaian ini sememangnya telah sedia ada wujud dalam kotak pengetahuan sedia ada murid. Dalam TR, pengkaji diberi keizinan untuk menentukan kod, inferens dan andaian. Penentuan kod, inferens dan andaian ini sememangnya menjadi kekuatan dalam penganalisisan makna pada peringkat semantik resonans ini. Namun begitu, pengesanan makna pada tahap analisis relevan ini belum dapat memberikan pemahaman yang jelas kepada murid tentang ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara'. Maka dengan itu, guru memperkenalkan satu konsep yang terdapat dalam TR, iaitu rangka rujuk silang (RRS).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Pada tahap kedua atau analisis tahap semantik resonans ini, makna lanjut untuk memahami ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara' dapat diterokai dan dicungkil maknanya dengan menggunakan RRS. Guru-murid membina ayat yang menggunakan ungkapan ini seperti berikut:

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Maka, tidak hairanlah jika berbeza budaya kelainan tutur bicara.

Ayat di atas menunjukkan pemahaman murid terhadap penggunaan RRS sewaktu merungkai makna pada ungkapan yang terdapat dalam bingkisan sajak di atas. Penjelasan maksud ungkapan melalui konteks ayat berlapis ini dapat membantu murid memahami makna ungkapan 'berbeza budaya kelainan tutur bicara' dengan lebih jelas. Premis tambahan

diperoleh daripada pengalaman sedia ada murid. Berpandukan bantuan premis tambahan, usaha memproses makna adalah rendah. Keupayaan kognitif murid terserlah kerana dapat mengaitkan berbeza budaya kelainan tutur kata itu dengan menggunakan maklumat terdahulu yang dikaitkan dengan RRS, iaitu rakyat Malaysia ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Pengetahuan sedia ada murid telah cukup kukuh untuk membuktikan bahawa murid berupaya memahami ayat RRS ini melalui penyerapan ilmu Pendidikan Moral dalam slot pembelajaran ini. Murid faham bahawa perbezaan budaya menjurus ke arah perbezaan loghat pertuturan, kaum dan bangsa yang pelbagai di negara Malaysia. Dalam TR, maklumat ini juga merupakan maklumat konteks yang wujud dalam pengetahuan sedia ada murid. Dalam TR juga, maklumat konteks boleh diperoleh daripada pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, seperti kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, juga merangkumi hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya (Subet, 2010). Hal ini membuktikan bahawa semakin rendah usaha memproses, semakin tinggilah kesahan sesuatu ujaran atau ungkapan itu. Namun makna pada tahap kedua ini belum cukup lengkap untuk menyingkap makna sebenar yang dihajati pengarang sajak. Makna seterusnya diterokai dengan analisis tahap ketiga, iaitu analisis pada tahap semantik inkuisitif.

Analisis Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ketiga, iaitu peringkat semantik inkuisitif (SI), murid dipimpin oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk merungkai makna dengan lebih mendalam sehingga menemui falsafah, budaya dan akal budi pengarang sajak ini. SI membenarkan maklumat diperoleh secara multidisiplin. Pencarian maklumat secara multidisiplin ini bertepatan dengan konsep pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran

Bahasa Melayu merentas kurikulum. Pada peringkat ini, persoalan ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ diajukan untuk mendapatkan jawapan yang diinginkan. Kajian ini menjadikan bidang Sejarah dan Kajian Sosial sebagai asas panduan untuk mengupas falsafah dan akal budi yang terkandung dalam ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’. Kamarudin et al. (2019), menjelaskan konsep bangsa Malaysia merujuk warga negara Malaysia atau rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Leksikal *‘berbeza budaya’* menunjukkan penduduk di negara ini mempunyai kaum dan keturunan yang pelbagai yang terdiri daripada Melayu, Cina, India, Orang Asli serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak. Sudah tentulah budaya yang diamalkan turut berbeza antara satu dengan yang lain.



Gambar 4.8: Masyarakat Majmuk di Malaysia

Sumber: http://fieza404.blogspot.com/

Seterusnya kenapa leksikal ‘*berbeza budaya’* ditautkan dengan ‘*kelainan tutur bicara’?* Umum mengetahui bahawa kaum Melayu terkenal dengan pelbagai dialek dan loghat seperti Melayu Kelantan, Melayu Sarawak, Melayu Kedah dan sebagainya. Begitu juga dengan kaum Cina yang juga terdapat pelbagai loghatnya sendiri seperti Hokkien, Foochow, Hakka dan

Kantonis. Kaum India juga mempunyai variasi bahasanya seperti bahasa Tamil, Malayalam, Telugu dan Chetti serta ditambah pula dengan pelbagai dialek kumpulan etnik Sabah dan Sarawak. Dalam sesi penerangan ini juga, guru turut mendedahkan maklumat yang menurut A'zmi et al. (2017) bahawa walaupun perbezaan budaya wujud dalam negara Malaysia, rakyatnya sentiasa bersatu hati dalam pelbagai perkara seperti menyelesaikan masalah, bermuafakat dalam semua perkara dan bekerjasama serta berunding untuk teguh bersatu agar melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan berwibawa. Tuntasnya, kepelbagaian bahasa ini telah menambahkan corak warna-warni budaya kaum majmuk di Malaysia. Dalam kajian ini, boleh dilihat bahawa pendekatan semantik inkuisitif dapat mencungkil ilmu, akal budi dan falsafah yang tersimpan di sebalik makna implisit ungkapan dalam sajak. Maka dengan SI dan RRS, makna yang lebih terperinci telah dapat dirungkai daripada hanya makna umum yang dikemukakan dalam sajak yang bersifat harfiah tadi. Makna terperinci ini dapat dirungkai apabila murid dapat meneroka bidang sejarah dan kajian sosial kerana kajian SI itu yang bersifat multidisiplin. Maka, guru akan dapat membimbing murid meneroka maklumat konteks untuk membantu mereka mengesan makna tersirat yang dihajati. Murid akan lebih berdaya saing, berfikiran kritis dan kreatif dan akhirnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat diterap dan seterusnya menjadi amalan pembelajaran dalam diri murid.

4.2.3.2 Analisis data 6: Medan mencari rezeki sesuap nasi.

Analisis Semantik Skrip

Pada tahap ini, dalam sesi PdP, murid didedahkan dengan makna harfiah dengan mencari makna ungkapan melalui Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid telah berpengalaman mencari makna ungkapan seperti yang telah dilakukan sebelum ini dalam siri PdP seni bahasa yang menggunakan sajak sebagai bahan pembelajaran.

Jadual 4.14: Makna Harfiah ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
2	medan mencari rezeki sesuap nasi	medan mencari rezeki sesuap nasi	- kawasan, lingkungan - berusaha untuk menjumpai - segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup - sebanyak yang dijemput dan dimasukkan ke dalam mulut - beras yang ditanak atau dikukus

Dalam Jadual 4.14, murid diperhatikan berupaya menerangkan makna ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ kerana proses memperoleh makna pada peringkat ini agak mudah. Murid diajar untuk mencari makna pada peringkat permukaan, iaitu pemerolehan makna setiap satu leksikal yang terdapat pada ungkapan ‘medan mencari makan sesuap nasi’. Hasil daripada pencarian makna mendapati ‘medan’ membawa makna kawasan atau lingkungan. Leksikal ‘mencari’ membawa maksud ‘berusaha untuk menjumpai’, ‘rezeki’ pula ialah ‘segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup’. Seterusnya, ‘sesuap’ bermakna ‘sebanyak yang dijemput dan dimasukkan ke dalam mulut’ dan ‘nasi’ membawa erti ‘beras yang ditanak atau dikukus’. Walaupun murid dapat memberikan makna setiap leksikal dalam ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’, namun makna yang diberikan itu masih belum dapat menyampaikan makna sebenar seperti yang dihajati oleh pengarang sajak ini. Ada makna yang tersembunyi yang perlu dicungkil dengan lebih mendalam melalui proses analisis yang kedua, iaitu analisis semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Penganalisisan pada tahap ini memerlukan kekuatan kognitif murid dalam menelusuri makna dengan mengaitkan teori agar makna yang dihajati dapat dirungkaikan serta dihuraikan dengan lebih terperinci. Pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Pengkaji dibenarkan untuk menentukan kod, inferens dan andaian. Menurut TR, sesuatu ungkapan itu menjadi relevan sekiranya usaha memproses itu semakin rendah. Jika diperhatikan pada proses analisis relevan pada Jadual 4.15, usaha memproses adalah rendah.

Jadual 4.15: Analisis TR 'Medan mencari rezeki sesuap nasi'

Analisis TR		
Data (6) Medan mencari rezeki sesuap nasi		
Kod	Inferens	Andaian
rezeki	medan	1. Tempat mencari nafkah hidup. 2. Lokasi tempat bekerja. 3. Tempat untuk mendapat upah.

Berdasarkan Jadual 4.15, guru selaku pengkaji membimbing murid mengemukakan andaian-andaian yang boleh dikaitkan dengan makna ungkapan 'medan mencari rezeki sesuap nasi'. Tiga (3) andaian berjaya diketengahkan oleh murid, iaitu 'tempat mencari nafkah hidup', 'lokasi tempat kerja' dan ' tempat untuk mendapat upah'. Ketiga-tiga andaian ini diperoleh melalui pengetahuan sedia ada yang hadir dalam kotak pemikiran murid. Murid berupaya

mengaitkan inferens ‘medan’ dengan lokasi atau tempat bekerja setelah didedahkan dengan kod ‘rezeki’ yang diberikan oleh guru. Hasil daripada analisis relevans ini, murid telah menunjukkan keupayaan menggunakan KBAT dalam usaha memahami makna ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ sebagaimana yang dikehendaki oleh pengarang sajak ini. Bagi memahami makna ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ dengan lebih mendalam lagi, guru membimbing murid menggunakan konsep rangka rujuk silang (RRS), iaitu konsep yang ada dalam TR.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Pada peringkat seterusnya, iaitu pada peringkat semantik resonans, murid dibimbing untuk mengaplikasikan pendekatan RRS terhadap baris yang terpilih daripada rangkap sajak. Dalam konteks TR, ungkapan ini agak mudah difahami makna implisitnya oleh murid apabila merujuk kepada maksud penyajak yang terungkap pada ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’. Perspektif semantik resonans tentang ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ dapat diteliti melalui pendekatan RRS dalam binaan ayat di bawah.

Tidak kira di mana kita berada, di medan mencari rezeki sesuap nasi. Kita perlu berusaha walaupun terpaksa mengerah keringat dan membanting tulang.

Merujuk ayat di atas, ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ dirujuksilangkan dengan frasa ‘terpaksa mengerah keringat’ dan ‘membanting tulang’. Kedua-dua frasa yang wujud dalam premis tambahan ini ialah merupakan anteseden yang boleh difahami, iaitu menunjukkan keadaan seseorang individu berusaha untuk mendapatkan hasil walaupun dalam kuantiti yang sedikit. Untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada murid, guru menerangkan bahawa sebagai manusia yang perlu meneruskan kehidupan di dunia ini, wajarlah mengerah segala kudrat dan tenaga untuk mendapatkan pulangan yang setimpal dengan usaha

demi meneruskan kelangsungan hidup. Dalam erti kata lain, usaha itu penting untuk mendapatkan atau mencapai matlamat yang diingini. Dengan itu, dapat dijelaskan di sini bahawa kedua-dua frasa dan ungkapan‘terpaksa mengerah keringat’ dan ‘membanting tulang’ telah dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada makna implisit yang ingin dipersembahkan oleh pengarang sajak. Usaha memproses maklumat adalah lebih rendah dengan kewujudan kesan kognitif yang tinggi. Dengan yang demikian, ujaran akan menjadi lebih relevan untuk pemahaman murid.

Analisis Semantik Inkuisitif

Pada peringkat semantik inkuisitif, murid diajak untuk meneroka makna ungkapan sehingga menemui falsafah dan akal budi pengarang sajak. Kenapa ungkapan ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’ digunakan dalam sajak ini? Persoalan sebegini perlu ada dalam fikiran murid melalui bimbingan yang diberikan oleh guru. Sebelum diteroka dengan lebih mendalam, guru terlebih dahulu membimbing murid mengenal pasti makna rezeki melalui artikel dan risalah yang berkaitan. Seperti yang dinyatakan dalam huraian data 6 di atas, SI membenarkan maklumat diperoleh secara multidisiplin yang bersifat lebih holistik. Menurut Yayasan Ar-Raudhah (2014), rezeki bermakna sesuatu yang dianugerahkan oleh Allah kepada haiwan dan manusia. Kenapa pula sesuap nasi dikaitkan dengan medan mencari rezeki? Sebelum memahami makna ungkapan‘sesuap nasi’, murid terlebih dahulu didedahkan dengan huraian tentang nasi. Nasi berasal daripada beras yang telah ditanak sama ada melalui proses rebus atau kukus. Untuk membuang kanji berlebihan daripada setiap butir beras agar nasi yang dimasak menjadi gebu, tidak lembik dan tidak mudah basi, beras yang hendak dimasak perlu dibilas sebanyak 3 kali. Nasi biasanya ditanak menggunakan adunan logam yang dipanggil periuk. Nasi biasanya dihidangkan bersama lauk sebagai pelengkap rasa dan juga melengkapi

keperluan seseorang. Ringkasnya, nasi juga dikenali sebagai makanan ruji khususnya bagi penduduk di Asia.

Sesetengah kaum akan berasa sangat bersyukur seandainya ada beras yang ditanak menjadi nasi yang dapat dimakan setiap hari berbanding dengan makanan lain seperti mi, roti, kuih dan sebagainya. Sebagai contoh, kaum Melayu, Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu merupakan petani yang menanam padi tidak kira padi sawah mahupun padi huma. Kajian ini mendapat maklumat bahawa mereka akan berasa sedih dan terkilan sekiranya ada pembaziran makanan yang melibatkan nasi bak kata pepatah ‘sebutir beras ibarat setitik peluh petani’. Sesuap nasi yang dimakan boleh mengalas perut seseorang untuk menahan lapar bagi meneruskan rutin harian. Itulah sebab seboleh-bolehnya nasi di pinggan atau di mangkuk perlu habis dimakan untuk mengelakkan pembaziran. Guru menerangkan hal ini kepada murid agar murid dapat belajar mensyukuri nikmat adanya nasi untuk dimakan walaupun cuma sesuap.



Gambar 4.9: Semangkuk Nasi Putih

Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Nasi

Tambahan pula, frasa sesuap nasi amat sinonim dengan kegigihan seseorang bekerja dengan tidak mengira penat lelah untuk mendapatkan nafkah hidup. Sesuap nasi sering dikaitkan dengan pengorbanan dan kesabaran mencari rezeki khususnya dalam masyarakat Melayu. Pada peringkat ini, guru memberi kesedaran kepada murid bahawa kesenangan yang dinikmati bukan mudah untuk diperoleh jika bukan dengan usaha dan penat lelah yang dikerah demi memastikan kehidupan lebih sejahtera. Wan Zawawi (2017) dalam artikelnya menjelaskan bukan hanya untuk mendapatkan sesuap nasi malahan pengorbanan kita dalam mencari rezeki yang halal untuk diri sendiri dan keluarga tercinta. Murid secara tidak langsung didedahkan dengan nilai kesyukuran. Melalui analisis makna ungkapan ini, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu sangat bijak memilih ungkapan dan leksikal untuk menggambarkan kegigihan dan ketekunan dalam mencari rezeki. Maka, melalui hasil analisis ini, murid dilihat mampu menjana kemahiran berfikir ke tahap yang tinggi dengan mengaplikasikan pendekatan SI dalam merungkai makna implisit sesuatu ungkapan sehingga menyerlahkan falsafah dan akal budi penuturnya. Pendek kata, pendekatan SI berjaya mengupayakan aspek KBAT murid untuk mencungkil makna seperti yang dihajati oleh pengarang sajak.

4.2.4 Sajak 4: Demi Negara

Patriotik
bukan sekadar kata-kata
sulam dan mekarkan janji kepada negara
tegak semangat mengalun lagu
hayati, amalkan kata terucap
jalinkan perpaduan di mana-mana jua.

Patriotik
lahirkan jiwa sukarela
keringat dicurah demi negara
hargai perajurit mengangkat senjata
demi lestari keamanan
mereka rela berkorban.

Patriotik
biarkan mekar
subur di jiwa nurani
yang suci berani.

Nukilan: Pena Aima
Dipetik daripada m.s. 116, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 5

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis ujaran yang dipetik daripada sajak 'Demi Negara' hasil nukilan Pena Aima (2020). Dua data, iaitu dua ungkapan dipilih oleh guru untuk dirungkaikan bersama murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran sajak 'Demi Negara' ini. Proses pengajaran dan pembelajaran sajak 'Demi Negara' diperincikan dalam rancangan pengajaran harian (RPH) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.16.

Jadual 4.16: Rancangan Pengajaran Harian 'Demi Negara'

Tema	**PATRIOTISME**
Tajuk	**Demi Negara (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Mendeklamasi Puisi**
Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.2 Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.
Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.

Sambungan **Jadual 4.16**

Aktiviti	1. Set induksi – Guru memperdengarkan lagu patriotik ‘Setia’. Murid menyanyi dengan iringan muzik karaoke.
	2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang seni kata lagu. Guru mengaitkan lagu dengan tajuk pelajaran. 3. Guru meminta murid membaca sajak ‘Demi Negara’ secara senyap. 4. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru. 5. Guru memberi sedikit penerangan ringkas tentang pendekatan pembelajaran yang akan digunakan. (Pendekatan Semantik inkuisitif). 6. Murid dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 7. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. i) Tegak semangat mengalun lagu ii) Lahirkan jiwa sukarela 8. Guru mengedarkan borang (borang mencari makna perkamusan dan borang analisis relevan) untuk sesi perbincangan dengan murid. 9. Guru memantau dan membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 10. Guru menerangkan perihal Rangka Rujuk Silang (RRS) menggunakan projektor untuk membantu pemahaman murid tentang ungkapan yang dipilih. 11. Guru menayangkan slaid yang berkaitan dengan topik pembelajaran serta penerangan tentang ungkapan yang dipilih daripada petikan sajak.

Sambungan **Jadual 4.16**

<table>
<tr><td></td><td colspan="2">12. Murid dibimbing untuk menimbulkan persoalan sebab ungkapan-ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’ dan ‘lahirkan jiwa sukarela’ dipilih oleh penulis sajak dalam karyanya.
i) Kenapa pengarang sajak memilih leksikal ‘semangat’ dan ‘lagu’?
ii) Kenapa tegak boleh dikaitkan dengan semangat?
iii) Kenapa semangat berupaya mengalun lagu?
iv) Kenapa pengarang sajak memilih ‘jiwa’ dalam sajaknya?
v) Kenapa jiwa dikaitkan dengan sukarela?
13. Murid menulis hasil tugasan dalam buku latihan masing-masing.
14. Penutup - Murid mendeklamasikan sajak secara beramai-ramai. Guru menerapkan nilai murni dalam pelajaran.</td></tr>
<tr><td>Sistem Bahasa</td><td colspan="2">Sebutan dan intonasi, kosa kata</td></tr>
<tr><td rowspan="5">Pengisian Kurikulum</td><td>Kemahiran Abad Ke-21</td><td>Mahir Berkomunikasi</td></tr>
<tr><td>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)</td><td>Menganalisis-menerangkan</td></tr>
<tr><td>Strategi Pengajaran dan Pembelajaran</td><td>Naturalis, berasaskan inkuiri</td></tr>
<tr><td>Pendekatan PdP</td><td>Semantik Inkuisitif</td></tr>
<tr><td>Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</td><td>Nilai Murni – Patriotisme</td></tr>
<tr><td>BBM</td><td colspan="2">Buku teks, projektor, laptop, lembaran kerja</td></tr>
<tr><td>Pentaksiran</td><td colspan="2">Bertulis</td></tr>
<tr><td>Pengayaan / Pemulihan</td><td colspan="2">Menjawab soalan pemahaman berpandukan sajak.</td></tr>
</table>

Sambungan **Jadual 4.16**

Refleksi ***Akan diisi selepas selesai sesi PdP.**	*Pada akhir pengajaran;*

4.2.4.1 Analisis Data 7: Tegak semangat mengalun lagu

Analisis Semantik Skrip

Ujaran ‘tegak semangat mengalun lagu’ dipilih secara rawak oleh guru untuk membimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran yang bersifat penerokaan makna ini. Pada peringkat harfiah ini, murid dibimbing oleh guru untuk mengesan makna pada peringkat permukaan dengan menggunakan kamus bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid hanya perlu mencari makna eksplisit, iaitu makna yang tersurat sahaja. Proses ini agak mudah bagi murid kerana pencarian makna hanya menggunakan kamus.

Jadual 4.17: Makna Harfiah ‘tegak semangat mengalun lagu’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
7	tegak semangat mengalun lagu	tegak semangat mengalun lagu	- lurus - roh yang terdapat dalam segala makhluk - mengombak - irama suara

Setelah diteliti makna pada tahap permukaan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 4.17, jelas menunjukkan makna yang diperoleh ternyata hanya bersifat literal. Makna yang diperoleh melalui kaedah perbincangan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ini jelas belum dapat menyampaikan erti sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang sajak. Makna harfiah yang diperoleh hasil daripada dapatan perbincangan guru dan murid pada peringkat ini ialah *tegak* = lurus, *semangat* = roh yang terdapat dalam segala makhluk, *mengalun* = mengombak *dan lagu* = irama suara. Setelah digabungkan, ianya akan diungkapkan 'lurus roh yang terdapat dalam segala makhluk mengombak irama suara'. Ujaran ini tidak sama sekali dapat menyampaikan makna sebenar ungkapan 'tegak semangat mengalun lagu'. Oleh itu, guru menerangkan murid bahawa terdapat peringkat analisis yang seterusnya, iaitu peringkat semantik resonans yang akan merungkai makna yang diinginkan menggunakan kerangka teori dan keupayaan kognitif murid.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Murid seterusnya dibimbing pada peringkat kedua yang dipanggil peringkat semantik resonans ini. Penerokaan makna pada peringkat ini akan menggunakan kerangka Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Seperti yang diterangkan dalam penganalisisan data sebelum ini, TR menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran. Dalam TR, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevan. Sebaliknya pula, semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevan. Pada tahap ini, guru memainkan peranan mengarahkan murid ke arah pengaplikasian KBAT.

Di sini menunjukkan berlakunya pemerkasaan KBAT dalam kalangan murid apabila murid diminta mengemukakan andaian-andaian yang disyaratkan dalam TR untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh pengarang sajak. Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Oleh sebab pada peringkat resonans ini penganalisisan data berbantukan TR, murid terlebih dahulu dibekalkan dengan konteks permulaan. Dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan murid untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans. Murid diberi edaran berbentuk borang analisis untuk menulis sinopsis, kod, inferens dan andaian. Guru membimbing murid untuk menyenaraikan kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan guru dengan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘tegak semangat mengalun lagu’

Analisis TR		
Data (7) tegak semangat mengalun lagu		
Kod	Inferens	Andaian
semangat	Berkobar-kobar	1. Dengan penuh perasaan. 2. Melafazkan ikrar dan janji taat setia. 3. Cinta akan tanah air.

Proses membuat keputusan untuk pemilihan andaian yang paling relevan dilakukan setelah murid berjaya menentukan kod, membuat inferens dan mengetengahkan set andaian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Seterusnya, tugasan diberikan kepada murid untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa. Berdasarkan hasil dapatan perbincangan pada Jadual 4.18, tiga bentuk andaian dikenal pasti, iaitu yang pertama 'dengan penuh perasaan, kedua 'melafazkan ikrar dan janji taat setia' dan yang ketiga, 'cinta akan tanah air'. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Mereka telah sedia maklum tentang apabila menyanyikan lagu patriotik, semestinya perlu menyanyikan lagu itu dengan penuh perasaan patriotisme. Oleh itu, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR. Analisis tahap ini memerlukan murid mempraktikkan kemahiran berfikir yang optimum selaras dengan pemerkasaan KBAT yang diterapkan dalam DSKP Bahasa Melayu sekolah rendah.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Penerokaan makna ungkapan 'tegak semangat mengalun lagu' tidak terhenti setakat penganalisisan relevan sahaja. Guru seterusnya mengajak murid untuk memahami ungkapan dari sudut yang berbeza. Pada ketika ini, guru memperkenalkan satu lagi kaedah untuk mendalami makna ungkapan 'tegak semangat mengalun lagu'. Konsep yang wujud dalam TR, iaitu rangka rujuk silang (RRS) yang menurut Kempson (1986) merupakan sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama. RRS harus melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Berbalik kepada ungkapan yang harus diterokai maknanya, guru pada asasnya tidak menerangkan kepada murid tentang kosep RRS. Pengkaji sedar bahawa tahap kebolehan murid pada peringkat rendah tidak memerlukan penerangan yang mendalam tentang konsep RRS.

Di sini, murid diberi pendedahan oleh guru cara memahami makna ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’ melalui penerangan tentang dua ayat selapis yang dibina guru-murid menjadi kekuatan kepada konsep RRS ini. RRS yang ditunjukkan di bawah merupakan ayat yang digunakan oleh guru untuk menambahkan pemahaman murid terhadap makna ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’.

“Bangunlah wahai bangsaku. Ayuh kita berjuang. Tegakkan semangat, mengalun lagu,”
seru Tok Ketua kepada anak-anak buahnya.

Berdasarkan RRS, guru merujuksilangkan ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’ dengan leksikal ‘bangunlah’ dan ‘berjuang’ yang terdapat pada premis tambahan. Dalam konteks ini, penutur (guru) memberikan premis tambahan agar pendengar (murid) dapat mengesan anteseden yang diperlukan untuk memahami makna ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’. Murid diterangkan tentang perjuangan Tok Ketua yang memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya untuk berjuang. Melalui RRS ini, agak mudah untuk murid memahami makna ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’ kerana sedikit sahaja usaha yang diperlukan untuk memproses maklumat ini. Ringkasnya, banyak kesan kognitif yang diperoleh daripada premis tambahan yang memudahkan murid untuk memahami makna ungkapan ini kerana pengalaman lepas telah sedia wujud dalam minda dan kognitif murid.

Analisis Semantik Inkuisitif

Namun begitu, dua proses pencarian makna yang menggunakan semantik skrip dan semantik resonans masih belum berupaya mecungkil makna ujaran ‘tegak semangat mengalun lagu’ sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu. Masih ada makna yang lebih mendalam yang perlu diterokai. Maka dengan itu, di sinilah murid dibimbing mencungkil

makna yang mengambil kira falsafah, budaya dan akal budi pengarangnya. Persoalan ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ diajukan pada peringkat ini. Bentuk persoalan seperti yang dinyatakan tadi merangsang tahap pemikiran murid sehingga mencetus KBAT murid untuk melakukan penerokaan makna sedalam-dalamnya. Kenapa leksikal ‘semangat’ disesuaikan dengan tegak? kenapa ‘tegak’ dipilih oleh penyajak, bukannya ‘besar’, ‘tegap’ mahupun ‘teguh’? Bagi merungkai persoalan ini, murid dibimbing oleh guru untuk memahami tentang kata “semangat”. Semangat dalam konteks moral seperti yang dipelajari oleh murid ialah perasaan yang membara dan berkobar-kobar untuk berjuang dan menghadapi sesuatu situasi yang tegang demi mencapai keputusan yang memberangsangkan. Secara tidak langsung, guru berupaya memperkasakan KBAT dalam kalangan murid melalui pembelajaran bersifat multidisiplin ini.

Persoalan seterusnya ialah kenapa pula ‘mengalun lagu’? Menurut Mohd Ali dan Abd Rahim (2017), lagu merupakan salah satu medium untuk seseorang menzahirkan perasaan ke dalam bentuk tulisan agar perasaan itu dapat dibaca oleh khalayak pembaca. Lagu juga boleh dikategorikan sebagai puisi. Dalam sesebuah lagu, elemen bahasa menjadi tunjang penting di samping menggunakan kreativiti penulis untuk menghasilkan lagu yang baik. Menurut Sulong et al. (2016), dalam konteks lagu, teks yang dikenali sebagai seni kata bukannya puisi kerana lagu-lagu popular terbentuk melodi dahulu sebelum lirik. Dengan kata lain, seni kata terbentuk daripada melodi lagu. Lagu ialah satu bentuk melodi yang diucapkan dan mempunyai nada, intonasi dan ton yang berirama. Dengan yang demikian, murid dilihat telah berjaya mencungkil makna ujaran ‘tegak berdiri mengalun lagu’ seperti yang diinginkan oleh pengarang sajak sehingga peringkat falsafah dan akal budi Melayu.

4.2.4.2 Analisis data 8: Lahirkan jiwa sukarela

Analisis Semantik Skrip

Data seterusnya, iaitu ‘lahirkan jiwa sukarela’ merupakan gaya bahasa hiperbola yang dipetik daripada sajak ‘Demi Negara’. Secara literalnya, setiap perkataan dalam ungkapan “lahirkan jiwa sukarela” dapat diperoleh dengan merujuk Kamus Dewan Edisi keempat (2005). Apabila menggunakan pendekatan SI, langkah awal analisis data ialah analisis semantik skrip. Pada tahap analisis semantik skrip ini, murid didedahkan dengan makna harfiah, iaitu maksud yang diperoleh daripada Kamus Dewan Edisi keempat (2005). Analisis peringkat semantik skrip telah mendapati bahawa murid telah mampu mengemukakan makna harfiah berikut dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan kerana murid telah pun didedahkan dengan prosedur analisis data semasa menganalisis data terdahulu. Dalam pendekatan semantik inkuisitif, tahap pertama analisis sangat mudah kerana hanya mengesan makna secara harfiah. Hasil pencarian makna dapat dilihat pada Jadual 4.19.

Jadual 4.19: Makna Harfiah ‘lahirkan jiwa sukarela’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
8	Lahirkan jiwa sukarela	lahirkan jiwa sukarela	- mengeluarkan perasaan - nyawa, roh - dengan rela hati, kehendak sendiri

Berdasarkan Jadual 4.19, melalui bimbingan guru, murid berupaya mencari makna literal perkataan ‘lahirkan’= mengeluarkan perasaan, ‘jiwa’= nyawa atau roh dan ‘sukarela’ = dengan rela hati atau kehendak sendiri. Ungkapan yang terbentuk ialah ‘mengeluarkan perasaan nyawa atau roh dengan rela hati atau kehendak sendiri’. Walaupun murid didapati berjaya mengemukakan makna ‘lahirkan jiwa sukarela’ seperti dalam Jadual 4.19, namun

makna ini belum lagi dapat menyampaikan makna sebenar yang dihajati pengarang sajak ini. Murid masih perlu untuk melakukan analisis makna yang lebih mendalam kerana seperti yang dijelaskan pada awal kajian ini, makna pada peringkat permukaan ini hanya membekalkan makna linguistik yang bersifat eksplisit. Oleh itu, murid seterusnya dibimbing oleh guru untuk mengesan makna tersirat berkenaan pada tahap yang seterusnya, iaitu semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Tahap analisis dalam pendekatan semantik inkuisitif seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, guru mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986,1995). Dalam TR juga, penggunaan kod memainkan peranan penting kerana penggunaan kod, inferens dan andaian merupakan kekuatan sebenar dalam teori ini. Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan murid untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Mereka telah sedia maklum tentang pengorbanan tiga insan yang dikemukakan dalam sajak ini. Oleh hal yang demikian sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan semantik inkuisitif, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Berikut merupakan hasil perbincangan dengan murid seperti yang dikemukakan dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20: Analisis TR ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’

Analisis TR		
Data (8) lahirkan jiwa sukarela		
Kod	Inferens	Andaian
jiwa	perasaan	1. Melakukan kerja dengan senang hati 2. Gembira dan berbangga dengan perbuatan yang dilakukan.


Setelah menentukan kod, membuat inferens dan mengemukakan set andaian di atas, proses menentukan andaian yang paling relevan pula dilakukan. Responden yang terdiri daripada kumpulan murid yang telah diagihkan ke dalam beberapa kumpulan diberikan tugasan seterusnya untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa yang dipaparkan. Beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, murid akan membina andaian-andaian berdasarkan perbincangan dalam kumpulan dan kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Berdasarkan hasil perbincangan pada Jadual 4.20, dua bentuk andaian diperoleh, iaitu yang pertama ‘melakukan kerja dengan senang hati dan gembira’ dan ‘berbangga dengan perbuatan yang dilakukan’. Seperti sebelum ini, maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Murid telah bersepakat memilih andaian yang pertama, iaitu andaian yang paling relevan untuk disesuaikan dengan ujaran ‘lahirkan jiwa sukarela’. Mereka telah sedia maklum tentang keadaan sifat dan sikap sesorang inidividu berjiwa patriotik yang dengan senang hati dan berbangga dengan perkara yang dilakukan kepada tanah air yang disanjungi. Justeru, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR, apabila pada

peringkat analisis pertama pendekatan SI, seperti yang telah dinyatakan, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti.

Dapatan perbincangan ini turut mendapati kesan konteks yang terbina daripada andaian tersebut tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Murid dapat mengaitkan andaian ini dengan maklumat sedia ada mereka tentang keadaan seseorang yang berasa senang hati apabila menyumbang jasa dan bakti kepada negara. Jelas sekali situasi yang dipaparkan oleh pengarang sajak, iaitu gembira dan berbangga dengan perbuatan yang dilakukan untuk kesejahteraan tanah air mampu memberi kepuasan dalam diri. Namun begitu, walaupun murid telah memaparkan kehebatan kemahiran kognitif mereka menganalisis makna menggunakan analisis relevan, hasil tersebut belum memadai untuk murid memahami dengan mendalam ungkapan 'lahirkan jiwa sukarela'. Di sinilah guru memperkenalkan satu lagi konsep dalam TR, iaitu rangka rujuk silang (RRS) yang dipelopori oleh Kempson (1986).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Pada bahagian analisis ini, guru membimbing murid untuk memahami ungkapan 'lahirkan jiwa sukarela' dengan lebih dalam. Namun begitu, guru tidak perlu menerangkan konsep RRS ini kepada murid kerana murid pada tahap pendidikan rendah dilihat tiada keperluan untuk memahami konsep RRS. Di sini, murid hanya diberi penerangan tentang makna ungkapan yang dirujuksilangkan dengan dengan ayat pertama dalam RRS seperti yang ditunjukkan di bawah.



Dalam ayat RRS yang diberikan, ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’ dirujuksilangkan dengan frasa ‘tidak perlu diminta balasannya. Semangat perjungan seperti yang tertera pada ayat RRS di atas diterangkan kepada murid dalam usaha mengukuhkan pemahaman murid terhadap ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’. Sebagai seorang rakyat, tidak kira apa sahaja peranan dan posisi yang disandang, perlulah sentiasa ikhlas dalam menunaikan kewajipan dan tanggungjawab terhadap negara. Perwatakan dan tindakan ini dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum dan pegangan agama di negara ini. Hal inilah yang guru terangkan kepada murid agar murid memahami ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’ yang mengandungi makna yang tersirat. Walau bagaimanapun, masih perlu dilakukan analisis tahap ketiga dalam pendekatan semantik inkuisitif ini, iaitu yang dipanggil analisis semantik inkuisitif untuk menerokai dan mengetahui dengan lebih mendalam makna sebenar yang dikehendaki oleh pengarang sajak.

Analisis Semantik Inkuisitif

Analisis pada peringkat ini memaparkan falsafah dan akal budi masyarakat yang terkandung dalam karya yang dicipta oleh pengarang sajak ini. Makna ‘lahirkan jiwa sukarela’ akan dianalisis dengan lebih lanjut dan mendalam lagi. Makna tahap semantik skrip dan resonans tidak mencukupi. Murid didedahkan pula dangan analisis makna peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, murid diajar mencari maklumat secara merentas disiplin. Murid dibimbing dengan mencari makna pada peringkat multidisiplin pula. Pada peringkat ini, persoalan kenapa, kenapa dan kenapa dalam pendekatan semantik inkuisitif akan membantu murid mencari makna yang dihajati seterusnya. Kenapa sajak ini menggunakan baris ‘Lahirkan jiwa sukarela’ sedangkan melahirkan itu merupakan situasi atau perbuatan manusia. Kenapa baris ini dikemukakan? Di sinilah, guru mengajar murid untuk memikirkan makna jiwa

sukarela yang dimaksudkan itu, murid mengaitkan perihal melahirkan dengan jiwa sukarela yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar jika dibandingkan dengan melahirkan seorang bayi.

Baris 'Lahirkan jiwa sukarela' dalam sajak "Demi Negara" sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis maknanya menggunakan semantik inkuisitif. Kajian ini berpendapat bahawa frasa jiwa sukarela mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sajak ini. Bagi melengkapkan penganalisisan makna menggunakan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014), murid perlu mempersoalkan kenapakah 'jiwa sukarela' digunakan dalam baris sajak ini. Proses menganalisis makna ungkapan ini memerlukan bimbingan terperinci oleh guru. Dalam usaha guru dan murid untuk mencungkil makna ungkapan 'jiwa sukarela' ini, jiwa sukarela yang dinyatakan dikaitkan dengan perihal melahirkan. Jika diteliti dengan mendalam, jiwa ialah perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar jika dibandingkan dengan zuriat yang lahir keluar daripada rahim seorang perempuan. Pada saat ini, murid dibimbing untuk memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui persoalan-persoalan yang merangsang daya pemikiran mereka. Jiwa yang dimaksudkan di sini ialah melibatkan semangat dan keinginan yang ada dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Untuk menjelaskan bahawa jiwa sememangnya boleh dilahirkan walaupun tidak dapat dilihat ialah melalui tingkah laku seseorang serta sifat yang ditunjukkan apabila ingin melakukan sesuatu perkara yang merangsang keinginan yang berkobar-kobar. Keadaan ini dilihat sesuai dengan sifat individu yang mempunyai perasaan dan semangat patriotik demi sebuah perjuangan mempertahankan tanah air daripada ancaman anasir luar.

Menurut Ab. Rahim (2012), apabila dikaitkan dengan konteks masyarakat ketika ini, jika ditimpa oleh sesuatu dugaan atau musibah, lazimnya manusia mudah berputus asa dan hanyut dalam arus kesedihan. Islam mengajar manusia agar menerima dugaan daripada Allah SWT dengan reda dan bermuhasabah diri agar lebih mendekatkan diri dengan-Nya serta dapat bangkit meneruskan kehidupan kerana setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Dugaan yang

terjadi akan menjadikan manusia lebih kuat dan cekal jika dia mengikut cara yang betul dengan berlandaskan al-Quran dan sunah. Sesuatu yang negatif boleh diubah menjadi positif seperti menukarkan kesedihan dan kemarahan menjadi tenaga patriotisme untuk berjuang demi negara dan bangsa.

Seterusnya, kenapa pula sukarela dikaitkan dengan jiwa yang dilahirkan? Dengan itu, murid dibimbing seterusnya untuk memahami terlebih dahulu tentang sukarela. Di sini guru membimbing murid mendalami ilmu Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang merentas kurikulum bahasa. KBAT diaplikasikan oleh murid untuk menghasilkan jawapan yang konkrit serta menepati keinginan pengarang sajak. Menurut Hamzah et. al. (2015), teori peranan yang diperkenalkan oleh Parsons (1942) dan George (1990) menerangkan bahawa seseorang individu menerima pakai pelbagai peranan yang dijalankan setiap hari apabila berhadapan dengan masyarakat. Hampir keseluruhan faktor psikososial tersebut akan bercantum dan terus menjadi sebati dengan diri seseorang untuk membentuk tingkah laku. Seterusnya, teori peranan juga menerangkan bahawa hasil peranan dan tingkah laku tersebut akan memberikan seorang sukarelawan pilihan terbaik dan paling penting untuk ditentukan. Teori ini sememangnya bersesuaian dengan tingkah laku dan sifat yang terhasil oleh seseorang individu. Guru menerangkan makna sukarela ini kepada murid sebelum mengaitkan tingkah laku sukarela yang dipupuk dengan jiwa yang wujud dalam diri manusia.

Tingkah laku sukarela biasanya dapat dilihat dalam situasi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Murid diterangkan dengan menggunakan gambar yang menggambarkan situasi yang menunjukkan tingkah laku atau perbuatan sukarela dalam masyarakat. Sebagai contoh, khidmat pasukan Ikatan Rewan Rakyat Malaysia (RELA) yang setiasa bersedia memberi sokongan dan bantuan kepada setiap golongan dan lapisan masyarakat yang memerlukan. Amanah dan tanggungjawab yang digalas oleh RELA ini bukanlah mudah kerana

cabaran yang dihadapi memerlukan semangat dan jati diri yang tinggi. Situasi ini dapat dilihat di waktu dan ketika dunia dan negara kita dilanda pandemik COVID-19 dan negara kita turut terkesan dan tidak dapat mengelak daripada malapetaka yang menimpa ini. Sesungguhnya, keringat pasukan RELA amatlah dituntut bagi memberi bantuan kepada pasukan keselamatan dalam usaha meringankan derita dan bebanan yang ditanggung oleh pelbagai lapisan masyarakat ketika itu.



Gambar 4.10: Khidmat yang diberikan oleh Pasukan RELA
Sumber: https://mobile.twitter.com/relatongod1

Tuntasnya, persoalan ‘kenapa’, ‘kenapa’ dan ‘kenapa’ yang timbul dapat dijawab dengan menggunakan pendekatan inkuisitif ini. Pengaplikasian pendekatan inkuisitif ini juga membantu murid mempertajam kognitif dan memperkasakan KBAT mereka di samping membuat inferens tentang ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’. Umumnya, leksikal yang paling indah dipilih oleh pengarang sajak tepat dan bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca atau pendengar. Analisis yang menggunakan pendekatan inkuisitif ini menyerlahkan sifat pengarang sajak yang bijak memilih kata sekaligus merungkai falsafah serta akal budinya.

4.2.5 Sajak 5: Tenaga Alternatif

Syukur kepada Tuhan
anugerah alam-Nya luas
nikmat-Nya tidak terhingga
akal kita mampu mengolahnya.

Ke hilir air yang mengalir
mampu diempang membukit
memutar turbin tanpa jemu
menghasilkan tenaga elektrik.

Angin yang bertiup nyaman
bilah raksasa boleh terpusing
mudah tenaga elektrik terhasil
tanpa sedikit pun merosakkan alam.

Panel-panel hitam solar
mampu menyerap cahaya
mengolah dan menyimpan
hasilnya menjadi tenaga.

Marilah warga dunia
gunakanlah anugerah ini
dengan sebaik-baiknya
alam buana pasti ceria.

Nukilan: Pena Aima
Dipetik daripada m.s. 161, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 5

Dalam bahagian ini, dua ungkapan yang dipetik daripada petikan sajak yang diambil daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Lima Sekolah Kebangsaan (SK) yang bertajuk 'Tenaga Alternatif' hasil nukilan Pena Aima akan dianalisis bersama-sama oleh guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa seperti yang dirancang dan dilaksanakan dalam Jadual 4.21.

Jadual 4.21: Rancangan Pengajaran Harian Sajak 'Tenaga Alternatif'

Tema	**KELESTARIAN ALAM**
Tajuk	**Tenaga Alternatif (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Mendeklamasi Puisi**
Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.2 Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.
Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.
Aktiviti	1. Set induksi – Guru meminta murid memadamkan kipas selama 2 minit. Selepas 2 minit, murid menghidupkan semula kipas. 2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang tenaga yang digunakan untuk membuatkan kipas berpusing. 3. Guru mengaitkan jawapan murid dengan tajuk pembelajaran. 4. Guru meminta murid membaca sajak 'Tenaga Alternatif' secara senyap. 5. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru. 6. Guru memberi sedikit penerangan ringkas tentang pendekatan pembelajaran yang akan digunakan. (pendekatan Semantik Inkuisitif). 7. Murid dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 8. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Sambungan **Jadual 4.21**

	i) Akal kita mampu mengolahnya. ii) Memutar turbin tanpa jemu 9. Guru mengedarkan borang (borang mencari makna perkamusan & borang analisis relevan) untuk sesi perbincangan dengan murid. 10. Guru memantau dan membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 11. Guru menerangkan serba sedikit tentang Rangka Rujuk Silang (RRS) yang digunakan pada papan tulis untuk membantu pemahaman murid tentang ungkapan yang dipilih. 12. Guru menayangkan slaid yang berkaitan dengan topik pembelajaran berserta dengan penerangan ringkas bagi membantu kefahaman murid. 13. Murid dibimbing untuk menimbulkan persoalan sebab ungkapan-ungkapan 'akal kita mampu mengolahnya' dan 'memutar turbin tanpa jemu' dipilih oleh pengarang sajak dalam karyanya. i) Kenapa akal dikaitkan dengan mengolah? ii) Kenapa mengolah boleh melibatkan akal? iii) Kenapa pengarang sajak menggunakan perkataan mengolah? iv) Kenapa memutar turbin? v) Kenapa pengarang sajak memilih perkataan jemu? 14. Murid menulis hasil tugasan dalam buku latihan masing-masing. 15. Penutup - Murid diminta untuk merumuskan pembelajaran serta menjelaskan perasaan masing-masing.

Sambungan **Jadual 4.21**

Sistem Bahasa	Sebutan dan intonasi, kosa kata	
Pengisian Kurikulum	Kemahiran Abad Ke-21	Mahir Berkomunikasi
	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Menganalisis- menerangkan
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	Naturalis, berasaskan inkuiri
	Pendekatan PdP	Semantik Inkuisitif
	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Nilai Murni - Kesyukuran
BBM	Buku teks, projektor, laptop, lembaran kerja	
Pentaksiran	Bertulis	
Penayaan / Pemulihan	Menjawab 3 soalan pemahaman berbentuk subjektif yang berkaitan dengan sajak.	
Refleksi *Akan diisi selepas selesai sesi PdP.	*Pada akhir pengajaran;*	

Secara sepintas lalu, bagi memulakan proses analisis ungkapan yang dipilih, guru memberikan penerangan kepada murid secara umum tentang isi kandungan sajak, iaitu sajak 'Tenaga Alternatif' ini menerangkan tenaga yang dijana oleh alam semula jadi untuk kegunaan manusia sejagat dalam menempuh kehidupan. Tenaga elektrik yang terhasil melalui empangan, kincir angin dan panel hitam solar memberi kesenangan dan kesejahteraan kepada para penduduk tidak kira walau di mana mereka berada. Oleh yang demikian, manusia diseru untuk bekerjasama dan bersatu padu bagi memastikan sumber tenaga ini digunakan sebaik-baiknya.

4.2.5.1 Analisis data 9: Akal kita mampu mengolahnya

Analisis Semantik Skrip


Ungkapan yang dipilih dalam rangkap pertama sajak ini ialah ‘akal kita mampu mengolahnya’. Murid dibimbing oleh guru pada peringkat semantik skrip ini untuk mencari makna setiap leksikal dalam baris sajak ini menggunakan Kamus Dewan Edisi keempat (2005). Pembelajaran berbantukan kamus memudahkan pencarian makna pada peringkat harfiah ini dan murid bekerjasama mencari makna yang dihajati dalam kumpulan kecil yang telah dibahagikan oleh guru. Makna tersurat sahaja yang perlu dicari oleh murid pada tahap ini. Asasnya, murid telah arif menggunakan kamus untuk mencari makna leksikal yang diinginkan. Hasil pencarian makna pada peringkat ini dapat dilihat dalam Jadual 4.22.

Jadual 4.22: Makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
9	akal kita mampu mengolahnya	akal kita mampu mengolahnya.	- fikiran - kata ganti nama diri pertama - dapat - mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain

Dalam Jadual 4.22, murid dengan bimbingan guru berjaya mendapatkan makna linguistik atau makna perkamusan bagi tahap analisis peringkat pertama, iaitu yang Jalaluddin (2014) namakan sebagai analisis skrip. Makna perkamusan setiap leksikal yang diperoleh daripada perbincangan dalam kumpulan ialah ‘akal = fikiran’, ‘kita = kata ganti nama diri pertama’, ‘mampu = dapat’ dan ‘mengolah = mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain’ dapat dikemukakan. Apabila digabungkan kesemua makna leksikal, ia menghasilkan satu ayat,

iaitu ‘fikiran kata ganti nama diri pertama dapat mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain’. Ayat yang dihasilkan ini tidak memberi sebarang makna yang relevan.



Gambar 4.11: Sesi tugasan menulis makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’ Murid menulis makna harfiah pada lembaran tugasan yang diberikan.
(Sumber: Koleksi peribadi pengkaji.)

Walaupun murid didapati berjaya mengemukakan makna harfiah “akal kita mampu mengolahnya” seperti Jadual 4.22, namun makna yang dapat dicungkil ini belum dapat menggambarkan makna sebenar yang dihajatkan oleh penuturnya, iaitu pengarang sajak ini. Dengan itu, murid dibimbing seterusnya oleh guru ke arah peringkat analisis seterusnya, iaitu analisis pada peringkat semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Pada peringkat semantik resonans ini, murid diarah untuk menganalisis makna dengan menggunakan borang analisis relevans. Guru menentukan kod dan inferens yang menjadi sebahagian daripada analisis relevans. Proses menganalisis ini sejajar dengan Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) bagi menganalisis makna implisit di

sebalik ungkapan yang dipetik daripada sajak. Hasil perbincangan yang telah dilakukan oleh murid dalam proses PdP secara berkumpulan dapat dilihat dalam Jadual 4.23.

Jadual 4.23: Analisis TR ‘akal kita mampu mengolahnya’


Analisis TR		
Data 9: ‘akal kita mempu mengolahnya		
Kod	Inferens	Andaian
akal	menyelesaikan masalah	1. Mengeluarkan idea. 2. Berfikir untuk membuat sesuatu perkara. 3. Memberikan pendapat yang positif.

Dalam analisis relevans, murid berupaya memberikan secara keseluruhannya tiga andaian yang membawa kepada pemahaman makna ‘akal kita mampu mengolahnya’. Murid telah diarah oleh guru untuk mengenal pasti andaian yang paling relevan. Menurut TR, semakin kurang usaha memproses, maka semakin relevanlah ungkapan itu. Andaian yang pertama, ‘mengeluarkan idea’ ialah andaian yang murid letakkan sebagai andaian yang paling relevan untuk mengaitkannya dengan makna ungkapan ‘akal kita mampu mengolahnya’. Namun begitu, pengkaji beranggapan pemahaman makna pada peringkat ini masih belum mencukupi. Masih ada makna lain yang tersirat perlu dicungkil oleh pengkaji sehingga pada akhirnya menampakkan falsafah dan akal budi dalam ciptaan sajak ini. Pengkaji seterusnya membawa murid untuk menganalisis ungkapan ‘akal kita mampu mengolahnya’ dengan menggunakan satu lagi kaedah untuk memahami makna, iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Dalam analisis ini, pengkaji mengaplikasikan RRS yang merupakan satu konsep dalam Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Menurut Kempson (1986), RRS ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Oleh yang demikian, RRS mesti dan harus melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Penggunaan RRS dalam konteks kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan kerana RRS membenarkan pendengar mencari premis tambahan daripada konteks ayat yang diberikan.

Dalam RRS, bagi membantu pendengar memahami ujarannya, penutur hendaklah memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Oleh yang demikian, guru-murid membina ayat menggunakan ungkapan berkenaan dan seterusnya menggunakan RRS bagi menghubungkaitkan ungkapan berkenaan dengan keupayaan kognitif murid.



Ayat di atas membantu pemahaman murid terhadap penggunaan RRS dalam merungkai makna pada ungkapan yang terdapat dalam bingkisan sajak di atas. Penjelasan maksud ungkapan melalui konteks ayat berlapis ini dapat membantu murid memahami makna ungkapan dengan lebih jelas. Premis tambahan iaitu ‘alam ciptaan Tuhan’ diperoleh daripada pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid. Dalam pada itu, murid berupaya

mengaplikasikan aras menganalisis dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bagi menghuraikan makna implisit pada baris sajak tersebut. Berpandukan bantuan premis tambahan, usaha memproses makna dilihat agak rendah. Keupayaan KBAT yang ditunjukkan oleh murid dapat merungkai makna baris 'akal kita mampu mengolahnya' dengan 'alam ciptaan Tuhan' dan 'kaya dengan sumber asli'. Dalam TR, maklumat ini juga telah wujud dalam pengetahuan sedia ada murid. Kenyataan ini disokong oleh kajian Subet (2015) yang menyatakan konteks boleh terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, seperti kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, juga merangkumi hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya. Namun makna peringkat ini belum lagi mencukupi. Keupayaan kognitif murid yang mampu mengaitkan kekuasaan Tuhan apabila mencipta alam ini yang kaya dengan sumber asli perlu diterokai lagi.

Analisis Semantik Inkuisitif

Seterusnya, murid dibimbing untuk meneroka makna pada peringkat pembelajaran merentas pelbagai disiplin ilmu, iaitu analisis semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, murid mempraktikkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada aras menganalisis dan menilai untuk meneroka jauh makna baris sajak 'akal kita mampu mengolahnya' sehingga mencapai falsafah, budaya dan akal budi pengarang sajak ini. Persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' diketengahkan untuk mendapatkan jawapan dan makna yang diinginkan. Dalam baris sajak 'akal kita mampu mengolahnya', leksikal akal itu memainkan peranan yang cukup besar sehingga mampu membuat perubahan. Guru akan membicarakan perihal akal dan fikiran yang merupakan anugerah Tuhan kepada makhluk ciptaan-Nya. Dalam sesuatu pegangan beragama, manusia dikurniakan Tuhan akal untuk berfikir untuk melihat akan kebesaran Tuhan yang

mencipta alam semula jadi. Pendidikan bahasa Melayu merentas agama dapat diterapkan. Murid dapat dibimbing perihal keistimewaan manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang diberi keupayaan untuk berfikir berbandingkan binatang. Dengan adanya akal ia merupakan satu bukti yang dengannya mendorong moral manusia atau menegah daripada melakukan perkara yang dilarang atau mungkar. Akal merupakan alat untuk berfikir dan alat untuk menimbang baik dan buruk atau merasakan segala perubahan keadaan. Dengan erti kata lain, akal berfungsi untuk membandingbezakan antara perbuatan yang salah dengan perbuatan yang benar serta berupaya untuk menganalisis sesuatu yang kemampuannya amat bergantung kepada pengalaman dan tahap pendidikan seseorang individu.

Daripada pegangan agama, murid dibimbing seterusnya untuk merentas bidang Sains apabila dengan keupayaan akal yang ada, yang dianugerahkan kepada setiap manusia, para ilmuwan di seluruh pelosok dunia melaksanakan kajian yang melibatkan penggunaan akal dan fikiran ini. Banyak teori akhirnya wujud bagi mengimbangi perlakuan dan tingkah laku manusia. Banyak ciptaan Sains dapat ditelusuri guru dengan murid, misalnya dalam Unit 5 mata pelajaran Sains yang bertajuk “Elektrik”, murid telah mempelajari tentang kuasa elektrik yang digunakan oleh manusia di muka bumi. Pendedahan tentang topik bahawa manusia mula menyedari bahawa bumi ini kaya dengan sumber asli yang berupaya membekalkan tenaga kepada manusia untuk menjalani kehidupan yang baik dan sempurna diterapkan sejak awal tahun lagi. Sebagai contoh, manusia berupaya mencipta sumber kuasa menggunakan tenaga suria. Umum mengetahui bahawa cahaya matahari merupakan satu sumber tenaga semula jadi. Kebijaksanaan manusia memanipulasi tenaga suria untuk mengecas bateri menggunakan panel solar yang juga dicipta oleh akal fikiran manusia telah memberi kelegaan kepada kehidupan lebih-lebih lagi manusia yang tinggal jauh dari stesen janakuasa elektrik.

Dalam proses PdP ini juga murid diberikan pendedahan dan penerangan tentang kebanyakan penduduk yang tinggal di pedalaman tidak mendapat akses kepada bekalan

elektrik yang dihasilkan oleh empangan. Sudah pastilah tenaga solar menjadi pilihan penduduk di kawasan pedalaman untuk mengecas bateri yang bertindak sebagai punca kuasa elektrik untuk menyalakan mentol dan menerangi malam. Melalui penerangan ini juga, guru dapat menerapkan nilai kesyukuran dalam minda para murid agar menghargai pengorbanan dan kepakaran manusia pada zaman dahulu yang berupaya memikirkan dan mengubah sesuatu untuk kesenangan manusia pada masa hadapan.




Gambar 4.12: Panel solar yang menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik. Sumber: https://panelsuryajakarta.com/panel-surya-jakarta-adalah-panel-surya-solar-cell-energi-surya/sel-surya-sebagai-alternatif-energi/panel-surya-jakarta-sel-surya sederhana/

Di sinilah murid melihat akal manusia yang dianugerahkan oleh Tuhan mampu mengolah sumber asli bagi memberi kesenangan dan kesejahteraan dalam kehidupan sejagat. Kesemua ciptaan Sains ini dapat dikaitkan dengan keupayaan akal dan fikiran manusia. Murid didedahkan dengan maklumat ini oleh guru. Pada situasi ini juga guru dapat melihat murid menyerlahkan kemampuan KBAT untuk merungkai makna dalam ungkapan ‘akal kita mampu mengolahnya’ dan memahami makna yang hendak disampaikan oleh penuturnya dengan mengaitkan pengetahuan ini dengan maklumat ‘alam ciptaan Tuhan ini luas tidak terkira’ dan

‘kaya dengan sumber asli’. Dengan yang demikian, murid dilihat telah berjaya mencungkil makna yang dihajati oleh pengarang sajak sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi.

Seterusnya, kenapa pula penutur ‘mengolah’ dengan menggunakan ‘akal’? Murid pada awalnya memahami ‘mengolah’ ialah perlakuan fizikal, iaitu mengerjakan sesuatu perkara sehingga menjadi sesuatu yang lain untuk digunakan. Dalam proses pembelajaran yang dilaksanakan, murid menimbulkan persoalan kenapa akal berupaya membuat olahan. Murid dibenarkan membuat andaian, misalnya tentang akal sebagai sesuatu yang tidak nampak dengan mata kasar manusia. Akal hanya boleh dirasai oleh seseorang individu itu sendiri. Bagaimana mungkin akal boleh melaksanakan tugas fizikal sama seperti manusia menggunakan tangan untuk mengolah sesuatu, misalnya membentuk sebiji pasu dengan menggunakan tanah liat. Dalam sesi PdP seni bahasa seperti ini, guru menyediakan maklumat yang berkaitan seperti yang telah dihuraikan tadi agar murid dapat merangsang kemahiran menganalisis dan menilai selaras dengan aras kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk menerangkan makna ‘mengolah’ dalam usaha mendekati makna sebenar yang dihajati oleh penulis sajak. Maklumat tentang otak dikemukakan oleh guru untuk memudahkan penerangan seterusnya membantu pemahaman murid tentang akal yang mampu mengolah sesuatu.



Rajah 4.2: Otak dan fungsinya
Sumber: https://idschool.net/smp/3-bagian-otak-manusia-beserta-fungsinya/

Guru menerangkan bahawa otak besar dan otak kecil memainkan peranan masing-masing dalam mempengaruhi perbuatan manusia. Dalam penerangan terperinci yang guru berikan, otak besar berfungsi sebagai pusat pengendalian pergerakan tubuh yang disedari oleh seseorang insividu. Antara gerakan yang berkaitan ialah melihat, mendengar, bercakap, berfikir dan sebagainya. Otak kecil pula berfungsi sebagai pusat keseimbangan tubuh badan. Pergerakan otot tubuh badan dikawal oleh otak kecil. Contoh pergerakan atau perbuatan yang dikaitkan dengan fungsi otak kecil ialah menulis dan melukis. Hasil daripada penerangan guru secara terperinci, murid berupaya memahami frasa ‘akal kita mampu mengolahnya’ dengan baik dan secara tidak langsung murid berupaya mencungkil makna ungkapan ‘akal kita mampu mengolahnya’ sehingga menemui akal budi Melayu.

4.2.5.2 Analisis data 10: Memutar turbin tanpa jemu

Analisis Semantik Skrip

Dalam penganalisisan data yang berikutnya ini, guru bersama-sama dengan murid memilih baris ‘memutar turbin tanpa jemu’ daripada rangkap yang kedua sajak “Tenaga Alternatif”. Sebagaimana yang telah dilakukan dalam data yang sebelumnya, murid dengan bimbingan guru dalam sesi PdP ini akan mencari makna harfiah menggunakan Kamus Dewan Edisi keempat (2005). Pencarian makna ini dilihat lebih mudah kerana murid telah mahir mencari makna menggunakan cara ini. Secara literalnya, makna harfiah ‘memutar turbin tanpa jemu’ dapat dilihat dalam Jadual 4.24.

Jadul 4.24: Makna harfiah ‘memutar turbin tanpa jemu’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
10	memutar turbin tanpa jemu	memutar turbin tanpa jemu	- memusing - mesin atau enjin yang menggunakan arus gas, air udara atau stim untuk bergerak - dengan tiada - bosan

Jadual 4.24 menjelaskan makna yang telah dikenal pasti oleh murid hasil bimbingan guru dalam pembelajaran berkumpulan. Makna ‘memutar’ diketemukan sebagai ‘memusing’. ‘Turbin’ pula diertikan sebagai ‘mesin atau enjin yang menggunakan arus gas, air, udara atau stim untuk bergerak’, leksikal ‘tanpa’ pula disamakan ‘dengan tiada’ manakala ‘jemu’ diertikan sebagai ‘bosan’. Semua perkataan ini dapat dicari makna eksplisitnya tetapi makna pada peringkat falsafah dan akal budinya belum dapat dirungkai. Hal ini dikatakan demikian kerana makna pada peringkat semantik skrip hanya merungkai makna pada peringkat permukaan. Bagi mendalami makna yang dihajati oleh pengarang sajak dalam ungkapan ‘memutar turbin tanpa jemu’, penerokaan makna pada peringkat semantik resonans yang melibatkan aplikasi kognitif dan penggunaan aras kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diperlukan.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevan

Menurut Jalaluddin (2014) dalam bukunya yang bertajuk *‘Semantik dan Akal Budi Melayu’,* semantik resonans mampu menjelaskan dengan lebih mendalam lagi makna yang


hendak ditafsirkan. Bukan setakat terhenti pada peringkat pemerhatian, tetapi dibekali dengan data yang sahih, dianalisis dengan teori yang berwibawa serta dapat menjelaskan fenomena bahasa secara saintifik. Menurut Subet (2015), dalam Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986), konsep kod, inferens dan andaian digunakan secara meluas untuk langkah pembuktian terhadap makna tersirat dan kesan rasa emosi yang dirasai dalam sajak. Kod ialah sesuatu konsep sama ada konkrit atau abstrak yang membantu untuk pentafsiran makna kerana mempunyai erti yang tertentu atau yang tersembunyi. Penentuan kod akan dapat membantu kita memahami konteks pemula. Daripada kod itu pula, proses membuat inferens akan dilakukan. Inferens diproses dalam minda. Inferens ialah kesimpulan yang dibuat berdasarkan fakta asas tertentu. Proses membuat inferens perlu dilakukan untuk mencari andaian. Kemungkinan andaian yang tercetus akan difikirkan atau telah difikirkan. Andaian dalam TR boleh terdiri daripada satu sahaja atau boleh wujud dalam beberapa set andaian. Dalam TR proses inferens ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat.

Dengan berpandukan konsep-konsep yang ada dalam TR ini, guru akan membimbing murid mencari makna yang dihajati dengan mengaitkannya dengan keupayaan kognitif murid. Murid tidak akan didedahkan secara langsung dengan TR tetapi mereka akan didedahkan dengan cara TR beroperasi untuk mencari maklumat yang dihajati pada tahap semantik resonans ini. Oleh sebab TR membenarkan pendengar (dalam konteks ini murid) membuat pelbagai andaian, maka guru akan membimbing murid mengemukakan beberapa andaian yang dapat mengarah murid kepada pencarian makna yang dihajati dalam bahasa figuratif (BF) metafora ‘memutar turbin tanpa jemu’. Berdasarkan data (10), iaitu ‘memutar turbin tanpa jemu’ ini, makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penyajak ialah fungsi sesebuah sungai yang arusnya mengalir deras untuk memusingkan turbin besar dengan tidak berhenti-henti. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.25. Analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’ di bawah.

Jadual 4.25: Analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’

Analisis TR		
Data (10) ‘memutar turbin tanpa jemu’		
Kod	Inferens	Andaian
jemu	Perasaan suka yang semakin berkurangan	1. Tidak akan berhenti selagi tiada gangguan. 2. Kering disebabkan tiada hujan turun. 3. Tidak digunakan lagi

Murid bebas mengemukakan andaian dan Jadual 4.25 merupakan andaian-andaian yang telah diperoleh daripada murid. Daripada andaian-andaian yang dibina ini, kajian ini berpendapat bahawa andaian (2), iaitu ‘kering disebabkan tiada hujan turun’ dipilih oleh guru dan murid sebagai andaian yang paling relevan.



Gambar 4.13: Hasil kerja murid analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’
(Sumber: Koleksi peribadi pengkaji)

Perkara ini diterangkan kepada murid mengapa andaian 2 dipilih daripada kalangan 3 andaian yang dicungkil melalui sesi perbincangan murid dan guru. Kerelevanan andaian 2 sebagai makna yang sebenar dapat dibuktikan melalui maklumat tambahan atau hasil pengembangan konteks pemula ujaran ini. Konteks pemula ujaran ini ialah air sungai yang mengalir menuju ke hilir. Konteks bukan setakat maklumat berkenaan keadaan persekitaran fizikal yang paling hampir, ujaran terdahulu dan catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran tetapi boleh juga melibatkan masa hadapan, hipotesis saintifik, kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian umum tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur (Nopiah & Nasrong, 2020). Dalam penganalisisan data ini, usaha memproses makna ujaran ‘memutar turbin tanpa jemu’ rendah kerana ujaran itu agak mudah difahami. Keadaan ini disebabkan murid mahupun responden dalam kajian ini sememangnya telah memiliki pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang menjadi berupaya bertindak sebagai konteks. Hal ini selari dengan TR (dalam kajian Subet, 2015) yang menyatakan bahawa semakin rendah usaha memproses, maka semakin tinggilah kerelevanan sesuatu ujaran itu.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Seterusnya, kegusaran murid terhadap makna ungkapan ‘memutar turbin tanpa jemu’ diredakan melalui bimbingan guru dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS). Seperti yang telah diperjelas sebelum ini, RRS merupakan sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden, tetapi bagi membantu pendengar mentafsir ujaran itu, anteseden diperoleh dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam wacana. Oleh itu, RRS melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Dalam konteks RRS ini, murid memahami makna ungkapan dengan berusaha mengaitkan ungkapan dengan pengalaman sedia mereka. Di sini, guru boleh mengemukakan ayat di bawah atau membimbing murid membina ayat yang

mengandungi ungkapan berkenaan dan seterusnya menerangkan lebih lanjut kepada murid ayat RRS yang mengandungi ungkapan ‘memutar turbin tanpa jemu’ yang tidak mempunyai anteseden.

“Cuba kamu perhatikan air sungai itu, tak henti-henti mengalir. Sesampainya di di hilir nanti, ia akan memutar turbin tanpa jemu,” kata Encik Samad sambil menuding jarinya ke arah empangan.

Dalam ayat di atas, guru menerangkan murid perkaitan frasa ‘tak henti-henti mengalir’ dengan frasa ‘memutar turbin tanpa jemu’. Arus sungai yang mengalir deras secara berterusan mampu memutarkan turbin empangan yang dibina di hilir sungai untuk menjana tenaga elektrik. Murid secara kognitifnya dapat memahami RRS kerana guru menerangkan secara ringkas berdasarkan pengalaman pembelajaran murid yang lepas. Walau bagaimanapun, makna yang telah dicungkil melalui analisis TR seperti yang dinyatakan sebelum ini dianggap belum merungkai makna sebenar yang dihajati oleh pengarang sajak. Meskipun murid telah mengaplikasikan keupayaan kognitif serta memanfaatkan ilmu KBAT dalam usaha mereka meneroka makna di sebalik ujaran ‘memutar turbin tanpa jemu’, ia belum cukup menerangkan makna ujaran kerana makna tersebut belum sampai ke peringkat budaya, falsafah dan akal budi penuturnya.

Analisis Semantik Inkuisitif

Bagi meneruskan usaha merungkai makna sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu dalam ujaran ‘memutar turbin tanpa jemu’ ini, penganalisisan semantik inkuisitif diperlukan kerana analisis pada peringkat ini sahaja yang diharapkan dapat membawa murid meneroka makna pada peringkat multidisiplin. Persoalan kenapa pada ketika ini akan dijawab

sehingga mampu menyerlahkan falsafah dan akal budi penuturnya. Murid seterusnya didedahkan dengan ilmu Geografi, sesuai dengan pendekatan ini yang bersifat multidisiplin Murid diajar tentang sungai. Dalam ilmu Geografi, sungai ialah sejenis saluran air tabii yang besar. Semua sungai menuruni bukit dan merupakan cara biasa air hujan yang turun di daratan untuk mengalir ke laut atau takungan air yang besar seperti tasik. Sungai berperanan penting terutamanya dalam memberikan sumber kehidupan kepada manusia. Sungai menjadi nadi utama kehidupan yang membekalkan pelbagai sumber seperti air bersih, tenaga elektrik, protein dan juga jalan pengangkutan.

Bertolak dari situ, kenapakah pengarang sajak memilih ujaran ‘memutar turbin tanpa jemu’ dalam sajaknya? Di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Vietnam, Filipina dan banyak lagi negara di Asia Tenggara kebanyakannya menjadikan sungai sebagai sumber yang menjana tenaga elektrik. Tenaga elektrik dihasilkan melalui pengaliran air sungai yang mengalir ke aliran alur air atau pembukaan gerbang empangan melalui saluran lencongan ke turbin elektrik. Semakin tinggi kadar aliran dan ketinggian air terjun, lebih banyak air membawa tenaga. Tindakan ini memacu turbin yang pada gilirannya memacu alternator untuk menghasilkan kuasa elektrik. Transformer kemudian menyuntik elektrik ini ke dalam grid, yang diangkut dengan keupayaan voltan tinggi. Kesemua fakta ini diterangkan kepada murid secara ringkas. Hasil daripada penerangan ini, murid berupaya membuat penilaian dengan menggabungkan pengalaman sedia ada dengan maklumat-maklumat baharu untuk menghasilkan penjelasan dan huraian yang lebih terperinci dan mendalam.



Gambar 4.14: Empangan Bakun, yang merentasi Sungai Balui di daerah Belaga, Sarawak.
(Sumber: https://bakunparadise.wordpress.com/2012/04/15/hello-world/)

Seterusnya, murid dibawa menganalisis maklumat yang berkaitan dengan cara turbin di empangan beroperasi sehingga mampu menjana tenaga elektrik yang berterusan. Aliran air sungai yang mengalir tanpa henti memberi isyarat makna yang ingin disampaikan oleh pengarang sajak berjaya dicungkil. Ini juga membuktikan bahawa murid berupaya menggabungkan pendekatan semantik inkuisitif ini dengan aras menganalisis dalam model KBAT. Melalui penerokaan makna merentas pelbagai disiplin ilmu, guru akhirnya berupaya membimbing murid mencungkil makna ujaran 'memutar turbin tanpa jemu' sehingga menyerlahkan falsafah, budaya dan akal budi pengarang sajak 'Tenaga Alternatif'. Pada hakikatnya, ketelitian masyarakat Melayu memilih leksikal dan ujaran dalam mencipta sajak bukanlah sesuatu yang ringkas dan sambalewa sifatnya. Jelaslah, ujaran yang dicipta oleh pengarang sajak bukan hanya ujaran kosong tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu falsafah yang tinggi. Kewujudan ujaran yang bersifat inkuisitif inilah yang menjadikan bahan seni bahasa ini menarik dan mampu mencabar kecerdasan minda murid untuk terus meneroka dan menyelami makna sehingga ke peringkat akal budi Melayu.

4.2.6 Sajak 6: Janji Kepada Bumi

Bumi
Kekalkan kehijauanmu
Takkan kubiarkan tubuhmu binasa
Dimamah bahan kimia.

Wahai Bumi!
Nyamanlah dirimu
Bersama makhluk di dadamu
Sisa makanan diorganikkan
Agar sejahtera perutmu.

Kami kian sedar
Prihatin terhadapmu
Lantas tangan-tangan kami
Membentuk alam lestari
Agar hidupan di dadamu
Aman sejahtera.

Bumiku
Kami praktikkan tenaga lestari
Belajar daripada alam semula jadi
Memaksimumkan kualiti bumi
Teknologi hijau kami terokai.

Oh, Bumi!
Kami berjanji
Bersatu hati
Bak seberkas lidi
Dirimu takkan menangis lagi
Dirimu takkan disakiti lagi.

Nota. Dipetik daripada m.s. 125, buku teks Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 6

Secara ringkasnya, sajak yang bertajuk "Janji Kepada Bumi" menjelaskan janji penghuni bumi ini yakni kita sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini. Kita harus memastikan bumi sentiasa dijaga dan dilindungi daripada segala bentuk pencemaran yang berupaya merosakkan keindahan dan kesejahteraannya. Sebagai manusia yang bertanggungjawab, kita perlu menggembleng usaha dan tenaga untuk memastikan bumi ini sentiasa terpelihara dengan kehijauan flora dan keindahan faunanya. Proses dan langkah PdP

dinyatakan dalam RPH yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.26.

Jadual 4.26: Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Sajak 'Janji Kepada Bumi'

Tema	**KELESTARIAN ALAM**
Tajuk	**Janji Kepada Bumi (Sajak)**
Kemahiran Bahasa	**Mendeklamasi Puisi**
Standard Kandungan	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
Standard Pembelajaran	4.2.2 Mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.
Objektif	*Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;* 1. mendeklamasikan sajak dengan nada yang sesuai dan betul. 2. Menyatakan makna sajak yang diberikan dengan betul dan sesuai mengikut konteks.
Aktiviti	1. Set induksi – Guru menayangkan visual tentang keadaan pencemaran. 2. Murid bersoal jawab dengan guru tentang situasi yang terdapat dalam visual yang telah ditonton. 3. Guru memperkenalkan tajuk pembelajaran dengan mengaitkan jawapan murid. 4. Guru meminta murid membaca sajak 'Janji Kepada Bumi' secara senyap. 5. Murid mendeklamasikan sajak dengan bimbingan guru. 6. Guru memberi sedikit penerangan ringkas tentang pendekatan

Sambungan **Jadual 4.26**

	pembelajaran yang akan digunakan. (Pendekatan semantik inkuisitif). 7. Murid diagihkan kepada 3 kumpulan kecil. (3-4 orang 1 kumpulan). 8. Murid dan guru berbincang untuk menetapkan ungkapan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. i) Agar sejahtera perutmu ii) Bersatu hati bak seberkas lidi 9. Guru mengedarkan borang (borang mencari makna perkamusan & borang analisis relevans) untuk sesi perbincangan dengan murid. 10. Guru memantau dan membimbing murid dalam setiap tugasan yang diberikan. 11. Guru menerangkan serba sedikit tentang Rangka Rujuk Silang yang digunakan (RRS) di papan tulis untuk membantu pemahaman murid tentang ungkapan yang dipilih. 12. Guru membimbing murid untuk berbincang tentang ungkapan-ungkapan yang dipilih. i) Kenapa pengarang sajak mengaitkan perkataan 'sejahtera' dengan perut? ii) Kenapa pengarang sajak memilih perkataan 'perut'? iii) Kenapa hati dikaitkan dengan lidi? iv) Kenapa pengarang sajak memilih perkataan 'hati' dan 'lidi'? 13. Guru menayangkan slaid yang berkaitan dengan topik pembelajaran berserta dengan penerangan ringkas tentang kandungan slaid. 14. Murid menulis hasil tugasan dalam buku latihan masing-masing.

Sambungan **Jadual 4.26**

	15. Penutup - Murid diminta untuk merumuskan pembelajaran serta menjelaskan perasaan masing-masing setelah melalui proses pembelajaran ini.	
Sistem Bahasa	Sebutan dan intonasi, kosa kata	
Pengisian Kurikulum	Kemahiran Abad Ke-21	Mahir Berkomunikasi
	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Menganalisis, menerangkan
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	Naturalis, berasaskan inkuiri
	Pendekatan PdP	Semantik Inkuisitif
	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Nilai Murni – Kesyukuran
BBM	Buku teks, projektor, laptop, lembaran kerja	
Pentaksiran	Bertulis	
Pengayaan / Pemulihan	Mencatat unsur pengajaran yang terkandung dalam sajak.	
Refleksi *Akan diisi selepas selesai sesi PdP.	*Pada akhir pengajaran;*	

4.2.6.1 Analisis data 11: Agar sejahtera perutmu

Analisis Semantik Skrip

Data ini akan terlebih dahulu dianalisis dengan menggunakan semantik skrip. Pemilihan data untuk dianalisis ini diputuskan oleh guru mengikut prosedur kajian pensampelan bertujuan yang telah ditetapkan. Pada peringkat ini, seperti yang dilakukan dalam penganalisisan data sebelumnya, murid menelaah kamus untuk mencari makna harfiah, iaitu

makna pada peringkat permukaaan ujaran yang akan dianalisis. Murid juga menunjukkan sifat berdikari dalam mencari makna melalui kamus kerana pernah dan telah dibimbing oleh guru sebelum ini dalam proses mencari makna perkataan semasa sesi pembelajaran bahasa Melayu. Berikut ialah makna permukaan yang diperoleh melalui Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).

Jadual 4.27: Makna Harfiah 'Agar sejahtera perutmu'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
11	Agar sejahtera perutmu	Agar sejahtera perut	- semoga - aman dan makmur - bahagian depan tubuh di bawah dada

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.27, makna harfiah bagi bahasa figuratif (BF) personafikasi 'Agar sejahtera perutmu' ini ialah 'semoga aman dan makmur bahagian depan tubuh di bawah dada'. Jika diamati makna ungkapan yang diterjemahkan satu per satu ini, makna yang hendak disampaikan oleh pengarang sajak masih belum berjaya dicungkil. Makna pada peringkat harfiah ini tidak dapat menggambarkan apa-apa makna yang koheren. Masih ada makna yang lebih berstruktur yang ingin disampaikan oleh pengarang sajak dalam ungkapan 'agar sejahtera perutmu' ini. Oleh hal yang demikian, penerokaan makna perlu digiatkan lagi ke peringkat yang kedua, iaitu peringkat semantik resonans.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Seperti yang teah dilakukan pada data-data sebelum ini, makna pada peringkat semantik resonans ini akan melibatkan penggunaaan Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh

Sperber dan Wilson bagi menggantikan Teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Jalaluddin, 1992). TR mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks, serta prinsip relevan. Prinsip asas TR ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan (Jalaluddin, 2007). Seperti yang dijelaskan sebelum ini, menurut TR dalam Subet (2015), sesuatu ujaran yang relevan ialah yang hanya memerlukan kos memproses yang rendah tetapi kesan kognitifnya tinggi. Yang dapat dilihat dalam analisis data 'agar sejahtera perutmu' ialah kos memprosesnya rendah kerana murid telah mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan konteks dan keseluruhan teks sajak itu juga boleh dijadikan konteks. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber dan Wilson, 1995).

Lantas, bagi membuktikan bahawa para murid sememangnya diterapkan dengan ilmu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam sesi PdP, guru membimbing murid ke arah mencungkil makna menggunakan analisis TR yang diserlahkan pada peringkat semantik resonans ini. Murid diedarkan dengan borang analisis TR untuk diperbincangkan dalam kumpulan bagi mendapatkan andaian-andaian yang berkaitan. Hasil tugasan murid dapat dirujuk dalam Jadual 4.28 berikut:

Jadual 4.28: Analisis TR 'Agar sejahtera perutmu'

Analisis TR		
Data (11) Agar sejahtera perutmu		
Kod	Inferens	Andaian

Sambungan **Jadual 4.28**


perut	Ruang atau teras	1. permukaan bumi 2. dasar lautan 3. bawah tanah

Setelah analisis TR dilakukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.28, murid telah menyatakan inferens, iaitu 'ruang atau teras'. Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini berpendapat bahawa penginterpretasian data menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada murid untuk mengesahkan konteks tersebut. Kajian mendapati bahawa andaian-andaian di atas mempunyai konteks yang sama, iaitu keadaan ruang yang dinyatakan berkaitan dengan bumi. Permukaan bumi, dasar lautan dan bawah tanah yang menjadi teras kepada bumi inilah yang perlu dipelihara kelestariannya seperti yang diinginkan oleh pengarang sajak ini. Dengan ini, andaian telah diperkukuh oleh konteks sehingga mewujudkan kesan kognitif. Apabila adanya kesan konteks, maka maklumat tersebut menjadi relevan kepada pendengar.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Seterusnya, proses penganalisisan diteruskan lagi dengan guru membawa murid memahami makna ungkapan 'agar sejahtera perutmu' melalui kaedah rujuk silang. Kempson (1986) dalam Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986) menjelaskan bahawa sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana disebut sebagai rangka rujuk silang (RRS). Jelas Kempson, anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Oleh yang demikian, RRS mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Berikut ialah ayat yang dibina guru-murid dengan menggunakan ungkapan 'agar

sejahtera perutmu' yang diketengahkan oleh guru dalam usaha memperkukuh lagi pemahaman murid terhadap makna ungkapan tersebut.




Dalam ayat di atas, ungkapan 'agar sejahtera perutmu' dirujuksilangkan dengan frasa 'nyamanlah dirimu' dan 'sisa makanan diorganikkan' bagi mendapatkan makna ungkapan 'agar sejahtera perutmu' dengan jelas dan mudah. Di sini, guru memberi penerangan dengan lebih terperinci kepada murid tentang leksikel 'nyaman' dan 'sisa makanan diorganikkan' yang dapat dikaitkan dengan leksikal 'sejahtera' yang hadir dalam data (11). 'Sejahtera' yang diterangkan maknanya ialah situasi yang baik dan menyenangkan yang bukan sahaja melibatkan situasi tenang malah perasaan yang positif apabila berada dalam suasana yang menggembirakan. Bagi perkaitan 'sisa makanan diorganikkan' pula, murid memahami bahawa ia berkaitan dengan sisa domestik dan bahan buangan harian yang disebabkan oleh manusia. Jika ia diuruskan dengan baik, maka sungai dan juga tanah tidak akan tercemar. Huraian ini berupaya memberi murid kefahaman tentang ungkapan 'agar sejahtera perutmu'.

Analisis Semantik Inkuisitif

Walaupun makna pada peringkat semantik resonans dilihat agak mantap dalam memberikan makna yang sesuai kepada ungkapan 'agar sejahtera perutmu', namun masih ada lagi kelompangan yang perlu ditambah. Analisis pada peringkat semantik inkuisitif ini membawa murid meneroka makna yang terkandung dalam ungkapan 'agar sejahtera perutmu' sehingga peringkat falsafah dan akal budi penuturnya. Persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' akan mengungkap segala ketersiratan yang mungkin wujud dalam ungkapan itu. Kenapa

leksikal sejahtera digabungkan dengan leksikal perut? Sejahtera merujuk kepada keadaan yang aman dan tenteram seperti suasana yang wujud dalam negara kita, Malaysia. Menurut Atchley (seperti yang dinyatakan dalam Mohamad Zan et al., 2016), kesejahteraan adalah perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa-apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Murid dibimbing untuk merentas ilmu kajian sosial melalui Internet kepada murid untuk mereka memahami dan membuat perkaitan maklumat tersebut dengan ungkapan yang dianalisis.

Seterusnya, kenapa perut digunakan oleh penutur dalam ungkapan 'agar sejahtera perutmu? Pada situasi ini, murid dibawa pula meneroka dan merentas ilmu Sains. Guru menerangkan kepada murid tentang keadaan ruang dan tempat pada bumi yang dapat dikaitkan dengan perut. Bumi ialah salah satu planet dalam sistem suria yang berada dalam galaksi bima sakti. Bumi memiliki lapisan-lapisan yang terdiri daripada kerak bumi, mantel bumi, inti bumi luar dan inti bumi dalam. Keempat-empat lapisan ini berperanan mengekalkan kestabilan Bumi. Menurut Buang (2013), meskipun membekalkan sumber kehidupan, fitrah alam sekitar fizikal planet Bumi mengenakan kekangan tertentu kepada aktiviti kehidupan manusia. Antaranya ialah taburan sumber alam yang tidak sekata yang sering membawa kepada wujudnya cabaran dan konflik dalam kelangsungan hidup manusia di planet Bumi ini.



Rajah 4.3: Struktur Bumi
(Sumber: https://ilmugeografi.com/ilmu-bumi/struktur-bumi)

Murid dibimbing untuk memahami maklumat ini melalui penerangan guru tentang kesan dan akibat jika berlaku kerosakan pada struktur bumi. Maklumat berkaitan dengan pembangunan pesat yang berlaku di hampir setiap sudut di sesebuah negara yang seperti cendawan tumbuh selepas hujan sehingga menyebabkan pencemaran terhadap alam sekitar diterangkan kepada murid. Guru turut memberi penjelasan kepada murid bahawa pelbagai bencana alam dan kejadian luar biasa akan berlaku dan seterusnya berupaya meragut nyawa-nyawa yang tidak berdosa seandainya kerakusan ini tidak dihentikan. Bumi dan segala makhluk yang ada di atasnya akan terancam sekiranya pembangunan dan perindustrian yang tidak menitikberatkan kesannya terhadap alam sekitar. Situasi buruk kesan daripada kerosakan struktur bumi yang menyebabkan bencana alam boleh dihindari melalui amalan-amalan positif yang dipraktikkan dalam usaha manusia menjaga dan melestarikan planet Bumi ini. Maklumat tentang cara melindungi dan memelihara persekitaran turut diterangkan kepada murid dalam sesi PdP seni bahasa ini. Kempen menanam semula pokok dan kempen kitar semula yang dipergiatkan berupaya mencegah planet Bumi ini dari terus berdepan kehancuran dan kemusnahan.

Kesemua maklumat yang disampaikan kepada murid ini dikaitkan dengan ungkapan ‘Agar sejahtera perutmu’ dan secara langsungnya membantu murid menyingkap makna tersirat dan meneroka sehingga peringkat falsafah dan akal budinya. Pemahaman murid dalam ungkapan ‘agar sejahtera perutmu’ membuktikan penganalisisan makna pada peringkat semantik inkuisitif ini berupaya mencungkil makna sehingga peringkat falsafah, budaya dan akal budi pengarang sajak. Kecerdasan kognitif murid merungkai makna ungkapan yang terkandung dalam sajak pada peringkat semantik inkuisitif ini jelas membuktikan kemampuan murid mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses PdP bahasa Melayu khususnya dalam aspek seni bahasa.

4.2.6.2 Analisis data 12: Bersatu hati bak seberkas lidi.

Analisis Semantik Skrip

Data yang dianalisis pada peringkat semantik skrip ini ialah bahasa figuratif (BF) yang berbentuk simile. Menurut Nik Ab. Kadir (seperti yang dinyatakan dalam Osman et al., 2020) simile ialah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu sama ada orang, benda, dan sebagainya dengan yang lain. Seperti biasa, murid akan terlebih dahulu mencari makna harfiah, iaitu makna pada peringkat permukaan menggunakan kamus Bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Setelah melalui beberapa kali pengalaman mencari makna pada peringkat ini dengan bimbingan guru, perolehan makna nampak mudah bagi murid yang perlu menjelaskan makna secara literal sahaja. Pencarian makna literal ungkapan ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ ini dilakukan melalui proses PdP secara berkumpulan. Data (12), iaitu ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ mengemukakan makna linguistik perkamusan seperti Jadual 4.29 di bawah.

Jadual 4.29: Makna harfiah ‘bersatu hati bak seberkas lidi’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
12	Bersatu hati Bak seberkas lidi	bersatu hati bak seberkas lidi	- bertaut - organ dalaman manusia - seperti - seikat - tulang daun kelapa

Dalam Jadual 4.29, makna ungkapan diperoleh satu per satu, iaitu bersatu = bertaut, hati = organ dalaman manusia, bak = seperti, seberkas = seikat dan lidi = tulang daun kelapa. Setelah digabungkan, murid memperoleh makna ‘bertaut organ dalaman manusia seperti seikat tulang daun kelapa’. Makna yang diperoleh ini tidak membawa sebarang maksud yang relevan. Walaupun murid berjaya mengemukakan makna “bersatu hati bak seberkas lidi” seperti Jadual 4.29, namun makna ini belum lagi sampai kepada makna sebenar yang dihajati pengarang sajak ini. Murid seterusnya dibimbing untuk mengesan makna tersirat berkenaan pada satu peringkat yang memerlukan murid mempratikkan kemahiran kognitif yang tinggi.

Analisis Semantik Resonans

Analisis Relevans

Tahap analisis dalam pendekatan semantik inkuisitif seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Pada tahap ini, guru mengarah murid ke arah mengaplikasikan ilmu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Murid diminta mengemukakan andaian-andaian yang disyaratkan dalam TR untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh pengarang sajak dalam ungkapan ini. Analisis tahap semantik

resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Pada masa ini, murid diberi edaran untuk menulis sinopsis, kod, inferens dan andaian. Murid dengan itu telah mengetahui makna baris sajak ini adalah tentang perpaduan dalam memastikan kehijauan dan keindahan alam ciptaan Tuhan ini terpelihara. Berikut ialah analisis yang menggunakan TR:

Jadual 4.30: Analisis TR 'Bersatu hati bak seberkas lidi'

Analisis TR		
Data (12) Bersatu hati bak seberkas lidi		
Kod	Inferens	Andaian
berkas lidi	himpunan yang ampuh	1. kekuatan berpasukan 2. kemenangan hampir pasti 3. mengekalkan momentum yang baik


Setelah menentukan kod, inferens dan andaian, proses menentukan andaian paling relevan dilakukan. Murid diajar untuk mengenal pasti andaian yang relevan dan sesuai. Berdasarkan andaian-andaian yang dikenal pasti, andaian pertama, iaitu 'kekuatan berpasukan' ialah andaian yang paling relevan kerana maklumat ini telah tersimpan dalam memori jangka panjang murid. Murid telah sedia maklum bahawa kekuatan berpasukan ialah kunci utama dalam sesuatu kejayaan. Guru menyampaikan maklumat tambahan dengan menyatakan kejayaan sesebuah pasukan memerlukan kerjasama daripada semua ahli kumpulannya dalam berkomunikasi dan mengendalikan tugas. Jelas sekali, budaya kerja berpasukan ialah elemen paling penting dalam setiap pasukan kerana maklumat yang diterima boleh dikongsi dalam anggota pasukan selain perkongsian motivasi. Keputusan yang baik secara kolektif juga

mampu dilakukan hasil daripada kerja berpasukan. Maka dengan itu, keupayaan merungkai makna baris sajak ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ dapat dilihat melalui proses kognitif dalam kalangan murid. Proses pemahaman makna pada peringkat semantik resonans belum terhenti di sini. Guru menerangkan murid bahawa terdapat satu konsep yang diaplikasikan untuk memahami makna ungkapan ‘bersatu hati bak seberkas lidi’, iaitu konsep Rangka Rujuk Silang (RRS).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Guru seterusnya memimpin murid mendalami makna menggunakan konsep Rangka Rujuk Silang (RRS). Konsep RRS ini merupakan salah satu konsep yang terkandung dalam Teori Relevans. Di sini, murid hanya diterangkan makna oleh guru tentang baris ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ yang dirujuksilangkan dengan ayat selapis yang berlainan kerana menurut Kempson (1986), RRS tidak mempunyai ansteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama. RRS mesti melibatkan dua ayat selapis. Dalam RRS ini, guru yang bertindak sebagai pengkaji menggunakan situasi yang wujud dalam persekitaran sedia ada murid untuk dijadikan premis tambahan kerana menurut TR, konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber dan Wilson, 1995).

Bagi meneruskan usaha memahami makna ungkapan ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ ini, guru menyediakan ayat yang berkonsepkan RRS untuk diterangkan kepada murid. Berikut ialah RRS yang digunakan oleh guru untuk disampaikan dan diterangkan kepada murid. Murid tidak perlu mencipta RRS kerana pada peringkat pendidikan rendah adalah memadai untuk mendengar sahaja penerangan RRS daripada guru untuk memahami sesuatu ungkapan.



Ayat di atas seterusnya dirujuksilangkan yang menunjukkan frasa 'amalkan perpaduan' dan 'eratkan silaturahim' telah dirujuksilangkan dengan ungkapan 'bersatu hati bak seberkas lidi'. Istilah perpaduan dan mengeratkan silaturahim amat sinonim dengan nilai-nilai positif dalam kehidupan tidak kira dalam keluarga mahupun dalam komuniti dan masyarakat. Dalam ayat RRS di atas, Tok Penghulu menyeru anak-anak buahnya agar mengamalkan budaya bersatu-padu dan sentiasa mengeratkan silatruhim antara satu sama lain. Dua perkara ini diibaratkan sebagai seberkas lidi yang tidak mudah patah jika dibandingkan dengan sebatang lidi. Maka dengan itu, murid memahami makna ungkapan 'bersatu hati bak seberkas lidi' ialah amalan perpaduan dan hubungan silaturahim yang dipupuk dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat.

Namun, perungkaian makna sebenar masih belum cukup untuk menepati kehendak pengarang sajak. Oleh yang demikian, bagi memberi ruang kepada murid untuk menterjemahkan KBAT, pendekatan SI yang bersifat penerokaan makna akan diaplikasikan yang menuntut murid meneroka ilmu pada peringkat multidisiplin.

Analisis Semantik Inkuisitif

Proses PdP seni bahasa ini diteruskan lagi dengan penerokaan makna pada peringkat yang lebih mendalam. Murid dibimbing seterusnya ke arah proses terakhir dalam pendekatan semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, penerokaan makna menjurus ke arah usaha untuk menemui falsafah dan akal budi pengarang sajak ini. Guru akan membimbing murid untuk menimbulkan persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' yang pada akhirnya perlu dirungkaikan oleh guru dan murid untuk memperoleh makna yang dihajati. Kenapa baris sajak ini

menggunakan ‘lidi’? Bagi merungkai persoalan ini, guru menerangkan maklumat yang berkaitan dengan lidi kepada murid. Lidi berasal daripada daun pokok kelapa yang diraut dengan menggunakan pisau. Gambar 4.15 menunjukkan seberkas lidi yang dijadikan penyapu.



Gambar 4.15: Penyapu Lidi
(Sumber: https://hazniefar.blogspot.com/2010/05/konsep-penyapu-lidi.html)

Agak mudah mematahkan sebatang lidi daripada cuba hendak mematahkan seberkas lidi. Satu perumpamaan menggunakan lidi sebagai pelambangan iaitu sebatang lidi senang dipatahkan, tetapi ia tidak berlaku sedemikian jika seberkas lidi yang menjadi kuat dan kukuh. Perumpamaan itu mengajar kita agar bersatu dan berada dalam satu kelompok sekiranya ingin mencapai kejayaan yang dihajati. Kajian ini berpendapat bahawa penggunaan seberkas lidi mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penulisan baris sajak ini. Makna yang diingini oleh pengarang sajak hampir berjaya dicungkil tetapi ada lagi persoalan harus dijawab. Kenapa ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ dipilih untuk melengkapkan sajak ini? Samsudin dan Ikhsan (2015) ada menyatakan bahawa sikap pro alam sekitar yang ada pada setiap individu akan memastikan tanggungjawab memelihara alam sekitar dapat dipikul bersama-sama demi generasi akan datang. Bersatu merupakan satu istilah yang menggambarkan keadaan dan

situasi yang merapatkan jurang antara satu sama lain. Dalam menghadapi apa-apa jua cabaran dan rintangan, sesuatu kelompok manusia perlu bersatu agar cabaran dan rintangan yang besar dapat diatasi. Murid didedahkan dan diperjelas dengan maklumat ini oleh guru. Dalam pada itu juga, pembelajaran bahasa Melayu merentas kurikulum yang berkaitan dengan nilai moral turut dapat dipraktikkan.

Seterusnya, kenapa pula pengarang sajak memilih ‘hati’ dan bukannya ‘tenaga’? Di sini guru memandu murid untuk mencungkil makna yang tersirat terhadap leksikal yang diketengahkan. Walaupun dilihat leksikal yang digunakan agak mudah, namun makna di sebalik penggunaan leksikal ‘hati’ tidak boleh dipandang mudah. Wujud sebab kenapa penyajak menggunakan leksikal ‘hati’ dalam sajaknya. Hati sering kali dikaitkan dengan jiwa dan perasaan. Perasaan positif seperti sayang, suka dan bertimbang rasa menunjukkan seseorang memilik hati nurani yang baik. Murid diterangkan dengan maklumat berkaitan dengan hati agar mudah untuk murid memahami kenapa penulis sajak memilih leksikal hati dalam sajaknya. Pelbagai peribahasa dan simpulan bahasa juga dapat dikaitkan dengan hati. Antara contoh simpulan bahasa ialah ‘makan hati’, ‘murah hati’ dan ‘jatuh hati’ manakala peribahasa atau perumpamaan pula ialah ‘hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah’. Peribahasa ini juga turut menunjukkan situasi dan semangat kerjasama. Hasil daripada penerangan yang serba lengkap yang disampaikan oleh guru, murid berupaya mengaplikasikan KBAT dan makna yang diingini dalam baris sajak ini dapat dicungkil sehingga menerobos budaya, falsafah, dan akal budi Melayu.

4.3 Perbincangan Hasil Pemerhatian Proses PdP Seni Bahasa

Pemerhatian telah dilaksanakan oleh pengkaji yang turut bertindak sebagai guru yang mengajar seni bahasa dalam subjek bahasa Melayu di tiga buah kelas yang terdiri daripada kelas Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6. Pecahan murid telah dijelaskan pada Jadual 4.2 di atas, iaitu 8 orang murid Tahun 4, 12 orang murid Tahun 5 dan 10 orang murid Tahun 6. Berikut ialah hasil dapatan kajian melalui borang pemerhatian yang dijalankan terhadap respons dan tingkah laku murid yang terlibat secara langsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahan seni bahasa di dalam kelas bahasa Melayu. Guru menggunakan borang pemerhatian yang diubah suai daripada borang Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2), iaitu Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan.

4.3.1 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 4

Tajuk sajak : Sajak 1: Istimewanya Kita

Jumlah murid: 8 orang

Jadual 4.31: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Istimewanya Kita'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	8 (100%)	0 (0%)
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	6 (75%)	2 (25%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	6 (75%)	2 (25%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	5 (62.5%)	3 (37.5%)

Sambungan **Jadual 4.31**

5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	5 (62.5%)	3 (37.5%)
6. Responden membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	6 (75%)	2 (25%)
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	6 (75%)	2 (25%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	6 (75%)	2 (25%)

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati 100% responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak yang diajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Ini terbukti melalui Item 1 seperti yang dinyatakan pada borang pemerhatian iaitu, 'Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak yang diajar'. Sebanyak 75% responden memberikan perhatian penuh semasa proses PdP seni bahasa dijalankan seperti yang dinyatakan dalam Item 2. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa responden amat berminat untuk belajar memahami makna sajak menggunakan pendekatan SI yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam Item 3, 75% responden diperhatikan menunjukkan reaksi positif dalam aspek pemikiran kritis dan kreatif semasa perlaksanaan sesi PdP sajak menggunakan pendekatan SI. Responden berupaya memberi jawapan di luar skop pembelajaran. Dalam item 4, sejajar dengan pemantapan KBAT dalam pembelajaran, responden dilihat berupaya berkomunikasi dan berkolaborasi sesama murid dan antara murid dengan guru serta mampu menunjukkan tingkah laku yang aktif dalam pembelajaran.

Melalui pendekatan SI yang bersifat multidisiplin ini, 62.5% responden dilihat berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat dengan berusaha untuk merungkai makna yang tersirat dalam ungkapan sajak menerusi tiga peringkat pencarian makna, iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat semantik inkuisitif. Seterusnya, hasil analisis item 6, 75% responden mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berkaitan dengan aktiviti PdP. Sebanyak 75% responden diperhatikan dapat mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan serta isu lokal dan global melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran sajak yang dilaksanakan seperti yang ditunjukkan dalam item 7. Pada item 8, 75% responden menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari kerana pembelajaran memahami makna sajak melibatkan proses yang mudah kepada yang lebih susah. Tuntasnya, responden yang terdiri daripada 8 orang murid berupaya mengikuti sesi PdP menggunakan pendekatan SI melalui bimbingan secara langsung oleh guru yang bertindak sebagai pengkaji dalam kajian ini. Pendekatan SI yang diaplikasikan ini memberi impak yang berkesan terhadap hasil pembelajaran. Keupayaan murid mencungkil makna implisit yang terkandung dalam sajak telah membuktikan bahawa pendekatan SI yang digunakan berkesan dalam usaha mencapai objektif pembelajaran yang berkonsepkan penerokaan sehingga berupaya menyerlahkan budaya, falsafah, dan akal budi pengarang sajak ini.

Tajuk sajak : Sajak 2: Jiwa Hamba

Jumlah murid: 8 orang

Jadual 4.32: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Jiwa Hamba'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	8 (100%)	0 (0%)

Sambungan **Jadual 4.32**

2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	7 (87.5%)	1 (12.5%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	6 (75%)	2 (25%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	6 (75%)	2 (25%)
5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	7 (87.5%)	1 (12.5%)
6. Responden membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	6 (75%)	2 (25%)
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	6 (75%)	2 (25%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	6 (75%)	2 (25%)

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Sajak 2, 100% responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak yang diajar seperti yang ditunjukkan dalam item 1. Dalam item 2, 87.5% responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Dalam Item 3, 75% responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif semasa pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran sajak menggunakan pendekatan SI. Dalam item 4, responden berupaya kerjasama dalam tugasan dan komunikasi sesama mereka. Sebanyak 87.5% responden dilihat berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat seperti yang ditunjukkan dalam item 5. Seterusnya, hasil analisis item 6, 75% responden

mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan aktiviti pembelajaran. Sebanyak 75% responden diperhatikan dapat menghubungkaitkan isi pelajaran dengan situasi sebenar serta isu lokal dan global melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran sajak yang dilaksanakan seperti yang ditunjukkan dalam item 7. Pada item 8, 75% responden menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak.

4.3.2 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 5

Tajuk sajak : Sajak 3: Silang Budaya

Jumlah murid: 12 orang

Jadual 4.33: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Silang Budaya'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	9 (75%)	3 (25%)
6. Responden membuat keputusan/menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	8(66.66%)	4 (33.33%)

Sambungan **Jadual 4.33**

7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	10 (83.33%)	2 (16.66%)

Jadual 4.33 menunjukkan hasil pemerhatian yang dijalankan terhadap 12 orang responden daripada kelas tahun 5 yang terlibat dalam kajian. Dapatan hasil analisis item 1 menunjukkan 83.33% responden menunjukkan kesungguhan untuk memahami makna sajak yang dipelajari dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Seterusnya, dalam item 2, 83.33% responden memberikan sepenuh perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sajak dilaksanakan. Bagi item 3, 66.66% responden memberikan reaksi positif dalam aspek pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran. 66.66% responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung seperti pada item 4. Item 5 pula menunjukkan 75% responden pula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat. 66.66% responden dalam item 6 berupaya membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran. Seterusnya, 66.66% responden menunjukkan bahawa mereka berupaya mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan sebagaimana yang ditunjukkan dalam item 7. Pada item 8, 83.33% responden berpuas hati kerana dapat memahami sajak menggunakan pendekatan SI.

Tajuk sajak : Sajak 4: Demi Negara

Jumlah murid: 12 orang

Jadual 4.34: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Demi Negara'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	11 (91.66%)	1 (8.33%)
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
6. Responden membuat keputusan/menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	9(75%)	3 (25%)
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	8 (66.66%)	4 (33.33%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	10 (83.33%)	2 (16.66%)

Jadual 4.34 menunjukkan hasil pemerhatian bagi sajak 4. Dapatan analisis item 1 menunjukkan 91.66% responden memiliki kesungguhan untuk memahami makna sajak. Seterusnya, bagi item 2, 83.33% responden memberikan sepenuh perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sajak dilaksanakan. Bagi item 3 pula, 66.66% responden

memberi reaksi positif terhadap isi pelajaran melalui proses pemikiran kreatif dan kritis. Sebanyak 66.66% responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung seperti pada item 4. 83.33% responden pula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat seperti pada item 5. Seterusnya, 75% responden seperti yang tertera pada item 6 berupaya membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran. Sebanyak 66.66% responden menunjukkan bahawa mereka berupaya mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan sebagaimana yang ditunjukkan dalam item 7. Akhir sekali, pada item 8, 83.33% responden berpuas hati kerana dapat memahami sajak menggunakan pendekatan baharu yang terkini.

Tajuk sajak : Sajak 5: Tenaga Alternatif

Jumlah murid: 12 orang

Jadual 4.35: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Tenaga Alternatif'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	11 (91.66%)	1 (8.33%)
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	10 (83.33%)	2 (16.66%)

Sambungan **Jadual 4.35**

5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	10 (83.33%)	2 (16.66%)
6. Responden membuat keputusan/menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	9(75%)	3 (25%)
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	9 (75%)	3 (25%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	10 (83.33%)	2 (16.66%)

Hasil analisis item 1 menunjukkan 91.66% responden mempamerkan kesungguhan untuk memahami makna sajak dengan mendalam. Seterusnya, bagi item 2, 83.33% responden memberikan sepenuh perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sajak dilaksanakan. Sebanyak 83.33% responden menunjukkan reaksi positif terhadap isi pelajaran melalui pemikiran kritis dan kreatif. Sebanyak 83.33% responden berkomunikasi dan berkolaborasi antara rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung seperti pada item 4. Pada item 5, 83.33% responden juga berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat. Sebanyak 75% responden seperti yang tertera pada item 6 berupaya membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran. Begitu juga 75% responden menunjukkan bahawa mereka berupaya mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan sebagaimana yang ditunjukkan dalam item 7. 83.33% responden berpuas hati kerana dapat memahami sajak menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

4.4.2 Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 6

Tajuk sajak : Sajak 6: Janji Kepada Bumi

Jumlah murid: 10 orang

Jadual 4.36: Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak 'Janji Kepada Bumi'

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.	8 (80%)	2 (20%)
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.	8 (80%)	2 (20%)
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.	8 (80%)	2 (20%)
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.	8 (80%)	2 (20%)
5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.	8(80%)	2(20%)
6. Responden membuat keputusan/menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.	7(70%)	3 (30%)
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.	7 (70%)	3 (30%)
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.	9 (90%)	1 (10%)

Berikut merupakan analisis dapatan pemerhatian bagi Sajak 6. Hasil analisis pada item 1 menunjukkan 80% responden mempamerkan kesungguhan untuk memahami makna sajak.

Seterusnya, bagi item 2, 80% responden memberikan sepenuh perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sajak dilaksanakan. Jumlah peratus yang sama pada item 3 iaitu, 80% responden memberi reaksi positif terhadap isi pelajaran yang melibatkan pemikiran kritis dan kreatif. Sebanyak 80% responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung seperti pada item 4. Seterusnya pada item 5, 80% responden berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat. Pada item 6, juga 70% responden dilihat berupaya membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran. Begitu juga 70% responden menunjukkan bahawa mereka berupaya mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan sebagaimana yang ditunjukkan dalam item 7. 90% responden menunjukkan rasa berpuas hati kerana dapat memahami makna ungkapan dalam sajak menggunakan pendekatan SI.


Hasil daripada analisis data pemerhatian, kaedah atau pendekatan pengajaran yang diaplikasikan berserta contoh yang bersesuaian amat berkesan kepada murid dalam usaha mereka memahami sesuatu ungkapan tersebut. Oleh itu, pendekatan ini dilihat amat bersesuaian digunakan oleh guru-guru bahasa Melayu dalam mengendalikan proses PdP bahan seni bahasa untuk memudahkan murid menghayati dan memahami makna yang terkandung dalam setiap ungkapan seni bahasa.

4.4 Keberkesanan Pendekatan SI sebagai Pendekatan dalam PdP (Dapatan Maklum Balas Responden)

Bagi memantapkan lagi dapatan hasil kajian, pengkaji mengedarkan lembaran tugasan berbentuk catatan bebas untuk mendapatkan maklum balas daripada responden tentang pengalaman mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan melalui kaedah menganalisis makna menggunakan pendekatan Semantik Inkusitif (Jalaluddin, 2014). Berikut ialah hasil maklum balas yang ditulis oleh murid. Pengkaji hanya memilih 9 sampel maklum balas murid

untuk dihuraikan dalam bahagian ini kerana menurut Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan.

4.4.1 Maklum Balas Murid 1



Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak "Istimewanya Kita".

Ungkapan 1: Membuka pintu dunia

Apakah perasaan kamu setelah mempelajari cara memahami makna ungkapan ini?

Perasaan saya:

Saya sangat suka belajar memahami makna menggunakan apa yang cikgu ajar. Mula-mula saya kurang faham apa yang cikgu ajar. Tetapi lama-lama apabila cikgu menerangkan satu persatu tentang belajar menggunakan semantik inkuisitif saya berasa semakin seronok. Agak rusuh juga sebenarnya, tetapi perlahan-lahan saya dapat tangkap apa yang cikgu ajar dan bimbing. Mula-mula, belajar cari erti perkataan pakai kamus. Tapi, cara ini seronok kerana sebelum ini pun kami pernah cari makna perkataan pakai kamus, cuma kamus ini agak tebal.. memakan masa cari erti perkataan.

Selepas itu, guru tunjuk cara menggunakan borang analisis relevan. Kami diajar menentukan andaian-andaian selepas guru memberikan kad dan inferan. Andaian yang pertama itulah makna yang kami semua setuju untuk mengaitkannya dengan ungkapan 'membuka pintu dunia'. Lepas tu, cikgu cakap tentang rangka rilong. Yang kami faham perlu ada 2 ayat selapis, baru dapat faham makna ungkapan itu.

Pintu dunia? kenapa dunia dikaitkan dengan pintu? kenapa pintu dunia perlu dibuka? cikgu pun bercerita tentang kelahiran bayi yang cikgu kata sama dengan buka pintu dunia. Cikgu juga cerita tentang kalau tidak tahu in, macam mana nak buka pintu dunia. Banyak yang cikgu ceritakan dengan menggunakan gambar dan cerita. Kami rasa amat seronoklah dapat belajar seperti ini. Saya harap cikgu dapat ajar kami lagi dengan cara ini.

Rajah 4.4: Maklum balas murid 1

Murid 1 menjelaskan bahawa dia suka belajar memahami makna menggunakan kaedah yang guru (pengkaji) aplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pada mulanya, murid menyatakan bahawa dia kurang faham terhadap kaedah yang digunakan oleh guru. Walau bagaimanapun, guru berusaha menerangkan satu demi satu tentang kaedah dan pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan. Pembelajaran menjadi semakin seronok dengan adanya bimbingan daripada guru. Murid turut menyatakan bahawa untuk memahami

ungkapan ‘membuka pintu dunia’, agak susah tetapi apabila dibimbing dan diajar oleh guru, murid mula faham dan dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran.


Seterusnya, murid 1 menjelaskan bahawa dia mencari makna setiap perkataan daripada ungkapan ‘membuka pintu dunia’ dengan menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid 1 menjelaskan bahawa guru juga ada menunjukkan cara menggunakan borang analisis relevans di mana pada masa itu guru memberikan kod dan inferens manakala murid 1 dan rakan-rakan diminta menentukan andaian-andaian yang berkaitan dengan kod dan inferens yang diberikan. Setelah menentukan andaian-andaian selesai, guru meminta persetujuan semua murid untuk melihat andaian yang relevan dengan ungkapan ‘membuka pintu dunia’. Semua murid bersetuju pada ketika itu untuk membuat pemilihan andaian yang paling relevan, iaitu andaian yang pertama. Setelah melalui proses ini, guru seterusnya menayangkan satu bentuk ayat yang murid 1 kurang faham, iaitu ayat Rangka Rujuk Silang.

Pengkaji menjelaskan kepada murid 1 dan rakan-rakan bahawa langkah menggunakan Rangka Rujuk Silang perlu ada dua ayat selapis untuk memahami makna ungkapan ‘membuka pintu dunia’ yang dipetik dari petikan sajak ‘Istimewanya Kita’. Melalui ayat pertama yang dikaitkan dengan ayat kedua, responden 1 menjelaskan bahawa dia dan rakan-rakannya mula memahami makna ungkapan ‘membuka pintu dunia’ selepas dirujuksilangkan dengan pengorbanan seorang insan wanita yang bergelar ibu. Sungguhpun murid 1 menyatakan telah berupaya untuk memahami makna ungkapan ‘membuka pintu dunia’ melalui dua peringkat memahami makna, tetapi guru (pengkaji) menjelaskan masih ada satu peringkat sahaja lagi untuk responden dan rakan-rakan memahami makna ungkapan dengan lebih mendalam.

Murid 1 menjelaskan bahawa guru memintanya dan rakan sekelas mempersoalkan kenapa pintu dunia? Dan kenapa pintu dunia perlu dibuka? Di sini murid 1 menyatakan bahawa mindanya mula terbuka untuk memikir dan berusaha untuk mencungkil makna sehingga peringkat yang lebih dalam. Guru menceritakan kelahiran bayi dengan menggunakan tayangan

slaid yang dipancarkan di hadapan kelas. Murid 1 mengulangi penerangan guru dengan menjelaskan bahawa guru menceritakan bahawa perkahwinan yang sah merupakan kunci kepada membuka pintu dunia. Guru menggunakan gambar dan rajah kelahiran untuk memberi penerangan panjang lebar dalam usaha untuk membuatkan murid 1 dan rakan sekelas faham akan ungkapan 'membuka pintu dunia'. Murid 1 menyatakan bahawa dia dan rakan-rakan sangat seronok dan mengharapkan agar guru mengulangi pendekatan pembelajaran ini pada sesi yang akan datang.

4.4.2 Maklum Balas Murid 2



Ungkapan 2: Hingga membawaku ke bintang

Apakah perasaan kamu setelah mempelajari cara memahami makna ungkapan ini?

Perasaan saya:

Dalam Ungkapan 2 ini, sama dengan ungkapan 1 tadi. Kami seronok belajar dalam tiga tahap. Cikgu cakap guna cara ini iaitu cara semantik inkuisitif. Mula-Mula saya cari erti perkataan daripada ungkapan dengan menggunakan kamus. Setelah itu, guru beri kami kertas lembaran yang ada borang analisi releven. Ada kod dan inferens telah disediakan. Cikgu betul-betul ajar kami dan bimbing kami bagaimana cara nak dapatkan andaian yang sesuai dan tepat. Kemudian, cikgu ceritakan tentang rangka rujuk silang. Satu ayat tidak dapat faham makna ungkapan, 2 ayat baru faham. Pada peringkat terakhir ini, saya memahami makna ungkapan kerana cikgu ajar kami bertanya kenapa ke bintang. Kenapa bukan ke bulan? Cikgu ceritakan tentang pengorbanan guru yang mengajar kita hingga jadi pandai. Pandai itulah bintang. Bila kita masuk universiti nanti, itulah bintang. Bangat yang cikgu terangkan kepada kami sehingga kami faham apa erti yang perlu difahami dengan lebih dalam. Bukan hanya bukan kamus dan cari erti. Memang agak gembira dan seronok belajar makum ini.


Rajah 4.5: Maklum balas murid 2

Sampel maklum balas yang kedua diperoleh daripada murid 2 yang belajar dalam kelas yang sama dengan murid 1. Dalam maklum balas ini, murid 2 telah menyatakan perasaannya seronok semasa mengikuti pembelajaran melalui tiga tahap pencarian makna. Murid 2 menjelaskan bahawa semasa sesi pengajaran sedang berlangsung, guru telah menerangkan bahawa proses pembelajaran akan menggunakan kaedah semantik inkuisitif. Pada mulanya, murid 2 menjelaskan bahawa mereka diajar mencari erti perkataan dengan menggunakan kamus. Murid 2 melaksanakan tugasan dalam kumpulan yang dibahagikan oleh guru. Murid 2 dan rakan-rakan perlu melaksanakan tugasan tersebut mengikut masa yang ditetapkan. Guru turut memberi bimbingan kepada murid 2 dan rakan sekumpulan menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).

Setelah selesai tahap pertama, murid 2 menyatakan bahawa guru seterusnya mengedarkan lembaran tugasan yang mengandungi jadual analisis relevans. Dalam lembaran tersebut telah mengandungi kod dan inferens yang disediakan oleh guru. Di sini, guru menunjukkan kesungguhan membimbing murid 2 dan rakan-rakan untuk mendapatkan andaian yang bersesuaian dan menepati maksud ungkapan yang diberikan. Hasil daripada bimbingan guru, murid 2 dan rakan-rakan berupaya menghasilkan tiga andaian yang berkaitan dengan makna ungkapan daripada sajak yang diberikan. Seterusnya, murid 2 menjelaskan bahawa guru turut menerangkan bahawa wujudnnya satu lagi konsep untuk memahami makna ungkapan. Guru menerangkan bahawa Rangka Rujuk Silang yang digunakan akan dapat mengungkap makna dengan lebih terperinci. Murid 2 belum mampu memahami konsep Rangka Rujuk Silang. Namun, setelah guru menjelaskan bahawa Rangka Rujuk Silang memerlukan dua ayat selapis dan bukannya hanya satu ayat selapis untuk memahami makna, murid 2 menjelaskan bahawa dia beransur-ansur faham. Pada ketika ini juga guru menerangkan dan membimbing murid 2 mencungkil makna ungkapan yang diberikan.

Seterusnya, murid 2 diajak memahami ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’. Murid 2 menjelaskan bahawa pada ketika itu, guru memberi bimbingan melalui soalan-soalan yang dapat menimbulkan perasaan ingin tahu. Di sini juga murid 2 menjelaskan bahawa guru menceritakan pengorbanan insan yang bergelar guru mengajar murid-muridnya sehingga menjadi orang yang pandai. Murid 2 memahami bahawa ‘bintang’ yang dimaksudkan dalam ungkapan ‘hingga membawaku ke bintang’ ialah menjadi pandai dalam konteks peringkat pendidikan rendah. ‘Bintang’ juga membawa makna seseorang individu yang pandai dan berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti. Pada saat itu, murid 2 mula memahami bahawa terselit makna di sebalik ungkapan baris daripada sajak yang dipelajari. Murid 2 juga menegaskan bahawa makna bukan sahaja boleh dicari menggunakan kamus, tetapi boleh dicungkil sedalam-dalam yang boleh melalui pendekatan pembelajaran yang menggunakan kemahiran berfikir yang tinggi secara kreatif dan kritis. Pada akhirnya, murid 2 menyatakan bahawa dia agak gembira dan seronok apabila mengikuti pembelajaran yang menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Melalui maklum balas daripada murid 2 ini, jelas menunjukkan bahawa pendekatan SI yang diaplikasikan untuk mengajar sajak serta memahami ungkapan daripada sajak berkesan untuk memupuk kemahiran kognitif murid mempelajari sesuatu bahan seni bahasa bermula daripada tahap konkrit kepada tahap abstrak.

4.4.3 Maklum Balas Murid 3



17 Mac 2021

Nama : Lizzana Jabak

Kelas : 5

Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak "Tenaga Alternatif".

Ungkapan 1: Akal kita mampu mengolahnya

Perasaan saya :

Pada mulanya, saya berasa agak tak bisa dengan cara yang cikgu ajar. Saya guna kamus sebelum ini hanya untuk cari erti satu atau dua perkataan. Tetapi, setelah cikgu memberi beberapa penerangan, saya mula rasa cara untuk memberi makna baris dalam sajak ini agak menyeronokkan. Mula-mula, kami dalam kumpulan akan memisahkan dahulu ungkapan kepada 4 perkataan. Cikgu membimbing kami mencari maksud perkataan daripada kamus dewan yang disediakan oleh guru. Kami mengisi jawapan dalam borang yang diberikan. Selepas itu, cikgu memberi kami satu lagi borang untuk diisi jawapan. Pada kali ini, borangnya agak berlainan kerana ada kod, inferens dan andaian. Kod telah diberi. Kami memberi jawapan hasil daripada perbincangan bersama rakan-rakan dalam kumpulan. Sebelum itu, guru ada menerangkan tentang bagaimana menibuat tugasan kedua ini. Walaupun agak susah pada mulanya, lama-kelamaan kami mula faham. Kami beri saja jawapan dan dalam perbincangan kelas, kami semua dan guru memilih andaian yang sesuai untuk ditulis dalam borang. Lepas itu, cikgu tunjukkan pula rangka rujuk silang yang dapat membantu lagi kami untuk faham maksud ungkapan akal kita mampu mengolahnya. Cikgu membahkan lagi kefamahan kami dengan menerangkan bagaimana otak manusia berfungsi untuk memikirkan perkara-perkara yang membawa kebaikan. Tambah menarik lagi, cikgu menunjukkan carta otak dan memberi penerangan. Cikgu juga membawa kami fikir balik tentang pembelajaran Sains yang berkaitat dengan ciptaan-ciptaan manusia yang menggunakan akal dan otak. Itujung-hujung, kami faham akan maksud ungkapan yang kami pelajari pada hari itu.

Rajah 4.6: Maklum balas murid 3

Rajah 4.6 menjelaskan maklum balas daripada responden kajian ini, iaitu murid 3. Dalam luahan dan catatan yang dilakukan oleh murid 3, menyatakan bahawa pada mulanya dia merasakan agak janggal dengan kandungan pembelajaran yang guru sampaikan. Dia juga menyatakan bahawa dia hanya tahu menggunakan kamus sebelum ini untuk mencari erti satu perkataan atau dua perkataan yang berbeza. Namun begitu, menurut murid 3, guru berusaha memberikan beberapa penerangan sehingga murid 3 mulai berasa seronok dan ingin meneruskan sesi pengajaran. Pada awal proses pengajaran dan pembelajaran, murid 3 menjelaskan bahawa guru membahagikan kelas kepada 3 kumpulan kecil. Menurutnya, guru menyediakan senaskhah kamus, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) untuk dijadikan


sebagai rujukan bagi setiap kumpulan. Murid 3 menjelaskan bahawa ungkapan ‘Akal kita mampu mengolahnya’ perlu dipisahkan terlebih dahulu dan kemudiannya mencari makna setiap perkataan menggunakan kamus yang dibekalkan. Guru memberi bimbingan kepada mereka cara mencari makna menggunakan kamus. Guru juga menyediakan setiap kumpulan dengan borang (Rujuk Lampiran) untuk diisi.

Seterusnya, murid 3 menjelaskan bahawa guru mengedarkan satu lagi borang yang berlainan yang mengandungi bahagian kod, inferens dan andaian. Murid 3 kurang memahami kehendak tugasan. Kod telah siap diberi dalam borang. Guru memberi penerangan cara membuat tugasan pada peringkat yang kedua untuk memudahkan murid 3 dan rakan-rakan menyelesaikan tugasan. Murid 3 menyatakan bahawa dia dan rakan-rakannya memberi jawapan hasil daripada perbincangan kepada guru untuk digabungkan dan ditulis ke dalam borang. Melalui proses ini, murid 3 mula memahami tentang pembelajaran. Selepas itu, murid 3 menjelaskan bahawa guru menunjukkan pula konsep rangka rujuk silang yang membantu murid 3 memahami ungkapan ‘Akal kita mampu mengolahnya’. Murid 3 turut menyatakan bahawa guru memberi maklumat tambahan melalui penerangan terperinci tentang fungsi otak. Guru juga membimbing murid 3 mengimbau kembali pembelajaran Sains yang berkaitan dengan ciptaan manusia yang menggunakan akal dan otak. Murid 3 menjelaskan bahawa dia beransur-ansur faham makna implisit yang terkandung dalam ungkapan ‘Akal kita mampu mengolahnya’.

Kesimpulannya, murid 3 berupaya memahami dan meneroka makna ungkapan ‘Akal kita mampu mengolahnya’ hasil bimbingan guru secara langsung dalam proses PdP seni bahasa ini. Kemampuan murid 3 mengaplikasikan aras kognitif yang tinggi membuktikan bahawa pendekatan semantik inkuisitif dalam sesi pembelajaran seni bahasa telah menemui penyelesaian jangka panjang khususnya dalam proses memahami makna sehingga mampu

mengesan dan mencungkil falsafah dan akal budi yang tersembunyi dalam baris sajak yang dipelajari.

4.4.4 Maklum Balas Murid 4



17 Mac 2021

Nama : Nicola Lopez Dee

Kelas : Tahun 5

Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak "Tenaga Alternatif".

Ungkapan 1: Akal kita mampu mengolahnya

Perasaan saya :

Setelah belajar mencari makna seperti yang diajar oleh guru, saya dapat menaesan makna baris 'akal kita mampu mengolahnya' dengan baik. Guru memberi penerangan dan penjelasan yang cukup jelas kepada saya untuk memahami makna ungkapan ini dengan lebih dalam. Rangka Rujuk Silang yang cikgu tunjukkan juga dapat membantu sedikit pemahaman saya terhadap ungkapan dalam sajak ini. Cara yang guru ajar kepada saya agak baru tetapi saya dapat memahami sedikit cara bagaimana mencari makna melalui banyak peringkat. Peringkat yang awal sangat menyeronokkan kerana saya boleh belajar mencari erti pertatoan menggunakan kamus. Kami mencari secara berkumpulan. Pada peringkat seterusnya, pencarian makna semakin susah dan mencabar sebab ada kad, inferens dan andaian yang perlu difikirkan. Nasib baik cikgu dah sediakan kad dan kami memberi inferens dan andaian. Memang mencabar tetapi agak seronoklah.. pada peringkat semasa guru memberi penerangan, saya memberi sepenuh perhatian. Baru saya sedikit faham penerangan guru membantu saya memahami maksud ungkapan akal kita mampu mengolahnya sehingga saya boleh faham maksud ungkapan itu.

Rajah 4.7: Maklum balas murid 4


Rajah 4.7 menunjukkan maklum balas yang ditulis oleh murid 4 selepas mempelajari seni bahasa yang membabitkan perihal mencungkil makna yang terkandung dalam ungkapan daripada baris sajak 'Tenaga Alternatif'. Murid 4 menyatakan bahawa dia berupaya mengesan makna 'akal kita mampu mengolahnya' dengan baik. Murid 4 menyatakan juga bahawa guru memberi penerangan dan penjelasan yang cukup untuk memahami makna ungkapan 'Akal kita

mampu mengolahnya' dengan lebih mendalam. Guru juga menunjukkan rajah rangka rujuk silang bagi membantu pemahaman murid 4 tentang proses pembelajaran secara terperingkat. Bagi murid 4, kaedah dan pendekatan semantik inkuisitif yang diterapkan oleh guru agak baharu tetapi murid 4 menjelaskan bahawa dia berupaya memahami pendekatan pembelajaran yang digunakan.

Murid 4 menceritakan bahawa pada peringkat permulaan, dia berasa seronok kerana boleh belajar dengan merujuk kepada kamus, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid 4 menjelaskan bahawa dia mencari makna perkataan secara bekerjasama dengan rakan-rakan sekumpulan. Murid 4 menjelaskan bahawa pembelajaran menjadi semakin mencabar kerana memerlukan kod, inferens dan andaian yang pelu difikirkan. Namun begitu, guru yang bertindak sebagai pengkaji terlebih dahulu menyediakan kod. Murid 4 menyatakan bahawa dia dan rakan sekumpulan memberikan inferens dan andaian untuk mendapatkan makna yang dihajati daripada ungkapan 'Akal kita mampu mengolahnya'.

Murid 4 turut menyatakan bahawa dia memberi sepenuh perhatian mendengar penerangan guru yang menggunakan carta dan gambar untuk mengukuhkan pemahaman terhadap ungkapan 'Akal kita mampu mengolahnya'. Penerangan terperinci tentang gambar yang dikaitkan dengan ungkapan 'Akal kita mampu mengolahnya' hasil daripada persoalan yang ditimbulkan murid 4 telah membantunya sampai kepada makna yang dihajati oleh penulis sajak.

4.4.5 Maklum Balas Murid 5



Pak Mesgeret Lin 17 Mac 2021

Ungkapan 2: Memutar turbin tanpa jemu

Perasaan saya:

Pada hari ini, saya belajar untuk mencari erti memutar turbin tanpa jemu. Sangat susah bila saya fikir. Cari erti satu perkataan sudah biasalah. Tapi cikgu bimbing kami cari maksud menggunakan kamus dewan. Bekerja dalam kumpulan amat seronok. saya tukang cari maksud, seorang lagi rakan saya tulis jawapan dalam borang yang cikgu beri. Tapi, apabila digabung maksud, tiada membawa apa-apa erti. Baru saya faham mengapa cikgu suruh kami membuat kerja yang kedua iaitu mengisi inferens dan andaian. Andaian-andaian ini kami kumpul selepas itu, kami memilih andaian yang terbaik untuk ditulis di dalam borang. Amat mencabar bahagian ini. Lepas itu cikgu membuat rujuk silang. saya faham sikitlah apabila ditambah ayat kepada ungkapan ini. Kaitan ayat satu dengan ayat dua memang membawa makna yang boleh kita fikir. Saya mula rasa berminat apabila cikgu menerangkan bagaimana empangan berfungsi melalui carta yang ditunjukkan. Saya turut memberi pendapat tentang cara empangan memberi bekalan elektrik. Bagi saya, pembelajaran pada hari ini sungguh menyeronokkan. Harap lepas ini, cikgu mengajar kami dengan cara ini lagi.

Rajah 4.8: Maklum balas murid 5

Rajah 4.8 memaparkan coretan maklum balas oleh murid 5 selepas mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sejak 'Tenaga Alternatif'. Murid 5 menyatakan dia telah mempelajari cara mencari makna ungkapan 'memutar turbin tanpa jemu'. Murid 5 mengeluh kerana pembelajaran agak susah memandangkan kebiasaannya, dia hanya mencari erti satu perkataan sahaja daripada kamus. Murid 5 memberitahu bahawa guru memberi bimbingan kepadanya untuk mencari makna perkataan menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid 5 mula berasa seronok kerana dapat bekerjasama dalam satu kumpulan untuk melengkapkan pencarian makna ungkapan 'Memutar turbin tanpa jemu'. Murid 5 menulis jawapan yang diperoleh daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) dalam borang yang guru edarkan. Sesuatu perkara yang menarik ialah murid 5 menyatakan apabila makna-makna


setiap perkataan yang diperoleh itu digabungkan, ia tidak membawa apa-apa maksud yang relevan dan bermakna. Murid 5 memahami sebab guru meminta murid beralih ke tahap yang kedua proses pengajaran dan pembelajaran. Pada masa ini, murid 5 dan rakan-rakan mengisi inferens dan beberapa andaian yang menghampiri makna ungkapan. Murid 5 memilih andaian-andaian yang relevan untuk ditulis dalam ruangan yang disediakan di dalam lembaran tugasan.

Seterusnya, murid 5 menyatakan bahawa guru meneruskan bimbingan dengan menggunakan rangka rujuk silang. Murid 5 menyatakan bahawa dia sedikit memahami perkaitan antara ayat pertama dengan ayat kedua hasil daripada penerangan guru. Pada peringkat ini adalah mustahil bagi murid pendidikan rendah memikirkan anteseden yang dapat dikaitkan dengan ungkapan. Justeru, guru perlu menunjukkan dua ayat selapis untuk membantu pemahaman murid. Murid 5 menegaskan bahawa perkaitan ayat pertama dan ayat kedua berupaya menjana kemahiran berfikir yang tinggi melalui kreativiti dan pemikiran kritis. Murid 5 semakin berminat untuk meneruskan proses pembelajaran apabila guru memberi penerangan tentang cara empangan berfungsi dengan menggunakan carta dan gambar rajah yang ditunjukkan di hadapan kelas. Murid 5 turut memberi pandangan tentang cara empangan menghasilkan tenaga elektrik untuk kegunaan manusia sejagat.

Secara kesimpulannya, murid 5 menegaskan bahawa dia amat seronok belajar menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kaedah pembelajaran yang bermula dari peringkat mudah kepada peringkat yang sukar memberi pengalaman baharu kepada murid 5. Murid 5 mengharapkan agar guru akan terus mengajar dengan menggunakan pendekatan yang sama. Pendekatan pembelajaran semantik inkuisitif yang diaplikasikan ini dilihat menarik minat murid 5 untuk terus belajar. Hasil maklum balas daripada murid 5, pendekatan SI yang diaplikasikan dalam proses PdP sajak dapat membekalkan pengalaman pembelajaran yang baharu kepada murid melalui proses penerokaan makna sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi Melayu. Murid juga dilatih untuk mempraktikkan kemahiran berfikir aras tinggi

dalam usaha mendapatkan makna yang dihajati dalam peringkat semantik resonans. Amalan pembelajaran menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi selari dengan kehendak kementerian pendidikan demi melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan berkeyakinan sebagai bekalan hidup pada masa akan datang.

4.4.6 Maklum Balas Murid 6



14/7/22

Nama : Alister

Kelas: Thn 5

Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak "Demi Negara".

Ungkapan 1: Tegak semangat mengalun lagu

Perasaan saya :

Bagi saya, apibila saya belajar sajak Demi Negara, mula-mula saya rasa susah. Macam mana nak faham maksud baris sajak ini. Tapi cikgu betul-betul ajar kami dengan baik. Lama-lama kami faham. Saya tahu cari makna pakai kamus merah. Dalam kumpulan memang seronok. Lepas tu, cikgu ajar isi barang yang ada kod dan inferens. cikgu kata kami perlu cari andaian. kami bincang dalam kumpulan. kami dapat jawapan dengan penuh perasaan. cikgu kata ok. Seterusnya, cikgu rangka rujuk silang. Cikgu terangkan ayat bangunlah wahai bangsaku. Ayuh kita berjuang. Ini yang buat saya faham mengapa tegak semangat mengalun lagu. Kita perlu bersemangat dan berjuang demi diri sendiri. Saya tumpukan sepenuh perhatian bila cikgu bercerita di depan. Amat seronoklah belajar macam ini. Rasa nak lagi. Saya minta cikgu ulang lagi cara belajar ini erok hati.


Rajah 4.9: Maklum balas murid 6

Maklum balas murid 6 seperti yang dipaparkan pada Rajah 4.9 menyatakan bahawa dia berasa agak susah pada permulaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid 6 mengatakan bahawa dia tidak memahami baris sajak yang diajar. Mujur adanya guru yang memberi tunjuk ajar. Murid 6 mula memahami proses pembelajaran. Murid 6 menyatakan bahawa makna setiap perkataan bagi ungkapan 'tegak semangat mengalun lagu' dicari menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Murid 6 menyatakan bahawa pembelajaran amat menyeronokkan. Proses seterusnya ialah guru mengedarkan borang yang mengandungi kod dan inferens. Murid 6 menyatakan bahawa dia menemui jawapan yang sesuai, iaitu 'penuh perasaan' hasil perbincangan bersama ahli kumpulannya. Murid 6 turut menjelaskan bahawa guru memberi penerangan tentang rangka rujuk silang yang dikaitkan dengan ungkapan 'tegak semangat mengalun lagu'. Pada peringkat pembelajaran seterusnya, guru menerangkan perkaitan antara lagu dengan semangat. Murid 6 memberikan sepenuh perhatian semasa sesi penerangan. Murid 6 menyatakan bahawa dia seronok mengikuti pembelajaran yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini.

4.4.7 Maklum Balas Murid 7

Rajah 4.10 memaparkan maklum balas murid 7 dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan SI. Murid 7 menyatakan bahawa dia dapat mencari makna lebih mendalam tentang baris sajak 'lahirkan jiwa sukarela'. Dia menyatakan mudah untuk mencari makna menggunakan kamus kerana telah diajar untuk berbuat demikian pada ungkapan yang terdahulu. Guru dikatakan mengajar dengan baik yang menyebabkan murid 7 memahami kandungan pembelajaran. Perkara yang sedikit merumitkan murid 7 ialah pengisian borang analisis yang mengandungi kod, inferens dan andaian. Namun begitu, setelah guru memberi penerangan tentang perkara yang dilakukan, murid 7 berasa semakin selesa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid 7 dan ahli kumpulan yang lain telah sepakat untuk

meletakkan andaian ‘melakukan kerja dengan senang hati’ untuk dikaitkan dengan inferens ‘perasaan’. Murid 7 turut menjelaskan bahawa dia berasa seronok mengikuti proses pembelajaran menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dia turut menyatakan bahawa mudah untuk mengingati teknik dan pendekatan yang digunakan.



14.7.22

Nama: Joannes

Kelas: 5

Ungkapan 2 : Lahirkan jiwa sukarela


Perasaan saya:

Setelah Saya belajar sajak Demi Negara ini, Saya dapat mencari makna yang lebih mendalam tentang baris lahirkan jiwa Sukarela. Nak cari makna menggunakan kamus Senang Sahaja Sebab Sudah belajar pada awal tadi. Guru ajar dengan baik. Kami mula faham apa yang cikgu ajar. Cuma di peringkat yang perlu isi inferens dan andaian Sahaja yang agak susah--- tetapi apabila kami diajar satu-satu oleh cikgu, kami mula selesa belajar seperti itu. Kami dapat bincang dalam kumpulan untuk mencari inferens dan andaian. Saya dan kawan-kawan dapat berikan satu andaian iaitu melakukan kerja dengan senang hati. Cikgu terima jawapan kami itu. Saya tak risau sebab cikgu dah beri kad untuk ungkapan ini. Memang seronoklah belajar dengan cara ini. Harap lepas ini nanti, kami akan belajar lagi dengan cara ini. cikgu ada kata kita perlu senang hati dan berbangga apabila menolong orang dengan ikhlas. Semangat mesti sentiasa kuat dan berkobar-kobar untuk menyumbang kepada negara. Fikiran Saya pun senang dah ingat macam mana nak belajar guna cara ini. Untung dapat belajar benda baru. Terima kasih

Rajah 4.10: Maklum balas murid 7

4.4.8 Maklum Balas Murid 8

Berikut merupakan maklum balas daripada murid 8 setelah selesai mengikuti sesi PdP seni bahasa yang menggunakan sajak ‘Janji Kepada Bumi’ sebagai bahan pembelajaran seperti pada Rajah 4.11.



11/5/2022

Nama : Vivien Grace

Kelas: 6

Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak "Janji Kepada Bumi".

Ungkapan 1: Agar sejahtera perutmu

Perasaan saya :


Setelah belajar mencari makna seperti yang diajar oleh guru, saya dapat mengesan makna baris 'Agar sejahtera perutmu' dengan baik. Guru mengajar saya untuk memahami makna ungkapan ini dengan lebih dalam. Rangka Rujuk Silang yang cikgu tunjukkan juga dapat membantu sedikit pemahaman saya terhadap ungkapan dalam sajak ini. Saya dapat memahami sedikit cara bagaimana mencari makna melalui banyak peringkat. Peringkat yang awal sangat menyeronokkan kerana saya boleh belajar mencari erti perkataan menggunakan kamus. Kami mencari secara berkumpulan. Pada peringkat seterusnya, pencarian makna semakin susah dan mencabar sebab ada kod, inferens dan andaian yang perlu difikirkan. Nasib baik cikgu dah sediakan kod dan kami memberi inferens dan andaian. Memang mencabar tetapi agak seronoklah.. pada peringkat semasa guru memberi penerangan, saya memberi sepenuh perhatian. Kami disuruh menyoal mengapa bumi ada perut dan mengapa itu ada kaitan dengan perut? Guru menerangkan dengan panjang dan terperinci. Baru saya sedikit faham penerangan guru membantu saya memahami maksud ungkapan Agar sejahtera perutmu sehingga saya boleh faham maksud ungkapan itu. Saya sangat suka belajar dengan cara ini. Saya harap cikgu dapat mengajar dengan cara yang sama pada hari esok.

Rajah 4.11: Maklum balas murid 8

Menurut murid 8, setelah mengikuti pembelajaran mencari makna seperti yang diajar oleh guru, murid 8 dapat mengesan makna baris 'Agar sejahtera perutmu' dengan baik. Murid 8 menjelaskan bahawa guru telah mengajar cara memahami makna ungkapan dengan terperinci. Guru juga memberi penerangan tentang Rangka Rujuk Silang untuk menambahkan pemahaman murid 8 terhadap makna ungkapan 'Agar sejahtera perutmu'. Murid 8 memahami proses meneroka makna melalui tiga peringkat. Murid 8 menyatakan pencarian makna menggunakan kamus pada peringkat awal amat menyeronokkan kerana aktiviti dilaksanakan dalam kumpulan. Pada peringkat seterusnya, murid 8 menjelaskan penerokaan makna menjadi

semakin sukar kerana adanya kod, inferens dan andaian yang saling berkaitan. Murid 8 menyatakan bahawa dia menumpukan sepenuh perhatian kepada penerangan guru. Murid 8 berkongsikan pengalamannya diminta untuk menyoal mengapa perut dikaitkan dengan bumi. Murid 8 menyatakan bahawa dia secara perlahan-lahan mula memahami makna ungkapan 'Agar sejahtera perutmu' hasil daripada proses pembelajaran yang dialami.

4.4.9 Maklum Balas Murid 9



Nama: Timotius Petrus
Kelas: 6

11/5/2022

Ungkapan 2 : Bersatu hati bak seberkas lidi

Perasaan saya:

Setelah Saya belajar dengan cara tiga peringkat ini, Saya rasa semakin yakin bahawa saya dapat mencari makna yang lebih mendalam tentang ungkapan 'bersatu hati bak seberkas lidi'. Nak cari makna kamus senang saja sebab sudah berbajar daripada ungkapan 1. Guru juga ada tunjuk gambar berkaitan dengan seberkas lidi. Cikgu juga ada memberi penerangan tentang kalau lidi sebatang senang patah tetapi kalau lidi banyak susah nak patah. Cuma di peringkat yang perlu isi inferens dan andaian saya yang agak susah... tetapi apabila kami diajar satu-satu oleh cikgu kami mula selesa berbajar seperti itu, kami dapat bincang dalam kumpulan untuk cari inferens dan andaian. Saya tak risau sebab cikgu dah beri kod untuk ungkapan ini. Memang seronoklah berbajar dengan cara ini. Harap lepas ini nak nanti kami akan berbajar lagi dengan cara ini. Otak saya pun mudah ingat macam mana nak berbajar guna cara ini.

Rajah 4.12: Maklum balas murid 9

Rajah 4.12 menghuraikan maklum balas murid 9 tentang perasaannya seteleh mengikuti proses pembelajaran menggunakan pendekatan SI. Murid 9 menjelaskan bahawa keyakinannya bertambah setelah mempelajari makna ungkapan 'bersatu hati bak seberkas lidi'.

Murid 9 turut menjelaskan bahawa mudah untuk mencari makna menggunakan kamus kerana telah diajar sebelum ini. Semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, guru telah menerangkan gambar berkaitan dengan seberkas lidi. Murid 9 turut menyatakan bahawa guru menerangkan perbandingan mematahkan seberkas lidi dan sebatang lidi. Murid 9 mendapati mematahkan sebatang lidi lebih mudah daripada mematahkan seberkas lidi. Di sini, murid 9 memahami tentang konsep kerjasama yang diterapkan dalam pembelajaran melalui pemahaman makna ungkapan 'bersatu hati bak seberkas lidi'. Murid 9 menjelaskan bahawa dia selesa belajar menggunakan pendekatan SI. Pendekatan SI yang diaplikasikan dalam sesi PdP memberi ruang kepada murid 9 dan rakan-rakannya berbincang untuk mendapatkan jawapan yang dihajati. Murid 9 turut menyatakan bahawa dia tidak risau kerana adanya guru memberi bimbingan semasa proses PdP berjalan. Pembelajaran yang menuntut kemahiran berfikir di luar kotak ini menyebabkan murid 9 mudah untuk mengingati proses dan kandungan pembelajaran.

4.5 Rumusan Bab

Dalam Bab 4 ini, guru telah melaksanakan proses menganalisis data yang dipetik daripada 6 petikan sajak yang diambil daripada buku teks bahasa Melayu Tahap 2, iaitu buku teks bahasa Melayu Tahun 4 (SK), buku teks bahasa Melayu Tahun 5 (SK) dan buku teks bahasa Melayu Tahun 6 (SK). Untuk melakukan analisis ini, pengkaji menggunakan pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Pendekatan SI ini merangkumi tiga peringkat analisis makna, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pada peringkat pertama, iaitu peringkat semantik skrip, guru mengemukakan makna permukaan dengan menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Seterusnya, pada peringkat semantik resonans pula, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan juga Rangka Rujuk

Silang (RRS), iaitu konsep yang wujud dalam TR. Pada peringkat semantik inkuisitif pula, pengkaji mengetengahkan persoalan ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ untuk mengesan makna sebenar sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu.

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, guru telah memilih 30 orang murid yang terdiri daripada lapan orang murid Tahun 4, dua belas orang murid Tahun 5 dan sepuluh orang murid Tahun 6 sebagai responden kajian. Penganalisisan data dilakukan dalam tiga bahagian, iaitu bahagian yang pertama yang melibatkan analisis sajak dengan menggunakan pendekatan SI. Pada bahagian yang kedua pula, pemerhatian dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian yang direka oleh pengkaji yang diadaptasikan daripada borang pencerapan Standard 4, Sistem Kualiti Pengurusan Malaysia, gelombang yang kedua (SKPMg2). Penggunaan borang pemerhatian memudahkan guru untuk melaksanakan pemerhatian terhadap situasi dan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada bahagian yang ketiga, analisis dilakukan terhadap maklum balas murid yang berbentuk catatan individu atau pun diari murid selepas melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni bahasa ini.

Dapat dirumuskan di sini bahawa memahami makna ungkapan dalam sesuatu baris sajak secara mendalam dan menyeluruh memberi kesan dan impak yang positif kepada murid. Pengaplikasian KBAT dalam tahap analisis makna, iaitu tahap semantik resonans berupaya memberi peluang berfikir secara positif dan kreatif dalam kalangan murid untuk membina andaian-andaian yang relevan. Pendekatan SI dalam proses PdP seni bahasa ini juga membekalkan pengalaman baharu ketika mempelajari pelbagai disiplin ilmu kepada murid demi memastikan perkembangan kognitif murid khususnya bagi murid di peringkat pendidikan rendah. Dalam pada itu juga, guru perlu sentiasa bersiap sedia dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang tinggi demi membantu murid memahami bahan pembelajaran dengan baik. Akhirnya kajian ini berupaya mencapai objektif kajian, iaitu menganalisis keberkesanan pendekatan SI sebagai pendekatan PdP seni bahasa.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan merumuskan beberapa subtopik yang berkaitan seperti pengenalan, literatur kajian, metodologi dan analisis data kajian. Perbincangan dalam bab 5 ini akan merungkaikan implikasi kajian terhadap teori, metodologi dan praktikal. Seterusnya, kesimpulan kajian dapat dilakukan berpandukan objektif dan matlamat serta kepentingan kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan penemuan, analisis dan impikasi kajian, beberapa cadangan boleh dikemukakan sebagai panduan kepada para sarjana dan penyelidik bahasa yang lain untuk kajian masa depan dan meneruskan kesinambungan kajian ini ke peringkat yang lebih praktikal. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bertindak sebagai tunjang utama dalam menerajui pendidikan di negara ini diharapkan dapat mengetengahkan dapatan dan hasil kajian ini untuk digarap dan dihalusi demi kepentingan pendidikan bahasa Melayu khususnya dalam pembelajaran seni bahasa.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini mengandungi tiga objektif utama iaitu, yang pertama mengenal pasti makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa, kedua menganalisis makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dengan mengaitkan data dan teori dengan keupayaan kognitif murid dan yang ketiga, menghuraikan keberkesanan TR dan pendekatan SI sebagai pendekatan pengajaran-pembelajaran seni bahasa. Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang murid tahap 2 iaitu, 12 orang murid Tahun 4, 8 orang murid Tahun 5 dan 10 orang murid Tahun 6. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit, Sarawak. Pengkaji telah menganalisis 12 data, iaitu 12 ungkapan yang dipilih

daripada 6 buah sajak yang dipetik daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 di Sekolah Kebangsaan (SK). Kaedah pemilihan data ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Idid (seperti dalam Jumingan, 2003) menyatakan bahawa pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak semestinya melambangkan ketepatan dapatan yang diingini. Memadai sahaja kalau beberapa sampel diambil kerana dapatan yang dihasilkan nanti adalah sama. Liamputtong (2014) pula menjelaskan saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sajak merupakan kaedah yang sesuai untuk memproses makna ungkapan secara berfasa bermula daripada fasa tahap permukaan, iaitu tahap semantik skrip yang memerlukan murid mencari makna perkamusan sehinggalah menerobos ke peringkat falsafah dan akal budi penulisnya.

Fokus kajian ini secara khususnya adalah untuk menganalisis makna bahan seni bahasa, iaitu sajak. Penganalisisan makna sajak dalam penyelidikan ini menggunakan pendekatan SI oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Tujuan pendekatan SI ini diaplikasikan dalam penyelidikan ini adalah untuk memberi kelainan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa khususnya sajak. Di samping itu, pengenalan pendekatan SI dalam pembelajaran pada peringkat pendidikan rendah memberi nilai tambah kepada aspek KBAT dalam kalangan murid. Data kajian ini diproses menggunakan kerangka SI. Pengkaji telah mempraktikkan penganalisisan data melalui tiga tahap, iaitu tahap pertama, semantik skrip yang menjelaskan makna harfiah setiap leksikal yang terkandung dalam ungkapan. Pada tahap ini, penganalisisan data dilakukan dengan murid dibimbing mencari makna literal pada peringkat permukaan dengan merujuk kamus bahasa Melayu (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2015). Makna Pada tahap kedua, iaitu semantik resonans, murid diajar untuk mencungkil makna dengan menggunakan kerangka TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995).

Bagi mengukuhkan lagi kefahaman murid terhadap makna ungkapan yang dipetik daripada sajak, konsep RRS diaplikasikan. Seterusnya, pada tahap yang ketiga, pengkaji membimbing murid memahami makna ungkapan dengan mengemukakan persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu yang wujud di sebalik ungkapan yang dijadikan sebagai data kajian. Pada tahap ini, murid diberi keupayaan untuk meneroka makna merentas kurikulum pendidikan bahasa Melayu secara multidisiplin ilmu. Pelbagai ilmu seperti ilmu Sains, Sejarah, Psikologi, Pendidikan Moral dan sebagainya ditelusuri bagi memahami makna sebenar yang dihajati. Keupayaan murid pada tahap Semantik Inkuisitif ini digabungjalinkan dengan tahap KBAT, iaitu tahap pemikiran mengaplikasi dan menganalisis dalam Taksonomi Bloom (Semakan Anderson & Krathwohl, 2001).

5.3 Sumbangan dan Implikasi Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini dilihat sebagai satu usaha untuk mencetus idea dan pendekatan yang baharu dalam kurikulum pendidikan bahasa Melayu sekolah rendah. Semantik inkuisitif telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014. Kemudiannya, satu kajian yang kajian ini kategorikan sebagai kajian rintis atau kajian permulaan ke arah penerapan pendekatan SI yang menggabungjalinkan Semantik Inkuisitif dengan kaedah pengajaran dalam peribahasa Melayu telah dilakukan oleh Mohd Ridzuan Md Nasir (2019). Kajian ini berpendapat, inilah kajian pertama yang menggunakan pendekatan SI dalam PdP yang ditambah baik daripada kajian Subet (2019) yang mencadangkan pendekatan TR dalam pengajaran dan pembelajaran sajak. Memandangkan belum ada kajian dilaksanakan dalam pendidikan bahasa Melayu pada peringkat pendidikan rendah, justeru, kajian ini mengetengahkan satu pendekatan pembelajaran yang bersifat holistik dan multidisiplin dalam menghuraikan makna bahan seni bahasa, iaitu sajak. Kaedah pembelajaran yang berbentuk

penerokaan dan menyeronokkan ini diharapkan dapat membantu murid di sekolah rendah mencungkil makna yang terkandung dalam bahan pembelajaran dengan lebih bersistematik dan berdisiplin.

Kajian yang menggunakan pendekatan SI ini dapat membantu guru untuk merancang sesi PdP sajak dengan lebih terancang dan terperinci sesuai dengan perkembangan kognitif murid dalam aspek KBAT seperti mana yang dituntut dalam era pendidikan abad ke-21 (PAK21) ini. Kajian ini diharapkan akan dapat dijadikan panduan kepada pengkajian masa hadapan dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan ini berupaya menggabungkan pendekatan baharu dengan aspek kognitif sedia ada, iaitu KBAT untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid khususnya dalam proses pembelajaran yang lebih abstrak. Guru-guru pendidikan bahasa Melayu akan dapat memanfaatkan hasil kajian ini sebagai rujukan dalam proses pengajaran puisi supaya proses pembelajaran di dalam bilik darjah menjadi lebih bermakna, menarik dan berkualiti. Isi kandungan dan proses PdP yang berkualiti yang disampaikan oleh guru dalam bilik darjah dapat memberi impak yang positif kepada perkembangan kognitif murid dalam ilmu penerokaan makna. Pendekatan SI yang digunakan dalam sesi PdP dapat memupuk murid agar lebih bersabar dan teliti dalam mencungkil makna melalui proses pembelajaran yang bersifat multidisiplin ini. Kewibawaan pendekatan SI yang mampu membimbing murid mencetuskan idea dan pengalaman baharu amat berbaloi diaplikasikan dalam usaha warga pendidik mendepani dunia pendidikan yang semakin mencabar.

Selain itu, hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada peneraju utama pendidikan negara, iaitu KPM untuk mengolah satu pendekatan pembelajaran yang baharu dan dimasukkan dalam dokumen standard kurikulum bahasa Melayu pada peringkat rendah. Sejajar dengan itu juga, beberapa subordinat, iaitu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) berpeluang untuk merangka strategi pembelajaran

yang baharu dalam usaha membantu murid-murid khususnya pada peringkat pendidikan rendah untuk menjana KBAT dan memahami makna bahan pembelajaran seni bahasa dengan lebih baik, berdisiplin dan lebih holistik seiring dengan gaya PAK21 Ini bertepatan dengan kehendak KPM yang menyarankan para guru memanfaatkan kaedah dan struktur dalam PAK21 bagi meningkatkan aspirasi murid seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Aspirasi murid yang dimaksudkan adalah hasil kemenjadian yang dibentuk melalui proses pembelajaran supaya setiap murid pada akhirnya akan mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional (KPM, 2015).

Proses PdP seni bahasa yang menyajikan sajak sebagai bahan pembelajaran dan berkonsepkan kaedah pembelajaran koperatif dan kolaboratif serta mengaplikasikan pendekatan SI ini berupaya membekalkan ruang dan peluang kepada murid untuk mengembangkan kemahiran kognitif mereka ke tahap yang maksimum. Pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid ini mengizinkan murid untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan sebaya bagi mendapatkan jawapan melalui perbincangan. Murid yang mempunyai keupayaan dalam mentafsir makna sesuatu ungkapan daripada sajak dapat membantu rakan-rakan yang sederhana dan lemah apabila melaksanakan aktiviti pembelajaran yang berbentuk penerokaan. Kemahiran berbahasa juga dapat ditingkatkan hasil daripada bimbingan secara tidak langsung daripada rakan yang lebih cerdas dan berkeupayaan dari segi kognitif. Peningkatan potensi diri amat penting dalam diri murid agar dapat memenuhi aspirasi pendidikan negara dan seterusnya menempa kejayaan dalam bidang pembelajaran dan akademik.

Golongan sarjana dan cendekiawan juga tidak ketinggalan daripada memperoleh impak positif yang dihasilkan oleh dapatan kajian ini. Penemuan daripada kajian ini menunjukkan satu bidang penerokaan makna pada peringkat pendidikan rendah yang mengaplikasikan

pendekatan SI berjaya dirungkaikan. Kajian ini menunjukkan bidang pragmatik tidak hanya terhad kepada proses menganalisis makna ujaran, ungkapan ataupun peribahasa pada peringkat pengajian tinggi sahaja, tetapi juga dapat diaplikasikan dan dilaksanakan pada peringkat seawal usia sepuluh tahun. Pada peringkat usia ini, murid dibimbing untuk meneroka, mencungkil serta menghuraikan makna dengan menggunakan struktur ayat yang betul dan bermakna. Hasil kajian ini akan membuka ruang kepada para pengkaji yang baharu berjinak-jinak dalam bidang kajian pragmatik yang ingin menjalankan kajian pada masa akan datang untuk mengaplikasikan pendekatan SI dalam aspek bahan seni bahasa selain daripada sajak iaitu, seperti puisi tradisional, gurindam, seloka mahupun lirik lagu supaya hasilnya dapat dimanfaatkan.

Selain itu, penemuan dalam kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji lain yang berminat membuat kajian lanjutan terhadap bahan sajak dalam silibus pendidikan sekolah rendah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana sajak merupakan salah satu bentuk puisi yang dicipta untuk meluahkan perasaan dan pandangan serta memuji keindahan dan kecantikan alam semula jadi. Sememangnya wujud makna implisit yang perlu dicungkil dan didedahkan sebagai tanda penghayatan terhadap karya seni bahasa itu. Dengan lahirnya generasi baharu yang digelungi oleh ledakan teknologi dan gaya pemikiran yang terkini, maka keupayaan memahami makna tersirat dalam sajak Melayu menjadi agenda yang penting demi memastikan legasi ini terus utuh dan kekal dalam masyarakat. Intihanya, melalui perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa bahan seni bahasa dalam pembelajaran pendidikan bahasa Melayu perlu dijulang dan dimartabatkan serta diajar dengan cara dan kaedah yang betul agar tidak ketinggalan daripada ilmu pengetahuan yang lain. Penonjolan pembelajaran bahan seni bahasa perlu dipergiatkan lagi bagi memastikan murid-murid yang lahir dalam generasi kini meneruskan usaha mempertahankan warisan ini dan sekali gus menjadikan pembelajaran sajak

dengan menggunakan pendekatan SI satu budaya pembelajaran dalam bilik darjah yang bermakna.

5.4 Cadangan Kajian Masa Depan

Kajian PdP yang mengaplikasikan pendekatan SI ini dijalankan sepenuhnya semasa sesi PdP sajak di dalam bilik darjah. Kajian ini turut menggunakan TR sebagai kerangka teori. Hasil daripada dapatan kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji ingin menyaran dan mencadangkan beberapa kajian susulan yang boleh memberikan impak yang tinggi kepada perkembangan kajian Semantik Inkuisitif yang diterapkan dalam pendidikan rendah. Justeru itu, pengkaji mengharapkan agar kajian-kajian yang baharu dapat dilaksanakan demi meneruskan agenda transformasi dalam pendidikan bahasa Melayu khususnya pengajaran seni bahasa.

Antara kajian menggunakan kerangka pendekatan SI yang dicadangkan dan boleh dilaksanakan ialah kajian Semantik Inkuisitif dalam PdP puisi tradisional, iaitu pantun. Pantun merupakan bahan seni bahasa yang dominan dalam silibus pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah. Pantun mengandungi pembayang yang berkisar dengan alam semula jadi serta situasi persekitaran yang wujud dalam alam Melayu. Rasional pemilihan sesuatu pembayang dalam pantun sememangnya menjadi tanda tanya kepada pembaca. Kewujudan pembayang ini menambahkan keinginan untuk melakukan penerokaan. Jawapan kepada persoalan ini ialah semantik inkuisitif. Pelaksanaan kajian pada peringkat ini membuka satu lagi lembaran baharu dalam kajian makna pada peringkat pendidikan rendah.

Seterusnya, penemuan daripada kajian ini telah memberi kesan yang positif kepada kemahiran kognitif murid pada peringkat pendidikan rendah. Pendekatan SI ini telah digabungjalinkan dengan KBAT untuk mengukuhkan lagi ketajaman pemikiran murid dalam merungkai dan meneroka makna sesuatu ungkapan mahupun bahasa figuratif yang terdapat

dalam sajak. Sejajar dengan itu, kajian yang menggunakan konsep RRS dalam TR boleh dilaksanakan bagi mencungkil makna ujaran dalam ayat dialog yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu. Keupayaan kognitif murid mempraktikkan ilmu penerokaan pada peringkat ini menunjukkan satu perkembangan positif dalam pendidikan rendah seiring dengan usaha KPM yang ingin melahirkan modal insan berkualiti yang kreatif dan berfikiran kritis bermula dari peringkat akar umbi lagi.

Hasil penemuan kajian ini juga berperanan memberi kesedaran kepada pihak yang berkepentingan seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di bawah KPM Pihak BPG diharapkan dapat mempergiatkan usaha untuk menghasilkan modul pembelajaran yang berteraskan pendekatan SI dan mengadakan jerayawara bagi memperkenalkan kaedah dan pendekatan terbaharu ini. Hasil gerak usaha ini nanti akan memberi nilai tambah dalam kualiti pembelajaran pelajar pada peringkat pendidikan rendah. Dalam masa yang sama, para guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu turut menerima kesan positif hasil daripada kajian ini. Guru disarankan mempraktikkan pendekatan SI dan sekaligus menjadikan pendekatan pembelajaran ini sebagai satu amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Bagi pengkaji-pengkaji lain yang bergiat dengan ilmu pengkajian makna ini, kajian lanjutan juga boleh dilakukan seawal peringkat prasekolah. Kajian yang mengaitkan makna dan visual boleh diusahakan dengan melakukan kajian makna gambar-perkataan yang dianalisis menggunakan semantik inkuisitif. Pada peringkat seawal usia 5 – 6 tahun, murid cenderung untuk bertanya dan ingin tahu perkara yang dilihat dan didengar. Oleh itu, pengkaji atau guru boleh merangsang kemahiran kognitif murid dengan membimbing murid menyoal tentang apa-apa yang diperhatikan semasa proses PdP berlangsung. Di sinilah semantik inkuisitif memainkan peranannya. Kekuatan semantik inkuisitif dilihat terletak pada persoalan ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ sehinggalah berupaya mencungkil makna sehingga ke peringkat akal budinya.

Kajian ini yang merupakan kajian awal hanya dilaksanakan di sebuah sekolah rendah sahaja yang terletak di luar bandar. Kajian ini boleh dilanjutkan lagi. Tahap kemahiran kognitif murid di sekolah rendah luar bandar (lokasi kajian) adalah pada tahap yang sederhana. Situasi ini membekalkan hasil dan dapatan kajian yang sesuai dengan tahap dan kebolehan murid. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan kesan dan impak kajian yang lebih baik, kajian ini boleh dilaksanakan di sekolah yang berprestij seperti Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprstasi Tinggi (SBT). Tahap pemikiran dan kecerdasan murid di sekolah SKK dan SBT yang dipilih sebagai responden kajian dapat membekalkan variasi data kepada pihak penggubal dasar pendidikan untuk merancang program dan aktiviti yang bersesuaian dengan kebolehan dan tahap kognitif murid. Perancangan yang rapi dan tersusun itu nanti akan dapat dimasukkan ke dalam DSKP sebagai panduan kepada guru-guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang standard dan lebih berkualiti.

Akhir sekali, kajian lanjut dalam bidang pragmatik ini ialah melaksanakan tinjauan tahap kepuasan guru setelah melaksanakan proses PdP terhadap bahan seni bahasa menggunakan pendekatan SI. Kajian dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi guru yang dipilih sebagai informan kajian. Kaedah temu bual separa berstruktur boleh dgunakan untuk mendapatkan maklum balas guru setelah mengaplikasikan pendekatan SI dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

5.5 Rumusan Keseluruhan

Intihanya, hasil dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah membuka satu lagi lembaran baharu dalam bidang pendidikan bahasa Melayu pada peringkat pendidikan rendah. Penganalisisan data menggunakan semantik inkuisitif telah berupaya mencorakkan gaya pemikiran yang berbeza dapat dilihat dan diperhatikan melalui pemerhatian dan maklum balas yang diberikan

oleh murid semasa dan setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa di dalam kelas. Perkembangan amat ketara berlaku pada tahap analisis yang kedua, iaitu semantik resonans apabila murid mengupayakan kemahiran kognitif dan mempraktikkan KBAT mereka untuk diselaraskan dengan pengaplikasian kerangka TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan penambahan konsep RRS (Kempson, 1986) untuk mengukuhkan lagi pemahaman terhadap ungkapan yang dijadikan sebagai data kajian. Pengkaji telah membuktikan bahawa pendekatan SI ini dapat dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sekolah rendah. Oleh itu, pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat diperkembangkan lagi dan disebarluaskan dalam bentuk seminar dan bengkel sebagai panduan kepada generasi penyelidik yang baharu serta guru-guru pendidikan bahasa Melayu. Sebagai penutup, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan pendekatan pilihan oleh guru untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran bahan seni bahasa agar lebih berkualiti dan menyeronokkan.

BIBLIOGRAFI

A Rahman, A. (2018). *Pemahaman bacaan bahan bahasa Melayu dalam kalangan remaja.* Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.

Abdul Aziz, S. H. (2009). *Bahasa Melayu II*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Ghani, M. K., & Mohamed, N. (2020). Analisis semantik inkuisitif: Simbol 'bunga' dalam pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3*(4), 036-048.

Abdul Ghani, M. K. (2020). *Analisis semiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.

Ab. Rahim, A. (2012). *Shamsiah Fakeh (1924-2008): Kajian terhadap perjuangan wanita Islam di tanah Melayu.* Universiti Malaya.

Abdul Rahman, S. (2019). *Menggapai bintang: Ibrah kisah-kisah dalam Al-Quran*. Iman Publication.

Abdul Razak, R. (2013). Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia bagi menganalisis novel bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia,. 38*(1), 53-64.

Ahamad, M., Bakar, E. W., & Juhary, J. (2022). "Kemahiran berfikir aras tinggi melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 7*(7), p. e001597. doi: 10.47405/mjssh.v7i7.1597.

Ahmed, H.Y., & Hashim, R. S. (2012). An ecocritical reading of selected poems of Muhammad Haji Salleh. *Malay Literature, 25*(1), p. 1-17.

Ali, H. M., & Rahim, N. A. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu "Bebaskan" berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development, 5*(1), 102-111.

Anis, M. A., & Esa, A. (2016). Fungsi dan peranan komunikasi berimplikatur dalam budaya masyarakat Melayu Islam. *Jurnal Pemikir Pendidikan, 7,* 101-112.

Atan, M. (2010). *Implikatur Dalam Ujaran Watak Dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.

Awang, M. M., Abdul Rahman, N. A., Mohd Amin, N., & Ahmad, A. R. (2016). Mesej perpaduan dalam buku teks bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5: Analisis terhadap peribahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *5*(1), 44-52.

Azman, N. A., Zulkifli, H., & Tamuri, A. H. (2023). Implementasi Taksonomi Bloom dalam dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) pendidikan Islam sekolah menengah: Satu analisis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 8*(50), 152-168.

A'zmi, A. A., Mustafar, F. W., Abdul Karim, A. K., & Suhaini, N. (2017). Realiti kepelbagaian kaum ke arah perpaduan nasional pasca merdeka. *Malaysian Journal of Social Science,* (2), 1-24.

Barsalou, L.W. (1987). The instability of graded structure: Implications for the nature of concepts. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition, 11*(4), 101-140.

Benson, Y., Sandai, R., Junaidi, R., & Banseng, S. (2023). Seni bahasa dalam leka pelian berdasarkan perspektif teori metafora konseptual. *Jurnal Pengajian Melayu. 34* (1). 91-106.

Biber, D. (1993). "Co-occurrence patterns among collocations: A tool for corpus-based lexical knowledge acaquisition". *Computational Linguistics*, *19*, 531-538.

Buang, A. (2013). *Menatar kebijaksanaan geografi kehidupan. Persidangan Pelestarian Pemikiran dalam Pendidikan Geografi dan Sejarah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che Man & Jalaluddin, N. H. (2018). Unsur burung dalam pantun: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana, 2*(1), 1- 15.

Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah

rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6*(2), 10-22.

Daud, H., Mohamad Yusub, A. A., & Talib, I. (2020). *Bahasa Melayu sekolah kebangsaan Tahun 5* . Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daud, M. Z. (2018). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, *1*(4), 1-20.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia, 2*(1), 37 – 62.

De Bono, E. (1992). *Six thingking hats for schools.* Hawker Brownlow Pty Ltd.

Ensiring, J. & Saleh, R. M. (2009). *Jaku' dalam*. Tun Jugah Foundation.

Firth, J. R. (1935). *'The technique of semantics'*. Transactions of the Philological Society 1935. 36-72.

Gutierrez, K. (2000). Teaching and learning in the 21st century. *English Education, 32*(4), 290-298.

Halim, A. (2010). *Konsep estetika bersepadu: Terapan dan analisis terhadap karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hamid, Z. (2006). Penyediaan bahan pengajaran bahasa Melayu yang bermutu : penerapan teori linguistik. *Jurnal Melayu, 2*, 101-113. ISSN 1675-7513.

Hamzah, A. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6*(1), 1-10

Hamzah, S. R., Suandi, T., & Hamzah, A. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training, 1*(2), 1-10.

Hamzah, R., Daud, H., & Hamidan, A. (2019). *Bahasa Melayu sekolah kebangsaan tahun 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamzah, Z. A. Z., & Mat Hassan, A. F. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai.* Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Harahap, D. (1994). *Binaan Makna*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim, N. H. (2006). *Kajian pemikiran dan amalan refleksi di kalangan guru pelatih Sains Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.

Idid, S. A. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak, M. K. A., & Wan Mohammad, W. M. R. (2021). Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa Melayu tahap 1 sekolah rendah analisis pragmatik. *Asian People Journal*, *4*(1), 148-168.

Ismail, H. N. (2019). *Interpretasi nilai murni berdasarkan peribahasa Melayu dalam novel-novel pilihan*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.

Ja'apar, F. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian.* Universiti Tun Hussein Onn.

Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2007). *Pendahuluan: Linguistik, teori dan aplikasi, dlm Nor Hashimah et.al, Linguistik: Teori dan aplikasi.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jalaluddin, N. H., Kasdan, J., & Ahmad, Z. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *GEMA: Online Journal of Language Studies, 10* (3), 67-87.

Jalaluddin, N. H., & Nopiah, J. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*. *11*(1), 63-82.

Jalaluddin, N. H., & Syah, A. H. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online,* (2), 57-72.

Jantan, R. (2013). Faedah bermain dalam kalangan kanak-kanak (4-6 tahun). Trend dan isu pengajaran dan pembelajaran. *Penerbit UPSI*, *1*(2), 59-69.

Jasmi, K.A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal Of Islamic and Arabic Education, 3*(1), 59-74.

Jeffrey, R. D., & Subet, M. F. (2018). Unsur alam dalam peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu analisis semantik inkiusitif. *Trends in Undergraduate Research, 1*(1), f10-15.

Jumingan, M. F. (2003). *Penterjemahan bahasa figuratif Arab Melayu: Satu analisis teori relevans*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarudin, S. A., Sujud, A., Abdul Rani, M. A., & Kamarudin, K. (2019). Elements of cultures of other races as national identity and unifying of Malaysians in Dewan Bahasa dan Pustaka's selected poems. *Malay Literature, 32*(2), 257-278.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Perdana. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini, R. A., & Ali, A. H. (2021a). Unsur sastera Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah melahirkan murid berfikiran kritis. *Jurnal Dunia Pendidikan,* 540-550.

Kartini, R. A., & Ali, A. H. (2021b). Implikasi elemen sastera Melayu terhadap perkembangan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(4), 116-126.

Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Wan Ismail, W. N. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *4*(1), 31-41.

Kaur, B., & Subet, M. F. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research, 2* (1), 1-7.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (n.d.). Proses kelahiran. Myhealth Portal. http://www.myhealth.gov.my/proses-kelahiran/

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum standard prasekolah kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21*. Institut Aminuddin Baki.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Sejarah tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kempson, R. (1986). *"Ambiguity and the Semantics-Pragmatics Distinction" dlm. Travis, C (ed.). Meaning and iInterpretation*. Blackwell.

Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2018). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa, Sastera dan Pengajarannya*, *8* (1). 29-43.

Koh, B. B. (1994). *Pengajaran sastera dalam pendidikan bahasa Melayu.* Penerbitan Fajar Bakti.

Kusmanto, H. (2019). Konseptualisasi metafora wacana politik: studi semantik kognitif. *Jurnal Pendidikan Nilai dan Pembangunan Karakter,* (2). 27-41.

Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphor we live by*. The University of Chicago Press.

Lehrer, A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure*. North Holland Publishing Company.

Leech, G. (1974). *Semantics*: Penguin Books Ltd.

Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif.* Universiti Putra Malaysia Press.

Lin, A. H., Daud, H., & Abu Bakar, H. H. (2021). *Bahasa Melayu tahun 6 sekolah kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lyons, J. (1994). *Bahasa dan Linguistik: Suatu Pengenalan*. Terj. Ramli Salleh & Toh Kim Hoi. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mad Daud, M., Hamid, Z., Sudirman, N., & Zakaria, N. Z. (2017). Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Social Sciences and Humanities, 12*(3), 475-486.

Malang, B. U. (2019). Metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia. Kajian semantik kognitif. *Jurnal Belajar Bahasa, 4*(1), 68-81.

Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall.

Mat Piah, H. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

McEnery, T., Xiao. R., & Tono, Y. (2006). *Corpus-based language studies: An advanced resource book*. Routledge.

Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2018). Inovasi pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan semantik inkuisitif. *Multi-Disciplinary Research Journal*, *3*(3), 30-42.

Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *16* (2), 227-253.

Md Nasir, M. R., (2019). *Semantik inkuisitif dan penggabungjalinannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa Melayu*. Masters thesis, Universiti Malaysia Sarawak.

Merriam, Sharan. B. (2002). *Qualitative research in practice: Example for discussion and analysis*. Jossey-Bass.

Mohaidin, B. M. (2000). *Puisi-puisi Dharma Wijaya 1960-1990: Satu Pendekatan Stilistik.* Universiti Putra Malaysia.

Mohamad, A. (2009). *Analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel komponen sastera dalam pendidikan bahasa Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohamad Hanapi, M. H., & Zakaria, N. (2019). Pemikiran aras tinggi (KBAT) melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Modern Education, 1*(1), 28-38.

Mohamad Zan, U. M. S., Mohd Nor, M., Wan Shahar, W. S. S., & Wan Hassin, W. S. (2016). Indeks kesejahteraan hidup dalam masyarakat kepelbagaian: Kajian dalam kalangan pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah (3rd ICoMM)*

Mohd Yusof, M. F. H., Baharum, H., & Hamzah, N. (2023). Permainan "E-Teka Silang Kata" dalam meningkatkan perkembangan murid dalam pembelajaran gaya bahasa sajak antologi Kubentang Sehelai Peta. *Jurnal Asian Pendidikan, 3*(2), 9-15. https://doi.org/10.53797/aspen.v3i2.2.2023

Mohd Ali, H., & Abd Rahim, N. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu "Bebaskan" berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development, 5*(1), 102-111.

Murthy, T., & Subet, M. F. (2018). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Satu kajian semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa, 7*(1).

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019). Cerminan pemakanan sihat dalam Bahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Jurnal Sains Sosial dan Humaniora, 3*(2), 117-129.

Mustafa, M. S., & Ahmad, R. (2005). *Pendekatan temu bual sebagai metod kajian kes. Suatu persepsi di kalangan pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.* Conference: 3rd International Qualitative Research Convention 2005.

Nasta'in, A. (2019). *Analisis intertekstual kumpulan puisi perahu kertas karya Sapardi Djoko Damono dengan kumpulan puisi perbincangan terakhir dengan tuan guru karya Tjahjono Widarmanto hubungannya dengan pembelajaran bahasa Indonesia di SMA*. Tesis Sarjana. IKIP PGRI Bojonegoro.

Nathesan, S. (1995). *Laras bahasa ilmiah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nathesan, S. (2003). *Teori Semantik dan kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal. Jurnal Bahasa*, *1*(1), 108-135.

Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, K. (2017). Refleksi dualisme 'durian-timun' dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik, 21*(2), 1–14.

Nopiah, J., & Nasrong, N. M. M. (2020). Makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa, 20*(2), 203-230.

Nur Zainol, A., & Mydin Kutty, F. (2023). Perkembangan sosio emosi melalui pembelajaran koperatif di peringkat sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 5*(2), 202-215.

Omar, M. (2017). *Astronomi dan astrofotografi edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman, K., Abdul Ghani, M. Z., Mohamad, A. D., & Mokhtar, A. I. (2020). Keindahan gaya bahasa simile dalam Hadis Ashrat Al-Sa'ah. *Jurnal al-Turath, 5*(1).

Palmer, F. R. (1992). *Semantik*. Dewan Bahasa dan Pustaka (Penterjemah: Prof.Abdullah Hassan).

Radzi, H., & Ibrahim, K. (2010). Penguasaan bahasa Melayu dan KOMSAS daripada perspektif guru dan murid. *Jurnal Linguistik, Jilid 10*. 96 -117.

Ragavan, R., & Salleh, C. I. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Aspek sosial. *Journal of Business and Social Development, 3*(1), 66-75.

Sa'ari, C. Z., & Mohd Akib, M. M. (2018). Konsep jiwa menurut Al-Razi: Tumpuan terhadap perihal jiwa setelah berpisah daripada jasad. *Online Journal Research In Islamic Studies, 5*(1), 33-47.

Sabirin, A. (1981). *Mengenai Puisi.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh, M. (2000). *Puitika sastera Melayu.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, *3*(1), 45-63.

Sameon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel KOMSAS "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevans. *Asian People Journal*, *3*(1), 84-100

Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech.* Harcount Brace Jovanovich Publishers.

Shaari, R. (2001). *Bimbingan istilah sastera.* Utusan Publication.

Sperber, D. & Wilson, D. (1995) *Postface to the second edition of relevance: Communication and Cognition.* Blackwell.

Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell.

Subet, F. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi : satu analisis teori relevans*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subet, F. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa, 15*(1), 113-142.

Subet, F. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa, 18*(1), 159-188.

Subet, F. (2019). *Pengajaran-pembelajaran gaya bahasa: Aplikasi teori relevans.* Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).

Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu, 15*(2), 145-159.

Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Saludin, M. R. (2016). Estetika lagu-lagu Melayu popular (ELMP): Satu analisis terhadap seni kata lagu. *International Journal of Malay Letters, 4*, 97-126.

Suparlan (2019). Teori Konstruktivisme dalam pembelajaran. *Jurnal Ilmu Pendidikan, 1* (2), 79-88.

Surtantini. (2015). Pembelajaran seni bahasa dalam konteks lintas kurikulum melalui drama. *Jurnal Kajian Seni*, *2*(1), 68-77.

Szabo, Z., & Brakas, N. (2020). Children's ability to recognize implicit and explicit reasoning of story book characters. *Journal of Psychological and Educational Research, 28* (1), 24-44.

Tang, M. N. H., Mohd Rusli, N. F., Masa, N. S., & Jobar, N. A. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik, 25*(1), 001-020.

Tajuddin, Z., & Saruddin, A. (2018). Metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu berdasarkan teori relevans dan rangka rujuk silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3*(16), 01-17.

Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: an introduction to pragmatics*. Longman.

Ullmann, S. (1962). *Semantics: An introduction to the science of meanings*. Basil Blackwell.

Waluyo, H. J. (1994). *Penelitian Pendidikan bahasa dan sastra.* Sebelas Maret University Press.

Wan Ismail, W. A. F., Syed Husin, S. N. M., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., & Alias, M. A. A. (2022). Konsep perkahwinan menurut perspektif fiqh dan undang-undang Islam di Malaysia. *The 8th International Prophetic Conference.*

Wan Mansor, N. A., & Jalaluddin, N. H. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu, 2*(1), 101-116.

Wan Zawawi. (2017, Mac 14). Demi sesuap nasi. https://wanzawawi.net/2017/03/demi-sesuap-nasi/

Wilson. (2019). *Cognitive Science, Pragmatics, Semantics.* Okford Research Encyclopedia.

Wong & Karim, N. S. (2015). Syair Siti Sianah: Beberapa ciri kepenyairan Raja Ali Haji dari perspektif bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 3* (1).

Wong, K. K. (2013). *Perkembangan kanak-kanak.* Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Wong, S. H., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu "Mati Hidup Semula": Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa, 19*(2), 231-258.

Wong, S. H. (2013). Keharmonian kaum dalam ucapan Tunku Abdul Rahman: analisis teori relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL, 11,* 1-17.

Yayasan Ar-Raudhah. (2014, November 24). YayasanArRaudhah/posts/apa-itu-rezeki-maksud-rezeki-rezeki-bermaksud-sesuatu-yang-dianugerahkan-oleh al/348942885278323/facebook. https://www.facebook.com/

Yusof, M. (2001). *Penyelidikan kualitatif : Pengalaman kerja lapangan kajian.* Penerbitan Universiti Malaya.

Zaini, M. F., & and Jalaluddin, N. H. (2019). Struktur seni bina Melayu "Tangga" dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 12*(1), 1 - 26.

Zakaria, E. (2003). *Kesan pembelajaran koperatif ke atas pelajar-pelajar dalam kelas matematik matrikulasi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakaria, N., Jamian, A. R., & Mohamad, A. (2023). Analisis teori relevans: Perwatakan, nilai dan pengajaran dalam novel Jalan Ke Puncak Karya Juri Durabi*". Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(4), p. e002258. doi: 10.47405/mjssh.v8i4.22

Zakaria, S., & Jalaluddin N. H. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *Gema: Online Journal of Language Studies, 16*(3), 187-204.

APENDIKS

Lampiran 1

Borang Analisis Semantik Skrip

Bil	Perkataan	Makna
1.		
2.		

Lampiran 2

Borang Analisis Relevan

Baris sajak : _____		
Kod	Inferens	Andaian

Lampiran 3

Borang Pemerhatian

Item	Ya	Tidak
1. Responden mempunyai kesungguhan untuk memahami makna sajak.		
2. Responden memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran sajak.		
3. Responden menunjukkan reaksi positif yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif berkaitan isi pelajaran.		
4. Responden berkomunikasi dan berkolaborasi dengan rakan-rakan dan guru semasa sesi pembelajaran sajak berlangsung.		
5. Responden mula berminat untuk melaksanakan aktiviti penerokaan makna dalam sajak secara berperingkat.		
6. Responden membuat keputusan/menyelesaikan masalah berkaitan aktiviti pembelajaran.		
7. Responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan responden/isu lokal/global.		
8. Respondens menunjukkan kepuasan dalam memahami makna sajak melalui pendekatan baharu yang dipelajari.		

Lampiran 4a

Borang Maklum Balas Responden

Nama :_____

Kelas : _____

Arahan : Jelaskan perasaan kamu setelah kamu mengikuti pembelajaran sajak

_____(Tajuk Sajak)_____

Ungkapan 1:_____

Perasaan saya :

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

Lampiran 4b

Ungkapan 2:_____

Perasaan saya :

Lampiran 5 : Penerbitan

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Merungkai makna sajak “Istimewanya Kita”: Pengaplikasian semantik inkuisitif dalam kalangan murid tahun 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM, 11*(2), 68-79.

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 12*(2), 55-66.

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2022). Empowering high order thinking skills (HOTS) in dismantling the meaning behind the language art materials: An inquisitive semantic approach. *Asian People Journal, 5*(1), 101-113.

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2022). Penerapan pendekatan semantik inkuisitif dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 12*(2), 18-27.

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2022). Meneroka makna ungkapan dalam bahan seni bahasa tahun lima: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM, 12*(1), 09-18.

Bujang, G. R., & Subet, M. F.(2022). Pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa: Aplikasi semantik inkuisitif dan teori relevans. *Practitioner Research, 3, July*, 172-196.

Lampiran 6 : Pembentangan Persidangan Antarabangsa

1. Pembentangan kertas kerja bertajuk “Aplikasi Rangka Rujuk Silang Dan Semantik Inkuisitif Dalam Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa” di *3rd International Conference on Language Studies* 2021 anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS.



2. Pembentangan kertas kerja bertajuk “Penggabungjalinan Pendekatan Semantik Inkuisitif Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa” di Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu PABM-VII 2021 anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI.



3. Pembentangan kertas kerja bertajuk “Penerokaan Makna Dalam Bahan Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif” di Seminar Antarabangsa Linguistik Dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-11 (SALPBM – XI) anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM pada 29-30 Mac 2022.



FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
FACULTY OF MODERN LANGUAGES AND COMMUNICATION

SIJIL PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada

George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet

yang telah membentangkan kertas kerja dalam
SEMINAR ANTARABANGSA LINGUISTIK DAN PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU KE-11 (SALPBM XI)
anjuran bersama
JABATAN BAHASA MELAYU, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI, UPM
dan
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
pada
29-30 MAC 2022

YH. PROF. DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN
NAIB CANSELOR UPM

YBHG. DATUK HAJI ABANG SALLEHUDDIN ABG SHOKERAN
KETUA PENGARAH DBP

4. Pembentangan kertas kerja bertajuk “Makna Implisit Dalam Sajak ‘Janji Kepada Bumi’: Analisis Teori Relevans” di *International Conference On Malay, Arabic and English Literature 2022* (ICMAEL) anjuran Fakulty of Language and Communication, UniSZA pada 19-20 September 2022.



Certificate of PARTICIPATION

This is to certify that
GEORGE ROMIKO BUJANG
& DR. MARY FATIMAH SUBET
has successfully participated in

ICMAEL INTERNATIONAL CONFERENCE ON MALAY, ARABIC AND ENGLISH LITERATURE 2022
19 - 20 SEPTEMBER 2022 | UniSZA

as ***presenter***

Dean
Faculty of Languages and Communication
UniSZA

Vice Chancellor
UniSZA